Bil. 32

Selasa
26 Jun 2012

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE
DALAM MESYUARAT (Halaman 18)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012
Jawatankuasa:
Jadual:
Maksud B. 30 (Halaman 19)
Maksud B. 31 (Halaman 22)
Maksud B. 41 (Halaman 38)
Maksud B. 42 (Halaman 92)
Maksud B. 46 (Halaman 99)
Maksud B. 60 (Halaman 110)
Maksud B. 62 (Halaman 127)

USUL-USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 18)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 123)

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 155)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:
■ Kesengsaraan Pekerja Kontrak
– *Y.B. Dr. M. Jeyakumar Deveraj (Sungai Siput)* (Halaman 156)

■ Dakwaan Penjualan Dokumen Sulit Pertahanan Negara
– *Y.B. Puan Nurul Izah Anwar (Lembah Pantai)* (Halaman 157)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.

2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB

3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO

3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*

4. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO

5. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO

6. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

7. " Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO

8. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO

9. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

10. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO

11. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

12. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO

13. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS

14. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB

15. " Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

16. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

18. " Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO

19. " Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA

20. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

21. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC

22. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

23. " Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

24. " Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

25. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*

26. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO

27. " Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*

28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*

29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*

30. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M., S.S.A.P (Alor Setar) – MCA

31. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

2. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

3. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

4. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

5. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

10. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

11. " Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M., D.S.A.P (Sungai Besar) – UMNO

12. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

13. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA

14. " Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

15. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB

16. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

17. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

18. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

19. " Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

20. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

21. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

23. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO

24. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*

25. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO

26. " Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO

27. " Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*

28. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. – *Senator*

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

30. " Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

31. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO

33. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

34. " Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

35. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB

36. " Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*

37. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*

38. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*

39. " Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP

40. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS

2. " Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO

3. " Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO

4. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO

5. " Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO

6. " Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO

7. " Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO

8. " Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB

9. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO

10. " Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO

11. " Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB

12. " Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

13. " Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO

14. " Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO

15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. " Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS

17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO

18. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP

19. " Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA

20. " Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO

21. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO

22. " Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB

23. " Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB

24. " Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO

25. " Dato' Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO

26. " Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO

27. " Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO

28. " Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO

29. " Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS

30. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO

31. " Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC

32. " Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO

33. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN

34. " Dato' Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO

35. " Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS

36. " Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO

37. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS

38. " Datuk Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO

39. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO

40. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO

41. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO

42. " Dato' Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO

43. " Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO

44. " Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO

45. " Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO

46. Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. " Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. " Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. " Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. " Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. " Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. " Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. " Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. " Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. " Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. " Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. " Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. " Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. " Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. " Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. " Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. " Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. " Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. " Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. " Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. " Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. " Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. " Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. " Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA

75. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing,S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. " Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. " Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. " Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. " Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. " Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. " Dato' Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. " Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. " Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. " Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. " Dato' Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. " Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. " Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

8. Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. " Tuan John Fernandez (Seremban)
12. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. " Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. " Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. " Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. " Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. " Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. " Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. " Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. " Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. " Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)

13. Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. " Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. " Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. " Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. " Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. " Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. " Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. " Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI-AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. " Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. " Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
5. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. " Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. " Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. " Dato' Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

Kosong

1. - Tiada - (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 26 Jun 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat*]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

(a) apakah cadangan atau langkah positif Kerajaan Persekutuan dalam usaha menerokai kawasan-kawasan baru untuk penanaman komoditi seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan sekali gus mengutamakan penyertaan rakyat dalam memperbaiki tahap kecapaian ekonomi mereka; dan

(b) langkah konkrit untuk memastikan rakyat menikmati pendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada FELDA, FELCRA, dan RISDA yang terlibat secara langsung dalam penerokaan kawasan baru untuk penanaman komoditi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menggerakkan Projek Agropolitan di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB).

Program ini merupakan satu program bersepadu dan komprehensif yang mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu menghapuskan kemiskinan luar bandar melalui peningkatan pendapatan dan mengeluarkan mereka terus daripada garis kemiskinan di samping pembangunan di kawasan mundur, terpencil, dan terbiar dapat dipercepatkan.

Antara tujuan dan juga penyampaian yang kita harapkan dari program ini ialah mengeluarkan peserta daripada garis kemiskinan; meningkatkan purata pendapatan peserta dari RM300 kepada RM1,800 sebulan dengan melibatkan peserta secara aktif di ladang; mewujudkan ekonomi mapan dan terancang; dan meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti, ameniti, dan kemudahan sosial.

Terdapat tiga komponen utama agropolitan iaitu komponen fizikal, ekonomi, dan modal insan. Dari segi komponen fizikal, kita menyediakan infrastruktur asas seperti jalan raya, air, dan elektrik, dan kemudahan ameniti sosial iaitu surau, taska, dewan, gerai, dan sebagainya. Untuk komponen ekonomi, kita memberi tumpuan kepada pembangunan ladang sejahtera dengan tanaman komoditi seperti getah dan sawit di mana peserta agropolitan akan berpeluang untuk bekerja di Ladang Sejahtera dan akan mendapat agihan dividen hasil daripada Ladang Sejahtera tersebut, manakala ladang komersial bagi tanaman jangka pendek ataupun *cash crop.* Untuk komponen modal insan, kita bangunkan peserta melalui kursus dan latihan kemahiran, keusahawanan, dan kraftangan.

Setakat ini terdapat 11 projek agropolitan yang sedang dalam pelaksanaan di seluruh negara dengan keluasan 12,141 hektar dan memberi manfaat kepada lebih kurang 3,470 keluarga ataupun ketua isi rumah miskin tegar. Projek ini dijangka boleh melonjakkan pendapatan peserta dari RM300 kepada RM2,500 sebulan dengan penglibatan peserta secara aktif di ladang dan melalui agihan dividen kepada peserta. Harus diingat juga, selain daripada dividen ini dan juga pendapatan yang mereka dapat dari menoreh getah misalnya, mereka juga kadang-kadang terlibat dalam usaha kontraktor dan sebagainya. Juga untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar, antara langkah-langkah lain yang diambil adalah seperti berikut.

Pertama, bagi FELCRA yang Ahli Yang Berhormat Kinabatangan minat tadi, bagi FELCRA, pendapatan peserta FELCRA Berhad melalui dividen misalnya tahun 2011 yang diisytiharkan berjumlah RM219 juta di mana ia telah memberi purata pendapatan kepada peserta berjumlah RM2,978 setiap hektar hasil daripada tanaman kelapa sawit, getah, dan padi, melibatkan seramai lebih kurang 98,000 peserta.

Kedua, RISDA. RISDA telah menerapkan penggunaan klon-klon baru. Ini adalah semua usaha untuk meningkatkan ataupun untuk melonjakkan pendapatan peserta di luar bandar. RISDA telah menerapkan kegunaan klon-klon baru yang bermutu dan berpenghasilan tinggi kepada pekebun kecil. Antara klon-klon yang disyorkan adalah dari kumpulan siri 2,000 yang bakal mengeluarkan hasil dengan purata melebihi RM1,105 sekeluarga sebulan. Ini untuk penoreh getah sahaja. Selain itu, Amalan Ekonomi Tambahan ataupun AET dapat menyumbangkan antara RM800 ke RM1,200 dan selain dari itu juga penglibatan mereka dalam keusahawanan sampailah ke RM1,200.

■1010

Peneroka FELDA pula dijangka memperoleh pendapatan sebanyak RM3,200 sebulan seisi keluarga yang mana ia melibatkan 112,632 peneroka FELDA. Perlu diingatkan bukan kementerian ini sahaja berusaha untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar, yang banyak terlibat juga ialah *Ministry of Agriculture.* Kementerian itu banyak program. Misalnya kementerian itu ada Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Skim Pinjaman Transformasi Nelayan Tradisional, Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani, Program Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan, Program Pasar Nelayan, pengagihan ternakan lembu pedaging dan kambing di bawah skim teras dan jualan terus. Ini adalah sistem supaya meningkatkan pendapatan orang di luar bandar juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Panjang lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Ada tetapi saya ingat kalau Yang Berhormat Kinabatangan mahu, saya boleh berikan dia. Ini sudah terlalu panjang jawapan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan panjang lebar. Dengar bunyinya memang hebat. Seolah-olah kita tidak ada masalah. Soalan tambahan, Yang Berhormat mungkin sedar bahawa Kinabatangan ini keluasannya besar dari negeri Pahang. Kalau di sini di Semenanjung orang kata besar, Pahanglah itu tetapi Pahang saiznya kecil sedikit daripada Kinabatangan. Justeru itu kerajaan mengesyorkan program agropolitan. Saya dalam makluman bahawa agropolitan di Kinabatangan akan diwujudkan satu atau dua tetapi sehingga hari ini, saya ternanti-nanti tidak ada juga durian yang runtuh. Bahkan saya dengar dipindahkan ke kawasan lain. Jadi apakah Yang Berhormat mempunyai alasan yang kukuh untuk meyakinkan saya bahawa program agropolitan itu akan diadakan di Kinabatangan dan bilakah?

Satu lagi iaitu pusat makanan, pun ada dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Akan tetapi tidak ada juga tanah sudah tertadah menunggu untuk datang tetapi tidak ada juga yang datang. Jadi, apakah sebenarnya fokus kementerian ke arah menyelesaikan masalah masyarakat miskin di luar bandar. Ini disebabkan hasrat kita ini untuk menuju negara maju, mempertingkatkan pendapatan rakyat Malaysia secara menyeluruh dan juga pembangunan seimbang di antara wilayah. Akan tetapi saya nampak tidak ada keseimbangan langsung wilayah satu kaya, wilayah satu lagi miskin. Apakah pandangan Yang Berhormat dan jawapan yang boleh meyakinkan saya dan rakyat saya di Kinabatangan?

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, dengan Menterinya dari Sabah dan kawan rapat Yang Berhormat dari Kinabatangan, saya yakin *[Ketawa]* pendapat-pendapat Yang Berhormat tadi akan diambil kira dengan seriusnya dan pada hari Jumaat ini akan saya bawa ke *post Cabinet meeting.* Selepas itu saya akan beri maklumat kepada Yang

Berhormat sendiri atau kemungkinan Menterinya sendiri akan berhubung dengan Yang Berhormat. Akan tetapi saya akan mengambil perhatian tentang dua projek yang kononnya dijanjikan tetapi belum lagi dilaksanakan.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, memang banyak lagi *area* agropolitan yang telah kita hendak laksanakan tetapi saya rasa mengapa tempat Yang Berhormat ini belum lagi dilaksanakan kerana ia mengikut giliran semasa kita membuat pelaksanaan dahulu. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya tidak terlalu besar berbanding dengan Kinabatangan tetapi pengundinya lima kali lebih besar dari Kinabatangan. Itu lebih mustahak, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan, dua hal. Pada asasnya saya rasa dasar dan polisi kementerian untuk menolong para peserta FELDA/FELCRA dan pengundi-pengundi di sana adalah baik dan patut digalakkan. Akan tetapi apa yang saya hendak tahu daripada proses masa *long-term, short-term* dasar agensi-agensi tersebut, adakah kerajaan telah merangkumi satu polisi untuk melabur juga di luar negara? Adakah polisi itu diguna pakai kerana kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, negara China dan sebagainya, yang mana mereka mengkhususkan melabur berjuta-juta, berbilion-bilion US Dolar di Afrika dan tempat-tempat lain. Saya khuatir kalau kita tidak berdepan dalam hal ini, kita bukan sahaja akan terlepas peluang dan juga rugi dalam proses ini kerana masa ini sekarang, *the opening of Africa has started.* Itu soalan yang nombor satu.

Nombor dua, berkaitan dengan perkara ini adalah walaupun dasar-dasarnya adalah untuk menolong para peserta di sana, tetapi saya rasa ramai di antara anak peserta yang muda-muda itu tidak ingin berada di sana, di tempat yang mana FELDA/FELCRA dan RISDA ada. Apakah yang dibuat oleh kementerian supaya bukan sahaja kita menolong masyarakat di sana tetapi khusus memberikan galakan yang lebih supaya anak-anak kita, anak muda di tempat-tempat di sana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Untuk mendapat *rid the benefit of the process?* Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, tentang melabur di luar negara, memang sudah ada langkah untuk berbuat sedemikian. Agensi seperti FELDA misalnya memang akan melabur di luar negara. Kementerian kita sendiri telah menubuhkan syarikat Synergy Perdana untuk melihat di mana ada tempat yang difikirkan ada peluang untuk melabur sama ada di dalam negeri ataupun di luar negara, kita akan buat.

Tentang anak-anak orang FELDA yang kurang berminat sekarang, secara tidak *direct*lah Yang Berhormat Ipoh Barat, mengakui bahawa program FELDA/FELCRA dan RISDA ini begitu berjaya sehinggalah anak-anak ini mampu keluar dari kawasan kampung, luar bandar. Akan tetapi untuk menarik minat mereka supaya tinggal dan berusaha mencari rezeki di luar bandar, kementerian ini juga ada program dan satu daripada dasar kita ialah untuk membandarkan luar bandar. Mudah-mudahan dengan *amenity* ataupun kemudahan-kemudahan yang semakin canggih yang semakin mantap disediakan di luar bandar, anak-anak FELDA, anak-anak FELCRA dan sebagainya nanti akan tertarik untuk tinggal di sana. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(a) berapakah bekas tentera yang tidak mendapat pencen akibat berhenti awal yang didaftarkan hingga Disember 2011; dan

(b) adakah kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan bantuan Kupon Makanan bulanan kepada mereka memandangkan pengorbanan mereka kepada negara sama seperti tentera yang mendapat pencen.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod sehingga 31 Disember tahun lalu, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) telah mencatatkan bahawa jumlah bekas tentera yang tidak berpencen adalah seramai 202,675 orang. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan sistem Kupon Makanan kepada golongan ini. Walau bagaimanapun, bagi veteran-veteran ATM yang tidak berpencen iaitu yang berkhidmat kurang dari 21 tahun, pihak kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran telah menyediakan beberapa bantuan kemudahan lain bagi membantu meringankan beban kos sara hidup. Antaranya ialah termasuk skim bantuan kebajikan dan pendidikan termasuklah bantuan sara hidup, bantuan kemasukan anak-anak ke IPTA, bantuan persekolahan, bantuan peralatan pesakit, bantuan bencana alam dan juga tuntutan bayaran balik kemudahan perubatan.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 202,000 satu jumlah yang besar Yang Berhormat Menteri. Walaupun kita perhatikan bahawa PERHEBAT memang mengadakan latihan-latihan untuk bekas-bekas tentera yang tidak berpencen ini, namun kalau kita lihat kategori-kategori yang berpencen ini ada sebab-sebab. Ada yang berhenti sebab peribadi, ada yang berhenti sebab teknikal, ada yang berhenti sebab tidak ada bimbingan yang menyeluruh. Akhirnya mereka berhenti, dan apabila mereka berhenti, askar-askar ini berhenti pada umur yang agak muda sebenarnya, *so* dia hendak *take off* itu agak susah dan agak lambat.

■1020

Sebab itu apakah kerajaan bercadang, walaupun tidak memberikan mereka pencen tetapi beri kupon untuk satu jangka masa yang munasabah, contohnya untuk lima tahun? Dia berhenti, kemudian kita bagi lima tahun *food coupon. Food coupon* ini tidak boleh tukar untuk *hand phone*kah, tidak boleh beli petrolkah, dia *just* untuk *food coupon.* Jadi dengan ini mereka dapatlah *take off.* Jadi mereka perlukan untuk *stabilize*kan, paling tidak pun *the first five years.*

Kita tahu kerajaan beri juga permit teksi kepada bekas-bekas tentera tetapi jumlahnya kecil. Apatah lagi sekarang ini permit teksi pula, teksi dapat kepada orang yang bukan bekas tentera lebih ramai dan mereka juga mendapat kupon 'roda', tetapi bekas tentera ini hendakkan permit teksi contohnya. Sebab itu kalau sekiranya kerajaan boleh memikirkan semasa sahaja mereka tamat sahaja PERHEBAT, harus ada Kelas 'F' kah, di samping itu ada kupon lima tahunkah, ini akan *stabilize*kan mereka dan apabila mereka dapat hidup secara berdiri di atas kaki sendiri untuk lima tahun, saya rasa itulah waktu yang paling penting kerana mereka masih lagi mempunyai anak-anak yang bersekolah dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Yang Berhormat Sungai Petani itu cukup baik tetapi kita melakukan yang lebih baik daripada itu sebenarnya, termasuklah mutakhir ini kita membelanjakan, dalam tempoh lima tahun mutakhir ini sebanyak RM82 juta bagi membantu 75,000 pesara tentera yang tidak berpencen untuk mendapatkan faedah-faedah yang saya sebutkan di awal jawapan tadi. Secara puratanya kita memberikan perbelanjaan sejumlah RM1,000 setahun untuk seorang pesara. Ertinya, kalau pesara itu mempunyai usia sehingga 80 tahun, ertinya mereka ada 40 tahun selepas bersara kerana persaraan untuk mereka yang tidak berpencen ini adalah terdiri daripada anggota tentera atau pegawai yang berkhidmat secara jangka pendek, ini pilihan mereka.

Kalau kita lihat apa yang telah diberikan mengikut tuntutan-tuntutan yang dibuat seperti *home guard* dan *special constable* sebanyak RM3,000 *one-off* dengan izin, ini merupakan satu rancangan yang baik, tetapi apa yang kita lakukan ini lebih baik termasuklah secara perbandingannya di Amerika Syarikat dan Australia umpamanya, yang hanya memberikan bantuan kepada pesara-pesara untuk individu tersebut, bukan kepada *extended family* dengan izin, bukan pada isterinya atau isteri-isteri dan bukan kepada anak-anaknya. Akan tetapi apa yang kita lakukan ini, bagi mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000, kita beri kepada isteri dan isteri-isteri jika lebih daripada satu berdaftar dengan JHEV serta anak-anaknya. Umpamanya untuk masuk ke IPTA, bagi yang memasuki kursus

ijazah, kita memberikan sebanyak RM1,500 dan bagi kursus diploma sebanyak RM1,000. Manakala Hospital Angkatan Tentera menyediakan wad khas untuk bekas-bekas tentera, malah di jabatan farmasi juga kita menyediakan kaunter khas untuk mereka.

Saya fikir dari segi jangka panjang, ini adalah merupakan satu rancangan yang baik dan walaupun kita prihatin bahawa ramai di kalangan mereka yang bersara awal ini berumur sekitar 40 hingga 45 tahun, tetapi melalui JHEV, Jabatan Hal Ehwal Veteran dan juga PERHEBAT, kita telah melakukan sesuatu yang terbaik untuk mereka terutamanya untuk mendapatkan kerjaya kedua dan juga memberikan latihan-latihan serta pinjaman untuk mereka menjadi usahawan. Di samping itu, kita juga melakukan pemantauan dan tindakan susulan supaya mereka boleh terus menjadi aset kepada negara dan saya fikir langkah itu adalah lebih baik daripada hanya memberikan kupon selama lima tahun.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah dapat memberikan penerangan yang cukup jelaslah. Walau bagaimanapun, profesion ketenteraan ini adalah satu daripada cabang kerjaya yang memerlukan ketahanan mental dan juga fizikal. Pengorbanan ini bukan sahaja kepada tentera bahkan kepada isteri, kepada anak-anak dan kepada ibu dan bapa yang terpaksa menerima hakikat mereka kemungkinan akan kehilangan orang yang dikasihi ataupun mereka akan menghadapi kecederaan yang kekal. Latihan yang intensif dan juga mengikut kepakaran pada bidang masing-masing supaya mereka benar-benar menjadi *professional soldier* yang bakal menghadapi apa juga ancaman kepada negara.

Akan tetapi apa yang terjadi pada ketika ini, disiplin bukan sahaja satu daripada cabang keperluan tetapi tentera-tentera ini telah pun diberikan pendedahan tentang peraturan-peraturan tetap ketenteraan semasa memasuki perkhidmatan. Mereka faham bahawa mereka mestilah berkhidmat sampai kepada tahap berpencen barulah membolehkan mereka berpencen. Kalau mereka berhenti dengan kerelaan sendiri, mereka juga faham dan mereka tidak berhak menerima pencen tetapi akan berhak menerima apa juga keistimewaan-keistimewaan yang telah ditetapkan dalam veteran.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri. Kita telah pun meluluskan Rang Undang-undang Veteran baru-baru ini. Kalau boleh Rang Undang-undang Veteran ini boleh memurnikan apa juga masalah-masalah dan juga keistimewaan-keistimewaan kepada bekas-bekas tentera ini, kerana saya bimbang sekarang ada tangan-tangan kotor yang mengambil bahagian menggunakan bekas-bekas tentera kita ini untuk konon menekan kerajaan, bahkan mereka mendapat semua keistimewaan hanyalah mereka tidak mendapat pencen sahaja... *[Disampuk]*

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri... *[Dewan riuh]* Tengok, apabila saya cakap tangan-tangan kotor, semua sudah bising. Ada tangan-tangan kotor. Saya hendak tanya Menteri itulah. Jadi soalan saya Menteri, sebelum mereka ini berhenti, tiap-tiap pasukan adakah ditubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa pemantau supaya mereka diberikan kaunseling, diberikan pendedahan, penerangan tentang apakah risiko yang akan mereka hadapi apabila mereka bersara awal? Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan *one-off payment* berdasarkan kepada *year of service* bagi mengenang jasa mereka dan pengorbanan bukan sahaja tentera tadi tetapi keluarga mereka? Itu sahaja Menteri.

Seorang Ahli: Itu barulah soalan. Tangan kotor...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, tangan kotor telah berbunyi di Dewan ini. Ini contoh pesara tentera yang terbaiklah kerana Yang Berhormat Jasin merupakan pesara tentera yang tidak berpencen tetapi saya mengucapkan tahniah kerana prihatin.

Saya ingin menyebutkan bahawa *profiling* untuk bakal-bakal pesara telah mula dilakukan tiga tahun sebelum mereka bersara. Kita mahu tahu adakah bidang yang mereka ceburi itu boleh dilanjutkan perkhidmatannya dalam bentuk keterampilan apabila mereka telah tamat perkhidmatan atau adakah bidang-bidang lain yang mahu mereka ceburi. Dalam tempoh tiga tahun itu, beberapa kursus dan latihan yang akan diberikan kepada mereka dan mereka akan disalurkan untuk kerjaya kedua ataupun usaha-usaha menjadi usahawan sebagaimana yang saya sebutkan.

Dalam hal ini, pada hemat saya *one-off payment* dengan izin, adalah sesuatu yang berbentuk kesementaraan, tetapi yang penting ialah apabila satu skema dapat diwujudkan agar mereka dapat memberikan perkhidmatan kepada keluarga mereka dengan selesa. Oleh

yang demikian, apa yang dilakukan oleh PERHEBAT dan bantuan-bantuan yang dilakukan oleh JHEV merupakan di antara elemen-elemen yang harus difikirkan bersama oleh kita sama ada di sebelah sini ataupun di sebelah sana supaya jangan menggunakan kesempatan di waktu hampir pilihan raya ini untuk mencucuk mereka itu supaya tidak berpuas hati sedangkan apa yang kita telah lakukan itu, *insya-Allah* yang terbaik... *[Disampuk]* Dan jangan jadi tangan-tangan kotor. Terima kasih.

3. Tuan Haji Mohd Nor Othman [Hulu Terengganu] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, jumlah koperasi yang berdaftar di negara ini dan nyatakan bilangan koperasi yang aktif serta nyatakan bilangan koperasi yang memberikan dividen kepada ahli bagi tahun 2011.

■1030

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan koperasi yang berdaftar di negara ini sehingga 30 Mei 2012 ialah sebanyak 9,516 buah koperasi. Bilangan koperasi yang aktif adalah sebanyak 92% iaitu 8,385 buah. Bagi tahun 2011 bilangan koperasi yang memberi dividen ialah sebanyak 498 buah koperasi dan ini adalah kerana akaun bagi tahun 2011 belum lagi diaudit dan jumlah koperasi yang memberi dividen akan meningkat selepas akaun diaudit selalunya selepas bulan Julai. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pergerakan koperasi di negara kita yang telah bermula sejak tahun 1922. Sehingga hari ini telah dikatakan mempunyai syer sebanyak RM10.49 bilion dengan asetnya berjumlah RM92.8 bilion. Kerajaan mengharapkan supaya sektor koperasi akan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 5% mulai tahun 2013 dan menjadi 10% pada tahun 2020.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa urus tadbir koperasi dijalankan dengan baik, cekap supaya keseluruhan koperasi dapat memberi dividen kepada ahli-ahlinya dan jauh sama sekali daripada koperasi mengalami kerugian dan seterusnya terpaksa ditutup?

Kita juga mengharapkan bahawa koperasi-koperasi ini dengan ditadbir urus yang baik boleh menjadi satu sektor perdagangan yang bukan sahaja boleh bersaing dengan pihak swasta tetapi boleh menceburkan diri dalam perniagaan bukan sahaja dalam negara malah sampai ke luar negara.

Kemudian yang keduanya Yang Berhormat Menteri saya dengar-dengar khabar hak monopoli yang dimiliki oleh Angkasa untuk menjadi agen mengutip bayaran pinjaman sudah diintai dan diminta oleh pihak-pihak lain terutamanya pihak bank, bagaimanakah kedudukannya sekarang? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Ini macam untuk kita mengadakan satu perbahasan rang undang-undang. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat segala fakta yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memanglah betul. Oleh sebab itulah kita sudah mengadakan satu dasar pembangunan koperasi untuk supaya mereka ini dapat kita susunkan hala tuju supaya mereka menceburi di dalam bidang-bidang urus niaga yang terbaik untuk koperasi-koperasi tersebut di mana betul apa Yang Berhormat katakan bukannya kita menjurus kepada hanya kuantiti tetapi sebenarnya kita juga hendak melihatkan supaya koperasi-koperasi ini adalah kebanyakannya adalah koperasi yang berjaya.

Insya-Allah kalau koperasi ini berjaya juga akan dapat tercapailah di dalam hasrat kita untuk menyumbang kepada KDNK negara iaitu untuk tahun akan datang iaitu tahun 2013 sebanyak 5% dan menjelang tahun 2020 iaitu 10%. Jadi memang langkah-langkah telah

diambil dan beberapa seminar dan juga konvensyen telah diadakan untuk sama-sama menjuruskan satu hala tuju yang terbaik untuk supaya koperasi-koperasi yang sembilan ribu lebih koperasi ini diunjurkan supaya dapat mengadakan satu rangka niaga yang dapat memberi keuntungan dan boleh juga memberi dividen yang baik kepada ahli-ahli mereka.

Oleh sebab itu Yang Berhormat dari segi kalau hendak membukakan koperasi, kalau selalunya memang ahli-ahli, kalau hendak memasuki mana-mana koperasi memang satu daripada tanda yang mereka lihat adalah kepada pembayaran dividen. Setakat ini koperasi yang dapat membayar dividen yang terbesar adalah Bank Rakyat iaitu 20%.

Setakat ini saya rasa rekod Bank Rakyat itu masih kekal sebagai yang terbesar dan saya rasa semalam Koperasi Tentera telah mengumumkan dividen 14% juga satu daripada yang memberi pulangan yang terbaik. Jadi memang betul Yang Berhormat hasrat kita bukan sahaja dalam negara koperasi ini tetapi juga ke luar negara.

Satu istimewanya mengenai koperasi ini ianya boleh berbuat apa sahaja urus niaga yang halal oleh undang-undang. Jadi oleh yang demikian faktor dari segi menentukan pembayaran dividen adalah iaitu:

(i) perniagaan yang kukuh dan yang menguntungkan;

(ii) pengurusan yang baik;

(iii) keputusan yang terbaik oleh Ahli Lembaga Koperasi; dan

(iv) kesetiaan ahli-ahli itu kepada koperasi.

Oleh sebab itu kadang-kadang kita dapati bahawa dalam masa hendak menggunakan kredit, kalau koperasi itu koperasi kredit di situlah ramai ahli yang akan datang untuk memohon kredit. Akan tetapi dari segi untuk berurusan dan membantu khasnya kadang-kadang ada koperasi-koperasi kedai runcit dan sebagainya, kita selalu menegur supaya ahli-ahli janganlah membeli di kedai lain tetapi belilah di kedai koperasi sendiri. Ini sebab yang kita tekankan dari segi kesetiaan. Jadi terima kasih Yang Berhormat sebab telah membawakan hal ini.

Oleh yang demikian kita telah mengadakan satu konvensyen baru-baru ini di antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Angkasa dan juga pihak Maktab Koperasi Malaysia supaya dapat kita mengadakan satu sinergi yang lebih mantap supaya kita dapat menjuruskan kepada semua Yang Berhormat katakan tadi.

Mengenai monopoli Yang Berhormat, memang seperti Yang Berhormat katakanlah dulunya ada eksklusiflah, kira eksklusif kepada Angkasa iaitu untuk mengutip bayaran dari segi transaksi dan sebagainya. Memang sekarang ini Yang Berhormat kita masih menunggu keputusan dari Bank Negara, terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak nafikan penerangan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi tentang hasrat kerajaan untuk melihat koperasi sebagai antara penyumbang kepada pendapatan negara terutamanya. Ini dibawa dalam beberapa pelan yang telah disebutkan dan Timbalan Menteri juga tahu yang kebanyakan koperasi dilayan begitu istimewa dengan disediakan geran dan sebagainya.

Ada di kalangan mereka tidak perlu membayar langsung. Geran diberi secara percuma atas dasar transformasi koperasi ataupun sektor koperasi yang menjadi antara agenda yang paling penting dalam kementerian Yang Berhormat. Akan tetapi saya hendak tanya atas agenda ini, setakat ini selepas kementerian ini ditubuhkan diperbaharui namanya, kita lihat sumbangan koperasi sebanyak 9,000, yang aktif sebanyak 8,300, yang bayar dividen setakat ini 498 buah koperasi sahaja dan yang paling agak mengecewakan sumbangan koperasi-koperasi di Malaysia terhadap hasil negara iaitu cukai koperasi amat mengejutkanlah Timbalan Menteri.

Dijangka tahun 2011 dianggarkan kita boleh kutip cukai daripada cukai koperasi berjumlah RM490 juta. Akan tetapi apabila disemak sebenarnya jatuh kepada RM290 juta sahaja. Hampir separuh 50% jatuh daripada anggaran ataupun hasrat kita untuk mendapatkan hasil daripada aktiviti-aktiviti koperasi.

Saya hendak tanya lanjutan daripada ini, berapakah bilangan koperasi yang disiasat ataupun yang benar-benar dilihat? Kenapa perkara ataupun jangkauan begini jatuh atau lari begitu besar 100%? Maknanya dianggarkan 400 lebih yang dapat ada hasilnya boleh dipungut cuma 200 lebih.

■1040

Ini adalah lencongan yang begitu besar. Saya nak tahu apa puncanya dan sekiranya masalah kerana untuk tahun 2011 masih belum diaudit sebagaimana yang Timbalan Menteri kata, sekiranya diaudit saya nak tahu berapakah jumlah agaknya yang dapat kita kutip daripada koperasi? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebab saya katakan laporan tahun 2011 itu sebab tahun kewangan koperasi ini berbeza-beza. Selalunya *peak*nya akan yang kita perhatikan selepas Julai. Akan tetapi tak apa Yang Berhormat, kita melihat kepada tahun 2010 sebab kadang-kadang dia tak juga berapa jauhlah.

Tahun 2010, bilangan koperasi yang membayar dividen adalah 981 buah dan jumlah bayaran yang dikeluarkan adalah RM290,542,037. Jadi, ini yang tahun 2010 tetapi selalunya kita memang berharap setiap tahun ada peningkatan. Terima kasih Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat, dari segi peranan kita menjaga koperasi ini memang kita mengadakan pengauditan dan kita kategorikan koperasi-koperasi yang ada dalam negara ini mengikut kluster. Jadi Yang Berhormat, kita ada empat kluster. Kluster besar adalah yang mempunyai *turnover* RM5 juta ke atas dan selalunya di dalam kluster ini ada 2%. Kluster sederhana iaitu *turnover* RM1 juta hingga RM5 juta, yang ini ada dalam lingkungan 6% hingga 7%. Lepas itu, kita ada kluster kecil iaitu yang mempunyai *turnover* RM200,000 hingga RM1 juta dan kluster yang paling kecil iaitu mikro, mempunyai *turnover* kurang daripada RM200,000.

Observation Yang Berhormat betul dan saya rasa *observation* ramailah. Kluster kecil dan mikro ini, sinilah kelompok yang terbanyak iaitu 92%. Jadi oleh demikian Yang Berhormat, memang Yang Berhormat Menteri pun membuat teguran dan mungkin sebab itu saya katakan tadi kita telah mengadakan satu konvensyen untuk sama-sama kita menangani apa sebenarnya masalah. Akan tetapi satulah Yang Berhormat, kadang-kadang dia sampai ke akar umbinya iaitu kedapatan juga bahawa ahli-ahli kadang-kadang mereka juga tidak sangat memahami apakah peranan mereka. Kadang-kadang mereka memikirkan setakat saham. Saham pertama pula itu. Tak pernah bertambah lagi saham, itu sudah mencukupi. Jadi Yang Berhormat *insya-Allah,* kita akan mengadakan banyak lagi ruang-ruang untuk memperbaiki keadaan tersebut sebab kita – macam Yang Berhormat katakan, mereka inilah yang akan menjadi penyumbang kepada cukai negara dan ini boleh menambahkan kepada pendapatan negara. *Insya-Allah* Yang Berhormat, terima kasih di atas teguran dan juga cadangan yang telah dibawa tadi. Terima kasih.

4. **Tuan M. Manogaran [Telok Intan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) adakah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mempunyai satu polisi bagi mengeluarkan kad pengenalan yang mengandungi tarikh pelupusan tertera di atasnya; dan

(b) jika ya, apakah rasional untuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berbuat demikian dan berapakah bilangan kad pengenalan seumpama ini telah dikeluarkan setakat ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Jabatan Pendaftaran Negara di bawah Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan tiga jenis kad pengenalan mengikut peruntukan peraturan 5(3) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 iaitu:

(i) kad pengenalan biru yang dikenali sebagai MyKad dikeluarkan kepada penduduk yang bertaraf warganegara Malaysia;

(ii) kad pengenalan merah bertaraf pemastautin tetap yang dikenali sebagai MyPR dikeluarkan kepada penduduk yang bukan warganegara tetapi pemastautin secara tetap di Malaysia; dan

(iii) kad pengenalan hijau bertaraf pemastautin sementara yang dikenali sebagai MyKAS dikeluarkan kepada seseorang yang memasuki Malaysia secara sah dan dibenarkan menetap di Malaysia melalui pas imigresen atau permit yang sah bagi tempoh 12 bulan dan ke atas atau seseorang yang dilahirkan di Malaysia tetapi taraf kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan dengan kata lain *stateless*.

Tarikh luput hanya terdapat pada MyKAS sahaja kerana kad pengenalan ini dikeluarkan kepada pemastautin sementara yang mana tempoh sah lakunya tidak melebihi lima tahun dari tarikh pengeluaran kad.

Sehingga 19 Jun 2012, sebanyak 40,117 individu telah dikeluarkan kad pengenalan pemastautin sementara. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,313 MyKad di bawah program kad pintar yang mempunyai ciri-ciri keselamatan telah dikeluarkan sehingga Mei bagi tahun 2012. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari tiga jenis kad pengenalan ini, saya ingin jawapan seterusnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kad pengenalan merah. Apakah kriteria untuk pemegang-pemegang kad pengenalan merah untuk dijadikan kepada kad pengenalan biru? Ini sebab kita dapati ramai orang asing yang diisukan dengan kad pengenalan merah.

Dalam berapa tahun mereka boleh dapat kad pengenalan biru? Sedangkan rakyat Malaysia yang lahir di negara ini sehingga 60 tahun, 70 tahun masih memegang kad pengenalan merah dan masih tak dapat kad pengenalan biru. Jadi, bagaimana orang asing yang datang baru-baru ini dua tiga tahun boleh mendapat kad pengenalan biru tetapi sedangkan rakyat Malaysia sendiri tidak dapat kad pengenalan biru, masih ada kad pengenalan merah dan angka mereka adalah terlalu banyak – 100,000 dan lebih orang. Kebanyakan dari mereka adalah orang-orang masyarakat India dan juga ada Cina. Bagaimana ini boleh jadi?

Adakah kerajaan ada lain-lain tujuan untuk meningkatkan ataupun melebihkan kerakyatan orang asing datang ke Malaysia untuk jadi rakyat Malaysia? Adakah dengan izin, *sinister motive* di sini oleh kerajaan untuk menukar *demographic* populasi negara kita ini? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, ada syarat-syarat yang ditentukan supaya permit masuk dapat diluluskan. Bagi permohonan kad pengenalan pemastautin tetap atau MyPR, pemohon yang layak adalah bagi individu yang memegang permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Dokumen yang diperlukan oleh seseorang yang ingin memohon MyPR adalah seperti berikut:

(i) permit masuk asal dan salinan;

(ii) pasport asal dan salinan;

(iii) sijil kelahiran asal dan salinan bagi mereka yang lahir di Malaysia;

(iv) sijil anak angkat asal dan salinan jika berkaitan; dan

(v) lain-lain dokumen yang berkaitan.

Sekian terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan penyelarasan di antara Jabatan Pendaftaran Negara, SPR dan juga pihak polis. Saya baru mendengar Tuan Yang di-Pertua, semalam taklimat oleh Pengerusi SPR. Pembersihan senarai pemilih yang masih tertunggak tidak banyak daripada jumlah pengundi berjuta banyaknya. Hanya sekitar 40,000. Itu pun kata pihak SPR masalah tuntutan kad pengenalan ada dua jenis yang masih lagi timbul masalah di JPN. Jadi, saya nak tanya apakah tidak ada satu kaedah penyelarasan dengan dunia teknologi maklumat sekarang ini? Contohnya, bila orang mati sebelum dikebumikan ataupun ditanam, mesti mendapat kebenaran pihak polis.

■1050

Sepatutnya pada masa yang sama, saat yang sama, boleh di*online*kan kepada Jabatan Pendaftaran Negara bahawa si anu, si anu sudah meninggal dan pihak jabatan Pendaftaran Negara boleh *online* kepada SPR dan memotong nama mereka dalam senarai pemilih. Ini kerumitan yang berlaku yang dijadikan macam-macam tuduhan. Ianya masalah dari segi *administrative*. Jadi, saya hendak tanya, apakah tidak ada usaha yang lebih cekap, yang lebih cemerlang supaya tidak timbul lagi masalah ini.

Yang kedua, banyak yang tidak tuntut kad pengenalan ini. Bila tidak ada kad pengenalan, hendak kad pengenalan. Bila pergi buat, tidak ambil. Bertimbun banyaknya. Jadi, saya harap bolehkah Yang Berhormat terima cadangan saya, seseorang yang memohon kad pengenalan ataupun hendak mengganti kad pengenalan, memang mereka diberi surat tempoh siap seminggu boleh *collect*. Bagi penerangan yang lebih jelas. Siap seminggu. Tidak ambil seminggu, bakar sahaja. Kadang-kadang hendak disiplinkan orang ini mudah sahaja Yang Berhormat Sri Gading. Manusia ini macam itu. Kalau tidak dilayan marah, tidak diberi perkhidmatan yang baik, mengamuk, *complaint* macam-macam. Bila diberi kemudahan dan bila dibuat sesuatu seperti yang saya sebutkan tadi, tidak diendahkan pula. Dia ingat kerja jabatan kerajaan pula hendak simpan kad pengenalan mereka bertahun-tahun. Banyak cantik punya muka.

Jadi, sebab itu saya hendak cadangkan supaya apakah Yang Berhormat boleh memberi jaminan bahawa mulai daripada sekarang Jabatan Pendaftaran Negara dari segi operasinya ditingkatkan penyelarasan antara pihak polis dengan pihak SPR melalui *online,* kecanggihan teknologi maklumat sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Pasir Mas supaya JPN, SPR dan polis boleh buat satu penyelarasan secara *online*. Pada pandangan saya, itu satu cadangan yang amat bagus. Kementerian kami akan timbangkan. Terima kasih.

5. Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah tindakan oleh pihak kementerian untuk memastikan jabatan kerajaan dan sektor awam memberikan ruang yang secukupnya kepada kaum wanita berkeluarga seperti waktu kerja yang lebih fleksibel, mempergiatkan penubuhan lebih banyak taska atau tadika di bangunan kerajaan supaya mereka boleh terus berkerjaya dan menyumbang kepada negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja merupakan salah satu langkah kerajaan untuk meningkatkan sumbangan wanita dalam ekonomi. Sehubungan ini, suasana pekerjaan yang mesra keluarga dipromosikan agar lebih ramai wanita dapat menyertai pasaran tenaga kerja. Ini kerana, dengan izin, *investing in women is smart economics* adalah menjadi perjuangan kami di kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah pengukuhan untuk menggalakkan penubuhan taska di peringkat kementerian atau agensi kerajaan, insentif penubuhan dalam bentuk geran pelancaran sebanyak RM200,000 diberikan kepada mana-mana kementerian atau agensi terbabit. Selain itu, subsidi yuran pengasuhan taska sebanyak RM180 sebulan diberi bagi setiap anak yang dihantar ke taska berkenaan oleh pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumahnya tidak melebihi RM3,000 sebulan. Sehingga Mei tahun 2012, sebanyak 40 buah taska telah ditubuhkan di kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.

Bagi memastikan agar kesihatan emosi dan fizikal wanita yang baru bersalin dan anak yang dilahirkan terpelihara, kerajaan telah melanjutkan tempoh cuti bersalin daripada 60

hari ke 90 hari kepada kakitangan wanita dalam sektor awam. Ia telah dikuatkuasakan mulai 15 Oktober tahun 2010 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.14/2010. Langkah ini memberi lebih masa dan peluang kepada para ibu untuk menjaga dan menyusukan anak mereka di rumah. Selain itu, kakitangan wanita perkhidmatan awam Persekutuan juga diberi kemudahan cuti menjaga anak sehingga 1,825 hari iaitu lima tahun melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.15/2007.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari tanggungjawab wanita yang bekerja untuk mengimbangi peranan sebagai ibu dan pekerja, kerajaan telah melaksanakan waktu kerja berperingkat dalam sektor awam mulai tahun 2007 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.2/2007. Pekeliling ini bertujuan membantu wanita memilih waktu kerja yang bersesuaian bagi membolehkan mereka untuk menyempurnakan tanggungjawab rumah tangga masing-masing.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ambil juga kesempatan ini untuk ucap tahniah kepada kementerian kerana baru-baru ini di dalam acara perasmian *Urban Transformation Centre* (Pusat Transformasi Bandar) di Melaka, kementerian Yang Berhormat telah menyediakan satu unit khas bagi menjaga anak-anak yang dibawa oleh ibu bapa untuk menerima perkhidmatan daripada UTC tersebut. Ini satu inovasi yang baru yang saya kira memberi kemudahan bukan sahaja kepada anggota kerja tetapi juga kepada tetamu-tetamu dan pelawat-pelawat yang memerlukan perkhidmatan daripada jabatan dan agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam *International Conference on Population and Development* baru-baru ini di Istanbul, Parlimen Malaysia menghantar dua orang wakil iaitu Yang Berhormat Batu Gajah dan Tangga Batu. Kita mendengar tentang kerunsingan *organizer* tentang bagaimana sasaran *Millennium Development Goals* yang akan berlaku dalam masa dua tahun daripada sekarang ini. Antaranya ialah pembuat dasar tidak begitu peka dengan kepentingan dan pembelaan terhadap wanita. *Every pregnancy is expected*, satu. *Every child birth is protected*, dua. Ketiga ialah *every women's rights is preserved*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tiga perkara ini sebenarnya kalau kita buka kepada pembuat dasar Ahli-ahli Parlimen umpamanya, kita hendak melihat di samping keseriusan kementerian membina pusat-pusat penjagaan kanak-kanak, memberikan pembelaan yang hak kepada wanita. Adakah pengukuran sejauh manakah kesedaran Ahli-ahli Parlimen umpamanya, tentang kekangan MDG ini di peringkat negara kita.

Saya hendak tanya, ada tidak usaha-usaha pihak kementerian untuk menganjurkan program-program yang bersifat kesedaran dan juga *the program of actions* oleh ICPD ini. Pada saya masih lagi bila tanya-tanya, "Kita tidak tahu pun dekat mana kedudukan Parlimen Malaysia di dalam urusan ini". Bolehkah Yang Berhormat berikan penjelasan kerana di samping kita menyediakan taska, tadika, 90 hari cuti bersalin, *paternity leave* dan sebagainya tadi, kita perlu tahu di mana sumbangan kita ke arah pencapaian MDG ini di masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu atas soalan tambahan yang dikemukakan. Berkaitan dengan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu tentang isu wanita mengandung, isu kelahiran anak dan juga isu tentang hak-hak wanita serta penjagaan mereka. Selain daripada apa yang telah pun diterangkan oleh saya tadi, sebenarnya di bawah kementerian ini telah pun ditubuhkan satu agensi iaitu LPPKN yang khususnya untuk menjaga kepentingan wanita mengandung, kepentingan bagi kelahiran anak dan juga kepentingan bagi kesejahteraan kekeluargaan.

Di mana bagi wanita mengandung mereka bolehlah menjalankan pemeriksaan kesihatan mereka selain daripada hospital kerajaan, mereka juga boleh berbuat demikian di klinik-klinik keluarga yang telah ditubuhkan di bawah LPPKN dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa kini terdapat 56 buah klinik keluarga berkenaan di seluruh negara ini bersedia untuk berkhidmat kepada wanita-wanita yang mengandung serta anak yang dilahirkan oleh mereka itu. Sekian, terima kasih.

■1100

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tangga Batu kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh tanya dia Yang Berhormat, tanya Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerana selepas dia mewakili Parlimen pergi ke seminar, *conference* dia telah sedar tentang hak wanita. Saya harap semua Ahli Parlimen dihantar ke *conference* sebegini.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini sangkaan buruk Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah lama sedar tentang kepentingan wanita. Terima kasihlah atas pengiktirafan itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Sorry, sorry*, dahulu pun dia sedar hak wanita, sekarang lebih sensitif lagi. Jadi saya harap semua Ahli Parlimen dihantar ke *conference* seperti itu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Isteri seperti Yang Berhormat Bukit Mertajam perlu sedar bahawa suami juga ada hak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya cadangkan supaya Parlimen pada masa akan datang hantar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dan juga Menteri kementerian ini juga supaya mereka lebih sedar tentang hak wanita dan bagaimana hendak buat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali soalan seperti ini dibangkitkan di Dewan kita sudah boleh jangka apakah jawapannya. Begitu sahajalah jawapannya, betulkah Yang Berhormat Sri Gading. Dia gelak di situ. Saya rasa dia setuju dengan pandangan saya.

Saya rasa di sini semalam kita dengar Yang Berhormat Menteri untuk kementerian ini selaku Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia mengumumkan bahawa kita akan merai Bulan Keluarga. Saya rasa itu adalah baik, dan bagus tetapi ini merupakan satu konsep. Kita merai sahaja satu bulan Hari Keluarga pun tidak guna juga kerana yang kita perlu ialah sokongan sistem. Iaitu kita perlukan pusat penjagaan kanak-kanak. Bagilah kita apa yang kita perlukan. Saya harap kementerian ini kerja lebih keras lagilah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau hari itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah cukup panjang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak dapatkan program-program yang konkrit di mana wanita yang bekerja boleh berharap kita akan dapat pusat jagaan kanak-kanak di merata-rata tempat. Kita boleh dapat *flexi hours*. Saya katakan hari itu pun berapa buah pusat jagaan kanak-kanak yang kementerian boleh menyediakan pada satu tahun atau dua tahun yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingatkan kepada semua Ahli di Dewan yang mulia ini bahawa hak suami itu adalah sama pentingnya dengan hak seorang isteri. Untuk Yang Berhormat Bukit Mertajam, sekiranya Yang Berhormat Bukit Mertajam menyatakan bahawa setiap kali Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab di Dewan ini, dia boleh agak jawapan yang diberikan, begitulah juga daripada saya. Setiap kali Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun untuk mengemukakan soalan, saya juga sudah boleh agak apakah soalannya itu kerana setiap kali, dia ulang perkara yang sama. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab bagi kementerian, saya akan menjawab soalan yang dikemukakan itu walaupun dia telah berulang soalan yang sama, banyak kali di Dewan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya tentang *flexi hour*, saya percaya bahawa tadi Yang Berhormat Bukit Mertajam telah mendengar jawapan yang saya berikan. Memang sejak tahun 2007, kerajaan telahpun memperkenalkan *flexi hour* iaitu waktu bekerja

yang *flexible* mengikut kesesuaian pekerja sama ada wanita ataupun lelaki dengan mengikut kesesuaian mereka masing-masing. Itu adalah tentang *flexi hour* yang disediakan oleh kerajaan. Mungkin Yang Berhormat sehingga ini belum lagi sedar tentang perkara ini.

Kedua ialah tentang perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negara ini sebenarnya terdapat empat jenis institusi yang menyediakan jagaan kanak-kanak, iaitu:

(i) taska institusi iaitu mengikut rekod yang ada di kementerian, sehingga hari ini kita mempunyai iaitu sebanyak 3,168 buah taska institusi;

(ii) Taska Komuniti 1Malaysia yang telahpun ditubuhkan oleh pihak swasta dengan kerjasama kerajaan di mana lokasinya adalah terletak di kawasan-kawasan tumpuan keluarga yang berpendapatan rendah, yang kurang daripada RM2,000 sebulan dan bagi Taska 1Malaysia ini, pada masa kini, di seluruh negara terdapat 42 Taska Komuniti yang telahpun ditubuhkan;

(iii) taska di rumah di mana pada masa kini terdapat 782 taska di rumah yang telah pun didaftarkan dan melibatkan seramai 2,683 orang pengasuh di rumah terlatih; dan

(iv) taska di tempat kerja iaitu yang melibatkan kesemuanya ialah sebanyak 67 buah taska di tempat kerja.

Sekian, terima kasih.

6. Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta menteri Pengangkutan menyatakan, bagaimanakah dan bilakah kementerian akan meliberalisasikan sepenuhnya dasar *cabotage* di Sabah supaya sektor-sektor perniagaan dapat mengurangkan kos pengangkutan yang seterusnya akan mengurangkan harga barangan di Sabah. Adakah sebarang pertimbangan untuk pembatalan dasar *cabotage* itu supaya sektor-sektor eksport di Sabah akan menjadi lebih berdaya saing.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan telah bersetuju supaya sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri mengenai logistik dan kos sara hidup di Sabah dan Sarawak dibentuk bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga barang dan mengesyorkan langkah-langkah untuk menanganinya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dasar *cabotage* adalah di antara salah satu aspek yang akan diteliti dan dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet berkenaan yang turut melibatkan Kementerian Menteri Sabah dan Sarawak sebagai *stakeholder* utama. Sehubungan dengan itu sebarang pertimbangan mengenai dasar *cabotage* akan dipertimbangkan oleh kerajaan setelah Jawatankuasa Kabinet ini selesai menjalankan kajian secara terperinci bagi cara mana mengatasinya. Terima kasih.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

■1110

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di bawah *cabotage policy* selama '30 tahun' sekarang, mengapa *containerize* kargo asing ke Sabah jika keluarkan dari kontena di Pelabuhan Klang maka akan diwajibkan menggunakan khidmat perkapalan yang diberikan oleh kapal domestik yang berdaftar di Malaysia sahaja. Juga kapal asing yang mengangkut kargo asing secara langsung ke Pelabuhan Sepanggar Kota Kinabalu tidak dibenarkan meneruskan kerja pemunggahannya atau *unloading* secara lanjut kepada pelabuhan lain seperti Sandakan, Lahad Datu dan Tawau dan kargo dari Sepanggar dipaksa menggunakan pengangkutan *lorries* dari KK ke bandar-bandar lain. Ini adalah

penambahan kos pengangkutan dan juga menyebabkan barang-barang di Sabah begitu mahal sekali.

Saya ingin meminta kementerian untuk meliberalisasikan perkara tersebut dan bilakah ingin membatalkan perkara itu dan juga dengan kos pengangkutan di antara Klang dan Sepanggar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Banyak soalan Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Sedikit sahaja lagi. Berjumlah RM1.3 bilion ditanggung oleh rakyat Sabah selaku pengguna dan adakah tindakan diambil oleh kementerian untuk membolehkan khidmat perkapalan yang lain supaya persaingan dalam liberalisasi itu boleh menurunkan kos pengangkutan untuk rakyat Sabah. Sekian terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tawau kerana telah mengemukakan soalan yang begitu panjang sekali tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa sebenarnya dasar *cabotage* yang dilaksanakan di Malaysia ini bukanlah merupakan suatu dasar yang asing kerana ianya juga dilaksanakan di kebanyakan negara tetapi yang saya ingin jelaskan di sini bahawa dasar *cabotage* ini adalah diwujudkan bagi matlamat-matlamat tertentu iaitu;

(i) Untuk menyelesaikan masalah defisit aliran mata wang akibat daripada penggunaan yang begitu banyak terhadap perkhidmatan perkapalan asing;

(ii) Ianya mempunyai dimensi strategik bagi mengatasi keadaan-keadaan krisis di mana syarikat perkapalan tempatan diperlukan; dan

(iii) Untuk memperkasakan industri perkapalan negara untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat bukan sahaja peringkat serantau tetapi juga peringkat global.

Dasar yang dilaksanakan di Malaysia ini khususnya bagi Sabah dan Sarawak adalah merupakan satu dasar yang begitu liberal sekali kerana kita tidak menghalang mana-mana kapal yang ingin '*port os call'* ke mana-mana pelabuhan di Sabah dan Sarawak, *direct* daripada negara-negara asing dan begitu juga jika ada kapal-kapal daripada Sabah dan Sarawak atau dari Malaysia yang mengangkut barang dari pelabuhan Sabah dan Sarawak ke negara asing. Ini ingin saya jelaskan di sini kerana ada kekeliruan dan ada pihak mengatakan bahawa kita tidak membenarkan kapal-kapal asing berlayar *direct* ke pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Sarawak, ini tidak benar.

Kedua, pada tahun 2009 kita juga telah membenarkan *transhipment* untuk membolehkan supaya kapal-kapal asing khususnya mereka yang menggunakan *mother vessel* datang ke Pelabuhan Klang untuk melantik kapal-kapal asing sebagai *feeder vessel* untuk menghantar kontenanya ke Sabah dan Sarawak.

Apa yang kita benarkan, apa yang kita lakukan sekarang hanyalah untuk pengangkutan *point to point* iaitu pengangkutan dari Kota Kinabalu, dari Pelabuhan Klang ke Kota Kinabalu dan juga Kuching ataupun Sarawak, ianya haruslah mengutamakan kapal-kapal tempatan kerana kita mempunyai juga kapal-kapal tempatan di dalam negara ini yang memang pun mempunyai kemampuan yang sama.

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat semenjak tahun 2001, kita telah melesenkan juga banyak kapal asing ini untuk membolehkan mereka mengangkat. Ianya bukan satu sekatan total kepada mereka, misalnya tahun 2001 kapal Malaysia 1,077 yang menggunakannya, kapal asing 818 pada tahun 2001. Pada tahun 2006, kapal Malaysia 1,960 dan kapal asing 1,858 dan pada tahun 2011 iaitu 2,461 dan kapal asing 2,492.

Jadi dakwaan yang mengatakan bahawa kita hanya semata-mata mengutamakan kapal tempatan ini tidak benar kerana kita juga mengambil pendekatan yang realistik untuk

kepentingan bukan sahaja rakyat khususnya Sabah dan Sarawak tetapi juga untuk kepentingan perdagangan. Jadi saya juga ingin nyatakan di sini bahawa sebenarnya kalau kita lihat kadar *freight* daripada Kota Kinabalu, dari Port Klang ke Kota Kinabalu contohnya. Pada tahun 1993, USD852 per *container* bagi 20 *food container*. Pada tahun 2001 ianya menurun kepada 368 dan pada tahun 2011 - 283.

Ini adalah kadar *freight* yang termasuk dalam dasar-dasar *cabotage* tetapi saya ingin nyatakan di sini ada juga kos-kos yang lain untuk menentukan harga. Ianya bukan kadar *freight* sahaja. Ianya kos di pelabuhan contohnya, setakat mana keberkesanan dan juga kecekapan di pelabuhan-pelabuhan kerana ianya tidak beroperasi 24 jam, mereka tidak mempunyai *crane* yang begitu efisien. Ini juga menjadi kekangan dan peningkatan kos dan satu lagi *inland transports*, kos pengangkutan daratan. Ini juga menyebabkan peningkatan kos, *marine insurance* dan juga *profit margin* yang dikenakan oleh syarikat-syarikat pengedar barangan.

Ini adalah merupakan punca dan ianya tidak ada kena-mengena dengan dasar *cabotage*. Bagaimanapun Yang Berhormat, dengan bermacam-macam isu yang sering dimainkan oleh pihak-pihak tertentu, berkaitan dengan isu ini walaupun kita telah menjawab berkali-kali tetapi kerajaan masih lagi prihatin dan sebab itu kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa ini yang saya telah jelaskan tadi dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Selain daripada itu ada juga inisiatif-inisiatif lain misalnya melalui KPDNKK kita telah pun menjalankan program harga barangan perlu melalui *community drumming* dengan perbelanjaan setakat ini lebih kurang RM70 juta dan ini adalah merupakan inisiatif yang sebenarnya dibuat bagi mengatasi masalah ini.

Oleh sebab itu, saya percaya kerajaan ini adalah kerajaan yang peka, yang sedar dan faham tentang dasar-dasar ini dan kita sentiasa melakukan perubahan-perubahan jika ia perlu untuk kepentingan rakyat khususnya rakyat di negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Datuk Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa dasar *cabotage* adalah merupakan pengangkutan barangan atau penumpang antara dua titik dermaga yang sama pada asalnya bermula dengan perkapalan, *cabotage* ini juga turut meliputi penerbangan, kereta api dan juga pengangkutan jalan.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa *cabotage* bukan sahaja diwujudkan di Malaysia tetapi kalau di negara-negara lain contohnya di Eropah, ia serupa dengan *cabotage* tetapi nama sahaja berbeza iaitu dikatakan *protectionism* dengan izin asas bagi peraturan *cabotage* termasuklah keselamatan negara dan juga keperluan bagi mengawal keselamatan.

Kalau kita hapuskan *totally cabotage* ini, yang dapat *benefit* adalah negara jiran kita iaitu Singapura. Apakah kita akan memberi peluang kepada negara tersebut kerana mereka adalah negara maritim yang cukup hebat di rantau ini berbanding negara kita Malaysia kerana maritim kita di Malaysia ini masih perlukan bantuan daripada kerajaan. Jadi saya kurang bersetuju untuk dihapuskan secara total sistem *cabotage* ini.

Walau bagaimanapun, soalan saya adakah kerajaan berhasrat untuk berbincang secara *detail* dengan pengusaha-pengusaha perkapalan agar *freight* ataupun tambang dari satu titik dermaga ke dermaga yang lain di Sabah dan Sarawak dapat kita kurangkan.

■1120

Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa faktor harga barang bukan sahaja daripada *freight* kapal tadi tetapi juga adalah faktor-faktor lain. Kalaulah semua pihak daripada lembaga dan juga pengangkutan darat dan yang lain-lain sanggup berkompromi untuk mengurangkan kos pengangkutan barang tersebut, saya rasa perkara ini dapat kita atasi.

Saya harapkan, persoalan saya kerajaan haruslah berbincang secara *detail* dan secara baik dengan pengusaha-pengusaha perkapalan, pengangkutan darat dan juga pengusaha-pengusaha di dermaga. Ini kadang kala disebabkan oleh sistem atau pun *efficiency* di dermaga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Itu sendiri yang menyebabkan kos harga barang juga turut meningkat. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Labuan yang mempunyai kefahaman yang mendalam berkaitan dengan Dasar Kabotaj ini. Mungkin ini berkait rapat dengan latar belakang beliau sebagai seorang yang terlibat dalam industri Maritim. Saya ingin nyatakan di sini sememangnya seperti yang saya katakan tadi bahawa kos *freight* adalah satu daripada pelbagai kos yang terlibat dalam penentuan harga. Kos *freight* ini sahajalah yang terlibat dalam Dasar Kabotaj.

Oleh sebab itu dalam soal ini kerajaan memang sentiasa prihatin. Oleh sebab itu jawatankuasa telah dibentuk oleh Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan mesyuarat pertama yang telah pun diadakan pada 14 Jun 2012 untuk melibat secara komprehensif sebab-sebab yang menyebabkan kenaikan harga barang atau pun perbezaan harga barang yang begitu tinggi di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung.

Kalaulah sekiranya kita meliberalisasikan atau menghapus Dasar Kabotaj 100% pun ini tidak bererti bahawa kos *freight* itu adalah percuma. Ia mesti ada, syarikat-syarikat asing mungkin akhirnya nanti akan menguasai pasaran industri perkapalan kita atau perairan kita dan mereka juga boleh mengenakan embargo kepada kita. Ini bukan sahaja akan menghapuskan industri perkapalan negara tetapi juga akan meletakkan negara Malaysia dalam ancaman di masa akan datang. Jadi, saya fikir apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Labuan itu kita akan laksanakan dan memang pun dalam jawatankuasa ini akan diambil kira keseluruhannya. Terima kasih.

7. Datuk Ismail Kasim [Arau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan projek-projek perumahan swasta yang terbengkalai di seluruh negara dan langkah-langkah kementerian bagi memulihkan projek-projek berkenaan serta langkah-langkah bagi membantu meringankan beban pembeli projek perumahan terbengkalai ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 31 Mei tahun 2012 terdapat sebanyak 177 projek perumahan swasta terbengkalai. Daripada jumlah ini sebanyak 103 atau mewakili 58% projek telah siap diduduki atau pun telah selesai. Sebanyak 58.33% projek sedang berada dalam pelbagai peringkat pemulihan dan baki sebanyak 16.9% atau pun 16% projek masih lagi di peringkat perancangan awal pemulihan.

Kerajaan memang memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli projek perumahan terbengkalai dan komited dalam menyelesaikan projek perumahan swasta yang terbengkalai. Oleh hal yang demikian, kementerian telah melaksanakan beberapa usaha dan tindakan bagi menangani isu projek perumahan terbengkalai. Antara usaha dan tindakan tersebut adalah termasuk mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengambil alih perumahan projek perumahan swasta yang terbengkalai.

Kedua, untuk melaksanakan pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai terutama sekali kategori kos rendah dan juga kos sederhana rendah melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut.

Ketiga, mengadakan rundingan dari semasa ke semasa dengan semua pihak yang berkepentingan. Dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian yang terbaik di atas projek-projek perumahan yang terbengkalai. Keempat, menyelaras usaha pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai seperti mengadakan mesyuarat, lawatan tapak, perbincangan terbuka dan program dialog dengan pembeli.

Kelima, memantau dan menyelaraskan pemulihan bagi semua projek perumahan swasta terbengkalai. Tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Keenam, mengadakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996, Akta 118 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi membantu meringankan beban para pembeli, kementerian telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut iaitu pengeluaran surat pengesahan projek perumahan terbengkalai kepada pembiaya kewangan bagi unit rumah berkaitan. Melalui surat pengesahan ini, pihak pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

(i) memohon pertimbangan daripada Institusi Perbadanan bagi sebarang permohonan pemulangan kadar faedah dan juga penstrukturan semula pinjaman perumahan;

(ii) mohon pertimbangan daripada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi permohonan pengeluaran kali kedua;

(iii) bagi pembeli yang membuat pinjaman kerajaan pula mereka boleh mendapatkan kemudahan sama ada pertimbangan untuk, pertama membatalkan pinjaman sedia ada dan diberi peluang untuk mohon pinjaman baru iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama atau kedua diberikan pertimbangan untuk menangguhkan kekangan faedah pinjaman kepada kadar 4% sepanjang tempoh projek dibolehkan atau selama lima tahun mana-mana yang terdahulu.

Walau bagaimanapun, semua perkara ini adalah tertakluk kepada pembiayaan institusi pembiaya di atas pinjaman-pinjaman yang berkenaan berdasarkan merit dan setiap kes. Akan tetapi sekiranya pihak pembiaya tidak memberikan sebarang bantuan atau kerjasama sepatutnya, pembeli rumah bolehlah membuat aduan kepada kementerian dan aduan tersebut akan dipanjangkan kepada Bank Negara Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Kementerian juga turut membantu pembeli rumah untuk berbincang dengan pihak pembiaya bagi penyambungan pinjaman atau penambahan jumlah pinjaman setelah pemaju penyelamat telah dikenal pasti dan kerja-kerja pemulihan telah dijalankan. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha yang dibuat secara berterusan termasuk kompaun yang telah dikenakan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966, Akta 118 ini dan juga termasuk mengadakan perbincangan yang berterusan dengan pihak-pihak atau pun pemaju yang dianggap mempunyai pengalaman dan kemampuan kewangan.

Saya faham bahawa kedudukan pengurusan untuk kita membolehkan sesuatu projek terbengkalai melibatkan satu pengurusan yang cukup kompleks sama ada dari segi tanah, dari segi pengambilalihan dan lain-lain yang menyebabkan kerajaan dan kementerian terpaksa mempunyai satu pasukan yang berkesan. Jadi, daripada 177 yang dikenal pasti sejak tahun 2009, dan 100 telah berjaya dipulihkan. Ini sekali lagi saya ucapkan tahniah. Jadi 77 dalam proses rundingan atau pun dalam peringkat binaan.

Jadi, kita mahu ianya lebih berfokus walaupun ini bukan salah kerajaan, salah pemaju. Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan cagaran atau pun syarat-syarat yang lebih ketat kepada pemaju-pemaju yang membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran berancang dan seterusnya adakah kerajaan juga bercadang untuk diletakkan sebuah anak syarikat yang lebih berfokus untuk memulihkan projek-projek terbengkalai ini termasuk mengadakan kaedah PFI dan lain-lain untuk kita pastikan bahawa semua projek rumah terbengkalai di negara kita dapat dipulihkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Soalan tambahan pertama, adakah cadangan untuk mengenakan beberapa lagi syarat yang lebih ketat. Memang ada dan kementerian melalui pindaan Akta Pemajuan Perumahan 1966 [Akta 118] telah menaikkan kadar deposit daripada RM200,000 kepada 3% daripada anggaran kos pembinaan.

Bagi merebut peluang untuk membolehkan rumah-rumah yang terbengkalai ini, ianya terbuka kepada semua pihak sama ada agensi kerajaan atau pun pihak swasta sendiri atau pun individu-individu yang berminat untuk mengambil peluang untuk membantu kerajaan dalam membolehkan rumah-rumah terbengkalai. Itu semuanya terbuka, terima kasih.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mungkin apa yang saya sebut ini satu kes yang spesifik. Saya dijemput minggu lepas untuk melihat Taman Bukit Kempas dan Taman Langkasuka di Johor Bharu yang usaha sama kerajaan negeri dan juga pemaju perumahan yang masuk tahun yang kesepuluh tidak siap. Jadi, adakah Yang Berhormat oleh kerana saya tahu kes ini spesifik, adakah kementerian Yang Berhormat bersedia untuk memberikan bantuan terhadap isu ini kerana mereka telah menunggu hampir sepuluh tahun kes ini terbengkalai.

■1130

Mereka dah bayar pinjaman bank dan ini adalah satu perkara yang sangat sukar dalam mereka mendapatkan rumah di dua taman ini iaitu Taman Bukit Kempas dan juga Taman Langkasuka. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kedua-dua projek ini adalah di bawah pengetahuan kementerian dan kita juga, pihak JPN telah pun berbincang dengan pihak yang terlibat khususnya pemaju dan saya mendapat maklumat bahawa pemaju yang ada daripada awal itu bersedia untuk memulihkan projek yang telah terbengkalai sebegitu lama atas persetujuan pihak pembeli. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itulah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG FRANCAIS (PINDAAN) 2012)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Francais 1988; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan sehingga selesai Ucapan-ucapan Penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 27 Jun 2012".

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) 2012

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas masalah bahawa, "Rang Undang-undang Perbekalan (2012) 2012 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". ***[Hari Ketiga]***

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Maksud B.30 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ledang.

11.33 pg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkit dua perkara sahaja tentang Maksud B.30 ini. Pertama, daripada RM10 juta ini, adakah ia juga boleh dikhususkan kepada program 1nita. Ini sebab saya difahamkan program 1Nita dulu sudah pun mencapai tahap keahlian seribu peserta di mana 1Nita telah pun berjaya mengumpulkan usahawan wanita terutamanya wanita muda yang ramai. Mereka berinteraksi, mereka bertukar-tukar fikiran, mereka menimba pengalaman dan mereka bukan sahaja bersaing secara sihat malahan mereka juga dapat menjalinkan rangkaian pemasaran yang luas. Sudah sampai tahap yang baik pada masa itu tetapi sekarang saya ingin tahu apakah statusnya dan bagaimana dengan peruntukan ini boleh dikembangkan kepada tahap yang lebih lagi?

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Kalau sekarang ada seribu peserta, mungkin tahap 10 ribu peserta dan sebagainya, itu satu perkara. Jadi saya harap mungkin ada jawapan yang jelas tentang ini kerana saya fikir rugi sekiranya program tersebut tidak dapat disuburkan pada masa-masa yang akan datang.

Keduanya juga, saya hendak rujuk sama ada peruntukan ini juga boleh dibelanjakan untuk lebih menyemarakkan salah satu anak syarikat MOSTI iaitu dot.my sebab dot.my ditubuhkan untuk mendaftarkan seberapa banyak alamat e-mel di dalam negara kita dan bagaimana dot.my ini boleh dikembangkan supaya semua alamat e-mel ataupun e-mel *address* boleh didaftarkan dalam negara Malaysia dengan kemudahan misalnya kita boleh pilih nama kita sendiri, kita boleh pilih alamat dalam bentuk tanda ataupun nama kita sendiri dan sebagainya.

Bagaimana dot.my ini boleh menjangkau ke tahap hingga SSM atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebab kalau SSM mendaftarkan syarikat-syarikat perniagaan, dot.my juga mendaftarkan *address* e-mel. Pada saya, ia satu langkah yang sangat wajar di mana pada masa akan datang, semua alamat e-mel boleh didaftarkan di sini dan di sinilah sebenarnya sumber kepada salah satu penjanaan pendapatan yang boleh dibuat di peringkat anak syarikat ini. Saya fikir elok kalau ia terus disuburkan dan pada masa ini saya ingin tahu status

anak syarikat tersebut adakah ia masih lagi berfungsi kerana saya difahamkan sehingga ini CEOnya masih belum dilantik.

Hampir setahun kalau tidak salah saya dan saya fikir sayang dan rugi kalau ia tidak dikembangkan seperti mana ia boleh berkembang, pada saya boleh dikembangkan seperti SSM. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Hulu Selangor.

11.37 pg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.30 ini, bidang digital Malaysia ini berperanan penting untuk menjadi teras kepada pelaksanaan program transformasi yang sedang dijalankan dan digital Malaysia ini pula merupakan satu agenda transformasi nasional. Sasaran kita menjelang 2020 ialah *top 20* dengan izin, dalam dunia.

Apakah status kita sekarang dan apakah langkah-langkah ataupun program-program yang akan dikenal pasti untuk memastikan bahawa sasaran kita untuk menjadi *top 20* dengan izin, dalam dunia dalam aspek ranking ekonomi digital ini? Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kubang Kerian.

11.38 pg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, dalam membahaskan tentang B.30 ini, jelas dalam peruntukan ini ialah RM10 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kos pelaksanaan Program Digital Malaysia oleh *Multimedia Development Corporation.*

Saya hanya ingin mendapat penjelasan, adakah ini termasuk dalam meningkatkan ataupun mengupayakan lagi program *high speed broadband* ini? Saya membawa isu ini kerana banyak pelanggan termasuk saya sendiri yang melanggan *WiFi* ataupun *broadband* di syarikat-syarikat yang ada dalam negara kita tetapi mutu perkhidmatannya sangat rendah dan kadang-kadang ada kalanya program ini tidak dapat kita nikmati atas beberapa gangguan yang mungkin berlaku. Jadi adakah rancangan untuk meningkatkan *high speed broadband* ini telah mencapai matlamatnya dan kalau boleh diberitahu kepada Dewan yang mulia ini, berapa peratus kah program *high speed broadband* ini telah mencapai matlamatnya?

■1140

Khususnya di kawasan-kawasan luar bandar yang saya rasa pelanggan sangat terkilan dengan mutu perkhidmatan *WiFi* dan hatta sekarang ini pun di tempat-tempat seperti restoran-restoran yang menyediakan *WiFi* ini tidak lagi dapat kualiti perkhidmatan yang sepatutnya dinikmati. Jadi adakah program RM10 juta ini termasuk dalam program pengupayaan ke arah kita mencapai sebuah negara yang dapat menikmati *high speed broadband* ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

11.40 pg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahhir Rahmannir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih juga kepada tiga Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Hulu Selangor dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan peruntukan tambahan yang dipohon di bawah Digital Malaysia melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini.

Pertama sekali untuk makluman Yang Berhormat Kubang Kerian berkaitan dengan pengupayaan meningkatkan *high speed broadband* adalah di bawah Kementerian

Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan iaitu di bawah tanggungjawab MCMC dan bukannya di bawah tanggungjawab MOSTI. Sememangnya bila kita mengadakan dialog dengan pihak industri dan juga pengguna-pengguna ini merupakan isu yang memang menjadi isu yang dibincangkan di peringkat industri. Segala isu ini sebenarnya sudah dikemukakan kepada kementerian berkaitan dan mereka sudah mengambil tindakan yang agresif untuk memastikan pengupayaan *broadband* ini akan ditangani oleh mereka. Jadi terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Untuk menjawab kepada Yang Berhormat Hulu Selangor, sememangnya sasaran kita menjelang tahun 2020 untuk meletakkan Malaysia ke tahap 20 teratas dalam kedudukan ekonomi digital. Pada masa ini kedudukan kita ialah di tangga 36. Itu pun pada kayu pengukur tahun 2010. Pada masa yang sama kita menyasarkan untuk berada di tahap sepuluh teratas dalam IMD – *A World Competitiveness Scoreboard*. Pada masa ini kita berada dalam tangga yang ke 16. Jadi diharapkan dengan adanya inisiatif melalui Digital Malaysia yang mana kita gerakkan sekarang di mana ianya memfokuskan kepada lima dimensi iaitu dimensi ekonomi untuk menjadi pemboleh perusahaan ataupun *enterprise enablement* melalui e-Dagang dan juga melalui sosial termasuklah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang tadi. Salah satu sasaran kita ialah dalam bidang sosial. Untuk memastikan terutamanya yang berada di tahap 40% terbawah ini untuk menggunakan kandungan digital bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Dalam dimensi seterusnya ialah untuk memastikan urus tadbir di mana peningkatan melalui tadbir urus sektor awam dan juga swasta melalui penggunaan Digital Malaysia ini iaitu ICT. Seterusnya ialah untuk membangunkan teknologi dan melalui teknologi inilah kita mengharapkan kita akan menggalakkan ekonomi kita berkembang dengan lebih baik lagi. Begitu juga dalam konteks alam sekitar di mana ICT dalam konteks pendekatan kita ialah *green by IT* dengan izin, dan juga *green of IT* iaitu ICT ini digunakan dengan sebaiknya supaya kita boleh mengurangkan penggunaan kertas dan sebagainya serta menggunakan teknologi-teknologi yang ada supaya ICT ini akan menjadi lebih *green friendly*. Jadi itulah sebahagian dari pendekatan kita.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang sama ada peruntukan ini digunakan atau boleh dikhususkan kepada Program 1nita. Memang Program 1nita yang dikelolakan oleh *.my DOMAIN REGISTRY* dahulu satu program yang amat berjaya di mana kita ada membantu melahirkan ataupun membantu usahawanita khususnya usahawanita yang muda ini untuk menggunakan, memaksimumkan penggunaan ICT. Perdagangan secara *online* di mana dikongsikan satu website dibangunkan, di mana mereka berkongsi menggunakan *website* ini untuk memasarkan produk mereka. Sehingga sekarang mereka amat berjaya sekali dan kita akan meneruskan program ini *insya-Allah*. Sebagaimana saya katakan tadi saya boleh mencadangkan kepada MDec supaya di bawah program sosial yang ditumpukan untuk 40% pendapatan yang ke bawah ini akan dapat digunakan dan disalurkan untuk menyokong program yang telah dianjurkan oleh *.my DOMAIN REGISTRY*.

Keduanya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang ialah sama ada kita boleh juga memperkasakan *.my DOMAIN REGISTRY* ini supaya alamat dalam alam maya ini akan mempunyai identiti Malaysia. Tidaklah kita mendaftarkan *internet* ataupun *email address* kita menggunakan alamat-alamat orang luar misalnya. Jadi setakat mana usaha kita untuk menjadikan *my DOMAIN REGISTRY* ini sama kedudukannya seperti mana juga pendaftar syarikat. Itu sebenarnya persoalan dasar Yang Berhormat Ledang. Kita kena menubuhkan atau mengkhususkan satu perdebatan ataupun mengenalkan satu undang-undang supaya *my DOMAIN REGISTRY* ini boleh menjadi sebuah *registry* yang diwajibkan pendaftarannya di Malaysia. Kalau ini tidak dilakukan maka *DOMAIN REGISTRY* merupakan satu agensi yang hanya dapat mempromosikan secara sukarela untuk rakyat Malaysia mendaftarkan alamat alam maya mereka di dalam *.my DOMAIN REGISTRY.* Jadi untuk itu Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan harapan mereka untuk meningkatkan lagi khidmat bakti kita agensi-agensi kita kepada negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,000,000 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud B.31 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Bakri.

11.47 pg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri mengapa tambahan sebanyak RM15 juta diperlukan untuk menampung perbelanjaan operasi yang meningkat bagi sewaan dan utiliti pada tahun 2012 berikutan perpindahan pejabat kementerian ke Putrajaya. Minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Jempol. Selepas Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Silam.

11.48 pg.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada kementerian tentang kualiti semua pegawai yang ada di Kementerian Pelancongan terutama sekali kalau satu ketika dahulu kita mendengar dasar perkongsian pintar di antara agensi kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan bersama-sama dengan swasta telah pun melahirkan satu kejayaan yang besar terutama sekali dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan pelancongan dalam negara kita. Sekarang ini dengan perpindahan pejabat kita ke Putrajaya, adakah sebahagian daripada peruntukan ini digunakan untuk melatih pegawai-pegawai kita supaya ianya lebih terdedah kepada bagaimana nilai-nilai murni, nilai-nilai baik, nilai-nilai komersial yang berkesan yang dilaksanakan oleh sebahagian dari syarikat swasta yang berjaya dalam industri pelancongan ini dapat diserapkan kepada pegawai-pegawai kita yang bertugas di Kementerian Pelancongan.

Keduanya saya ingin bertanya adakah sebahagian daripada peruntukan ini juga dapat digunakan untuk merombak satu sistem keseluruhan bagaimana kita untuk mempromosikan pelancongan kita terutama sekali ke luar negara supaya sebahagian daripada peruntukan ini dapat digunakan oleh pegawai-pegawai kita bersama-sama dengan agensi kerajaan yang lain terutama sekali macam MITI. MITI menarik pelabur luar untuk datang ke negara kita. Kementerian Pelancongan juga menarik orang luar untuk datang ke negara kita supaya melancong. Apakah tidak, ada kemungkinan dengan peruntukan yang ada ini sampai masa dan ketikanya kementerian kita menggabungkan dengan agensi-agensi kita yang lain supaya ianya lebih berkesan, kosnya lebih murah dan lebih ramai lagi pelancong-pelancong yang akan dapat ditarik ke negara kita.

■1150

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Kedua Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi memang tidak ada peluang lagi lepas Yang Berhormat Jempol, Menteri menjawab ya? Ada dapat peluang lagi yang lain Tuan Pengerusi bercakap?

Tuan Pengerusi: Ini Kementerian Pelancongan Yang Berhormat, baru mula bahas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya?

Tuan Pengerusi: Baru bahas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh, boleh lagi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Jempol, teruskan. *[Ketawa]*

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: *[Ketawa]* Merisaukan hati betul. Kedua Tuan Pengerusi, saya satu ketika dahulu dapat melihat kejayaan pegawai-pegawai kita dalam

Kementerian Pelancongan mewujudkan satu pendekatan baru yang sangat berkesan di negeri-negeri. Sebagai contoh, lahirnya Majlis Tindakan Pelancongan Negeri-negeri.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Majlis Pelancongan Negeri-negeri ini masih wujud dan seingat saya terdapat juga harta-harta yang kita beli dahulu. Misalnya, kedai-kedai yang kita jadikan sebagai pejabat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri-negeri.

Saya ingin bertanya, apa kedudukan harta-harta yang terdapat dalam majlis tindakan pelancongan dahulu dan apakah kedudukan Majlis Tindakan Pelancongan dahulu dalam pendekatan baru yang diambil oleh kementerian sekarang? Saya dapat melihat seandainya konsep Majlis Tindakan Pelancongan dahulu dapat diterapkan dalam pendekatan pelancongan masa kini, kita akan dapat meningkatkan lagi pelancongan yang ada dalam negara kita.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah sebahagian daripada peruntukan ini dapat kita peruntukkan untuk melatih bukan sahaja pegawai tetapi terdapat juga badan-badan lain yang perlu untuk melengkapkan industri pelancongan negara? Saya ambil contoh, misalnya pemandu teksi. Pemandu teksi, kalau kita naik teksi, pengetahuan mereka terhadap pelancongan ini sangat kurang. Dia lebih mahir dalam soal politik. Itu cukup mahir pemandu-pemandu teksi kita.

Akan tetapi dalam bidang pelancongan, soal kebudayaan negara, produk-produk pelancongan dalam negara kita ini, pengetahuan mereka sangat kurang. Apakah sebahagian daripada peruntukan ini dapat kita gunakan supaya kementerian kita menggunakan peruntukan ini melatih semua badan-badan NGO, pemandu-pemandu teksi dan juga mana-mana badan yang boleh kita terapkan nilai-nilai murni, nilai-nilai baik, pengetahuan tentang produk pelancongan, kebudayaan tradisi negara kita dan juga ini adalah merupakan khazanah yang besar dalam negara kita.

Hari ini kita berhadapan dengan dilema yang cukup besar terutama sekali apabila kebudayaan dalam negara kita ini sebahagiannya ditafsirkan lain oleh negara-negara lain. Sebagai contoh, konflik kebudayaan kita yang berteraskan kepada kebudayaan kebangsaan yang kadang kala menjadi polemik yang sangat besar di luar negara terutama sekali di Indonesia sebagai contoh.

Apakah tidak mungkin kita menanamkan satu pengetahuan yang mendalam kepada mereka yang berada di bahagian hadapan ini bahawa kebudayaan ini adalah merupakan kebudayaan yang besar? Kalau kebudayaan Cina, dia berdasarkan daripada Tanah Besar China. Kalau kebudayaan India, berdasarkan daripada kebudayaan yang daripada Tanah Besar India. Akan tetapi kalau kebudayaan Melayu, ia berasaskan daripada rumpun Melayu yang asalnya Kepulauan Melayu yang tidak ada batas negeri, batas negara, sempadan dan sebagainya.

Jadi ini, oleh sebab kita amat unik, negara kita berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai agama, berbagai-bagai keturunan dan berbagai-bagai bahasa dan ini adalah merupakan produk yang sangat unik dan menarik perhatian pelancong begitu besar sekali. Adalah amat rugi kalau sekiranya kementerian tidak menggunakan peluang yang ada ini bahawa sebahagian daripada peruntukan yang kita luluskan sebentar nanti dapat digunakan untuk membangunkan produk yang berasaskan kebudayaan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Silam.

11.55 pg.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih, syukur Tuan Pengerusi untuk saya dibenarkan bagi sama-sama membahaskan Maksud B.31 Kementerian Pelancongan.

Peruntukan tambahan yang diperlukan untuk menampung perbelanjaan operasi yang meningkat bagi sewaan dan utiliti untuk tahun 2012. Memang kita tahu kalau kementerian sudah berpindah ke Putrajaya nanti, mungkin sesuatu yang baik ialah dari segi barangkali motivasi Menterinya ataupun kakitangan kementerian untuk membudayakan suatu kerjaya yang lebih cemerlang. Ini sebab kalau mengikut kajian kerajaan kita sekarang ini dan menjelang tahun 2020, sektor pelancongan ini terutamanya kalau ia dihubung kait dengan di negeri Sabah merupakan sektor antara yang terutama untuk mendatangkan hasil kepada negeri Sabah dan kepada negara kita dalam masa beberapa tahun yang akan datang.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, di samping digunakan peruntukan ini untuk menampung perbelanjaan perpindahan, adakah difikirkan oleh pihak kementerian untuk cuba memikirkan sesuatu yang ada hubung kait dengan *research and development* dengan izin Tuan Pengerusi. Ini sebab saya kerap kali sebenarnya mengutarakan dan melontarkan cadangan untuk mewujudkan R&D ini walaupun barangkali konsepnya nanti di kementerian ini agak diperkecilkan ataupun memikirkan nanti di masa akan datang diperluaskan atau menjadi suatu jabatan yang tetap.

Ini sebab produk pelancongan ini kalau kita lihat sekarang ini Tuan Pengerusi, memang banyak sudah. Jadi kita perlu kepada sesuatu jabatan ataupun bahagian yang tertentu dalam kementerian ini untuk merancang memikirkan suatu produk yang menjadi *niche* dengan izin, ada kelainan, ada keunikan, ada kekuatan tarikan kepada sektor pelancongan di negara kita ini.

Memang kita tahu sebagai produk utama negara kita ialah kepelbagaian kaum, kepelbagaian budaya yang kadang-kadang sehingga - oleh sebab barangkali ada pegawai, ada pihak-pihak tertentu yang tidak tahu perbezaan antara budaya negara-negara ASEAN ini sehingga ada persamaan yang boleh mencetuskan kekeruhan terutamanya macam kita lihat baru-baru ini negara Indonesia membuat satu perkara yang kita sebenarnya tidak menyenangi, apatah lagi nasib baik pihak Kerajaan Indonesia itu tidak mengiktiraf inisiatif tindakan yang dibuat oleh rakyatnya. Jadi saya minta Kementerian Pelancongan yang merupakan suatu kementerian yang di masa akan datang merupakan penyumbang ekonomi yang terbesar di negara kita ini. Barangkali lima hingga tujuh tahun akan datang, ia akan menjadi penyumbang kedua dari segi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Di sini saya bertanya kepada pihak kementerian supaya adakah kementerian ini akan mempertimbangkan untuk mewujudkan suatu dana dalam peruntukan ini bagi digunakan untuk keperluan penyelidikan ini. Sebagai contohnya, adakah pihak kementerian mengenal pasti atau berhubung dengan MASwings ataupun sistem penerbangan MASwings yang terutamanya beroperasi di sekitar negeri Sabah dan Sarawak.

Sebagai contohnya, sektor Kota Kinabalu ke Lahad Datu, saya sangat kecewa kepada MASwings dan Kementerian Pelancongan termasuk juga Kementerian Pelancongan negeri Sabah yang tidak mengambil berat dan tidak mengambil prihatin bagaimana mereka tidak memuatkan video untuk kawasan tarikan yang terdapat dalam kawasan Parlimen Silam sebagai contohnya Turbine Wildlife, Danum valley, Maliau Basin, Madai, pusat perkembangan manusia awal di Lembangan Intim Kayu ataupun yang terkini Menara Kayangan di Gunung Silam.

■1200

Ini perlu kepekaan ada kepada setiap pegawai dan saya bersetuju dengan sahabat saya daripada Yang Berhormat Jempol, adakah pihak-pihak kementerian ini akan berusaha untuk melatih ataupun membuat suatu *training centre* di seluruh negara kita dengan mengambil daripada peruntukan ini untuk melatih kakitangan kementerian yang ada hubung kait dengan pemasaran, dengan promosi-promosi aktiviti pelancongan dan juga memberi *brochure* ataupun *pamphlet* kepada pengusaha-pengusaha teksi di seluruh negara serta mengambil masa tertentu untuk melatih ataupun memberi maklumat pengajaran kepada kita punya pemandu pelancong kepada kita punya pemandu teksi supaya mereka ini menjadi duta utama negara kita bagi menyebabkan kita punya pelancong yang datang ke negara kita ini ada maklumat dan mereka akan berminat. Barangkali mungkin setakat ini di negara kita belum lagi pemandu pelancong kita ini yang berkelulusan PhD ataupun berkelulusan seorang peguam.

Kalau macam di negara-negara sudah maju kita sudah dapati sebagai contohnya kalau macam di United Kingdom ada pemandu pelancong yang bertugas sebagai pemandu teksi berkelulusan seorang peguam, ada yang ada PhD. Jadi ialah mungkin tahap itu belum lagi kepada negara kita tetapi adakah pihak kementerian ini akan memikirkan suatu mekanisme apabila nanti tiba masanya negara kita ini juga akan ke arah itu. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya ini

untuk melatih sebab kita tahu pelancongan ini adalah satu karier yang boleh kita ceburi. Kalau di negara Maldives, saya rasa dia punya rakyat punca pendapatan utamanya datang daripada pemandu pelancong dan aktiviti-aktiviti yang ada pertaliannya dengan sektor pelancongan ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah di masa akan datang nanti ambil sedikit daripada peruntukan ini untuk memikirkan perancangan bagi apa yang saya sarankan kepada kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Machang selepas Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Sri Gading selepas itu Yang Berhormat Arau. Kalau tidak ada lagi Yang Berhormat minat sila Menteri bersedia untuk jawab.

12.02 tgh.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi terima kasih. Perbahasan peringkat jawatankuasa Kementerian Pelancongan Tuan Pengerusi saya mohon untuk membawa satu kes spesifik iaitu berkaitan dengan masalah penduduk yang menjalankan aktiviti memungut telur penyu di Pulau Sipadan. Ada tiga kementerian sebenarnya yang terbabit dengan masalah ini bila saya didatangi oleh penduduk. Satu Jabatan Perdana Menteri kerana itu adalah Majlis Keselamatan Negara. Kedua ialah Majlis Alam Sekitar kerana penyu merupakan habitat yang dipelihara tetapi Sipadan yang terlibat dengan aktiviti pelancongannya adalah aktiviti menyelam. Di mana beberapa pengusaha pelancong diberikan lesen untuk membawa pelancong-pelancong bagi menikmati kawasan aktiviti menyelam di sekitar kawasan Pulau Sipadan ini.

Isunya ialah Tuan Pengerusi penduduk mengakui dengan perubahan ini di Pulau Sipadan di mana mereka kehilangan punca pendapatan tetapi mereka tidak boleh menyertai *summer* aktiviti untuk memanfaatkan potensi pelancongan di situ. Kita tahu Pulau Sipadan pernah berdepan dengan tuntutan dengan Singapura tetapi kita menang waktu tuntutan Sipadan dengan Ligitan. Lepas kita menang penduduk tidak boleh untuk memanfaatkan potensi Pulau Sipadan terutama potensi untuk industri pelancongan. Mereka tidak diberikan lesen untuk mengusahakannya. Mereka asalnya hilang juga punca pendapatan dari segi aktiviti memungut telur penyu di pulau itu. Mereka bawa kes ini ke mahkamah mereka menang dan kerajaan negeri kalah. Mereka diberikan pampasan oleh mahkamah sebesar lebih RM4.3 juta.

Akan tetapi sekarang mereka tidak boleh hampir ke situ kerana Majlis Keselamatan Negara kata itu kawasan keselamatan. Pada masa yang sama mereka boleh melihat sendiri aktiviti pengusaha pelancongan yang bukan daripada kalangan penduduk tempatan boleh membawa pelancong ke kawasan Pulau Sipadan. Kemudian dikenakan bayaran untuk aktiviti menyelam tetapi mereka tidak boleh sedikit pun mendapat manfaat.

Jadi ketika kita berdepan dengan masalah tuntutan hak aktiviti mereka di pulau itu dijadikan asas oleh kerajaan. Bila kita menang kes mereka hendak manfaatkan aktiviti Pulau Sipadan memungut telur penyu mereka tidak dapat. Kemudian mengusahakan lesen pelancongan pun dapat kepada tauke-tauke besar bukan orang kampung di situ.

Jadi akhirnya mereka putus harapan dan walaupun memenangi kes di peringkat Mahkamah Kota Kinabalu menang sehingga RM4.4 juta. Akan tetapi sampai sekarang bayaran kehilangan hasil akibat kerugian tidak boleh pungut hasil telur penyu ini mereka tidak dapat nikmati. Jadi syor yang saya minta kementerian pertimbangkan ialah ketika Kementerian Pelancongan boleh lagi membuka ruang kepada beberapa pengusaha pelancongan yang memiliki bot. Kemudian boleh menarik pelancong dengan mengenakan sejumlah bayaran bagi menikmati aktiviti penyelaman di kawasan Pulau Sipadan. Bagaimanakah Kementerian Pelancongan boleh memikirkan untuk penduduk tempatan juga diberikan peluang terlibat setelah mereka kehilangan hasil pendapatan selama beberapa generasi? Ini kerana hak adat pewaris di Pulai Sipadan ini Tuan Pengerusi. Diiktiraf pada zaman British tetapi bila Sabah meluluskan satu lagi enakmen maka mereka tidak boleh lagi untuk memanfaatkan kawasan Pulau Sipadan dan yang juga merupakan sumber rezeki. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading.

12.06 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Bismillaahir Rahmaanir Rahim*. Saya berdiri untuk menyokong bekalan tambahan bagi B.31 – Pelancongan bercakap khusus 030100.

Awal ini Tuan Pengerusi saya hendak ucapkan tahniah, terima kasih, syabas Kementerian Pelancongan. Antara kementerian yang menyumbangkan pendapatan negara yang boleh dikatakan terbesar Tuan Pengerusi. Tahniah! Menterinya, Timbalan Menterinya, pegawai-pegawai dan kakitangannya. Saya hendak bertanya satu aspek yang penting Tuan Pengerusi. Keselamatan pelancong ke negara kita terjamin. Undang-undang negara kita memperuntukkan bahawa setiap pelancong yang datang ke negara kita selamat dan sehingga hari ini selamat. Hari ini dan selamanya selamat, *insya-Allah*.

Kita doakan Kementerian Pelancongan terus berusaha, terus berusaha, terus berusaha mempromosikan negara kita. Antara.... *[Berhenti seketika]* Tidak, tidak! Hendak hormat Tuan Pengerusi, dia tengah membaca. Saya tidak penting yang lain yang penting Tuan Pengerusi. Antara produk pelancongan ini Tuan Pengerusi ialah keindahan tempat, kemudahan-kemudahan pelancongan, makanan dan kebudayaan. Ini hendak saya - saya ada persamaan dengan Yang Berhormat Jempol Tuan Pengerusi. Dari segi keselamatan apa jaminan Tuan Pengerusi kalau melihat beberapa perkara yang berlaku di Indonesia, Indonesia Tuan Pengerusi. Saudara mara kita ramai di Indonesia Tuan Pengerusi, saya pun ramai. Bercerita dari segi hubungan kita yang akrab, rapat, persaudaraan darah.

Apa jaminan kita pergi ke Indonesia selamat? Ini kerana bukan semua, segelintir...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nanti dahulu saya hendak habiskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tengah segelintir, macam mana penjelasan... *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini siapa ini Tuan Pengerusi dua-dua. Ini dua-dua ini hero Parlimen Tuan Pengerusi saya tidak bagi pun tidak boleh, bagi pun menyusahkan saya Tuan Pengerusi, sibuklah.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Saya dahulu saya dahululah.

■ **1210**

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kalabakan, sabar ya. Sabar itu separuh daripada iman. Apakah Yang Berhormat rakan saya, Yang Berhormat Sri Gading bermaksudkan bahawa ekoran daripada kejadian ancaman daripada sebahagian daripada rakyat kecil Indonesia berhubung dengan bantahan kebudayaan yang telah diimplementasikan di negara kita iaitu Tarian Tora-Tora, Tor-Tor dia kata dan juga Mandailing Gendang Sembilan dan apakah Yang Berhormat juga ingin memaklumkan kepada kementerian dan kerajaan bahawa sebetulnya kebudayaan ini tidak perlu kita berperang dengan rakan kita. Banyak lagi budaya yang kita boleh angkat untuk kita jadikan sebagai warisan kita. Contohnya tarian di negeri Sabah. Tarian suku bangsa Sungai dan lain-lain pun belum lagi terangkat martabatnya. Daripada kita berperang dengan rakan kita sehingga keselamatan pelancong kita tidak terjamin, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kita juga mencungkil budaya-budaya di daerah kita untuk kita wariskan kepada bangsa kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sila, Yang Berhormat Kalabakan. Saya jawab sekali, Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat Sri Gading memang salah anggap. Kejadian yang ada di Indonesia itu dianggap kecil macam semut sahaja kerana penduduk Indonesia seramai 250 juta orang. Jadi janganlah perkara ini dihebohkan dalam Dewan sehinggakan sampai ke pengetahuan rakyat Indonesia keseluruhannya. Maka kita mempunyai masalah. Jadi saya bercakap ini sebab saya punya jiran Indonesia. Jiran saya Indonesia. Pulau Sebatik bahagi dua. Nunukan dua puluh minit daripada Tawau. Sungai Nyamuk dua puluh minit daripada Tawau. Tarakan demikian juga. Jadi saya kira janganlah dibesar-besarkan kerana apa yang terjadi baru-baru ini, tunjuk perasaan ini dianggap sebagai perkara kecil betul. Jadi saya fikir sampai di sini sahaja. Jangan dibangkitkan perkara ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mungkin kecil bagi Yang Berhormat Kalabakan tetapi besar bagi saya. *Floor* ini *floor* saya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Soal tarian Sembilan, Gendang Sembilan, Tarian Tor-Tor, Tuan Pengerusi, ambil contoh. Ini masalah kita nanti. Kita punya *Malaysian Hall* dilanggar macam itu rupa sehingga ramai orang-orang Malaysia rasa takut hendak pergi Bandung.

Tuan Pengerusi, mana hendak dielakkan bahawa kebudayaan kita adalah kebudayaan yang sama?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang hendak kita peragakan ini ialah kebudayaan Mandailing. Memang ada suku Mandailing di Malaysia. Memang ada suku Mandailing di Indonesia. Kalau dia menari bersama-sama, apa yang sensitif sangat seolah-olah kita hendak mencuri dia. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan hendak mengangkat itu sebagai salah satu pusaka kita bersamalah. Bukan kita hendak mengaku kita sahaja. Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Sebenarnya Yang Berhormat Sri Gading, semalam Indonesia dan Malaysia ini adalah hubungan tradisi yang cukup intim. Yang Berhormat Putrajaya pun dia lebih menghormati Indonesia kerana isterinya pun orang Indonesia. Cuma semalam lawatan Bapa Tuan Yang di-Pertua MPR, Bapa Marzuki Ali, maknanya keseriusan Indonesia untuk menyelesaikan perkara ini sebaik mungkin. Bertemu dengan Tuan Pengerusi dan dihadiri oleh rakan-rakan daripada pihak kerajaan dan pembangkang. Jelas menunjukkan bahawa perkara ini tidak perlu diperbesarkan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kalabakan.

Apabila Parlimen mengeluarkan kenyataan, merupakan kenyataan rasmi. Kita juga, Tuan Pengerusi sendiri, Tuan Pengerusi telah memperjelaskan kepada Bapa Marzuki bahawa perkara yang berlaku yang menyebabkan budaya-budaya yang ada di negara kita ini hasil daripada silang budaya yang berlaku satu masa dahulu iaitu hasil daripada proses penghijrahan rakyat Indonesia pada sekitar tahun 40-an, tahun 50-an dan tahun 60-an. Mungkin termasuk ayahanda Yang Berhormat Sri Gading sendiri yang datang ke negara kita bersama-sama mereka. Dibawa budaya dan cara hidup dan diamalkan. Bapa Marzuki sendiri mengaku bahawa perkara itu sudah selesai.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]: Yang Berhormat Sri Gading, saya di belakang. Saya belakang. Dari Putrajaya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, Yang Berhormat Putrajaya.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini sebab tadi Yang Berhormat Arau tuduh kata isteri saya Indonesia memang betullah. *[Ketawa]* Dia tidak tuduh tetapi betul. Saya hendak sebut saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat Kalabakan telah sebutkan tadi. Ini kerana dulu saya juga Menteri Pelancongan dan saya sendiri telah membawa lagu Rasa Sayang dan juga dipertikaikan oleh Indonesia. Akan tetapi akhirnya apabila kita terangkan kepada mereka, mereka bersetuju bahawa ini adalah satu budaya yang bersama kerana mereka juga lupa bahawa kebanyakan orang-orang yang menari Tor-Tor dan sebagainya adalah asal usulnya daripada Indonesia.

Akan tetapi untuk masalah yang berbangkit di Indonesia, seperti yang saya sebut dengan 13 orang yang bertemu dengan saya, masalah di Indonesia ini, demonstrasi-demonstrasi ini boleh dibayar. Mereka boleh dibayar. Jadi ada puak-puak yang tertentu di Indonesia yang tidak ingin melihat Malaysia dengan Indonesia ini akrab. Jadi mereka bayar dan orang-orang ini akan pergi mengikut waktu, jangka masa dan tempat serta berapa lama yang mereka hendak *demonstrate.* Jadi saya berharap bahawa kita jangan terjerumus dalam kancah ini. Janganlah kita sebut bahawa kita mempunyai masalah dengan Indonesia kerana Indonesia adalah rakan akrab kita. Sekian, terima kasih.

Seorang Ahli: Sebut sudah.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sri Gading, saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan tadi. Soal budaya, nyanyian dan tarian ini harus menjadi ikatan antara dua rumpun negara ini. Akan tetapi saya juga ada pandangan yang sama atau lebih kurang macam Yang Berhormat Putrajaya tadi. Mungkin ada pihak lain yang suka melihat hubungan antara dua negara ini tidak begitu baik. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Sri Gading yang pihak suka mengadu domba ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masalah saya, Tuan Pengerusi, masalah saya, saya terlalu baik hati, Tuan Pengerusi. Ayat saya belum habis dan selesai, Tuan Pengerusi. Akan tetapi oleh sebab baik hati, beri peluang kawan-kawan mencelah. Maksud saya, bukan saya menyalahkan Indonesia keseluruhannya dan saya setuju dengan Yang Berhormat Putrajaya. Saya setuju. Mereka yang tunjuk perasaan ini adalah mereka yang dibayar. Mungkinlah. Ketua Pembangkangkah siapakah agaknya. Ini yang dibayar. Yang dibayar. Memang ada pasukan di Indonesia. Jakarta. Bukan saya hendak menuduh. Dia boleh simpan 100 orang. Bila-bila masa sahaja tunjuk perasaan. Macam-macam dia boleh buat. Dibayar. Akan tetapi sebagai kepekaan kita, api yang kecil, Tuan Pengerusi, kalau kita biarkan, dia akan membakar. Kes yang Tarian Tor-Tor ini, TV dia main, akhbar dia main. Mengapi-apikan. Saya setujulah. Diapi-apikan oleh sesetengah pihak. Mungkin agaknya dibayar. Kita tidak tahu Yahudi ada di belakang agaknya. Melaga-lagakan dua rumpun yang memang sedarah dan sejiwa ini, Tuan Pengerusi.

Yang lain memang kita tahu. Macam Dewan Rakyatnya, Ahli-ahli Parlimennya, ada sesetengah pun bantai kita. Kita di sini tidak melawan dan kita tidak pernah sangka buruk kepada Indonesia. Tidak pernah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Masa habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak pernah, Tuan Pengerusi. Cuma saya kesal kalau perkara-perkara kebudayaan yang sama ini nanti dipertikaikan. Umpamanya makan tempe. Kita makan tempe.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat Tuan Pengerusi, perkara ini tidak ada Jawatankuasa inilah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang dia menyampuk saya tadi apa ada dalam Jawatankuasakah? Tempe. Sampai kita punya air bandung pun kita namakan air bandung, Tuan Pengerusi sedangkan di Bandung saya cari, tidak ada pun air itu. Mee bandung, Tuan Pengerusi tidak ada pun di Bandung, di Indonesia, di Jakarta, di Surabaya. Tidak ada pun. Di Medan pun tidak ada. Jadi kalau persamaan-persamaan yang tidak dapat dielakkan yang menjadi warisan bersama ini dipertikaikan oleh Indonesia dan inilah. Kecil, kecil, kecil, kecil, kecil, kecil, akhirnya ini.

■1220

Jadi, saya minta Kementerian Pelancongan dengan kementerian-kementerian yang lain agaknya cuba buat meja bulat di Indonesia, saya pun ingin hendak turut sertalah kalau boleh...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Meja bulat bersama untuk menerangkan supaya kalau berlaku apa-apa, dia ini sebenarnya diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu. Jemput.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta pandangan. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Sri Gading. Bagi sesuatu tamadun yang menghasilkan budaya dalam semua aspek kehidupannya memang menjadi tujuan orang yang mengamalkan tamadun ini menyebarkan tamadun mereka seluruh dunia. Lagi ramai masyarakat antarabangsa yang mengadaptasi budaya tamadun kita, sepatutnya kita lebih berbangga kerana kebaikan-kebaikan tersebut ditumpang sama oleh masyarakat seluruhnya.

Jadi, adakah Yang Berhormat Sri Gading bersetuju sepatutnya rakan-rakan kita di Indonesia apabila melihat rakyat Malaysia sama-sama mengamalkan budaya makan, budaya hiburan, budaya pendidikan yang mereka tuntut bahawa berasal dari Indonesia seharusnya mereka merasa berbangga kerana mereka berjaya menyebarkan budaya mereka ini. Cumanya soalan saya kepada Yang Berhormat Sri Gading, bagaimana tentang budaya kita sendiri? Apakah kita berjaya menyebarkan budaya kita ke seluruh dunia? Ini yang saya rasa pihak Kementerian Pelancongan harus mengambil inisiatif untuk menyebarkan supaya budaya kita yang di Malaysia, yang spesifik di Malaysia ini banyak di Indonesia, di China atau macam mana pandangan Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pertama kali Tuan Pengerusi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai... *[Ketawa]* Jadi Tuan Pengerusi, apa kata agaknya, Kementerian Pelancongan kah, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kah, bawa semua Ahli Parlimen ini ke Indonesia atau memang Tuan Pengerusi lah agaknya. Tuan Pengerusi mengepalai kita pergi ke Indonesia *just* untuk hendak menerangkan supaya kesamaan ini jangan dibuat perbezaan. Kesamaan ini menjadi keuntungan macam Yang Berhormat Kuala Krai tadi, menjadi keuntungan, kebanggaan bersama. Kita mempunyai budaya yang sama, bahasa yang sama, keturunan yang sama, tidak sepatutnya kita berbeza dan ada orang boleh memperalatkan kita untuk bermusuh antara satu sama lain.

Saya berniat baik Tuan Pengerusi, supaya hubungan akrab antara Malaysia dengan Indonesia terus akrab, terus akrab, terus akrab dan ini memberikan kebahagiaan kepada kita semua. Saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau.

12.23 tgh.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *Last.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan bagi maksud B.31 – Kementerian Pelancongan. Walaupun inti pati daripada tambahan sebanyak RM15,000,000 diperlukan untuk menampung perbelanjaan operasi perpindahan pejabat daripada PWTC ke Putrajaya tetapi kita mahu dengan imej yang telah dibina oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang terdahulu termasuk Yang Berhormat Putrajaya. Pada masa dan ketika dia menjadi Menteri Pelancongan, dia telah berjaya menarik ramai pelancong daripada negara-negara Timur Tengah, daripada *Middle East* walaupun kadang-kadang ada setengah pelancong itu ada yang berkualiti dan ada yang mencetuskan banyak masalah kepada negara kita terutamanya daripada Iran.

Akan tetapi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara termasuk menyambung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading, tentang masalah-masalah yang berkaitan dengan budaya termasuk juga dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lain seperti Yang Berhormat Kuala Krai tentang soal tamadun dan sebagainya.

Persoalannya bukan persoalan kerajaan di sini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, persoalannya melibatkan seperti yang saya katakan tadi keseluruhan bumi Indonesia itu, dia melibatkan sebanyak 36 *province.* Akan tetapi satu *province* sahaja di Jakarta yang mencetuskan keadaan dan kekacauan dan seperti mana Yang Berhormat Putrajaya katakan tadi dan diakui oleh Duta Besar Malaysia ke Indonesia sekalipun bahawa dia boleh ada tiap-tiap hari tunjuk perasaan di Indonesia. 5 orang, 10 orang, 20 orang bukan setakat dibayar 100,000 rupiah dan sebagainya dan ini kita tidak tahu tangan-tangan siapa yang menangani masalah ini untuk kita – supaya memburukkan imej negara walaupun kadang-kadang isu

yang dibangkitkan adalah terlalu kecil, tentang perkara-perkara ini cuba di *highlight* kan dan memalukan negara kita.

Kita sudah berada di dalam keadaan yang cukup meyakinkan. Sudah berada di puncak jadi apabila berpindah ke Putrajaya ini – saya tidak keluar daripada tajuk kerana tetap sebut Putrajaya sebagai ibu pejabat kementerian yang utama. Macam Yang Berhormat Sri Gading tadi agak tersasar daripada landasan peruntukan RM15,000,000 yang diperlukan oleh Kementerian Pelancongan ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Cuma kita minta usaha bersepadu kerajaan dengan sektor swasta perlu digalakkan. Memang telah ada kerana bukan setakat soal-soal hotel, agen pelancongan, pengangkutan, perhotelan, tempat-tempat rekreasi dan juga *event management, shopping paradise* yang telah menjadi di antara konsep yang pernah diperkenalkan oleh Yang Berhormat Putrajaya suatu masa dahulu. Ini perlu diperluas, diperjelaskan kerana kita lihat kenapa contohnya Bandung menjadi tarikan. Saya tidak tahu kalau orang laki-laki, kenapa mereka ke Bandung. Akan tetapi kalau wanita, mereka melihat Bandung sebagai *shopping outlet* yang begitu hebat, yang menjual barang-barang berjenama tetapi yang dijual dengan harga yang murah. Bukan barangan-barangan yang ditipu tetapi barangan original. Jadi, menjadi tarikan pelancong negara kita, bermakna kata penerbangan ke Bandung boleh dikatakan sentiasa penuh sepanjang masa walaupun bukan hari puncak.

Jadi, perkara begini harus ada dalam perancangan pihak kementerian supaya ianya menjadi suatu anjakan dan juga satu layanan terbaik yang perlu kita selesaikan. Soal-soal yang berkaitan dengan jenayah misalnya, kenapa kementerian tidak berusaha untuk tubuhkan polis pelancongan sukarela?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun].*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Seperti mana yang dijalankan di Phuket Thailand, di kawasan Patpong, di kawasan Pattaya dan sebagainya...

Seorang Ahli: Mana ada Patpong?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ada polis pelancongan. Patpong.

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ada, di situ kawasan tumpuan pelancong. Kawasan tumpuan pelancong...

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Bukan Patpong, Patong.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Patong, saya betulkan balik*... [Dewan riuh]* Supaya diwujudkan polis*... [Dewan riuh]* Saya tahu, saya hendak tengok Yang Berhormat Putrajaya, siapa yang *respond* itu pernah ke tempat itu, Tuan Pengerusi... *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Mohon penjelasan sedikit.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Jadi, kita minta kementerian mewujudkan polis sukarela bukan kerana kita hendak bergantung keseluruhannya kepada anggota polis kita, itu adalah mustahil. Jadi kawasan-kawasan...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Mohon penjelasan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *Hotspot* menjadi tumpuan pelancongan harus kita wujudkan keadaan-keadaan yang macam ini bagi menimbulkan keadaan atau suasana yang lebih baik supaya para pelancong kita tidak ditipu oleh pemandu teksi, harga makanan yang tidak berpatutan, pencemaran sungai dan lain-lain semua orang tengok benda yang tidak baik. Selain daripada iklan...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Boleh kacau Yang Berhormat Menteri mungkin sekejap lagi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Ini perkara yang berkaitan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sekejap, sekejap ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Arau. Oleh kerana Yang Berhormat Arau menyentuh betul-betul mengenai subjek kita iaitu perpindahan ke Putrajaya. Saya hendak minta Yang Berhormat Arau sama ada bersetuju atau tidak, sekadar berpindah daripada satu bangunan ke satu bangunan ianya mungkin tidak memberikan apa-apa nilai tambah, kemungkinan dengan bangunan yang baru lebih selesa *aircond* nya dan sebagainya. Yang Berhormat Arau menyentuh mengenai keupayaan kementerian menambah perkara-perkara baru seperti melaksanakan polis pelancong.

Saya pernah membangkitkan di dalam Dewan ini iaitu kementerian kita ini, Kementerian Pelancongan ini suatu kementerian yang penting, yang membawa masuk pendapatan yang banyak kepada negara. Akan tetapi daripada penilaian yang telah saya buat di dalam Dewan ini, kedudukan pegawai di kementerian ini agak junior berbanding dengan kedudukan kementerian-kementerian lain sedangkan mereka banyak berurusan dengan pihak swasta, dengan kementerian-kementerian lain, dengan kedutaan-kedutaan.

Jadi, setujukah Yang Berhormat Arau kalau cadangan saya dulu supaya skim pegawai-pegawai di kementerian ini dipertingkatkan supaya apabila mereka menghadiri perbincangan dan membentangkan suatu *proposal* yang besar mereka berada di dalam keadaan keupayaan tinggi dengan kedudukan yang tinggi dan dapat meyakinkan rakan-rakan perbincangan mereka. Ya, apa pandangan?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih, pandangan yang baik daripada Yang Berhormat Kuala Krai, saya sangat bersetuju dan masukkan sebagai ucapan saya. Yang terakhir sekali Tuan Pengerusi, saya minta PATA dan juga MATTA ini di antara agen antarabangsa untuk yang menggalakkan pelancongan di negara kita perlu diperkasakan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Lipis sedikit ya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Maksudnya penglibatan kita di dalam PATA dan MATTA ini lebih jelas.

■1230

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lipis sedikit sahaja, hendak beri cadangan, sedikit. Dua saat. Jadi, selain daripada polis pelancongan tadi Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan supaya Kementerian Pelancongan juga mewujudkan sahabat-sahabat pelancong. Jadi, dengan cara ini mereka boleh berurusan dengan pelancong yang berkenaan tetapi yang didaftarkan. Dengan cara ini penipuan tidak akan berlakulah atau penganiayaan tidak akan berlaku. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sila, sila Datuk.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Selain daripada itu, Yang Berhormat Arau, mungkin kita boleh *highlight* juga kerana ambasador yang kita ada di Sabah dan Sarawak dan Semenanjung ini ialah pemandu-pemandu teksi. Jadi, tadi saya baru berbincang dengan Pengerusi SPAD tadi bahawa di Sabah dan Sarawak mereka juga. Teksi-teksi di seluruh Sabah dan Sarawak, mereka juga diiktiraf dan diberi baucar RM520 untuk tayar. Jadi, tahniah kepada kementerian.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih kedua-dua Yang Berhormat Lipis sahabat saya dan Yang Berhormat Kalabakan. Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Pengerusi, supaya kedua-dua ucapan sahabat saya dimasukkan sebagai ucapan saya. Saya minta kempen promosi galakan dan pengiklanan walaupun berjuta-juta ringgit di buat oleh kementerian ini bukan di antara faktor penting tetapi yang lebih penting bagaimana kementerian untuk menangani memberi pelancong-pelancong kita satu pengalaman yang manis supaya pengalaman pelancong ini diceritakan kepada rakan-rakan. Itu di antara promosi terbaik demi menggalakkan sektor pelancongan. Saya mohon menyokong Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota. Tadi Yang Berhormat Pokok Sena tidak tunjuk minat. Setelah Yang Berhormat Sri Gading berucap, baru timbul minat?

12.31 tgh.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju sekiranya RM15 juta diperlukan untuk tujuan berpindah pejabat daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya. Cuma soalan ringkas saya, cuma hendak tahu kerana ada berbagai spekulasi mengatakan bahawa kontrak yang dikurniakan kepada syarikat untuk tujuan perpindahan itu telah pun dimuktamadkan sebelum daripada Belanjawan Tahunan 2012. Jadi, bagaimana tambahan ini dikatakan mengambil kira kenaikan kos dan sebagainya. Saya rasa polisi kementerian ini memang apabila muktamadkan kontrak, terutamanya kontrak berkenaan dengan berpindah dan sebagainya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Dinda Yang Berhormat Indera Mahkota, sedikit. Siapa yang beritahu Yang Berhormat Indera Mahkota, pegawai dalaman mana yang beritahu itu? Pegawai pelancongan tentu orang dalaman yang beritahu. Boleh nyatakan di sini siapa yang beritahu itu?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau Yang Berhormat berminat nanti selepas ini, masa tidak cukup. Keluar nanti saya beritahulah pada Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Di luar tidak boleh. Dalam Dewanlah sebab cakap sudah dalam Dewan, bukan? Kenalah beritahu dalam Dewan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau minat hendak tanya...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ini rasmi. Masukkan dalam *Hansard.*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tadi celah dua saat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Rasmi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kalau luar Dewan tidak rasmi sebab tadi kemukakan secara rasmi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Takkan dua saat mencelah. Selepas itu saya beri peluang kita hendak beri jawapan ke luar, tidak mahu pula. Terima kasih. Jadi, kalau boleh pihak kementerian menjelaskan keadaan ini, perkara yang ringkas sahaja. Cuma yang berkali-kali saya diminta, satu jawapan atau satu makluman yang kalau boleh membantu. Saya tidak menafikan banyak keterangan atau banyak pengisytiharan kata Kementerian Pelancongan menjana pendapatan yang cukup besar. Menteri kata RM54 bilion setahun. Tahun 2010 - RM49.3 bilion. Maknanya, setiap tahun mesti mencecah RM50 bilion pendapatan yang dihasilkan daripada pelancongan. Sama juga *ratio*nya dengan jumlah yang kita belanjakan dalam setiap kali belanjawan.

Akan tetapi saya sudah berkali-kali minta sebenarnya. Akan tetapi minta maaf pada Timbalan Menteri, ini saya tidak pasti sama ada saya pernah minta atau tidak. Akan tetapi dengan Menteri memang saya pasti beberapa kali saya pernah ajukan soalan ini. Adakah atau tidak statistik kementerian Yang Berhormat, yang secara jelas tunjuk industri apa yang menjana pendapatan kata RM54 bilion ini? Dari sudut kategorinya sebagai contoh. Perhotelan dalam satu tahun daripada tempoh pelancong datang duduk dan sebagainya. Berapa jumlah yang dibelanjakan oleh pelancong untuk hotel dan untuk makanan, lebih kurang. Maknanya, kita hendak tengok justifikasi kata RM54 bilion setahun ini, pendapatan ini, daripada mana ataupun secara rambang kita kata setiap tahun itu kerana hendak *justify* jumlah yang hendak dibelanjakan untuk kementerian ini.

Saya rasa ada satu trend di negara-negara lain terutama di peringkat ASEAN, telah pun mengubah kaedah mereka melaporkan pendapatan yang dijana daripada sumber pelancongan atau *tourism* ini. Mereka lebih cenderung untuk mengatakan kategori ini jatuh kepada kategori *wellness industry.* Jadi, daripada situ digariskan secara tepat matlamatnya kerana melihat trend pelancong yang datang dan berkunjung ke negara sekitar Asian dia kata, *"Kebanyakannya menumpu kepada aspek ini".* Mereka hendak pergi kerana hendak berhibur dan hendak mendapatkan khidmat rawatan-rawatan seperti rawatan kecantikan,

kesihatan yang dianggap kata paling murah dalam negara-negara. Negara kita antara yang dianggap lebih kompetitif dari segi harga ataupun kos-kos dalam bentuk rawatan-rawatan kecantikan yang termasuk dalam *wellness* industri. Digariskan ada lebih daripada 18 item di bawah industri *wellness* ini yang dikatakan menjadi sumber rebutan utama dalam tempoh 10 tahun di kalangan negara-negara ASEAN.

Ini dikatakan sebagai persediaan rangka asas yang dikatakan akan direbut oleh rakan-rakan negara yang menjadi tempat kunjungan utama para pelancong yang mereka tidak lagi menumpu kepada hanya membawa masuk pelancong atas perbelanjaan tiket-tiket penerbangan ataupun perjalanan semata-mata. Mereka menumpukan tentang untuk meraih seberapa banyak yang akan dibelanjakan oleh pelancong dan sudah tentu bukan sahaja dalam bidang pemakanan dan sebagainya. Mereka menumpu kepada *wellness industry.* Itu sahaja yang saya hendak tahu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pokok Sena.

12.36 tgh.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut berbahas perkara ini Maksud B.31, RM15 juta peruntukan bagi menampung perbelanjaan operasi yang meningkat bagi sewaan dan utiliti bagi 2012 berikutan perpindahan pejabat di pejabat kementerian di Putrajaya. Cuma saya hendak dapat penjelasan tentang kos sewaan pejabat itu sendiri. Berapa kos sewaan yang terpaksa ditampung dan terpaksa dibayar oleh kementerian, khususnya Kementerian Pelancongan ini kepada pihak Putrajaya Holding. Ini kerana saya pun agak keliru juga bahawa bukankah kita yang membangunkan dengan duit kerajaan sendiri dan hari ini kita pula terpaksa menyewa kepada Putrajaya Holding. Jadi, saya minta penjelasan untuk maklumat yang lebih *detail*. Keduanya tentang - Saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan berkaitan dengan penganjuran Malaysia sebagai tuan rumah kepada PATA *Annual Conference* pada 2012 yang berlangsung pada 22 April yang lalu.

Saya ingin mendapat penjelasan terutama sekali apa kesan daripada Persidangan PATA iaitu *conference* yang diadakan baru-baru ini. Apabila di bawah satu penghormatan yang diberikan oleh pihak pakar *executive* bon dan pakar bon yang memberikan pengiktirafan kepada Malaysia untuk menjadi tuan rumah sekali lagi dalam PATA *Annual Conference Meeting* baru-baru ini. Akan tetapi saya hendak dapat penjelasan sejauh mana keberkesanan daripada penganjuran ini. Itu satu. Saya tidak menafikan bahawa ramai pelancong-pelancong datang ke negara kita, mengikut faktanya 24.5 juta orang datang pada tahun 2010. Akan tetapi saya juga ingin mendapat penjelasan bagaimana pihak kementerian menguruskan persidangan ini? Ini kerana saya melihat bahawa kalau mengikut asalnya pihak kementerian sendiri telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM2,398,600 bagi tujuan persidangan PATA yang berlangsung bermula daripada 19 April hingga 22 April baru-baru ini. Akan tetapi dalam beberapa perkara ada benda-benda yang tidak terdapat di dalam bajet. Kalau melihat kepada kertas bajet itu, peruntukan itu tiba-tiba dibuat satu yang di luar daripada perancangan yang asal.

■1240

Umpamanya macam menyediakan maskot penyu sebanyak empat ekor. Sedangkan kalau saya lihat bahawa maskot penyu ini tidak terdapat di dalam peruntukan RM2 juta itu, tidak terkandung perbelanjaan dalam RM2 juta. Akan tetapi tiba-tiba pihak kementerian cepat untuk membuat satu peruntukan penyu iaitu sebanyak RM49, 500 dengan kadar seekor RM12,000 untuk maskot atau patung penyu sempena dengan *MATTA Annual Conference* di Kuala Lumpur baru-baru ini. Jadi saya hendak bertanya bahawa mengapa di awal lagi kita tidak ada satu perancangan untuk melihat bahawa keperluan kepada maskot ini. Sedangkan kita macam tidak ada satu persediaan yang rapi tiba-tiba *last minute* baru hendak sediakan satu maskot sejumlah empat ekor.

Ketiganya ialah saya persoalkan bahawa macam ada sesuatu yang tidak kena apabila ia diberikan kepada syarikat LLMG Ryan Enterprise yang mendapat macam kita katakan bahawa melalui satu mendapat perkhidmatan syarikat ini untuk membekalkan empat maskot ini. Ini disebabkan saya pun hairan juga bahawa macam mana tiba-tiba syarikat ini, ia baru ditubuhkan tiga bulan atau empat bulan sebelum itu sahaja iaitu ia didaftarkan pada 2 Oktober 2012. Ia didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat dan ia didaftarkan dalam Kementerian Kewangan untuk pengesahan sebagai syarikat bumiputera ini. Ia didaftarkan pada 17 Februari, sedangkan sidang MATTA ini diadakan pada 19 April. Jadi hanya dua

bulan sahaja ia didaftarkan sebagai syarikat bumiputera, terus dapat projek. Macam ada sesuatu hubungan yang diragui untuk diberikan kepada syarikat ini.

Saya mempersoalkan ini bukan kerana saya dengki dengan syarikat ini tetapi malanglah bagi syarikat-syarikat yang lain yang sudah pun daftar lama dan menjalankan perniagaan mereka tidak mendapat peluang tertentu dalam isu pembekalan maskot ini. Jadi, saya hendak mendapatkan penjelasan ini mengapa boleh berlaku sebegini rupa. Malah saya lihat bahawa ada perkara-perkara yang terpaksa dibuat walaupun tidak dipersetujui, walaupun hakikatnya bahawa pegawai-pegawai itu ada pegawai-pegawai tertentu itu tidak menyetujui tetapi oleh kerana tidak dapat hendak dielakkan, maka terpaksa bersetuju pada amalan yang luar biasa dalam kes pemberian maskot ini. Ini baru maskot... Ya sila.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya pun tertarik dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Pokok Sena sebab saya pun ada menerima sedikit maklumat dan dokumen yang mengatakan bahawa penempahan empat maskot penyu itu, melantik syarikat yang baru ditubuhkan itu dan sebagainya dan saya mendapat maklumat bahawa ia disokong oleh arahan Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya hendak menumpang Yang Berhormat Pokok Sena dan bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah betul ini arahan daripada Yang Berhormat Menteri untuk meluluskan pembelian ini? Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Saya berasaskan pada maklumat yang ada pada saya ini. Kertas itu memang, pegawai tidak bersetuju kerana ini amalan di luar kebiasaan tetapi oleh kerana disokong sepertimana disokong satu surat arahan oleh Yang Berhormat Menteri, maka terpaksa bersetuju. Jadi, saya rasa satu benda yang peliklah. Sepatutnya pegawai dia mestilah buat perkara-perkara yang mengikut proses ataupun prosedur yang sepatutnya, bukan berasaskan kepada arahan daripada Menteri. Menteri harus faham bahawa ini bidang tugas yang ada kepada pegawai. Tidak boleh Menteri mencampuri urusan pelaksanaan tugas yang dibuat oleh pegawai.

Jadi ini yang Tuan Pengerusi yang kita rasakan bahawa apabila Menteri, atas sifatnya sebagai seorang Menteri, dia mencampuri urusan kerja yang dibuat oleh pegawai menjadikan pegawai tidak boleh hendak bekerja secara yang betul dan yang baik. Akhirnya terpaksa akurlah pada apa yang dikehendaki oleh Menteri yang merupakan orang politik yang akhirnya akan merosakkan perkhidmatan awam di dalam negara kita ini. *[Disampuk]*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada lagi? Yang Berhormat Tenggara ini bangunlah Yang Berhormat. Bising sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Sedikit lagi Yang Berhormat Pokok Sena. Saya pun hendak - berkenaan dengan penajaan *MATTA Conference* ini. Memang Kementerian Pelancongan ini, mereka banyak membuat *conferences,* persidangan-persidangan antarabangsa kononnya ini berprestij tinggi dan sebagainya. Akan tetapi dalam keadaan ekonomi negara kita dan perbelanjaan yang besar, lihat setiap tahun kita defisit bajet dan sebagainya, saya mempersoalkan setiap kali penganjuran persidangan-persidangan ini memakan belanja yang cukup besar.

Saya melihat ada *details* perbelanjaan yang saya rasa amat boros seperti persembahan kebudayaan, acara sambutan dan hiasan, RM50,000 satu malam. Dua malam punya majlis makan malam, RM100,000. Pengacara majlis, RM6,000 satu malam. Ini pengacara majlis standardnya lebih tinggi daripada Ahli Parlimen. Ahli Parlimen satu hari mesyuarat baru RM300. Pengacara majlis ini lebih tinggi daripada kita, standard lebih tinggi daripada kita. *[Disampuk].* Ahli Parlimen baru RM300 satu hari mesyuarat. Saya hendak bertanyalah pandangan Yang Berhormat Pokok Sena mengenai pemborosan perbelanjaan seperti ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Ini satu perkara yang sangat dipersoalkan. Apabila saya katakan bahawa peruntukan sebanyak RM2 juta untuk persidangan hanya untuk tempoh beberapa hari. Kalau mengikut kertas asalnya: makan

malam sebanyak RM90,000; *lighting* sistem siar raya - RM30,000; kebudayaan - RM50,000; pengacara majlis - RM6,000. Ini bagi saya bahawa satu benda yang cukup besar yang tidak sewajarnya. Akan tetapi saya dikatakan bahawa isunya ialah kadang-kadang orang buat keputusan suruh kita menjadi penganjur. Kita pun rasa bangga. Akan tetapi orang kata bahawa oleh kerana Malaysia ini senang menyediakan peruntukan duit yang besar untuk meringankan persidangan tersebut.

Jadi, kita menjadi mangsa. Maknanya setiap tahun, kata orang, *"Oh! Malaysia bagus. Malaysia memang hebat daripada segi industri pelancongan".* Kita pun seronok, kembang kerana pujian daripada antarabangsa sedangkan mereka hendak suruh kita menganjurkan, suruh kita yang menyediakan peruntukan. Negara lain tidak hendak menyediakan peruntukan untuk hendak mengadakan satu persidangan yang saya anggap bahawa ia bukan ada apa-apa hasil pun dan hanya sebagai *social gathering* sahaja. Hanya pertemuan dalam kalangan *board* untuk membuat satu persidangan.

Jadi, saya katakan bahawa suatu yang sangat malang dan kita hendak meminta penjelasan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rasah tadi. Ini disebabkan bagi saya bahawa macam maskot sampai empat ekor, pasai apa sampai empat ekor? Buat apa sampai empat ekor, bubuh seekor sudahlah. Siapa boleh tengok penyu *[Disampuk].* Lebih baik ambil Yang Berhormat Tenggara pi letak di hadapan itu, baru lebih cantik *[Ketawa].* Baru ada orang hendak tengok. Ini pi bubuh penyu buat apa. Saya katakan kalau letak Yang Berhormat Tenggara di situ, itu lebih menawanlah, menawan pelancong daripada letak penyu. Penyu ini tidak ada apa-apa sangat bagi saya.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa kerajaan kita macam tidak tahu apakah keutamaannya yang perlu dibuat. Macam saya bangkitkan semalam Tuan Pengerusi, macam mari kita hendak membela, sewa beruang panda sampai RM3.2 juta. Jadi satu yang saya fikir bahawa adakah ini satu keperluan? Adakah kita rasakan bahawa, Oh! Ramai orang hendak tengok. Tidak akan kita hendak menyuruh orang kampung dari Kuala Nerang, dari Arau naik kereta, bayar tol. Kemudian mai hendak tengok beruang panda dua ekor di Putrajaya.

Jadi, saya katakan bahawa kita tidak tahu melihat apakah kepentingan, keperluan kepada kehidupan rakyat. Oleh sebab itu saya sebut semalam bahawa kalau beruang panda ini dalam konteks pelancongan juga. hendak menjadikan beruang panda itu sebagai satu daya tarikan pelancongan. Kalau pelancong dari luar hendak lihat beruang panda, baik depa pi China. Baik depa pergi ke negara China. Kalau rakyat Malaysia hendak lihat beruang panda, tidak akan kita hendak menghabiskan duit, kemudian mari ke sini, hendak kena bayar hendak masuk lihat beruang panda. Lebih baik Tuan Pengerusi kita fikir macam mana daripada RM3.2 juta untuk sewa beruang panda itu, lebih baik kita uruskan kehidupan janda.

■1250

Itu lebih baik kepada mengatasi masalah janda ataupun ibu tunggal yang tidak mempunyai rumah, yang miskin, yang terpaksa membela anak mereka untuk belajar sampai ke universiti dan sebagainya, ini yang sepatutnya. Jadi saya fikir bahawa kesianlah maknanya janda, ibu tunggal dapat BR1M RM500, beruang panda dapat RM3.2 juta, *driver* teksi dapat tayar RM520, beruang dapat RM3.2 juta. Maknanya kerajaan tidak tahu hendak membezakan mana yang lebih utama, panda atau janda. Jadi saya fikir bahawa sepatutnya Kementerian Pelancongan harus melihat perkara ini bahawa panda bukan satu yang boleh menambahkan hasil pendapatan kepada industri pelancongan dalam negara kita sebaliknya satu pembaziran. Kita sewa kemudian kalau dia mati kita kena bayar pula, kalau dia beranak, dia beranak bukan macam pawah lembu kerbau di kampung, kita kena bagi balik kepada tuan punya itu ataupun kalau kita hendak bela kita kena tambah sewa. Jadi saya rasa lebih baiklah kita bela rakyat kita daripada kita bela beruang panda. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ramai lagi yang berucap, kalau ramai lah yang berucap saya mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, entah kenapa saya terlampau bermurah hati pada hari ini, yang dibahaskan perpindahan pejabat, mengenai dengan utiliti, kita berbincang mengenai dengan panda, cerita balik dengan budaya dengan apa, itu sebab kadang-kadang kita berbahas sampai jam 3.00 pagi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Jangan sampai diingatkan selalu, sila. Selepas itu saya mahu Menteri untuk menjawab.

12.51 tgh.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Maksud B.31 Kementerian Pelancongan. Saya bersetuju dengan peruntukan RM 15 juta untuk tujuan yang dimaksudkan. Akan tetapi pandangan saya, saya meminta pihak kementerian juga memberikan tumpuan kepada pembukaan dan menaik taraf penambahan nilai kepada pusat-pusat info pelancongan di kebanyakan tempat di kompleks membeli belah, di pusat-pusat yang menjadi tumpuan supaya maklumat mengenai produk pelancongan ini dapat disebarkan dengan lebih luas di samping mempertingkatkan lagi medium melalui media sedia ada dan media-media yang menjadi kegilaan masyarakat pada ketika ini.

Sehubungan dengan itu juga, saya fikir langkah kementerian apabila mewujudkan Majlis Pelancongan Komuniti ini yang telah pun diwujudkan, akan tetapi saya difahamkan bukan di semua kawasan, hanya di kawasan-kawasan itu sahaja dan mungkin ia boleh ditambah nilai lagi kerana produk pelancongan di peringkat daerah ini ataupun di komuniti ini penting.

Saya dengar Yang Berhormat Pokok Sena sebut tentang beruang panda ini sudah masuk kali kedua tetapi itulah tahap Naib Presiden PAS bercakap, tetapi dia tidak nilai bahawa ini sebenarnya simbol kepada hubungan dua buah negara di antara Malaysia dan China yang mana kerajaan kita berfikir lebih ke hadapan daripada itu. Saya percaya melalui langkah yang dibuat oleh kerajaan ini, ia mengundang kepada kehadiran pelancong daripada negara-negara jiran dan juga pelancongan domestik. Ini memungkinkan berlakunya pertambahan dari segi pendapatan negara melalui perkara ini. Saya tidak bersetujulah kalau kita hanya berfikiran sesingkat sebegitu.

Sebenarnya kerajaan ada duit yang lainlah kalau hendak menanggung soal janda kah apa ini. Ini soal bagaimana kita hendak mempertingkatkan hubungan dua buah negara, simbol. Sebenarnya kita mempunyai keuntungan yang lain lagi. Jadi saya tidak bersetuju sungguh dengan pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Mungkinlah Kerajaan Negeri Kedah, strateginya lain bagaimana hendak meningkatkan pelancongan, sebab itulah terpaksa juga membuka pusat karaoke dan sebagainya walaupun pada peringkat awal masa zaman dia hendak mula-mula memerintah Kedah itu, dia mengatakan hendak menutup itu dan hendak menutup ini tetapi akhirnya dia membuka juga. Hah ini mungkin dia buat kerana tujuan pelanconganlah mungkin.

Namun saya fikir apa yang dibuat oleh kerajaan melalui membawa beruang panda ke Malaysia ini sebagai satu simbol hubungan keakraban dua buah negara yang begitu baik dan sudah tentu meningkatkan sektor pelancongan dan juga bidang-bidang hubungan dari segi ekonomi yang lain.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga berharap supaya di samping kita memberikan tumpuan kepada meningkatkan kemudahan-kemudahan di Putrajaya, maka juga selain daripada meningkatkan bilangan pegawai, menambahkan kecekapan pegawai sudah tentu kemudahan-kemudahan di pejabat, di negeri dan juga di kawasan tempat tertentu perlu dipertingkatkan lagi supaya hebahan kepada pelancongan ini dapat dinikmati dan diperoleh oleh semua peringkat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Menteri kalau sudah bersedia menjawab.

12.55 tgh.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada rakan-rakan, ramai rakan-rakan yang daripada penilaian saya memang berminat di dalam industri pelancongan dan berminat juga dalam usaha-usaha untuk melancong ke mana-mana pun. Itulah sebabnya ramai mereka berbahas ataupun menyentuh tentang banyak perkara yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pelancongan. Namun jika mengikut Maksud B.31, tambahan sebanyak RM15 juta diperlukan untuk menampung perbelanjaan operasi yang meningkat bagi sewaan dan utiliti pada tahun 2012 berikutan perpindahan pejabat ke Putrajaya.

Kementerian Pelancongan berpindah ke Putrajaya pada Ogos 2011 selepas berada di pelbagai tempat sewaan iaitu di PWTC, *The Mall* dan *Mid Valley.* Oleh itu, perbelanjaan yang diperlukan ialah permohonan peruntukan tambahan ini adalah bagi menampung perbelanjaan operasi kementerian yang melibatkan kenaikan kadar sewaan bangunan baru. Kenaikan kadar sewaan bangunan baru hanya dimaklumkan oleh Perbadanan Putrajaya selepas Bajet 2012 diluluskan. Kadar sewa tambahan di Putrajaya yang sebenar adalah sebanyak RM9.5 juta, RM7.4 juta dipohon melalui peruntukan tambahan dan baki sebanyak RM2.1 juta ditampung melalui peruntukan sedia ada. Tambahan perbekalan juga adalah untuk kenaikan caj bil-bil utiliti bangunan baru di Putrajaya, oleh itu jumlah RM15 juta adalah dipohon.

Ada di kalangan rakan-rakan Yang Berhormat tadi bertanya tentang berapakah sewa pejabat baru di Putrajaya. Siapa yang belum tahu pejabat kita di Putrajaya adalah beralamat di Nombor 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya. Sewaan untuk setahun di bangunan baru ialah RM39.6 juta setahun, yang kita minta adalah untuk menampung bajet yang kita sudah masukkan di dalam Bajet 2012, itu yang kita mohon dan RM15 juta telah pun diluluskan supaya jumlah untuk setahun ini mencukupi. Kedua, kos utiliti setahun ialah RM8.3 juta dan selain daripada itu kawalan keselamatan RM685,908 setahun. Jadi itulah yang RM15 juta yang kita pohon kerana kita berpindah ke pejabat baru.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sambung di sebelah tengah hari nanti terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan sesi pagi ditangguhkan sehingga pukul 2.30 tengah hari nanti, terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Menteri Pelancongan.

2.32 ptg.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekali lagi saya ingin menjelaskan di sini bahawa RM15 juta bajet tambahan itu ialah untuk kenaikan kadar sewaan bangunan baru RM7.4 juta dan kenaikan bil-bil utiliti bangunan baru di Putrajaya RM7.6 juta.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas teguran, saranan dan cadangan di Kementerian Pelancongan ini terutamanya kepada Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Pokok Sena.

Bagi rakan-rakan yang mencelah pula, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Putrajaya, Yang Berhormat Lenggong...

Dato' Ngeh koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Rasah. Saya ingin memohon maaf kerana tidak menjawab sebab peringkat ini adalah peringkat Jawatankuasa di bawah Maksud B.31 adalah bajet tambahan untuk sewaan pejabat dan bayaran bil-bil utiliti. Sekian, terima kasih.

Dato' Ngeh koo Ham [Beruas]: Timbalan Menteri, boleh dapatkan penjelasan. Tadi jawapan sebelah pagi dengan petang saya mungkin silap faham. Tadi dikatakan bil utiliti di sebelah pagi tadi dikatakan RM8.3 juta. Sekarang dikatakan bil utiliti RM7.6 juta, mana angka yang betul ataupun jawapannya ialah bil utiliti sudah naik daripada RM7.6 juta kepada RM8.3 juta dan sebab itu diperlukan peruntukan RM15 juta itu. Kalau boleh bagi jawapan yang tepat supaya saya tidak keliru.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat, sebab perpindahan ke pejabat baru, dulu bajet kita adalah mengikut bayaran di pejabat lama. Jadi perpindahan di pejabat baru, kita mesti memohon bajet tambahan RM15 juta. Sejumlah RM7.6 juta adalah untuk bil utiliti dan RM7.4 juta adalah untuk tambahan sewaan pejabat. Pada seluruhnya dalam satu tahun bil utiliti adalah RM8.3 juta setahun di pejabat baru. Boleh? Boleh faham ya. Sekian terima kasih.

Dato' Ngeh koo Ham [Beruas]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM15,000,000 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM15,000,000 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud B.41 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk di bahas.

Jadi saya juga ingin memperingatkan sebelum Yang Berhormat bercakap soal pelajaran, dua perkara sahaja RM160 juta untuk menampung bantuan bayaran tambahan persekolahan dan yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia 2012 dan RM35 juta untuk menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara. Jadi minta tolonglah oleh kerana kita ada lagi lima, enam kementerian Yang Berhormat. Ikut peraturannya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Johor Bahru.

2.37 ptg.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tumpukan kepada soal RM35 juta bagi menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara. Saya berharap bahawa di dalam kajian semula Dasar Pendidikan Negara ini boleh diberikan perhatian kepada soal pendidikan golongan pekak.

Golongan pekak Tuan Pengerusi, dari segi pendidikan mereka boleh dipandu kepada dua perkara iaitu dua konvensyen, dengan izin Tuan Pengerusi:

(i) *Convention on the Right of Persons with Disabilities and Optional Protocol;* dan

(ii) *Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education* yang telah digubal dan diiktiraf pada tahun 1994 di *Salamanca, Espanol.*

Ini yang mana telah jelas menunjukkan arah pendidikan bagi golongan istimewa seperti umpamanya kalau dilihat kepada soal apa yang telah digariskan di bawah *Convention on the Rights of Person with Disabilities and Optional Protocol*, Bangsa-Bangsa Bersatu ia jelas pada Artikel 24, atau Perkara 24, mengenai pendidikan, dengan izin; *3(b), facilitating the learning of sign language and the promotion or the linguistic identity of the deaf community;*

3(c) ensuring that the education of persons any particular children who are blind, deaf or deaf-blind is delivered in the most appropriate languages and modes and means of the communication for the individual, and in environments which maximize academic and social development;

■1440

"*24(4) - In order to help ensure the realization of this right, States Parties shall take appropriate measures to employ teachers, including teachers with disabilities, who are qualified in sign language and/or Braille, and to train professionals and staff who work at all levels of education".*

Dalam *Salamanca Statement* pula telah jelas juga menunjukkan bahawa dalam soal pendidikan bagi golongan pekak, "*Educational policies should take full account of individual differences and situation, importance of sign languages as a medium of communication among the deaf for example should be recognized and provision made to ensure that all deaf persons have access to education in their national sign language."*

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia jelas menunjukkan bahawa dari segi protokol-protokol antarabangsa telah pun bersetuju untuk menggalakkan penggunaan bahasa isyarat semua pihak-pihak yang tertentu mengikut negara-negara yang tertentu sebagai bahasa penghantar di dalam pendidikan golongan pekak. Hanya bagi Malaysia, saya lihat bahawa bagi pihak golongan pekak yang telah meminta supaya saya bercakap bagi pihak mereka ialah bahawa Kementerian Pelajaran masih enggan untuk menerima konsep pendidikan bagi golongan pekak sepertimana yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa.

Berkali-kali saya telah menimbulkan masalah di mana hari ini masih digunakan kod tangan bahasa Malaysia sebagai *medium of instruction* atau sebagai bahasa penghantar di dalam sekolah-sekolah kita bagi golongan pekak. Sedangkan masyarakat pekak menegaskan bahawa mereka mahu digunakan bahasa isyarat Malaysia dan bahasa isyarat Malaysia sudah pun dipersetujui oleh negara sebagai bahasa rasmi orang pekak.

Saya ingin menunjukkan bezanya di antara kod tangan bahasa Malaysia dengan bahasa isyarat Malaysia. Kod tangan bahasa Malaysia sebenarnya ialah untuk mengajar orang pekak mengenal abjad dan boleh membantu mereka untuk membaca dan menulis kerana di dalam penulisan dan pembacaan harus kita kenal *alphabet* atau abjad untuk memahami, untuk menambahkan kebolehan membaca dan menulis. Akan tetapi dari segi komunikasi yang harus digunakan ialah bahasa isyarat Malaysia.

Uniknya kepada bahasa isyarat ini ialah ia menjadi bahasa komunikasi di antara semua orang pekak di Malaysia tanpa mengira kaum mereka. Jadi bermakna bahawa ia satu bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantaraan atau bahasa komunikasi. Apa yang lebih unik lagi kalaulah seseorang itu datangnya daripada Amerika Syarikat ataupun datangnya daripada Jepun, mereka boleh berhubung dan bercakap melalui berkomunikasi dengan bahasa isyarat dengan seorang rakyat Malaysia yang menggunakan bahasa isyarat Malaysia.

Jadi, sebenarnya bahasa isyarat ini menjadi bahasa komunikasi yang universal. Kalaulah katakan kita hendak mengajar golongan pekak di sekolah-sekolah kita, kita ambil contoh umpamanya perkataan 'semak' dan 'semak'. Perkataan 'semak' dan 'semak' kalau dieja sama sahaja. S.E.M.A.K. Bagaimana seorang yang tidak ada pendengaran itu? Hanya berpandu kepada abjad sahaja, mengenali huruf sahaja, tahu bezanya di antara semak dan semak.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Kecuali dengan bahasa isyarat. Kalau semak, isyaratnya begini. *[Menunjukkan isyarat tangan]* Semak. Kalau disemak, begini. *[Menunjukkan isyarat tangan]* Ini pentingnya supaya Kementerian Pelajaran memahami bahawa dalam hendak mengajar golongan pekak dengan berkesan hendaklah mereka menerima, jangan tolak, jangan lagi berdolak-dalik menolak penggunaan bahasa isyarat Malaysia sebagai bahasa komunikasi.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Johor Bahru. Sedikit boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada tiga minit Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tidak ada, Tuan Pengerusi. Minta maaf Yang Berhormat Balik Pulau. Saya ada...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya hendak tanya pasal *United Nation* protokol itu.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, boleh? Sedikit sahaja sebab saya mendengar Johor Bahru berbahas mengenai isu kelompok istimewa ini bukan kali pertama, ini kali kedua seingat saya. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada Johor Bahru, sejauh mana komitmen kerajaan hari ini memastikan bahawa isu ini bukan isu pendidikan biasa, ialah isu *access to education* apatah lagi isu hak asasi yang mana Johor Bahru mengatakan terdapat protokol-protokol yang telah dipersetujui.

Adakah hari menggambarkan bahawa Kementerian Pelajaran tidak memenuhi tuntutan-tuntutan tersebut kerana dari segi perundangan, ia diratifikasikan ataupun di tandatangan dia ada *force of law* nya. Kalau kegagalan untuk melakukan proses tersebut, implikasi dari segi perlembagaannya bukan sahaja isu biasa. Mohon penjelasan sedikit.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya rasa Menteri yang menjawab boleh bagi penjelasan tetapi kalau Yang Berhormat menawarkan menjadi peguam bagi pihak *Malaysian Federation of The Deaf*, saya boleh anjurkan kepada pihak mereka.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya berlapang dada.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Secara percuma dan *voluntary*.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Seperti biasa. Percuma.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: *Alhamdulillah. [Ketawa]* Akan tetapi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, perkara ini sudah pun berkali-kali saya bawa dalam Dewan ini dan saya pun berikhtiar untuk mengadakan perjumpaan dengan pihak *Malaysian Federation of The Deaf* dengan pihak Kementerian Pelajaran dan malangnya bila mereka berjumpa ialah satu pihak yang tidak pekak, satu pihak memang pekak dan yang tidak pekak pula tidak faham.

Sebenarnya apa yang dikehendaki oleh golongan pekak? Jadi kalaulah boleh kita ubahkan cara pemikiran kita, ini sahaja satu golongan mereka yang mempunyai masalah. Bila kita pekak, kita tidak akan dengar apa yang bunyi-bunyian itu, bermakna kita tidak boleh bercakap dan bermakna akses kepada kita sebagai seorang pekak memang terhindar.

Oleh sebab itu, saya berharaplah supaya Kementerian Pelajaran dalam kajian pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan ini, jangan lupa bahawa adanya satu golongan kerana tidak diberikan perhatian kepada bahasa komunikasi mereka. Ini bahasa mereka. *Sign language* ini, bahasa isyarat ini bahasa mereka. Jangan kita fikir *"Ah ini kod tangan ini sama sahaja bahasa isyarat"*. Bahasa isyarat ini menunjukkan maksud perkataan itu.

Seperti saya bagi contoh tadi perbezaan di antara semak dan semak. Banyak lagi perbezaan di antara bagaimana hendak menggambarkan maksudnya sebuah pulau dan memulaukan. Ini tak boleh digambarkan melalui kod tangan. Harus digambarkan, disampaikan melalui bahasa isyarat Malaysia.

Akta OKU negara sudah pun iktiraf bahasa isyarat Malaysia sebagai bahasa orang pekak. Konvensyen dan protokol antarabangsa sudah pun menyatakan inilah caranya, mesti gunakan bahasa isyarat Malaysia, mesti gunakan bahasa yang khusus bagi kumpulan ini.

■1450

Jadi apa lagi kita hendak masih berada dalam keadaan yang begitu ketinggalan sedangkan banyak negara yang telah *ratify convention* ini melaksanakan bagi negara-negara mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya *just* minta tanya kalau kita ada soalan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat bercakap. Yang Berhormat Rasah.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Jadi saya berharap Tuan Pengerusi bahawa Yang Berhormat Menteri bagilah perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah.

2.50 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya. Saya hendak mengambil bahagian dalam Maksud B.41 khususnya mengenai peruntukan sebanyak RM35 juta untuk menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara.

Saya hendak bertanya berkenaan dengan dasar Kementerian Pelajaran terhadap pembangunan SMJK(C), sekolah menengah jenis kebangsaan Cina kerana sejak merdeka dahulu, selepas sekolah-sekolah persendirian cina – ada berpuluh buah sekolah persendirian cina ini ditukar menjadi SMJK(C). Dalam beberapa dekad ini mereka menghadapi pelbagai masalah dari segi kekangan kewangan, dari segi pembangunan dan penambahan bilik darjah dan juga sekolah.

Saya hendak mengambil peluang ini untuk mengemukakan satu isu spesifik berkenaan dengan sebuah sekolah menengah jenis kebanggaan cina iaitu SMJK(C) Chan Wa yang terletak di kawasan saya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa semasa sekolah ini ditukar menjadi SMJK(C), terdapat sebuah perjanjian di antara Kementerian Pelajaran dengan *the supervisor of Chan Wa High School Seremban* yang pada ketika itu salah satu syarat ataupun terma dalam perjanjian ini berbunyi, saya *quote, "That the supervisor and management committee do not increase the size of the middle school beyond the patent given below without the permission of the minister".* Selepas itu ada jumlah bilik darjah dan sebagainya. *"If it appears that this number of classes is likely to be exceeded, the supervisor and management committee will take immediate steps to secure land and premises to enable separate branch school to be created to accommodate the extra classes. It's being further understood that a capital grant for this purpose will be made by the government but not before the agreement has been enforced for two years".*

Maksudnya, sekiranya terdapat permintaan lebihan bilik darjah dan memerlukan sebuah sekolah tambahan ataupun cawangan sekolah, maka kerajaan melalui Kementerian Pelajaran akan memberikan peruntukan penuh untuk membina sekolah cawangan ini. SMJK(C) Chan Wa di Seremban ini yang asalnya terletak di Jalan Temiang beberapa tahun lepas semasa mantan Timbalan Menteri Pelajaran yang merupakan Ahli Parlimen Seremban telah mengusahakan dan memang sebuah sekolah cawangan telah ditubuh ataupun dibina di Mutiara Gala iaitu yang terletak di kawasan Parlimen Rasah sekarang. Sekolah ini telah beroperasi beberapa tahun dan semasa pembinaan sekolah cawangan itu memangnya bukan *full grant* daripada kerajaan. Ada sebahagian daripada peruntukan kerajaan tetapi kebanyakannya adalah daripada derma masyarakat Tionghoa di Seremban.

Sekolah ini telah beroperasi beberapa tahun dan beberapa tahun in mereka telah meminta supaya sekolah cawangan ini dijadikan sebagai SMJK(C) Chan Wa 2 ataupun ada perbezaan dari segi pentadbirannya. Akan tetapi sehingga sekarang sekolah ini masih terletak di bawah satu pentadbiran yang sama iaitu seorang pengetua sekolah yang mengendalikan kedua-dua buah sekolah.

Pada November 2011, Presiden MCA sendiri, Dato' Chua Soi Lek telah mengatakan bahawa beliau telah memohon daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan secara prinsipnya Yang Berhormat Menteri pelajaran telah bersetuju untuk memecahkan pentadbiran sekolah ini dan dijadikan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chan Wa 2 yang merupakan – ada dua *separate* entiti dan dua pengetua untuk dua sekolah yang berlainan ini.

Akan tetapi sehingga sekarang, sudah lapan bulan berlalu, belum ada apa-apa berita lagi, belum ada apa-apa keputusan lagi daripada pihak Kementerian Pelajaran dan sehingga hari ini pengetua yang sama masih mengendalikan kedua-dua sekolah dan ini menimbulkan pelbagai masalah dari segi pentadbiran kepada pengetua ini dan pembangunan sekolah ini. Cuma saya hendak tanya apakah perkembangan daripada pihak Kementerian Pelajaran terhadap permohonan daripada SMJK(C) Chan Wa ini untuk dipecahkan menjadi dua *separate* entiti? Itu yang pertama.

Yang keduanya dasar secara umum untuk pembangunan SMJK(C) di seluruh negara. Di Pulau Pinang juga ada sebuah SMJK(C) yang ingin menambah cawangannya dan apakah kerajaan ataupun Kementerian Pelajaran akan memberikan peruntukan penuh seperti perjanjian yang pernah dibuat di antara SMJK(C) Chan Wa dengan Kementerian Pelajaran dan adakah perjanjian ini tertakluk kepada semua SMJKC yang lain di seluruh negara? Saya rasa ini adalah satu perkara yang penting yang perlu diketahui oleh masyarakat dan juga SMJK(C) ini supaya pembangunan SMJK(C)-SMJK(C) ini dapat dipertingkatkan. Ini saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran boleh memberikan satu pengumuman ataupun satu jawapan supaya ini dapat memahamkan keseluruhan masyarakat khususnya masyarakat Tionghoa di seluruh negara. Ini yang pertama.

Yang keduanya berkenaan dengan Sijil UEC yang merupakan satu isu yang telah lama diperbincangkan. Baru-baru ini pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mengumumkan bahawa Kerajaan Malaysia akan mengiktiraf beberapa universiti-universiti daripada China iaitu ijazah-ijazah daripada China. Adalah tidak masuk akal sekiranya kerajaan boleh mengiktiraf sijil-sijil ataupun ijazah-ijazah daripada universiti-universiti di China tetapi Kerajaan Malaysia sendiri tidak mengiktiraf Sijil UEC kerana kebanyakan mereka yang pergi belajar di universiti-universiti di China ini adalah pelajar-pelajar daripada sekolah tinggi persendirian Cina iaitu mereka yang memegang Sijil UEC. *Degree* itu, ijazah itu boleh diterima pakai oleh kerajaan tetapi pada hakikatnya, pada dasarnya Sijil UEC itu tidak diiktiraf lagi oleh pihak Kerajaan Malaysia untuk mereka masuk ke dalam IPTA-IPTA tempatan walaupun *syllabus* mereka adalah lebih kurang sama dan sebagainya, cuma bahasa penghantarnya yang berlainan. Saya harap ini dapat diberikan jawapan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jempol.

2.57 ptg.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk tentang peruntukan yang diberikan ini dalam membincangkan tentang Dasar Pendidikan Negara. Saya hendak memberikan tumpuan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan sejumlah pelajar-pelajar kita yang berada di Tingkatan Empat dan juga di Tingkatan Lima sekolah-sekolah menengah. Oleh kerana dasar pelajaran kita ini pelajar kita yang melalui PMR yang tidak lulus pun mereka boleh berada di Tingkatan Empat tetapi ada sejumlah pelajar-pelajar yang berada di Tingkatan Empat ini kadangkala semua subjek tidak

lulus dan mereka memang tidak boleh mengikuti aliran pendidikan biasa yang mengutamakan latihan dalam bidang akademik.

Apakah melalui perancangan dan juga peruntukan ini kita buat sungguh-sungguh supaya memberikan peluang dan juga tumpuan kepada pelajar-pelajar jenis ini untuk mendapat latihan kemahiran tertentu? Kadangkala mereka tidak boleh mengikuti bidang akademik tetapi mereka mempunyai bakat, kebolehan dan juga skil tertentu dalam bidang kemahiran, dan kalau boleh kita beri peluang mereka untuk mendapatkan kemahiran. Kalau kita hendak tempatkan mereka di sekolah teknik ataupun sekolah vokasional, mereka ini kadangkala tidak layak pula untuk ditempatkan di sekolah-sekolah tertentu dan bilangan mereka juga agak terhad untuk dapat ditempatkan di sekolah tersebut.

Maka saya mengambil peluang ini, dalam kajian yang dibuat oleh kerajaan supaya kita berikan tumpuan, fokus betul-betul kepada kumpulan ini yang kadangkala saya mendapat maklum balas daripada guru-guru kita, mereka hanya membuang masa, mereka kadangkala menimbulkan masalah disiplin di sekolah dan juga mengganggu sebahagian pembelajaran yang sepatutnya didapati oleh pelajar-pelajar cemerlang.

Yang kedua, apakah mungkin dasar kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Pengajian Tinggi ini kita satukan dalam menyelesaikan isu berkaitan dengan pelajar-pelajar yang memerlukan skil ini? Kita ada mempunyai kolej komuniti tetapi kolej komuniti ini memberi peluang kepada pelajar kita selepas SPM. Selepas mereka mengambil SPM barulah boleh masuk ke kolej komuniti, tetapi setelah SPM ini maknanya mereka buang masa dua tahun di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

■1500

Apakah kementerian Yang Berhormat, boleh menimbang supaya pelajar-pelajar ini tidak payah tunggu mengambil SPM tetapi kita terus hantar ke Kolej Komuniti, di mana di Kolej Komuniti ini menawarkan begitu banyak peluang-peluang latihan yang boleh kita berikan kepada pelajar kita ini selama dua tahun. Kalau mereka berminat menggunting rambut, mereka dua tahun mengunting rambut, takkan dia tidak pandai? Ataupun dia nak masak, bengkel kereta motor dan sebagainya.

Kedua Yang Berhormat, apakah kita boleh memperuntukkan sebahagian daripada peruntukan ini supaya kita dapat melihat bahawa kita telah pun berjaya melahirkan satu mekanisme yang berkesan untuk menyatukan rakyat. Kita terima bahawa Malaysia adalah terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama dan keturunan tetapi kita berjaya menyatukan masyarakat kita rakyat kita dengan adanya satu bahasa yang menjadikan semua bangsa ini dapat kita satukan iaitu Bahasa Malaysia. Dengan adanya Bahasa Malaysia, mereka memahami boleh berinteraksi dan juga dapat mendalami secara mendalam tentang budaya, adat resam semua kaum yang ada. Yang paling penting sekali ialah ianya adalah mekanisme penting untuk menyatukan rakyat.

Hari ini Yang Berhormat Menteri, kita dapat melihat tentang kelemahan pelajar-pelajar kita menguasai bahasa Melayu, menguasai bahasa Malaysia. Sebahagian pelajar-pelajar yang saya lawat ini, apabila saya berinteraksi dalam bahasa Malaysia, mereka tidak faham dan mereka tidak boleh menjawab. Apakah sampai masa dan ketikanya, kementerian kita memikirkan dalam kajian dasar yang baru ini kita memikirkan supaya kita meletakkan sebahagian daripada jumlah markah yang kita berikan dalam peperiksaan kepada pelajar kita supaya mereka lulus dalam mata pelajaran Ujian Lisan Bahasa Malaysia. Dengan memperuntukkan jumlah markah ini, saya yakin dan percaya pelajar-pelajar kita akan belajar bersungguh-sungguh, mengamalkannya secara bersungguh-sungguh, dan ini akan membantu usaha kita untuk merapatkan rakyat kita, menyatukan rakyat kita, dan lebih penting daripada itu kita akan berjaya menanamkan semangat patriotik, sayang, cinta dan kasih kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga minta supaya Kementerian Pelajaran melalui peruntukan yang bakal kita luluskan ini melihat balik tentang Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Hari ini kita berharap sangat supaya bakat-bakat sukan berprestasi tinggi dapat kita lahirkan, dapat kita cungkilkan melalui anak-anak kita di peringkat sekolah rendah lagi. Kalau kita lihat latar belakang juara-juara yang bertaraf dunia, Nicol dan juga pemain-pemain macam Lee Chong Wei, kita tengok mereka ini mula memegang raket, mula berjinak-jinak dengan bola, ketika usia mereka lima tahun dan saya yakin dan percaya, Kementerian Pelajaranlah yang bertanggungjawab untuk menyediakan ruang yang cukup baik melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.

Hari ini Yang Berhormat ada sekolah yang mengadakan sekolah daerahnya dahulu daripada sukan sekolah. Ada pula sukan negeri dahulu daripada daerah. Saya berharap dengan struktur peruntukan yang kita sediakan ini, susun balik. Berikan peruntukan yang cukup, berikan insentif yang cukup kepada Majlis Sukan Sekolah-sekolah kita, supaya dia menyusun sekolah mesti mengadakan sukannya dahulu, selepas itu bakat yang kita cungkil masuk ke sukan daerah, daripada daerah ke negeri, barulah Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.

Yang kedua yang, apa salahnya kita memberikan insentif yang terbaik kepada anak-anak ini, supaya kita dapat menanam minat untuk mencungkil dan melatih pelajar-pelajar dan anak-anak Malaysia, supaya lahir bakat dan tunas-tunas dalam bidang sukan berprestasi tinggi ini di peringkat usia yang rebung ini. Melentur buluh biarlah daripada rebung. Apa salahnya sebagai contoh sukan badminton, kita adakan pertandingan di peringkat 15 tahun ke bawah, dengan hadiah yang sangat lumayan. Kalau kita dapat memberikan hadiah yang sangat lumayan, saya yakin dan percaya, kita boleh melibatkan lebih ramai ibu bapa menyokong pihak sekolah untuk membenarkan anak mereka mengambil bahagian secara aktif, dan kita juga akan dapat lihat usaha yang diberikan oleh ibu bapa melatih anak mereka dalam bidang sukan tertentu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Habis Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

3.06 ptg.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang dalam Kepala B.41 ini, saya akan fokus kepada peruntukan RM35 juta untuk menampung pelaksanaan Kajian Semula Dasar Pendidikan Negara.

Saya Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri seingatan saya, saya telah bercakap tentang penyemakan semula Dasar Pendidikan Negara sejak saya mula masuk Parlimen 2004, dan *alhamdulillah* satu kajian dibuat terhadap Dasar Pendidikan Negara ini. Ada banyak isu yang melibatkan tentang dasar ini.

Pertama sekali tentang pendemokrasian pendidikan, integrasi pendidikan antara yang mungkin saya sempat sentuh pada petang ini, isu latihan perguruan, isu keciciran pendidikan dan juga isu-isu yang melibatkan tentang kokurikulum.

Saya ingin bermula Tuan Pengerusi tentang pendemokrasian pendidikan, yang saya rasa kita sebagai rakyat, berhak untuk mendapat pendidikan dalam negara kita, yang kita berikan peluang, dan saya rasa semua rakyat boleh pilih dengan bebas, apakah sistem dan bentuk pendidikan yang ingin diberikan kepada anak-anak mereka. Akan tetapi ianya memerlukan kepada pengukuhan pendidikan itu sendiri dan dalam menyemak kembali tentang dasar pendidikan ini saya ingin tahu tentang dasar, pertama sekali tentang sekolah agama rakyat yang saya rasa dahulu telah mengalami satu zaman di mana ianya diperlekehkan, guru-guru yang tidak terlatih, murid-murid yang duduk di sekolah ini dikatakan tidak ada masa hadapan. Sedangkan dari segi sejarahnya saya rasa Tuan Pengerusi, kita telah menerima antara jasanya adalah sekolah agama rakyat ini menerima murid-murid yang tercicir.

Dahulu ada LCE, SRP, tidak lulus tidak boleh naik. SPM tidak boleh pergi *Form 6,* tidak boleh pergi ke universiti. Jadi sekolah inilah yang menampung. Ada juga ibu bapa yang

anak mereka hadapi masalah moral, masalah akhlak di sekolah, mereka hentikan anak-anak mereka di sekolah kerajaan dan hantar ke sekolah agama rakyat. Itu satu daripada jalan penyelesaian. Isu di sini adalah, walau apapun kelemahan sekolah agama rakyat ini, ia ada jasa. Jadi saya mahu satu penegasan, apakah dasar yang jelas oleh kerajaan terhadap sekolah agama rakyat ini dalam konteks kita memberikan pendemokrasian pendidikan.

Saya juga ingin menyentuh tentang bagaimana kita melihat di samping SR, kita ada sekolah SJK(C) dan SJK(T) yang saya rasa... Isu ini adalah isu yang berterusan. *It is a long standing issue; it's a burning issue* kadang-kadang. Yang Berhormat Menteri sendiri pernah merasakannya. Saya rasa dalam isu bahasa sebagai contoh, adakah dalam isu bahasa ini, *review* dibuat terhadap keperluan pengukuhan bahasa. Saya bercakap tentang semua bahasa. Bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil dan bahasa ibunda yang lain, KadazanDusun sebagai contoh.

■1510

Saya mendapat laporan daripada kawan-kawan dan sahabat-sahabat di kementerian bahawa kita tidak cukup sekarang ini pakar-pakar bahasa. Bahasa ini ditegakkan kekuatannya atas sasteranya, *literature*nya. Guru Melayu pun sekarang ini kadang-kadang tidak diberikan latihan yang cukup tentang sastera Melayu. Kita belajar dahulu tentang kita kena belajar bukan sahaja sekadar kena membuat karangan, meringkaskan karangan, dulu kita belajar menterjemahkan bahasa Klasik Melayu kepada bahasa Melayu moden. Kemudian diajar tukar pula kepada bahasa moden Melayu kepada bahasa klasik Melayu.

Apa tujuannya? Untuk kita faham sastera itu. Apabila sesuatu bangsa itu dia mula meremehkan tentang sastera ini, maka bahasa itu akan hilang dan demikian juga saya diberitahu oleh rakan-rakan kaum Tionghoa dan Tamil juga, kadang-kadang tidak cukup tentang guru-guru yang benar-benar terlatih dalam memberikan pengajaran sastera Cina yang lagi klasik serta sastera Tamil. Saya difahamkan bekas Presiden MIC contohnya sangat bijak kalau berpidato kerana dia pakar sastera katanya, sastera Tamil, ada klasiknya di situ.

Itu menunjukkan bahawa sastera ini adalah bidang yang mesti diambil kira. Kadang-kadang kita lihat dalam pembahagian biasiswa, kadang-kadang tidak adil pelajar-pelajar yang dapat 10A dalam bidang profesional hendak ambil bidang kedoktoran, arkitek dapat peluang. Hendak ambil bidang sastera, macam penting tidak penting ini? Akan tetapi kena ingat satu bangsa itu runtuh kalau penuturnya tidak lagi berupaya memahami bahasa itu, tidak mungkin seseorang itu dikenali sebagai tokoh Melayu, tokoh Cina atau tokoh India kalau dia kehilangan sastera bahasanya sendiri, kadang-kadang tidak faham.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jempol tadi, kadang-kadang hari ni kita bercakap tentang satu syarahan, kadang-kadang adik-adik kita, anak-anak kita tidak faham apabila digunakan peribahasa, perumpamaan, analogi, tidak faham apatah lagi bangsa lain hendak faham bahasa Melayu, itu contoh. Adakah ini menjadi antara teras kepada penyemakan semula Dasar Pendidikan Kebangsaan kita.

Kedua saya harap apabila kita meneliti ini, saya rasa perlu ambil pendidikan yang holistik, tidak runcit-runcit. Tidak ambil masalah ini, perlu menggunakan pendidik yang holistik. Saya hendak beri contoh sebagai contoh sekiranya kita berjaya mendidik anak bangsa kita dari darjah satu sampai darjah enam, kemudian enam tahun di sekolah menengah, maknanya enam tahun campur enam tahun kalau dia sampai *Form Six*. Maknanya 12 tahun dalam sekolah, diberikan pendidikan formal. Sebenarnya kalau kita memberikan mereka pendidikan yang cukup dari segi rohani dan jasmani, saya rasa kita tidak perlu lagi kepada PLKN. Ini saya hendak sentuh ini sebab kalau kita berjaya mengintegrasikan aspek rohani dan jasmani dalam jiwa murid-murid sekolah selama 12 tahun sebenarnya kerajaan tidak perlu bazirkan lagi setahun kita kena belanja hampir setengah bilion untuk PLKN.

Semalam saya dengar, kita sama-sama dengar sahabat-sahabat daripada Sabah dan Sarawak mengatakan duit yang sebanyak itu banyak lagi yang boleh buat infrastruktur di Sabah dan Sarawak. Jadi saya harap supaya apabila kita menyemak semula tentang Dasar Pendidikan Kebangsaan ini, mestilah integrasi di antara akademik dan juga pelajaran agama ataupun moral kepada sesuatu bangsa itu mestilah diambil perhatian yang serius.

Saya mengambil contoh tentang satu jurnal pendidikan *The Finish Education* negara Finland yang melahirkan Nokia sebagai contoh. Setelah berabad-abad mereka membuat

kajian, akhirnya mereka mendapat suatu *finding* ataupun dapatan bahawa akhirnya mereka percaya unsur keagamaan, unsur moral dan akhlak itu akan menjadi penentu kepada kejayaan rakyat Finland pada masa yang akan datang.

Oleh itu sekiranya penyemakan semula Dasar Pendidikan ini masih lagi mengasingkan tentang aspek rohani dan jasmani ini, saya rasa kita akan gagal untuk melahirkan insan ataupun melahirkan individu yang kita rasakan penting untuk bukan sekadar mereka berjaya di dalam bidang pendidikan tetapi mereka runtuh dan reput dalam aspek akhlak dan moralnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut tentang pendidikan guru. Adakah kerajaan ataupun kementerian sedar pada hari ini apakah cara untuk mengatasi bahawa guru-guru yang mendiami ataupun yang mengikuti latihan di semua maktab-maktab perguruan hatta di UPSI, adakah kajian yang empirikal, yang mengatakan mereka duduk di maktab hari ini ataupun UPSI adalah *the last resort,* Pilihan terakhir, tidak dapat kerja lain tidak mengapa, jadi cikgu, keluar ada kerja.

Ini memberikan kesan kepada guru-guru kita, tidak macam guru kita dahulu. Saya ingat sama ada guru Melayu, Cina dan India dahulu cukup dedikasi, cukup bersemangat mendidik kita semua. Cuti sekolah tidak ada elaun pada waktu itu, tidak ada elaun untuk tambahan untuk insentif pun tidak ada tetapi guru-guru masa itu cukup bertanggungjawab mendidik kita kerana mereka benar-benar masuk maktab kerana hendak jadi pendidik tetapi sekarang kita cukup bimbang anak-anak muda kita memilih bidang perguruan ini yang akhir sekali setelah tidak dapat profesion yang lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Tenggara.

3.16 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada beberapa perkara sahaja yang saya hendak bangkitkan. Saya pohon perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama ialah berkaitan dengan menampung bayaran tambang persekolahan.

Yang Berhormat Menteri, sekarang ini bantuan yang kerajaan sediakan kepada sekolah rendah ini ialah sebanyak RM24.50 dan untuk sekolah menengah ialah RM33.50. Jadi bantuan yuran sekolah yang diberikan oleh kerajaan kepada sekolah rendah dan sekolah menengah ini tidak cukup untuk tanggung kos-kos operasi, pentadbiran dan kos-kos operasi kepada pelajar. Makna kos kertasnya, fotostatnya, *toner*nya, aktiviti pelajarnya dan lain-lain. Jadi saya hendak mohon kepada kementerian supaya bantuan yuran sekolah ini dapat dinaikkan daripada RM24.50 naikkan kepada RM50 dan untuk sekolah menengah daripada RM33.50, kita naikkan kepada RM75 supaya dapat memudahkan urusan pentadbiran sekolah dan juga pelajar untuk memberikan insentif yang lebih baik lagi kepada pihak sekolah.

Kedua ialah bantuan per kapita murid. Sekarang bantuan per kapita murid ini, kementerian sudah turunkan 70% daripada jumlah bantuan per kapita murid itu sudah turun kepada sekolah dan baki lagi 30% ini Yang Berhormat Menteri belum lagi sampai. Jadi saya harap kepada Yang Berhormat Menteri supaya cepat turunkan lain-lain lagi, baki 30% bantuan per kapita murid ini supaya tidak menyukarkan pihak sekolah untuk membuat bajet yang berkaitan dengan aktiviti sekolah dan lain-lain. Jadi cepat turun dan cepat dapat diuruskan oleh pihak sekolah.

Ketiga ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan RM1 bilion untuk tabung penyelenggaraan pembinaan sekolah-sekolah di seluruh negara. RM500 juta telah pun diumumkan kepada sekolah-sekolah untuk sekolah kebangsaan, untuk selenggara kerosakan sekolah. Saya hendak tahu bilakah agaknya bantuan ini akan

diturunkan Yang Berhormat Menteri? Sekarang ini sudah bulan 6, hendak masuk bulan 7, sudah hendak habis tahun 2012 tetapi bantuan itu masih lagi belum diturunkan.

Seterusnya yang berkaitan dengan pengisian kepada modal insan yang menjayakan Dasar Pendidikan Negara ini ialah guru-guru. Untuk guru diploma, saya merayu kepada pihak kerajaan untuk Program PPLD ini pengsiswazahan sudah pun tamat kursus PPLD ini. Seramai 12,000 orang memohon tetapi masih lagi belum disahkan ke jawatan yang dipohon. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya guru-guru diploma yang telah pun melalui kursus PPLD ini dapat dibuat pilihan dan penempatan dengan segera kerana mereka telah tunggu selama dua tahun Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya tadi Yang Berhormat Kubang Kerian bangkitkan soal unsur moral, akhlak sebagai kekuatan utama kepada pembinaan modal insan yang diharapkan terutama dalam menterjemahkan Dasar Pendidikan Negara.

■1520

Saya hendak bangkitkan soal kekurangan guru j-QAF ini. Kita ini membicarakan soal yang berkaitan dengan moral pelajar. Kita membicarakan soal yang berkaitan dengan akhlak yang perlu dibangunkan dan nilai-nilai yang perlu disemai dalam diri pelajar-pelajar. Akan tetapi kekurangan guru j-QAF ini Yang Berhormat Menteri, keperluan 11,000 masih lagi tidak dapat hendak di selesaikan. Sudah lama kita tunggu. Saya harap supaya dalam soal melahirkan pelajar yang berkualiti yang diharapkan oleh kerajaan dan juga oleh kita selaku ibu bapa, kita seharusnya mengambil berat tentang soal kekurangan guru j-QAF supaya guru-guru yang masih tidak ada ini akan dapat diwujudkan untuk mengatasi masalah yang saya bangkitkan tadi.

Yang terakhir ialah di bawah Program Ijazah Sarjana Pendidikan ini. Ada 5,200 pemohon guru-guru yang telah mohon melalui Program PISMP, Program Ijazah Sarjana Pendidikan. Seramai 5,200 mohon, 4,700 telah pun terlibat dalam pengambilan dan ada 62 yang gagal daripada senarai yang tidak dimasukkan dalam pengambilan dan gagal ini. Jadi, saya merayulah kepada Yang Berhormat Menteri, apalah salahnya 62 yang gagal ini dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya supaya mereka dapat masuk dalam pakej pengambilan termasuk dalam 4,700 itu. Saya hendak tahu apa yang berlaku kepada lebihan yang tidak berjaya itu? Itu sahaja yang saya perlu bangkitkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Balik Pulau.

3.21 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang Balik Pulau untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan bagi Maksud B.41 Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri secara spesifik. Saya dimaklumkan mengenai bagi tujuan kajian semula Dasar Pendidikan Negara, terdapat laporan yang disiapkan. Kalau salah, betulkan saya. Maklumat yang saya dapat hanya 12 laporan sahaja siap. Adakah betul? Kalau betul kenapa 12 dan persoalannya kalau 12, kenapa ianya tidak dicetakkan untuk dikongsi dengan semua dengan izin *stakeholders?*

Di sini bagi saya terutama kita penggubal dasar, penggubal undang-undang di Parlimen ini. Saya juga dimaklumkan bahawa laporan tersebut bersifat rahsia. Jadi, saya rasa tidak mungkin Dasar Pendidikan dapat dibentuk dengan baik, dengan pendekatan rahsia kerana dengan izin, untuk melihat masa depan masyarakat Malaysia ini lihatlah sekolah dia. *We build a school to be a nation.*

Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri di sini. Saya mengalu-alukan, mengambil kira perkembangan semasa bahawa Dasar Pendidikan perlu dikaji semula tetapi yang ingin saya cadangkan seperti yang saya katakan sebelum ini ialah pendekatan itu mestilah satu pendekatan yang muafakat sifatnya. Muafakat ini bukannya dalam erti kata bahawa kepentingan kaum ini kurang penting daripada kaum ini. Kepentingan kaum ini lebih penting, kelompok ini lebih penting. Saya rasa muafakat yang perlu dicapai kali ini ialah dengan menghormati, menyantuni kesemua keperluan, kesemua kaum. Ini yang saya katakan di sini.

Ini kerana Yang Berhormat Menteri, dalam merangka Dasar Pendidikan Negara, saya pun tidak faham. Di sini Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran. Saya rasa itu

perkara pertama kena buat. Tukar sebagai Kementerian Pendidikan. Itu pun tidak jelas. Yang Berhormat Menteri, ingin saya tanya di sini kalau Yang Berhormat Menteri boleh senaraikan. Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa perundingan rundingan ini telah dilakukan di pelbagai tempat. Saya difahamkan diturunkan ke negeri-negeri.

Yang Berhormat Menteri, kalau boleh dengan setelus mungkin nyatakan di Dewan yang mulia ini di mana tahap rundingan tersebut. Siapa mereka ini yang terlibat? Senaraikan mereka kerana saya hendak tanya adakah orang politik yang terlibat merencanakan Dasar Pendidikan. Adakah yang terlibat ialah orang yang kita panggil orang falsafah pendidikan. Kalau orang falsafah, kita hendak tanya falsafah pendidikan mana yang diangkat? Paulo Freire kah, John Dewey ataupun Ibnu Khaldunkah? Kita hendak faham kerana bagi saya Dasar Pendidikan mempunyai asas ketamadunan yang tinggi.

Ia bukan satu perkara yang bersifat secara sengaja. Yang Berhormat Menteri, saya punya pandangan perlukah kita di dalam merangka*, to design a new education system?* Siapa kita? Adakah orang politik ataupun orang-orang pendidikan? Akan tetapi di sini kalau pendekatannya tidak telus, tidak jelas, sehingga hari ini sehinggakan saya rasa di peringkat Pakatan pun kita wujud. Yang Berhormat Puan Chong Eng mewakili Jawatankuasa Pendidikan bagi Pakatan, DAP. Rakan saya daripada Sik. Itu orang daripada Jabatan Pelajaran, amat berpengalaman. Saya tidak pasti sama ada beliau dijemput atau pun tidak.

Saya kebetulan walaupun bukan dari latar belakang pendidikan yang kuat tetapi diberi amanah mewakili parti Keadilan. Adakah kami dipanggil rundingan dan sebagainya? Kalau rundingan yang hendak dicapai iaitu di atas kata muafakat, *we accord court each other differences* dengan erti kata mendasari apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia ialah keadilan untuk semua. Kalau Yang Berhormat Menteri tahu di dalam *preamble* UNESCO, memang jelas dikatakan di situ pendidikan ada kaitan dengan isu-isu keadilan, isu-isu kebebasan. Dia bukan wujud di dalam satu perkara yang vakum atau pun terpisah-pisah.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya mengatakan bahawa kalaulah pendekatan rundingan sekarang ini yang kita tidak tahu secara terbuka. Saya katakan begitu sebab saya tidak tahu, bagi pihak parti Keadilan saya tidak dapat maklumat. Kalau Yang Berhormat Menteri ada laporan itu, saya mahu dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Ini kerana bagi saya, kalau sebanyak RM35 juta untuk menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara, saya tengok lebih kurang sama penting macam Unit Penjenamaan Negara. Jadi, Unit Penjenamaan Negara pun dapat RM30 juta. Dasar Pendidikan, yang mana menentukan masa depan, falsafah pendidikan pun RM35 juta.

Di mana sebenarnya? Adakah ianya dibuat di atas satu jumlah yang sebenarnya saya rasa tergesa-gesa ataupun ianya memang melalui satu perancangan yang terperinci. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Apa yang ingin saya katakan di sini Yang Berhormat Menteri, dalam kerangka umum. Yang diperlukan di negara ini ialah Dasar Pendidikan yang memenuhi tuntutan-tuntutan kepelbagaian bangsa. Saya berkata di sini saya dengan yakin mahu satu sistem pendidikan yang berlaku adil kepada semua bangsa. Tidak kira Cina, India, Kadazan, Bajau, kawan-kawan dari Sabah dan Sarawak. Tidak lagi timbul yang mana indoktrinasinya kita tahu pendidikan ini ialah *ideological* sifatnya tetapi bukan ideologi yang sempit.

Kita tahu dahulu lain *Alliance Party,* Parti Perikatan yang timbul sebagai satu parti dukungan rakyat Malaysia. Mungkin *ideological* nya sebegitu tetapi perkembangan rakyat hari ini dengan *respond* masyarakat bawahan dan sebagainya, saya rasa ianya perlu menggambarkan tuntutan-tuntutan masyarakat semua pada hari ini dan tidak akan timbul macam tadi Dasar Pendidikan golongan istimewa, golongan pekak.

Saya ucapkan tahniah kepada rakan saya daripada Johor Bahru. Berterus-terusan, dia bukan lagi melihat kerangka pendidikan dari aspek parokial, aspek *narrow,* aspek yang kedaerahan. Akan tetapi dia melihat daripada aspek hak asasi manusia, *education as a human right*. *Education* sebagai hak asasi. Tidak kira yang istimewa, tidak kira yang cacat, kalau hendak pakai bahasa kampung kita. Akan tetapi dalam bahasa sekarang kita sebut

orang kurang upaya, orang istimewa. Ini telah dihujahkan dengan secara konsisten Yang Berhormat Sri Gading. Saya ucapkan tahniah kepada Johor Bahru.

Akan tetapi kita hari ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun saya tahu bergelut dengan urusan berinteraksi dengan pendidikan kaum Tionghoa. Bagaimana ia perlu direncanakan? Saya perlu mengambil kesempatan ini kalau cita-cita Yang Amat Berhormat Pagoh mahu mewujudkan Penyata Muhyiddin, saya rasa kena buat cara lainlah sebab Penyata Razak pun kita lalui, Penyata Rahman Talib pun dengan penuh saya rasa cabaran. Kalau ianya tidak dilakukan secara berhati-hati, saya katakan kepada rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini merupakan mimpi *nightmare* kepada Barisan Nasional kalau ianya tidak dibuat dengan sebaik-baiknya. Ini kerana isu pendidikan ini ialah isu yang sensitif.

Saya cadangkan Yang Berhormat Menteri belum terlambat. Kalau cita-citanya murni ianya perlu diadakan dengan setulus mungkin. Bermuafakatlah kita untuk kepentingan semua kaum dan saya rasa Yang Berhormat Menteri RM35 juta ini saya tidak ada masalah kalau janjinya ialah untuk membawa sistem pendidikan yang lebih berlaku adil kepada semua kaum seperti mana kita semua di Dewan ini hendak capai. Akhir sekali yang ingin saya katakan dalam konteks Dasar Pendidikan Negara ini juga Yang Berhormat Menteri, libatkanlah tokoh-tokoh Sasterawan Negara. Kita angkat Sasterawan Negara ini bukannya sebagai hendak bagi pingat semata-mata. Beliau sepatutnya saya cadangkan menjadi penasihat kebudayaan. Pak Samad Said ada, Dr. Ridhwan ada.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Janganlah. Tidak boleh, ketawa pula. Kita bukan hendak angkat dia, hendak bagi dia sebagai pemegang anugerah tetapi tidak punya peranan. Bagi dia jadi penasihat kepada Datuk Dr. Wee Ka Siong kita. Kalau saya boleh sebut sebagai Menteri yang berbahasa Melayu dengan baik. Tahniah. Akan tetapi bayangkan yang menggubal buku teks orang lain, yang pakar kebudayaan orang lain.

■1530

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Minta laluan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Kita panggil semua. Kalau tokoh Cina pun kalau ada panggil sebab tak mahu timbullah Interlok punya polemik dan sebagainya kerana bagi saya, mereka-mereka ini punya kepakaran, boleh menyumbang untuk pembangunan bangsa. Okey, rakan saya dari Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik pada ucapan Yang Berhormat Tadi. Baru saya masuk tetapi saya nak minta juga pandangan Yang Berhormat tentang sistem pelajaran kita yang terlalu mencondong kepada peperiksaan selama ini. Kita tengok seolah-olah pelajar-pelajar kita, murid-murid sekolah rendah kita dilatih untuk menjawab soalan objektif sahaja. Mereka lebih mementingkan kelulusan dan kecemerlangan dalam peperiksaan. Bukan sekadar di kalangan ibu bapa tetapi di peringkat sekolah. Ada persaingan digalakkan di antara sekolah bahawa mereka harus mencapai sebaik-baiknya dalam keputusan peperiksaan untuk direstui sebagai sebuah sekolah yang boleh menghasilkan keputusan yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa, masa Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Jadi, adakah Yang Berhormat nak cadang kita supaya Kementerian Pelajaran meninjau dan melihat semula dengan seriusnya, membetulkan penyerongan kepada peperiksaan itu.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Satu soalan yang amat baik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tebrau tetapi saya mengambil pendekatan bahawa peperiksaan punya tujuan tertentu tetapi yang ingin saya kongsi, Yang Berhormat Menteri, di negara-negara lain, kebetulan saya sedikit pengalaman di Amerika Syarikat, pendekatannya lebih kepada *project oriented* daripada *exam oriented.* Maksudnya, anak-anak kita diberi satu pendekatan dikatakan projek dan di situ pula ada perkara yang saya rasa sebenarnya diperlukan dalam sistem pembelajaran kita ialah mengajar anak-anak kita apa yang dipanggil sebagai interaksi, berinteraksi.

Yang kedua pula berkolaborasi dan Yang Berhormat Menteri, apabila saya katakan muafakat pendidikan itu, komponen dia adalah dua. Pertama ialah interaksi, yang kedua adalah kolaborasi. Jadi, apabila berlaku interaksi, kolaborasi untuk *bigger agenda*, keadilan untuk semua, maka satu dasar yang lebih *cohesive* yang mana akan menguntungkan semua orang.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tambahan, tambahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Dah habis masa Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Oh, dah habis dah?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Sikit lagi, sikit lagi.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Saya minta maaf. Kawan, saya minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tebrau, tak payahlah Yang Berhormat. Tak payahlah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Saya minta maaf. Saya kena ikut nasihat, saya kena ikut nasihat. Terima kasih, terima kasih.

Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang ini. Saya simpulkan bahawa Timbalan Menteri, kajian Dasar Pendidikan Negara ini perlu dibuat dengan sebaik mungkin untuk masa depan negara. *We build a school today to build a nation for tomorrow.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya lihat ramai nak bercakap. Saya tahu dalam agenda B.41, Kementerian Pelajaran ini memang semua boleh kita cakap tetapi Yang Berhormat, bercakap dalam sifat, dalam konteks Jawatankuasalah. Jangan bercakap dalam konteks dasar. Kalau kita bercakap dalam konteks dasar Yang Berhormat, memang tak boleh habis ini. Kita ada lima kementerian. Yang Berhormat Hulu Selangor.

3.33 ptg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara. Yang pertama, Kementerian Pelajaran meminta sebanyak RM160 juta untuk menampung bantuan bayaran tambahan persekolahan dan yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia bagi tahun 2012. Sama ada kementerian bercadang untuk memberi kembali bantuan awal persekolahan seperti mana yang telah diberi tahun lalu kepada anak-anak murid yang sedang belajar. Dalam aspek yang kedua pula, Dasar Pendidikan Negara. Salah satu intipati Dasar Pendidikan Negara ialah perpaduan antara kaum.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa intipati ini dikekalkan, kalau tidak diperkasakan lagi supaya perpaduan antara kaum di sekolah-sekolah menengah dan sekolah rendah ini dapat dipertingkatkan. Ada atau tidak sama ada cadangan untuk memansuhkan kelas peralihan di sekolah menengah. Ini kerana sejak kebelakangan ini saya rasa tidak ramai lagi pelajar-pelajar dari sekolah Cina ataupun sekolah Tamil pergi ke peralihan. Mungkin Dasar Pendidikan Negara boleh mengambil kira untuk memansuhkan kelas peralihan. Yang terakhir, sejauh manakah pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara ini berada, di peringkat mana dan bila rasanya Dasar Pendidikan Negara ini akan dibentangkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Carilah subjek fokus, ringkas. Sila Yang Berhormat Bukit Mertajam.

3.35 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa kajian semula pendidikan ini, ia dilaksanakan secara gopoh gapah. Itulah dia minta ke sini

untuk meminta peruntukkannya. Saya ada pergi ke satu dialog, Dialog Nasional Pendidikan Negara 2012 di bawah kajian semula pendidikan. Ia juga telah ada dua perjumpaan, dua dialog di negeri Pulau Pinang pada 16 dan 17 hari bulan tetapi jemputan itu sampai amat lewat, dua tiga hari sebelum perjumpaan itu sahaja. Jadi, saya tidak tahu mengapa kerana saya lihat di dalam *leaflet* ini, semua tarikh perjumpaan pun telah ditetapkan. Pada 30 Jun akan diadakan di Kelantan dan 7 Julai di Terengganu dan di Johor pada 14 Julai tetapi saya tidak tahu sama ada pihak-pihak yang minat sama ada mereka telah diberi jemputan, ini yang pertama.

Saya rasa bahawa dia kata di sini, objektifnya ialah kerajaan telah menetapkan sasaran menjadi Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Cabaran utama merealisasikan hasrat tersebut ialah keupayaan negara menghasilkan modal insan unggul melalui sistem pendidikan yang berkualiti. Dialog Nasional Pendidikan 2012 merupakan wadah bagi perkongsian idea dan lontaran pandangan semua lapisan masyarakat yang dapat dijadikan input kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan. Secara khusus, objektif DNPN 2012 adalah untuk satu, memberi peluang kepada rakyat mengemukakan idea dan pandangan ke arah transformasi pendidikan dan kedua, membina kesedaran bersama akan perancangan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam membangunkan pendidikan melalui transformasi sistem pendidikan negara.

Saya di sini dia kata semua lapisan. Jadi, saya tidak tahu sama ada berapa orang yang telah dijemput. Siapakah mereka dan saya difahamkan bahawa panel 12 orang ini, mereka hanya mendengar dan selepas itu mereka mengumpulkan semua pandangan dan membuat satu laporan. Selepas itu, apakah akan jadi kepada laporan-laporan ini? Bolehkah kementerian, Timbalan Menteri nanti beritahu kita. Pada saya, banyak masalah ataupun pandangan sudah dikeluarkan selama tahun ini. Saya rasa sejak 70-an ke 80-an, masalah pendidikan adalah lebih kurang sama sahaja. Saya rasa ia memerlukan satu perbelanjaan yang agak besar, RM35 juta untuk menjalankan tugas ini. Saya rasa banyak maklumat telah boleh dikumpulkan melalui *secondary data*. Kalau kita lihat dan baca surat khabar Cina, tiap-tiap hari kita tahu apa masalah di sekolah SRJK(C) dan sekolah menengah jenis kebangsaan dan juga yang lain-lain lagi. Saya rasa Timbalan Menteri sangat fasih apakah masalah pendidikan yang sekurang-kurangnya yang dihadapi oleh masyarakat Cina dan ia ada sembilan prioriti.

■1540

Saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun tidak tahu apakah prioritinya. Jadi saya rasa ini merupakan satu perbelanjaan yang agak besar. Sekiranya ia efektif besar pun tidak apa kerana kita perlu satu sistem pendidikan yang adil dan efektif. Adil ini adalah satu nilai. Hormat adalah satu nilai. Sewaktu kita mahu mengajar pelajar-pelajar kita supaya hormat orang lain dan juga adil kepada semua tetapi kita lihat bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak adil kepada pembangkang. Dia tidak hormat kepada Kerajaan Pakatan Rakyat. *[Dewan riuh]* Umpamanya...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, fahamlah. Umpamanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin memberi RM100 sebagai bantuan kepada pelajar-pelajar Darjah 1 dan Darjah 3, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. RM100 untuk pelajar-pelajar tetapi pihak sekolah kerana ada arahan dari kementerian tidak mahu membekalkan senarai nama pelajar. Ini merupakan satu program yang hendak dijalankan oleh sebuah kerajaan negeri yang dipilih oleh rakyat. Sepatutnya Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Barisan Nasional merasa gembira kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin memberi bantuan kepada pelajar-pelajar supaya mungkin Kerajaan Barisan Nasional tidak perlu bayar dan berbelanja begitu banyak.

Ini adalah sistem demokrasi di negara ini. Kalau kita menghormati sistem ini kita harus hormati Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita harus bekerjasama. Kalau sebuah Kerajaan Pusat tidak tahu bekerjasama dengan kerajaan negeri, macam mana hendak menunjukkan satu teladan yang baik untuk pelajar-pelajar? Jadi kena tukar Kerajaan Pusat. *[Dewan riuh]* Ya, ini kena tukar kerana ini sebuah kerajaan yang telah memerintah begitu lama yang tidak tahu menghormati sistem demokrasi.

Ini akan memberi sesuatu yang tidak baik.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kalau tidak ada demokrasi, Yang Berhormat Bukit Mertajam pun tidak duduk dalam Dewanlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau ada demokrasi yang betul-betul demokrasi Dewan ini di sebelah sana ialah Pakatan Rakyat.

Tuan Pengerusi, kita juga mengajar pelajar kita mesti ada integriti. Sekiranya kita cakap, kita janji, kita mesti kotakan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri masih ingat ada mengumumkan peruntukan di SRJK(C) Li Teck pada 28 Februari tahun ini sebanyak RM100,000 sahaja, bukannya banyak, belum disalurkan. Untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang apabila kita mengumumkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peruntukan di dalam dua minggu kita akan salurkan peruntukan ini kepada akaun sekolah itu. Juga hendak memperingatkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pagoh yang sudah membuat pengumuman di Alor Setar pada 5 April hendak memberi RM6.64 *million* kepada sekolah-sekolah di Kedah masih belum menerima. Ada sekolah-sekolah yang betul-betul memerlukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya akan habiskan. Memerlukan peruntukan ini kerana bangunan telah dimakan anai-anai dan memerlukan peruntukan ini untuk membina semula.

Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa pemimpin-pemimpin kerajaan mesti berintegriti, mesti menghormati sistem demokrasi supaya menjadi pemimpin yang boleh menjadi teladan kepada pelajar-pelajar kita. Sekiranya tidak di sekolah kalau kita hendak ajar nilai-nilai yang baik dan murni tetapi orang-orang politik membuat perkara yang lain, ini akan sabotaj dan mendatangkan kesan yang tidak baik kepada pelajar-pelajar kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, teladan yang baik berhentilah Yang Berhormat.

Sila Yang Berhormat Hulu Terengganu.

3.45 ptg.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi walaupun tadi disebut Hulu Terengganu tetapi dipindahkan. Ini jadi sungguh.

Pertamanya saya hendak bangkitkan berkenaan dengan peruntukan RM35 juta untuk kajian semula Dasar Pendidikan Negara. Pertama, saya hendak tanya berhubung dengan pelantikan panel penilai bebas yang terdiri daripada tidak silap saya yang presidennya Tan Sri Dr. Zulkifli. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh agaknya tetapi sebahagian daripada panel penilai bebas ini yang saya dapati mungkin atau pun bukan pengamal pendidikan sebagaimana yang saya tahu seperti pengasas AirAsia – Tan Sri Tony Fernandez, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti – Tan Sri Zarinah Anwar dan Pengarah Urusan Khazanah – Tan Sri Azman Mokhtar.

Saya persoalkan di sini kerana budaya pendidikan, budaya guru berbeza dengan budaya korporat. Saya bimbang takut keputusan yang dibuat tadi tidak merangkumi cita rasa nilai-nilai pendidikan. Sebagaimana yang telah saya katakan budaya guru ibarat sebagai lilin, membakar diri untuk menerangi orang lain. Berbeza dengan budaya peguam – mengaut keuntungan di atas penderitaan dan kesusahan orang lain. Saya bangkitkan begini sebab cikgu mengajar supaya jangan bersikap tamak, harus bertimbang rasa kepada orang lain tetapi budaya korporat tamak itu merupakan satu peluang yang perlu direbut. Jadi saya bimbang bila keputusan ini dilakukan nanti, budaya-budaya murni yang diterapkan di dalam pendidikan akan berubah menjadi budaya korporat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya berkenaan dengan asas kepada kajian semula Dasar Pendidikan Negara ini sebab kita minta supaya asas Penyata Razak dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terus menjadi inti kepada kajian kepada Dasar Pendidikan Negara ini. Saya juga ingin bertanya apabila Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) yang menolak dalam kajian semula ini, apakah ianya akan menjadi cacat cela keputusan daripada kajian ataupun cadangan Dasar Pendidikan Negara ini? Ini kerana saya dapati bahawa salah satu matlamat yang dikehendaki oleh Dong Zong ini ialah mereka berkehendakkan supaya pelbagai bahasa dijadikan bahasa penghantar di sekolah-sekolah kita yang berlawanan dan bercanggah dengan Penyata Razak ataupun Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, sebagai bahasa perpaduan.

Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh sahabat saya dari Kubang Kerian yang terus mengatakan bahawa guru-guru pada hari ini tidak dedikasi dan komited sebagaimana guru-guru dahulu.

■1550

Saya amat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Kita memang mengakui dahulu guru begitu dedikasi. Sekarang pun lebih dedikasi. Oleh sebab itulah kita dapati hasil guru-guru ini pencapaian anak-anak kita dalam alam persekolahan jauh lebih tinggi berbanding dengan pencapaian zaman kita dahulu. Kalau dahulu kita mendapat pangkat satu, itulah dianggap begitu hebat. Akan tetapi sekarang anak-anak kita mendapat 5A, 6A, 7A dalam SPM dianggap sebagai perkara biasa. Jadi janganlah melukai guru-guru kita sekarang ini yang kita katakan tidak sededikasi sebagaimana guru-guru dahulu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM160 juta berhubung dengan bantuan bayaran tambahan persekolahan dan yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Saya dapati salah satu kemerosotan dalam bidang sukan di negara kita kerana guru-guru yang terlibat di dalam alam persekolahan tidak ramai yang mempunyai kemahiran dan bakat dalam bidang sukan.

Salah satu faktor yang agak lemah pencapaian sukan ialah kerana kekurangan jurulatih guru yang berkaliber. Oleh sebab itu saya cadangkan supaya salah satu daripada kriteria yang boleh dipertimbangkan oleh kementerian untuk mengambil pelatih-pelatih guru ini haruslah keutamaan diberikan kepada pencapaian dalam kokurikulum khususnya dalam bidang sukan.

Saya juga ingin menarik perhatian tentang kelemahan ataupun ada sebahagian anak-anak kita yang terlibat dalam kekurangan ataupun masalah disiplin dan salah satu daripada kelemahan tersebut yang saya dapati ialah kerana pertama, kekurangan ataupun kegagalan guru-guru sendiri ketika dalam pelaksanaan KBSM ataupun KBSR dahulu iaitu salah satu kaedah pengajaran pembelajaran ialah penerapan nilai-nilai murni yang merentasi semua mata pelajaran dan untuk mengukuhkan bahasa Melayu dicadangkan dan diminta supaya bahasa merentas kurikulum. Oleh sebab guru-guru sendiri gagal untuk menguasai nilai-nilai murni untuk diserapkan ketika mengajar menyebabkan cikgu-cikgu kita, guru-guru kita tidak melaksanakan dasar-dasar yang dikehendaki tersebut.

Tuan Pengerusi, saya hendak ulangi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenggara berkenaan dengan kekurangan guru-guru j-Qaf di sekolah-sekolah yang dikatakan seramai 11,000 orang. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah perkara ini hendak diselesaikan sebab saya yakin bahawa bakal-bakal guru ini ada di negara kita dan untuk mengukuhkan pendidikan Islam di sekolah-sekolah yang sekali gus akan mengatasi masalah disiplin dan moral. Saya mencadangkan supaya seorang guru Penolong Kanan Agama Islam ditempatkan di sekolah-sekolah kita.

Juga berkenaan dengan Program Pensiswazahan Guru-guru, sama ada lepasan diploma ataupun lepasan siswazah, kita dapati bahawa kira-kira 13,000 orang lagi masih tertunggu-tunggu malah dikatakan sampai dua tahun mereka tidak ditempatkan. Walaupun saya dimaklumkan bahawa pada bulan Jun ini penempatan dilakukan kepada 7,967 orang mungkin 5,000 orang lagi masih dalam keadaan menunggu. Saya bimbang kelewatan ini menyebabkan guru-guru kita patah hati, patah semangat untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

3.55 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pendek sahaja. Saya juga ingin turut serta dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk Kepala Perbekalan B.41.

Saya melihat sebanyak RM35 juta yang diperuntukkan untuk menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara yang saya fikir di sini sudah dibawa juga oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu, adalah keperluan untuk merangka satu sistem daripada awal pendidikan sampailah guru-guru ini yang setelah mendapat ijazah mereka, mendapat peluang pekerjaan dan bagaimana mereka ditempatkan di sekolah-sekolah yang paling memerlukan tenaga dan bakti mereka.

Di sini saya ingin menanyakan, kita belanja wang sebanyak ini untuk melaksanakan kajian semula. Akan tetapi masalah di bawah khusus bila berkait dengan guru-guru. Guru-guru yang mempunyai diploma tetapi telah menyambung pengajian di peringkat Ijazah Pendidikan Jarak Jauh (PJJ). Masalahnya di sini, mereka ini telah dipinggirkan bila Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Tuan Pengerusi, dalam mesyuarat pada 28 Mei baru-baru ini tahun 2012 memutuskan untuk menggantung pelaksanaan di bawah tajuk tarikh pelantikan tetap Pegawai Perkhidmatan Siswazah lepasan diploma yang lulus Ijazah Sarjana Muda melalui Program Pengajian Jarak Jauh. Jadi saya dapat banyak rungutan. Ramai, hampir 15,000 orang guru teraniaya dan dinafikan hak mereka bila pekeliling ini diberikan di mana mereka telah tidak mendapat meneruskan kerjaya bagi pelantikan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41.

Jadi saya pohon, bila kita rangka dasar, kalau boleh diberikan, memberi sedikit jaminan kepada mereka ini tidak terhenti begitu sahaja, itu satu. Kedua, pendek sahaja Tuan Pengerusi. Sama juga dengan perancangan bantuan untuk dasar pendidikan. Apakah yang dapat dilakukan lagi bagi memastikan ada sedikit kesinambungan, *consistency* dari segi bantuan untuk sekolah-sekolah kerana dibangkitkan di sini Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil Bangsar yang padang sekolah pun tidak ada walaupun bersebelahannya, kerajaan telah mewujudkan satu NGO dinamakan *Action Plan for Future of Tamil School's*. Berdekatan, jadi ada beberapa ibu bapa merungut, di satu sudut diberikan peruntukan besar untuk NGO tetapi permohonan serta-merta sekolah ini tidak ditangani. Jadi saya pohon jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Silam.

3.58 ptg.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk sama membahaskan B.41 – Kementerian Pelajaran. Ada beberapa perkara yang saya ingin tekankan dalam perkara ini ialah yang pertama sekali apabila kita melihat terutamanya untuk menampung pelaksanaan kajian semula dasar pendidikan negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian terutamanya kementerian ada mencadangkan untuk pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah vokasional dan asrama penuh yang mana kita dapati kementerian memutuskan untuk setiap dua minggu, pelajar-pelajar ini balik untuk dengan harapan kementerian mengurangkan kadar kos perbelanjaan menyebabkan pelajar yang mengambil peperiksaan.

■1600

Ini yang kita risaukan apabila pelajar-pelajar daripada sekolah berasrama dan vokasional ini diarahkan untuk kembali ke rumah masing-masing. Apa yang kita bimbangkan ialah dari segi prestasi pelajar itu mungkin akan terjejas sikit daripada fokus untuk pembelajaran mereka. Ada setengah-setengah saya dapati juga pelajar-pelajar ini bagi yang tidak berkemampuan ibu bapanya untuk berulang-alik, sebagai contohnya kalau di kawasan saya di Sekolah Menengah Sains Berasrama Penuh Lahad Datu. Jarak terutamanya pelajar-pelajar yang datang belajar di sekolah menengah tersebut ialah datang daripada seluruh

negeri Sabah dan ada juga yang datang daripada negeri Sarawak. Bayangkan kalau sistem ini diteruskan sudah tentu ia akan membebankan para ibu bapa yang menghantar anak mereka untuk belajar di sekolah vokasional ataupun di asrama yang berdekatan.

Selain daripada itu juga apa yang membimbangkan saya Tuan Pengerusi ialah ia akan juga membahayakan dari segi jadual pembelajaran bagi setiap pelajar yang belajar di sekolah-sekolah tersebut. Saya berharap supaya kementerian dapat menimbangkan sesuatu dasar dalam Dasar Pendidikan Negara ini untuk mempertimbangkan agar tidak memperkenalkan sistem ini yang saya fikirkan ia boleh membebankan para ibu bapa.

Selain daripada itu juga saya melihat kepada pengalaman ketika berada di bangku sekolah rendah terutamanya. Kelas lompat barangkali Tuan Pengerusi juga mungkin juga ada pengalaman kepada kawan-kawan, rakan-rakan yang misalnya dari segi pencapaian mereka dalam peperiksaan-peperiksaan yang diperkenalkan di sekolah. Mereka ini mempunyai keputusan yang baik dan cemerlang terutamanya mungkin sistem sekarang ini ada juga yang sudah memperkenalkan untuk peperiksaan khas kepada pelajar-pelajar ataupun murid-murid cemerlang terutamanya di peringkat sekolah rendah.

Saya ingin juga mencadangkan kepada kementerian supaya dapat memikirkan semula untuk mempertimbangkan. Sebab kita melihat kalau murid-murid atau pelajar-pelajar yang cemerlang ini berbanding dengan murid-murid yang lain yang dari segi taraf mereka tidak sama, mungkin pelajar yang bijak ini cemerlang ini akan merasa bosan apabila mereka tidak digalakkan dari segi mungkin kemampuan mereka untuk menguasai sesuatu mata pelajaran itu. Ada baiknya supaya kementerian dapat mempertimbangkan untuk mengkaji semula supaya murid-murid ataupun pelajar yang cemerlang dalam kelas masing-masing ini dilompat, dinaikkan ke kelas untuk taraf pencapaian mereka.

Ini sudah tentu dari segi perkembangan modal insan pun di masa akan datang Tuan Pengerusi akan dapat kita mungkin kelebihan seseorang manusia ataupun individu itu kita memang akui ada keistimewaan masing-masing. Ini satu cara barangkali yang perlu kita ambil dan pertimbangkan semula. Kalau ianya banyak mendatangkan perkara yang positif kepada perkembangan sistem pendidikan di negara ini, maka saya mencadangkan supaya kementerian dapat mempertimbangkan untuk memperkenalkan ia semula.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi saya ingin memberi saranan juga di sini terutamanya kepada sekolah-sekolah yang ramai pelajarnya. Sebagai contohnya kalau di negeri Sabah sekolah rendah ada lebih kurang lima buah sekolah yang dari segi populasi muridnya sangat ramai. Sebagai contohnya ada dua buah sekolah di kawasan saya yang termasuk *top five* dari segi jumlah murid yang belajar di SK Pekan Lahad Datu dan di SK Lahad Datu 2. Ini merupakan dua sekolah yang teramai di negeri Sabah.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkan iaitu kadar bilangan murid yang belajar dalam sesebuah kelas itu. Supaya dapat diminimumkan sesuai dengan kemampuan tahap seseorang guru itu untuk memberi tumpuan bagi memberi pengajaran kepada murid-murid ataupun pelajar. Dengan cara ini mungkin dari segi keberkesanan seorang guru itu mengajar ataupun memberikan yang terbaik kepada murid-murid dan pelajar-pelajar kita. *Insya-Allah* mungkin adanya ini lebih baik.

Selain daripada itu juga kalau kita lihat dari segi kadar murid yang semakin dari semasa ke semasa terutamanya di kawasan sekolah-sekolah bandar di seluruh negara. Saya ingin bertanya kalau pun pihak kementerian daripada mempertimbangkan untuk mewujudkan suatu tenaga pengajar bantuan kepada seorang guru yang boleh mengawal, membantu untuk dari segi – memang saya fikir mungkin menambah kos dari segi pembayaran gaji dan sebagainya. Akan tetapi bila kita melihat keadaan disiplin yang agak mencabar sekarang ini, ada baiknya barangkali kalau seorang guru yang mengajar dalam sebuah sekolah ataupun kelas itu ada pembantunya, sedikit sebanyak boleh membantu bebanan dan dia memberi tumpuan kepada guru memberikan pengajaran yang terbaik.

Tuan Pengerusi akhirnya saya ingin menyentuh juga dalam suatu perkara yang perlu diambil perhatian oleh kementerian terutamanya untuk negeri Sabah dan mungkin juga di sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia ini iaitu pejabat pelajaran di setiap daerah Tuan Pengerusi. Kita dapati mungkin ada setengah-setengah pejabat pelajaran daerah di negara kita ini dari segi pegawai pentadbir, kakitangan yang ada dalam pejabat itu lebih ramai di setengah-setengah sekolah. Jadi saya ingin mencadangkan di sini kalau kementerian belum lagi memikirkan untuk menambah kakitangan di pejabat-pejabat pelajaran di seluruh negara.

Sebab ini saya ada rungutan daripada beberapa orang pegawai pelajaran daripada negeri Sabah. Supaya dapat memikirkan dan mencadangkan di Dewan yang mulia ini kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil berat dan mengambil inisiatif untuk menambah kakitangan di Jabatan Pelajaran di seluruh negara bagi membolehkan – sebab ada setengah-setengah saya dapati oleh sebab kakitangan di Jabatan Pelajaran itu terlalu terhad dan sedikit, ada kadang-kadang lima orang ataupun tujuh orang bayangkan.

Dalam macam contohnya kita ambil daerah yang paling kecil di Parlimen Silam Daerah Kunak yang lebih kurang sekolah dia hanya 23 buah. Akan tetapi ada setengah-setengah terutamanya musim apabila penyampaian hadiah sekolah-sekolah dan pegawai itu dijemput Tuan Pengerusi dan tidak termampu pegawai itu untuk hadir pada sekolah-sekolah yang menjemput mereka. Jadi saya berharap supaya kementerian dapat mempertimbangkan perkara ini untuk membolehkan kita memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak kita di negara Malaysia ini. Sebab saya tahu di masa akan datang yang paling penting pembangunan negara Malaysia ini memang bergantung sepenuhnya kepada pembangunan modal insan yang cemerlang. Apatah lagi kita akan menjurus kepada negara maju dan kita perlu kepada tenaga modal insan, manusia yang kita tahu dari segi pendidikan dan yang terbaik itu perlu diberikan.

Saya berharap supaya kementerian nanti dalam kajian dasar ini juga dapat memikirkan suatu sistem yang holistik yang mengambil kira pandangan semua pihak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat masa sudah habis.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sik.

4.08 ptg.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Saya akan terus masuk kepada perkara dua dahulu iaitu sebanyak RM35 juta untuk menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara. Pertama sekali Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri, Jawatankuasa Pemantau yang dilantik oleh kerajaan saya rasa sebagaimana Yang Berhormat Hulu Terengganu kata tadi, tidak ada asas pendidikan, kalau ada pun tidak ada asas sekolah. Jadi mereka hendak kaji itu adalah sistem pendidikan. Kalau mereka sendiri tidak mempunyai kita katakan asas yang betul mungkin rekomen ataupun cadangan yang akan mereka berikan nanti tidak sesuai dengan sekolah. Jadi saya mintalah Timbalan Menteri memastikan satu panduan yang jelas diberi kepada mereka ini supaya jawatankuasa ini berfaedah kepada negara.

Keduanya Tuan Pengerusi saya mintalah kepada kementerian supaya - kerajaan ini lama sudah tidak buat. Kita memerlukan satu sistem yang benar-benar dapat menjadi sistem kebangsaan yang memberi faedah kepada kita semua. Jadi untuk ini jangan buat secara tergesa-gesa. Dalam sistem pendidikan kita ini selalu tergesa-gesa walaupun kementerian nafi tetapi sebagai bekas pendidik saya tahu banyak benda yang dibuat secara tergesa-gesa.

■1610

Contohnya PPSMI. Walaupun kita tentang dulu, kerajaan kata kita kaji. Akan tetapi kesudahannya tidak berjaya, baru kita sedar bahawa benda itu sebenarnya tidak dikaji dan dibuat tergesa-gesa. Jadi saya mintalah sistem yang kita hendak buat ini mestilah benar-benar dihalusi, mengambil masa sedikit dan benar-benar mewakili ataupun dapat menjadi satu sistem yang kita hendak perkenalkan ini benar-benar dapat kita gunakan kerana dia mungkin berpuluh tahun pula baru kita hendak gunakan.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri adakah dalam kajian ini kita memasukkan benda-benda yang jelas selama ini. Yang pertama sekali soal kelas prasekolah. Terlampau banyak jenis prasekolah yang dijalankan oleh kerajaan. Pendidikan ada, KEMAS

ada, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah pun ada, tidak termasuk PERMATA pun ada. Kerajaanlah semua itu walaupun PERMATA.

Saya minta di bawah kajian ini kita selaraskan, cuma ada satu cukuplah yang diuruskan oleh kerajaan duit itu dari kantung yang sama. Kalau kita buat banyak, banyak duit yang kita akan belanjakan.

Perkara yang ketiga Tuan Pengerusi, mengenai sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah sama ada menengah ataupun rendah. Kita ada hampir seramai 300 orang murid di situ. Jadi dia juga terumbang ambing. Dulu kerajaan beri tetapi kerajaan tarik balik. Bajet 2009 masuk sedikit sebanyak RM95 juta. Bajet 2010 dan Bajet 2011 tarik balik. Jadi apa salahnya kita arus perdanakan kerana masalah kita hari ini ialah masalah disiplin. Masalah akhlak murid-murid.

Saya menyokong j-QAF itu ditambah secukupnya sebagaimana yang ditimbulkan oleh rakan-rakan lain tetapi dalam masa yang sama, agama ini merupakan satu perkara yang penting yang boleh memastikan akhlak pelajar-pelajar dan menentukan masa depan kita hidup secara amanlah. Jadi mengapa tidak ataupun saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan adakah di dalam kajian ini Sekolah Menengah Agama (SMA) dan Sekolah Rendah Agama (SRA) dimasukkan kembali dalam arus perdana dan diberi bantuan sebagaimana kita berikan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina.

Perkara yang keempat, mungkin dalam kajian ini juga, kementerian harus memikirkan soal *syllabus.* Sebagai guru lama, 30 tahun dalam pendidikan, saya sedar sangat sukatan pelajaran digubal berdasarkan kehendak pelajaran. Ia terlampau luas. Ini menyebabkan timbulnya soal kurangnya praktikal ataupun amali yang ditimbulkan oleh rakan-rakan kita tadi. Kadangkala kalau kita bandingkan dengan *syllabus* di luar negara, dia sempit tetapi dia punya dalam, boleh kita kata banyak amali boleh dilaksanakan. Jadi budak-budak seronok. Macam kita, sudahlah berasaskan peperiksaan, *exam oriented* sebagai yang ditimbulkan oleh rakan kita tadi. Jadi bila jadi begitu, minat budak – murid yang duduk di bangku-bangku sekolah tadi rasa jemu dan bosanlah.

Perkara yang kelima, sudah lama Kementerian sejak saya kerja dulu lagi, saya sudah pencen pun tahun 2005 lagi. Kementerian menimbulkan soal perlunya diwujudkan sebuah institusi pendidikan induk. Tujuannya untuk melatih guru kepada guru tadi. Maksud saya pensyarah. Akan tetapi hingga hari ini, sehingga sekarang ini walaupun dikatakan hendak buat di Nilai dulu, sampai sekarang saya ingat tidak wujud menyebabkan P&P di sekolah-sekolah walaupun ada peningkatan, ada perubahan tetapi tidak kita kata memuaskan. Kalau tidak ada institusi induk ini, institusi pendidikan profesional induk yang boleh melatih pensyarah-pensyarah, saya rasa kita boleh mengatasi perkara ini.

Kemudian saya pergi kepada perkara satu iaitu peruntukan RM160 juta untuk menampung bantuan bayaran tambahan prasekolah dan juga yuran Majlis Sukan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kita sedar kegiatan kokurikulum, sukan semua ini memang amat membebankan guru-guru. Kenapa apa? Peruntukkan yang amat sedikit. Kalau pegawai-pegawai lain dari guru, pergi mesyuarat boleh bawa kereta. Kalau datang Kuala Lumpur boleh naik kapal terbang. Akan tetapi guru-guru, hanya diberi satu tempat dalam teksi. Kalau di peringkat daerah, cuma diberi duit makan sebanyak RM10 dan *claim* duit minyak. Ini pengalaman. Saya rasa sekarang lagi teruk. Saya difahamkan sekarang ini hendak *claim* pun tidak ada duit. Itu hakikat ya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bercakap ini berdasarkan pengalaman dan juga berdasarkan perbualan saya dengan rakan-rakan yang masih ada di sekolah.

Jadi peruntukan ini saya rasa perlu diberi kepada sekolah. Kita beri kepada sekolah-sekolah supaya guru-guru tadi bekerja dengan seronoklah. Bila dapat peruntukan yang cukup, dapat duit, kerja pun seronok dan *insya-Allah* standard sukan, standard kokurikulum kita pun akan meningkat. Dia berbeza dengan kementerian lain, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kementerian lain kalau kita aktif dalam sukan, beliakah misalnya, di situlah lubuk untuk kita dapat duit. Akan tetapi di sekolah, kalau sekolah itu aktif, poket gurulah yang akan kering. Sekolah tidak ada duit kerana peruntukan yang kita turun sikit. Yang kita murid-murid pula, kita tidak boleh kutip hari ini. Jadi saya haraplah benda ini dapat diatasi dan saya minta peruntukan ini memberi hak kepada guru untuk mendapat haknya. Kalau dia pergi bertugas, dia dapat kita katakan bayaran-bayaran yang sepatutnya didapati oleh seorang pegawai

kerajaan. Kerana apa? Kita tahu guru dedikasi. Hendak kata guru tidak dedikasi tidak boleh. Guru dedikasi. Akan tetapi apabila melibatkan wang poket yang terlampau banyak, mematikan kita kata minat guru untuk berkhidmat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Gulung, Yang Berhormat.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Seminit, seminit lagi. Sudah habis? Seminit boleh, Tuan Pengerusi? Hendak simpul ini. Akhir sekali, saya haraplah oleh sebab SRA dan SMA tidak dapat apa-apa lagi peruntukan, RM160 juta yang kita dapat ini berilah sedikit dekat mereka untuk menggiatkan gerak kerja kokurikulum di sekolah-sekolah rakyat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat hendak bagi Yang Berhormat Tebrau tetapi Yang Berhormat Tebrau tidak bangun. Yang Berhormat Lipis.

4.17 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi bagi Maksud B.41 – Kementerian Pelajaran ini, yang pertama sekali saya hendak membahaskan peruntukan sebanyak RM160 juta untuk menampung bantuan bayaran tambahan persekolahan dan yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia bagi tahun 2012. Jadi saya mengalu-alukan perkara ini dan saya berharap yuran Majlis Sukan sekolah-sekolah ini bukan sahaja setakat di peringkat Malaysia tetapi dia akan turun di peringkat negara dan dia akan turun juga ke peringkat negeri dan juga peringkat daerah. Ini kerana bagi saya, sukan merupakan kemuncak kepada segala pelajaran di sekolah kerana dalam sukan kita ada dua aspek yang penting. Satu, sukan untuk kesihatan, untuk riadah tetapi bagi saya di sekolah ini yang penting juga adalah sukan untuk pertandingan.

Jadi melalui pertandingan, murid-murid kita, kanak-kanak sekolah kita dapat belajar bagaimana menguasai keempat-empat perkara yang ada dalam keterampilan falsafah pendidikan kita sendiri iaitu dari segi jasmaninya. Mereka dapat belajar bagaimana hendak menguatkan mungkin badan mereka, otot-otot mereka dan sebagainya secara saintifik, kita harap.

Keduanya melalui emosi. Maknanya ini kita kata dengan izin Tuan Pengerusi *the psychology of winning.* Kalau dia menang, macam mana dia menangani dari segi emosi kemenangannya dan kalau dia kalah, bagaimana dia menangani emosi dia kalah dalam sesuatu pertandingan dan sebagainya.

Selepas itu dari segi kerohanian pun ada aspek kerohanian. Mungkin bila mereka menang, kita bersyukur dengan kemenangan kita dan kalau kita kalah, kita bersyukur juga kita kalah dan kita mencuba lagi pada masa yang akan datang dan tentulah dalam mana-mana pertandingan aspek intelek juga tidak boleh ditinggalkan kerana strategi pertandingan dan sebagainya.

■1620

Kalau orang main bola dia pakai kudrat sahaja memang tidak boleh menang. Bermakna strategi untuk menang itu mesti ada dan sebagainya. Jadi keseluruhan perkara itu disimpulkan bila ada sukan. Hanya apa yang saya harapkan ini melalui sukan ini kadang-kadang kita ada sekolah-sekolah kurang murid. Biasanya sekolah-sekolah kurang murid ini sukar bagi mereka hendak mengadakan sukan secara bersendirian, secara sekolah sahaja. Kalau muridnya ada lebih kurang 11 orang, macam mana mereka hendak merasai keadaan sukan itu sendiri. Kalau kampung itu bagus dia boleh bergotong-royong seluruh kampung tahan sedikitlah.

Baru-baru ini saya ada pergi merasmikan satu sukan, sekolah kurang murid, seluruh kampung bersukan pada masa tersebut. Jadi saya mengharapkan ini cadangan saya kepada pihak kementerian agar sukan itu boleh kita gabungkan. Di mana Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah mengambil peranan untuk memberi peluang dan ruang bermakna

digabungkan sekolah-sekolah yang kurang murid ini diadakan hari sukan untuk mereka. Jadi dengan cara ini semua sekolah kurang murid itu dari segi kosnya akan menjadi rendahlah. Kalau kita setiap sekolah hendak buat sukan dia sendiri kosnya mungkin akan tinggi dan peluang untuk mereka bertanding antara satu sama lain itu tidak banyak sebab kalau murid ada 6 orang dia berlawan sesama dia sahaja, macam mana? Jadi kita bawa mereka ini keluar dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah memainkan peranan untuk menganjurkan perkara-perkara ini.

Begitu juga bayaran tambahan persekolahan saya juga tidak pastilah apa sebenarnya yang dikatakan bantuan bayaran tambahan persekolahan itu jadi saya minta pihak Menteri menjelaskan. Apakah bayaran bantuan tambahan persekolahan. Jadi saya berharap dalam bantuan ini termasuk juga bantuan untuk unit-unit beruniform dalam kokurikulum. Termasuklah Pengakapnya, Pandu Puterinya, Bulan Sabit Merahnya, St. John Ambulance dan mungkin ada lagi yang Puteri Islam. Macam KRS ini memang dia beri bantuan oleh pihak sekolah, pihak kementerian, yang lain-lain yang tidak dibantu ini.

Jadi kita sendiri sekarang ini macam saya dalam Pengakap ini kita hendak minta yuran ini pun tidak boleh sebabnya bila kita minta yuran untuk Persatuan Pengakap, yuran untuk menyertai Pengakap, menjadi ahli Pengakap dia orang kata sekolah tidak boleh mengutip yuran. Jadi sudah menjadi satu perkara percanggahan di situ. Jadi saya berharap pihak kementerian memikirkan untuk memberi bayaran ini ataupun yuran ini kepada keseluruhan unit beruniform itu sendiri.

Saya juga hendak mencadangkan supaya unit beruniform ini kita boleh buat pada Tahap 1, ya, Tahap 1 lagi bukan setakat pada Tahap 2 sekarang ini. Sekarang ini di Tahap 1 tidak mengambil bahagian dalam unit beruniform, Tahap 2 sahaja baru boleh. Betul itu Yang Berhormat Hulu Terengganu? Jadi yang itu adalah yang nombor satu itu.

Kemudian, kita pergi pula kepada nombor dua sebanyak RM35,000,000 untuk menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara. Ini pun memang kita alu-alukan, kerana rasa saya yang terakhir kajian dibuat ialah yang menghasilkan laporan Kabinet dan akhirnya keluar Akta Pendidikan 1956 tetapi sekarang ini banyak perubahan sudah berlaku dalam senario pendidikan. Jadi ada beberapa perkara yang saya hendak kemukakan di sini untuk dipertimbangkan.

Pertamanya kita bercakap tentang pensiswazahan guru daripada sekolah rendah kepada sekolah menengah semua sekalilah. Terutamanya di sekolah rendah tetapi kita tengok di situ ada ketidakselarasan di antara perjawatan. Perjawatan pentadbiran dia di mana guru siswazah yang berada di sekolah rendah mereka tidak boleh memegang jawatan pentadbiran, sekarang ini. Rasa saya, saya tidak pasti tetapi baru-baru ini saya dapat jawapan bertulis. Guru Besar kalau dia sudah menjadi Guru Besar dan dia dapat ijazah dan dia boleh. Tetapi kalau guru itu bukan Guru Besar lagi, guru biasa dia dapat ijazah, dia tidak boleh jadi Guru Besar di sekolah.

Kalau dia ambil Gred 41, dia tidak boleh jadi Guru Penolong Kanan atau Guru Besar, dia kekal di situ. Jadi ini ketidakselaranlah bagi saya. Jadi sepatutnya jawatan Guru Besar ini kita sudah ramai guru siswazah di sekolah maknanya Guru Besar dia mestilah juga diberi peluang kepada guru siswazah ini untuk menjawat jawatan itu. Jadi ini kadang-kadang menyebabkan timbul rasa hilang atau kurang motivasi di kalangan guru-guru ini sendiri. Jadi kita harap perkara ini dipertimbangkan dalam kajian itu kalau kita hendak buat pensiswazahan semua guru dan jawatan...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Jawatan yang bukan selaras itu kita harap menjadi jumudlah bermakna habis. Kalau mereka pencen digantikan dengan Guru Besar selaras, sila tetapi masa saya pendek sahaja ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat satu minit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Satu minit lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya kena berhenti Yang Berhormat kalau satu minit habis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Satu saat, dua saatlah.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, satu saat sahaja. Maklumat saya terima di sekolah rendah N38 Guru Besar, guru biasa N48, jadi pandangan Yang Berhormat Lipis adakah ini agak merumitkan ataupun sistem ini perlu dirubah mohon pandangan bersama.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Itulah yang saya kata tadi maknanya saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Langat kali ini bersetuju dengan dia ya. Jadi itu yang kita bimbang itu. Kita bimbang guru besar bukan siswazah betullah dia naik pangkat sampai Gred 48 mungkin hendak pencen sudah tetapi guru biasa dia gred DG dia tidak panggil N dia DG 38. DGA, DGA sekarang saya pun tidak tahu tetapi DG lah dia punya Didik Guru dulu.

Jadi kalau guru siswazah, kalau mereka itu karier tadi kalau dia hendak menjadi Gred 48 kerana menjadi guru cemerlang tidak apa tetapi kita sekarang sistem untuk menjadi pentadbir itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Jadi saya berharaplah pihak kementerian bila membuat kajian ini sebagai memastikan perkara-perkara yang tidak ketidakselarasan itu diambil kira dalam semua aspek dan kalau boleh *engage j*uga dengan izin dengan Ahli-ahli Parlimen yang rasa saya dalam Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Pelajaran, JMBC tidak pernah dipanggil pun untuk dialog ini setakat ini. Terima kasih saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kita ada 8 orang lagi yang hendak bercakap Yang Berhormat. Kita ada 4 kementerian, masa hari ini sampai 9.30 malam, bolehkah Yang Berhormat? 5 minit boleh Yang Berhormat? Yang Berhormat Ipoh Barat boleh? Silakan Yang Berhormat Ipoh Barat.

4.29 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, mengenai kajian semula Dasar Pendidikan Negara saya setuju kepada pandangan ramai di antara Ahli Parlimen di mana walaupun dasar yang baru perlu diubah dan *maybe* disediakan tetapi tidak ada cukup konsultasi. *There's any consultation.* Dalam hal ini saya hendak tanya apakah kita dasar ini perlu dibuat secara rahsia-rahsia? *Because* kalau nampak macam walaupun dikatakan diadakan di negeri Perak tidak macam Ahli Parlimen, ADUN kami tidak dipanggil langsung. Kami tidak tahu dan pada *public hearing* dan hanya pada 6 Mei di mana perkara ini sudah jadi, 7 Mei baru saya tahu.

Ini bukan saya rasa mungkin kita boleh pergi kepada seluruh negeri-negeri sekali lagi. *We sit all* supaya jangan hadkan kepada segolongan masyarakat supaya semua *stakeholders* patut terlibat dalam hal ini dan *there's no security policy.*

■1630

Perlu seberapa terbuka, tulus, dan berani untuk menghadapi masalah-masalah tertentu. Macam cadangan untuk mengadakan *compulsory English* dalam Tingkatan Lima, adakah kerajaan berani membawa dasar baru ini?

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Berani?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Berani? Nasi beranilah!

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Huh! Nasi beriani. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini perlu. Perlu satu...

Seorang Ahli: Komitmen.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ah! Mungkin satu komitmen kerana kalau kementerian boleh membuat *moral study compulsory,* saya ingat tidak masuk akal

langsunglah kenapa *moral study* dibuat *compulsory* tetapi *English language* atau bahasa Inggeris tidak dibuat *compulsory.* Walaupun ada bantahan-bantahan tertentu terhadap *moral study* baru-baru ini di mana dikatakan murid-murid tidak tahu soalan-soalan peperiksaan sebelum, *past year question* tidak – *it's secretive.* Mereka tidak tahu langsung. Mereka perlu hafal 36 perkara dalam *moral studies.*

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Kebanyakan murid yang dapat semua A+ ini pada semua mata pelajaran lain tetapi *moral study* dapat B, B-, dan sebagainya. *No, no!* Tidak masuk akal. Guru-guru pun tidak boleh beri penjelasan. Ada banyak rayuan pun telah dibuat. Kenapa perkara ini boleh jadi? Kenapa *moral study* tidak dibuat *compulsory* kepada orang Melayu, *Islamic study?* Dia ada pilihan tetapi untuk *moral study is a compulsory subject.*

Hal ini juga, adakah kerajaan niat untuk membuat *compulsory* kepada bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dan bahasa Cina kepada masyarakat Cina? Bahasa ibunda mereka dibuat sebagai *compulsory study.*

Tuan Pengerusi, saya telah bangkitkan beberapa perkara tersebut. Satu adalah di mana amaun yang diagihkan untuk anak-anak kita di sekolah iaitu untuk sekolah kebangsaan, dikatakan RM33.30 untuk seorang...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon celah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Murid untuk satu bulan. Untuk sekolah Tamil RM10.55 untuk satu orang sebulan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gopeng mohon.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sekejap. Dan RM4.50 untuk satu murid satu bulan. Ini adalah jawapan kami terima pada Rancangan Malaysia Kesembilan. Adakah ini juga ada komitmen yang baru untuk meningkatkan, seragamkan semua? Jangan pilih kasih bahawa kita perlu memperkasakan sekolah kebangsaan, maka kita perlu beri empat, lima kali ganda lebih wang kepada anak-anak kita yang belajar di sekolah kebangsaan. Malah, diskriminasi, anak-tirikan anak-anak kita di sekolah Tamil dan sekolah Cina.

Juga pembinaan enam sekolah Tamil, saya ada tanya soalan. Yang Berhormat Menteri kata dalam proses. Apa itu proses? Bila ia akan disiapkan? Berapa telah diagihkan? Saya difahamkan tidak ada – *The Prime Minister has made a wild announcement* tetapi tidak ada komitmen dalam perkara ini.

Juga mengenai *matriculation,* baru-baru ini masyarakat India dikatakan 1,000 lebih kerusi telah diberi kepada mereka tetapi hingga sekarang *not fill up,* tidak ada sekolah, tidak ada pilihan dibuat*. No* komitmen, semua jual sahaja macam di pasar sahaja. Semua cakap-cakap tidak langsung mengikut apa yang di janji. Perdana Menteri kata tetapi apabila kita tanya kepada Menteri Pelajaran, dia kata dia tidak tahu. Kami difahamkan mereka *'little Napoleon'* sana enggan memberi kerjasama untuk 1,559 kerusi yang telah diagihkan untuk masyarakat India, tidak ada. Hanya 700 orang diberi keutamaan dan yang lain semua telah dipinggirkan dan *what kind of policy* kementerian kata? Apa rasional dia? Tidak ada.

Menunjukkan tidak ada komitmen dan kita perlu kalau kita tengok dalam dasar yang ini, semuanya cantik, bagus. Akan tetapi kalau kita tengok benar-benar, adakah ini dilakukan? Kalau betul-betul, apabila kita pergi ke seluruh negara, kita perlu memanggil sekurang-kurangnya wakil rakyat dan diadakan di negeri Perak. Kita semua tidak tahu... *[Disampuk]* Yang Berhormat Sri Gading dia tahu. Mungkin dia dekat Johor Bahru dan dekat Ayer Keroh dia tahu tetapi lain tempat orang tidak tahu.

Jadi Tuan Pengerusi, yang mustahak adalah bahawa jangan kita berdiskriminasi dari satu sekolah ke sekolah lain. Semua *stakeholders* patut diberi keutamaan dan patut mendapat pandangan mereka. Saya haraplah cadangan bahawa walaupun satu kesilapan besar telah dibuat di mana macam negeri Perak di bulan Mei kami tidak ada panggil, mari, adakan lagi satu forum sedemikian memanggil seberapa banyak orang yang ingin mengambil bahagian mendapat pandangan mereka mungkin tidak sependapat dengan Barisan Nasional tetapi sekurang-kurangnya mendengar dan tengok adakah pandangan itu rasional kalau betul ia diimplementasikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Berapa orang lagi?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Okey, saya dengar tadi Timbalan Speaker mengatakan bahawa lima minit seorang. Jadi kalau ada boleh berhujah dua minit, jadi ramailah yang boleh bercakap. Okey selepas Yang Berhormat Ipoh Barat, sila Yang Berhormat Sri Gading.

4.35 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam dasar ini, saya cuma hendak mencadangkan, ini daripada cadangan guru-guru, sahabat-sahabat saya, supaya diadakan kolej untuk Tingkatan Enam. Hari ini Tingkatan Enam di sekolah-sekolah... *[Disampuk] Junior college*kah, Kolej Tingkatan Enamkah, tidak kiralah, kerana hari ini murid-murid di Tingkatan Enam ini macam terbiar. Jadi guru-gurunya pun tidak fokus dan macam-macam.

Ini semua ialah pra universiti. Dua tahun dia ada di situ. Buatkan kolej di peringkat tiap-tiap daerah dan diadakan sekali dengan asramanya. Umpama daerah saya Batu Pahat, ada 30 lebih sekolah menengah dan yang ada Tingkatan Enam lebih kurang 15 atau 16 kelas sahaja. Dikumpulkan di satu daerah, dibuat Kolej Tingkatan Enam, buat asrama, jadi 500 ke 600 orang ini duduk di asrama bagi meringankan beban tambang dan sebagainya. Jadi saya cadangkan dalam dasar ini kalau boleh dibuat satu pembaharuan lagi, wujudkan Kolej Tingkatan Enam bagi tiap-tiap daerah berserta dengan asramanya sekali. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sungai Petani. Selepas Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Arau.

4.37 ptg.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak sebut beberapa perkara sahaja. Pertama sekali, apa pun jua dalam 14(ii) ini, kita belanja RM35 juta untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara, yang pentingnya Tuan Pengerusi ialah selepas pelajar itu keluar daripada sekolah, yang pertamanya dia boleh membaca Tuan Pengerusi, yang kedua dia boleh menulis dan yang ketiga dia boleh mengira. Rangkum kepada tiga-tiga ini, dia mempunyai akhlak dan patriotik kepada negara dia. Itu asas dia Yang Berhormat Sri Gading. Ada Yang Berhormat Sri Gading di sekolah-sekolah bandar, sampai *Form 5* menulis dan membaca pun tidak boleh. Ini masalah ini. Kita cakap benda besar-besar tetapi ada pelajar-pelajar kita selepas keluar daripada Tingkatan Lima tidak boleh membaca, tidak boleh menulis, dan tidak boleh mengira, hendak akhlak apa? Oleh sebab itu, apa pun jua Menteri, perkara ini penting.

Kedua, kalaulah budak-budak kita ini, anak-anak murid kita ini sampai Tingkatan Tiga tahu sudah tidak boleh pergi sudah, masuk *gear*, patah Tuan Pengerusi, dia memang tidak minat. Adakah kita hendak kembali kepada zaman dahulu di mana kita buka ruang mereka untuk masuk *technical school, vocational*? Akhirnya, walaupun dia mungkin tidak pintar segi akademiknya, huh, tetapi *spark plug*nya, *spanner*nya, skrunya, ini kalau dia pegang menggigil tangan dia sebab dia suka benda itu. Akan tetapi tidak, kita *push*!

Budak-budak tidak boleh membaca pun masuk Tingkatan Empat dan tidak boleh membaca masuk Tingkatan Lima, ini yang ada sekolah-sekolah yang guru tidak mahu masuk kelas ini Tuan Pengerusi. Ini kerana guru tahu, masuk kelas ini, masalah. Budak-budak nakal. Memang dia nakal, dia tidak boleh baca dan mengira. Dia kacau kawan-kawan dia. Lelaki kacau perempuan, guru muda masuk yang lelaki-lelaki dan budak-budak muda umur 17 dan 18 sudah *start* kacau cikgu-cikgu sebab dia tidak tahu membaca dan mengira. Akhirnya, guru-guru pun malas hendak pergi kelas. Guru tunggu *time*lah, habis masa, kamu jalanlah! Itu kena tengok betul-betul. Di Kuala Lumpur ini banyak sangat. Yang Berhormat Arau, banyak sangat murid-murid yang tidak boleh membaca dan menulis.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak tarik perhatian kepada Menteri. Kalau Tuan Pengerusi lihat di Indonesia Tuan Pengerusi, budak-budak masuk universiti pada umur 17 tahun. *Medic*kah, *matrix* – dia tidak ada *matrix*. Buat *medic*kah, buat *dentistry*kah, terus umur 17 setengah itu dia masuk. *Now* kita hendak tanya, adakah budak-budak Indonesia ini yang masuk universiti dia pada umur 17 tahun ini maknanya pendidikan asasnya tidak kukuh?

■1640

Saya tengok budak-budak yang masuk *dentistry* dan *medic,* apabila dia *graduate* dari Indonesia, sama juga. Ini disebabkan kita menghantar budak-budak kita ke *medic, dentistry* di Indonesia pada umur 19 tahun. Maknanya 17 tahun dia habis SPM, masuk Matriks dua tahun, 19 tahun. Sedangkan budak-budak di Indonesia masuk universiti pada umur 17 tahun. Apabila kita lihat dia punya latar belakang pendidikan di sekolah rendah, rupa-rupanya matematik, kalkulus dan sainsnya cukup *powerful*. Cukup *powerful!* Kalkulus, matematik dan *basic science*nya, *foundation* dia untuk subjek-subjek ini cukup *powerful.* Oleh sebab itu dia boleh bercakap dengan cantik, Yang Berhormat Sri Gading. Bahasanya indah tetapi *basic* dan juga *foundation*nya *strong.*

Jadi, saya sekali lagi Tuan Pengerusi, hendak *landing* sudah Tuan Pengerusi, apa-apa pun jua, buatlah kajian apa-apa pun tetapi wajibnya pelajar kita mesti boleh membaca, mesti boleh menulis, boleh mengira dan ini semua dibalut dengan akhlak dan semangat patriotik negaranya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau. Selepas Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kuala Krai.

4.41 ptg.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin terus pada peruntukan sebanyak RM35 juta diperlukan untuk menampung pelaksanaan semula dasar pendidikan negara. Saya ingin menarik Tuan Pengerusi tentang pandangan pakar pendidikan, profesor lama dan merupakan pakar ekonomi iaitu Profesor Diraja Ungku Aziz yang kenyataannya saya lihat harus kita terima dengan jujur dan akur dalam kita berada di peringkat pertengahan perjalanan negara yang kita sayangi ini. Kenyataannya berbunyi, *"Sistem pendidikan negara semakin caca-marba kerana sentiasa saya lihat diubah-ubah semata-mata memenuhi perjanjian ataupun kompromi politik. Pendidikan bukannya bola untuk permainan politik".*

Dalam kita membentuk ataupun revolusi bangsa Malaysia yang lebih adil, perjuangan ini menuntut keikhlasan. Kalau kita pimpinan di masa kini – menuntut pimpinan di masa kini dengan benar-benar jujur, kalau sesuatu perkara berlaku misalnya kita ambil contoh kelemahan pelajar Melayu dalam bahasa Inggeris. Kita menyalahkan sistem yang sedia ada. Kita mengubah sistem. Ini tidak seharusnya berlaku walaupun semangat dan roh masih berdasarkan pada Laporan Razak 1956, Rahman Talib 1961, Dasar Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1970. Walaupun masih berteraskan pada itu tetapi kekerapan diubah ini seperti mana Yang Berhormat Sik katakan tadi – ini kali pertama saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sik. Kalau kekerapan sistem ini diubah, kita melihat kita tidak boleh mewujudkan satu revolusi bangsa yang berbentuk persahabatan di antara kaum ataupun etnik terbesar di negara ini.

Saya ulangi kenyataan saya. Kita tidak berniat mengubah sistem yang sedia ada. Sekolah SRJK(C) dengan SRJK(T), 'T' dengan 'C' nya, sekolah kebangsaan dan sekolah kebangsaan ini. Akan tetapi biarlah kali ini merupakan perubahan yang terakhir dan kawan-kawan telah membangkitkan tadi, ambil, *consider all.* Lapisan masyarakat, keadaan persekitaran. Kita bukan hendak fikirkan dalam konteks negara kita sahaja, Tuan Pengerusi. Kita hendak melihat juga perkembangan sistem pendidikan ini selari dengan kehendak kemajuan dan sistem dunia yang ada sekarang ini. Alvin Toffler misalnya, seorang penulis terkenal mengatakan bahawa bidang pendidikan di abad ini amat penting dan mesti berupaya melahirkan pelajar yang kreatif, pelajar yang mampu menyelesaikan masalah, pelajar yang boleh berfikir secara kritis.

Jadi, ini yang hala tuju kita, Yang Berhormat Sungai Petani bangkitkan tadi. Itulah antara landasan dan titik akhirnya pertemuan kita adalah di sana. Akan tetapi di dalam masa kita hendak menuju ke arah kita membentuk kebaikan yang ada di negara-negara lain, memperkukuhkan asas ataupun *foundation* di peringkat *primary school* dan sebagainya. Akan tetapi perkara-perkara ini sebenarnya tidak perlu ada kekerapan perubahan walaupun Menteri Pelajaran ditukar berkali-kali. Tidak perlu Menteri Pelajaran baru. Dia hendak *set benchmarking* nya, dengan dia mengubahkan beberapa perkara hanya hendak melihat kalau dia berada di situ, itu, *"Aku berada di situ. Aku hendak set sesuatu yang lain daripada Menteri Pelajaran".* Tidak boleh macam itu.

Kementerian Pelajaran ini ia lain daripada yang lain sebab ia melihatkan soal melahirkan, mengenal *inner* potensi yang ada pada seseorang pelajar di peringkat awal lagi iaitu prasekolah, yang harus diselaraskan sampailah ke peringkat pengajian tinggi. Walaupun ada cadangan mengatakan bahawa kita akan bermula pendidikan formal seawal umur enam tahun, kemudian pendidikan tinggi seawal umur 17 tahun seperti Yang Berhormat Sungai Petani katakan tadi. Itu boleh berlaku tetapi dalam masa yang sama, falsafah ataupun roh yang mesti kita penuhi. Roh-roh ini adalah berkaitan dengan keupayaan kita mewujudkan satu revolusi bangsa yang kukuh dan stabil.

Untuk mewujudkan perkara ini Tuan Pengerusi, kita tidak mahu lagilah, cukup. *Enough is enough,* dengan izin Tuan Pengerusi. Baru-baru ini ada pergaduhan di KFC. Tafsiran orang *"Oh! Pekerja Melayu dengan pelanggan Cina."* Benda yang remeh-temeh biasa, berbangsa Cina. Bergaduh, tafsiran di luar masyarakat, ini adalah perkauman. Ini adalah disebabkan oleh salah sangka sebab sistem yang ada sekarang, orang Melayu balik ke rumah, memahami cara hidup. Dia tidak campur kecuali di tempat pekerjaan. Kecuali atas urusan perniagaan. Kecil sahaja, dalam kalangan ahli politik mungkin bercampur sebab kita mengendali tetapi kita mahu lebih hebat daripada itu. Wajah-wajah suci yang hadir setiap hari di Dewan yang mulia ini. Pelajar Melayu, pelajar Cina, mereka tidak tahu apa-apa.

Oleh sebab itu saya bersetuju sangat dengan kenyataan profesor yang saya kasihi Profesor Diraja Ungku Aziz ini. *"Pendidikan bukannya bola untuk permainan politik".* Jadi, saya pohon Kementerian Pelajaran dalam hal ini, kekerapan penukaran dasar yang sering kita buat, sebenarnya kita tidak perlu buat lagi. Ini adalah yang terakhir. Ambillah contoh daripada sistem pendidikan yang terbaik dari mana-mana negara sekalipun. Ini sebagai landasan itu kita mencapai kejayaan dalam falsafah pendidikan negara. Kita sudah banyak buat kesilapan. Kita sudah banyak – MBMMBI, apa semua dan sebagainya. Kalau kita hendak perkukuhkan bahasa Inggeris, mungkin kita boleh sediakan kelas pilihan, sekolah menengah aliran Inggeris, khas kita beri.

Itu kita boleh rancang tetapi dalam masa yang sama, kita perlu melihat banyak perkara yang terkandung dalam laporan-laporan, sebagai asas Laporan Razak dan sebagainya. Biarlah ia betul-betul dilihat mampu, selaras dengan kehendak zaman, dengan *knowledge edge*, k-ekonomi yang ada pada masa kini dan kita berharap transformasi kurikulum yang kita buat pada masa ini benar-benar bersesuaian, menarik minat pelajar sama ada lemah, sederhana, seperti Yang Berhormat Sri Gading bangkitkan. Kalau kolej ataupun *junior colleges,* Tingkatan 6, mengapa kita perlu ada? Sebab guru tidak masuk ke kelas. Sebab guru fikir pelajar-pelajar Tingkatan 6 ini tidak begitu penting. Mereka ini merupakan pilihan terakhir. Kita tidak boleh buat macam itu.

Dalam pendidikan, semua pelajar sama ada mereka tidak mampu, berada dalam kategori sederhana, kategori yang cemerlang, mereka adalah pelajar-pelajar kita, anak-anak kita yang diberikan amanah untuk kita melihat mereka berjaya walaupun kadang-kadang mereka terpaksa melalui laluan sukar untuk mencapai kejayaan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akur pada masa dan saya mahu menyokong peruntukan tambahan ini.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Kuala Krau tadi saya sebut, Yang Berhormat Beruas selepas itu Yang Berhormat Rembau.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas itu Yang Berhormat Gopeng.

4.48 ptg.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menyentuh juga seperti rakan-rakan lain dalam Maksud B.41 ini peruntukan RM35 juta untuk menampung pelaksanaan kajian semula dasar pendidikan negara. Saya bersetuju dengan rakan-rakan yang meminta supaya pada kali ini, buat sekian kalinya biarlah kajian ini kajian yang menyeluruh.

Cuma saya ingin melanjutkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau tadi bahawa sebenarnya dikatakan satu kajian telah dibuat oleh satu kumpulan yang dilantik oleh pihak berkuasa kerajaan pada akhir tahun yang lalu dan siap laporannya pada bulan Mac baru-baru ini yang bertajuk *Education System Review: Malaysia,* yang merupakan kajian ataupun laporan yang agak komprehensif, lebih daripada 400 muka surat, dengan sembilan perkara yang dibincangkan, telah diedarkan kepada pihak kerajaan.

Akan tetapi sampai hari ini, kita belum melihat hasilnya dikemukakan kepada rakyat. Jauh sekalilah kepada kita di Parlimen ini, yang mana kita sepatutnya berbincang perkara tersebut. Mengapa kajian yang dibuat oleh kumpulan yang diketuai oleh Puan Satinah Syed Salleh ini tidak dikemukakan.

■1650

Kita dimaklumkan laporannya agak menyeluruh tetapi, dengan izin, *damning* kepada sistem pendidikan kita. Maksudnya, menemukan pelbagai perkara yang menolak tanggapan bahawa sistem pendidikan kita ini terbaik berbanding Amerika ataupun United Kingdom. Akan tetapi kita tidak boleh bersifat emosional ataupun pihak kerajaan tidak boleh bersifat emosional apabila mendapati hasil kajian itu tidak menjurus kepada apa yang kita kehendaki. Kalau kita hendak sesuatu kajian itu sesuai dengan apa yang ada di dalam kepala kita seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi, seorang Menteri itu ada hasratnya, ada benda yang dia hendak tinggalkan hasil daripada kerjaya dia dalam kementerian tersebut, ini tidak wajar.

Kalaulah kajian yang dibawa oleh Jawatankuasa ini telah menyeluruh dan melihat semua sudut yang patut, saya rasa ia harus diterima dan kita harus berlapang dada dan mencari satu penyelesaian yang baik. Saya melihat sebagai contohnya, dalam konteks pendidikan PPSMI ataupun Dasar PPSMI yang telah ditarik semula menjelang tahun ini dan tahun hadapan. Masih ada lagi pihak yang sangat *passionate,* dengan izin, mempertahankan PPSMI. Kita tidak boleh mengatakan bahawa mereka ini tidak ada tempat, perjuangan mereka ini tidak ada tempat buat masa ini. Walaupun kita menuntut supaya pendidikan teknikal, sains dan matematik ini biar diajarkan dalam bahasa ibunda tetapi tentulah ada satu *compromise* di mana PPSMI dalam konteks yang memberikan ruang kepada yang berminat dan yang berhajat dan yang berkemampuan misalnya. Supaya di sana ada suatu yang disebutkan liberalisasi sedikit dalam konteks pendidikan ini. Akan tetapi bagi majoriti kita, kita meyakini perubahan ataupun pembatalan PPSMI itu memang tepat. Cuma kita hendak supaya sebahagian daripada rakyat yang berfikiran berbeza ini tidak diketepikan begitu sahaja sehingga menimbulkan rasa kemarahan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita ada mendengar pendidikan di sekolah-sekolah antarabangsa misalnya, *international school,* peratusan penyertaan rakyat Malaysia dibesarkan. Jadi, ini merupakan satu isyarat pula, isyarat yang berbeza daripada hasrat pembatalan PPSMI tadi. Jadi, nampak *conflicting,* dengan izin, *signal* yang dihantar oleh pihak kerajaan kita. Jadi, ini yang saya meminta supaya kita mengambil sikap yang tegas supaya dapat melaksanakannya dengan baik tanpa menimbulkan kemarahan daripada mana-mana pihak. Satu yang akhir Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kerana saya ada mendengar pandangan bahawa kadar keciciran daripada sekolah rendah ke menengah ini masih tinggi. Cuma saya tidak dapat hendak *verify* sama ada jumlah yang dikatakan 80,000 yang tercicir daripada rendah ke menengah ini sesuatu yang betul. Jadi, saya minta jawapan daripada Menteri, kalau tidak katakan tidak, kalau ia apakah puncanya. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Beruas.

4.53 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi: Selepas Yang Berhormat Beruas dan selepas itu Yang Berhormat Rembau dan selepas itu Yang Berhormat Gopeng.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap. Saya merujuk kepada perkara B.41 berkenaan dengan bantuan bayaran tambahan keperluan persekolahan. Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Arau tadi yang mengatakan di dalam pendidikan kita tidak harus mempolitikkannya. Saya meminta Menteri membuat penjelasan kenapa dipolitikkan

bantuan orang ramai ataupun daripada Kerajaan Pakatan Rakyat ataupun Ahli-Ahli, Wakil Rakyat Pakatan Rakyat yang memberikan bantuan kepada sekolah.

Saya bagi banyak contoh tetapi saya hendak menyatakan dua contoh yang berlaku baru-baru ini. Kita tahu sekolah bantuan seperti sekolah Cina, sekolah mubaligh dan sekolah Tamil memerlukan bantuan orang ramai kerana bantuan yang diberikan oleh kerajaan tidak mencukupi. Sekolah Cina Ming Teik yang baru-baru ini siap satu bangunan tiga tingkat, mereka memerlukan RM1.1 juta tetapi Kerajaan Persekutuan hanya memberikan RM100,000. Saya sebagai Wakil Rakyat bersama dengan Yang Berhormat Taiping yang merupakan ADUN Pantai Remis di kawasan itu membantu menghulurkan derma sebanyak RM150,000 kepada sekolah itu untuk menyiapkan bangunan tersebut. Apabila bangunan telah siap dan hendak dibuat pembukaan, guru besar dikatakan menerima arahan tidak membenarkan pembukaan itu dilakukan di sekolah kerana ada wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat dan perlu dibuat di Dewan Kuo Tein. Memang itu tidak munasabah dan saya hendak tahu, apakah ini polisi Kerajaan Persekutuan ataupun ini satu tindakan oleh Pegawai Pendidikan Daerah sahaja.

Pada 25 Februari tahun ini, saya dijemput bersama dengan Menteri Pengangkutan, Ahli Parlimen Lumut oleh Rotary Club untuk memberikan kamus percuma kepada sekolah-sekolah di Manjung. Menteri tidak sempat hadir tetapi dia menghantar wakil. Saya bersama wakilnya memberikan kamus percuma kepada murid sekolah. Sekolah ACS telah menghantar pancaragam untuk memeriahkan program tersebut. Semua guru-guru besar termasuk Guru Besar ACS dan juga semua guru-guru besar yang menghantar murid-murid untuk menerima kamus percuma itu dikeluarkan surat *show cause* kenapa tindakan tidak harus diambil terhadap mereka kerana kehadiran saya di luar sekolah kerana menerima kamus percuma ini daripada saya.

Saya hendak tahu kalau melainkan ini polisi Menteri atau Kementerian Pendidikan/Pelajaran, satu notis *show cause* mesti dihantar kepada Pegawai Daerah Manjung ini untuk menunjuk sebab. Kalau tidak berita ini sudah diketahui oleh semua murid-murid dan orang ramai di Manjung. Jika ini tidak diperbetulkan, gambaran yang tidak baik akan termaktub di dalam minda murid-murid dan orang ramai tidak akan lagi menghulurkan bantuan kepada sekolah kerana kalau inilah cara tindakan kerajaan mempolitikkan bantuan kepada sekolah.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua berkenaan dengan bantuan tambahan kepada sekolah. Saya rasa kerajaan boleh berjimat banyak duit jika sistem tender yang dikeluarkan, cara pembinaan boleh menjimatkan banyak wang. Dalam dua tahun ini memang di Ayer Tawar ada tiga sekolah yang dibina. SRJK New Village Ayer Tawar dibina oleh kerajaan, juga tiga tingkat. Berharga lebih kurang RM2.4 juta daripada jawapan yang saya terima daripada Parlimen tetapi di bawah pengelola ataupun *board of directors,* Sekolah Ming Teik tadi hanya memerlukan RM1.1 juta. Sekolah MES atau *Methodist English School,* Sekolah Methodist Ayer Tawar juga membina bangunan tiga tingkat. Ketiga-tiganya lebih kurang sama saiznya tetapi MES hanya memerlukan RM1.3 juta. Maksud saya ini, kenapa kerajaan mesti memerlukan pembayaran yang begitu tinggi untuk bangunan yang lebih kurang sama?

Satu lagi contoh, baru-baru ini Perdana Menteri datang ke Beruas memberikan RM2 juta kepada Sekolah Teik Ping. Saya memang berterima kasih di atas sumbangan tersebut yang diberikan kepada Sekolah Teik Ping di Pantai Remis. Akan tetapi anggaran pihak JKR ialah jumlah yang perlu digunakan untuk membina bangunan itu adalah RM3.5 juta. Akan tetapi apa yang saya dapati ialah kerana wang ini diberikan kepada *board of directors*, mereka mengatakan jumlah RM2 juta ini memang mencukupi. Jadi, saya berharap cara penjimatan yang lebih baik boleh dibuat bagi memastikan wang rakyat ini boleh digunakan untuk membantu membina sekolah dan juga mendapatkan bantuan yang lebih kepada sekolah kerana ada *well managed* ataupun ditadbir dengan baik, wang rakyat ditadbir dengan baik. Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara kedua iaitu tentang kajian semula dasar. Saya hendak meminta Menteri memberitahu apakah sebenarnya kita kata *qualification to enter our college-university,* dengan izin, ataupun *matriculation.* Ini kerana

memang setiap tahun kita nampak apabila keputusan diumumkan selepas *Form 5,* keputusan Tingkatan 5 diumumkan.

■1700

Kita nampak ramai yang sangat gembira tetapi tiga bulan kemudian keputusan masuk ke universiti ataupun kolej matrikulasi diumumkan ramai yang menangis. Termasuk seorang budak yang mendapat 12A+ murid terbaik seluruh negeri Perak tidak dapat masuk universiti ataupun Kolej Matrikulasi. Hanya dengan bantuan Menteri Besar Dato' Seri Zambri baru beliau sempat masuk ke Kolej Matrikulasi Selangor. Apa yang saya hendak tanya apakah kriteria? Kita pun tidak faham dan kalau melainkan murid-murid mendapati sistem pendidikan kita ini adil. Seperti yang kita katakan tadi dalam pendidikan ini rakyat, murid-murid mesti diajar tentang keadilan. Kalau ini yang berlaku memang mereka sangat kita kata tidak rasa percaya kepada sistem lagi.

Jadi harap Menteri dapat menjawab perkara ini. Juga kalau boleh harap dalam dasar baru gunakan rakyat sendiri yang memang lebih berkaliber untuk dalam mengajar kepada murid-murid kita daripada mendapat pengajar daripada luar negara. Seperti yang saya difahamkan MARA mendapat cikgu-cikgu daripada negara China untuk mengajar murid-murid Melayu bahasa Cina, bahasa Mandarin. Kita tahu cikgu-cikgu bahasa Mandarin Malaysia memang lebih berkelayakan daripada cikgu-cikgu daripada China. Ini kerana kalau kita ajar orang Melayu mereka tidak faham kita boleh gunakan bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu, untuk membolehkan murid-murid Melayu ini memahami perkataan Cina itu tetapi mereka dari negara China kalau tidak faham, tidak faham. Mereka tidak ada kelayakan bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu untuk menolong murid-murid Melayu.

Jadi saya hendak tanya kenapa MARA mendapat guru-guru daripada negara China dan bukan daripada Malaysia yang daripada *independent school* yang memang banyak yang berkelayakan? Akhir sekali saya pun daripada jawapan dikatakan Universiti Kuala Lumpur memang bawah MARA. Adakah orang-orang bukan Melayu berkelayakan untuk memasuki universiti? Ini kerana dalam *advertisement* dikatakan boleh tetapi apabila saya siasat lagi dikatakan ini di bawah MARA mungkin orang bukan Melayu tidak boleh memasuki universiti ini. Kalau boleh saya dapat jawapan kepada semua soalan yang saya timbulkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rembau lepas itu Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Serdang.

5.03 ptg.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh kepada Maksud B.41 Kementerian Pelajaran. Sebanyak RM35 juta untuk menampung pelaksanaan Kajian Semula Dasar Pendidikan Negara. Ucapan saya ringkas sahaja Tuan Pengerusi dan saya tidak pasti sama ada perkara ini telah dibangkitkan lebih awal tadi memandangkan saya tidak ada dalam Dewan. Kalau sudah dibangkitkan saya mohon maaf Timbalan Menteri. Sempena dengan peruntukan RM35 juta untuk menampung pelaksanaan Kajian Semula Dasar Pendidikan Negara, satu perkara yang ingin saya bangkitkan adalah soal unjuran Kementerian Pelajaran mengenai keperluan guru-guru.

Perkara ini saya menyentuh terus kepada isu yang melibatkan graduan ataupun pelajar-pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Di mana seperti mana yang Timbalan Menteri ketahui Tuan Pengerusi, perkara ini telah menimbulkan satu masalah pada akhir hujung tahun lepas awal tahun ini. Ini yang melibatkan pada waktu itu lebih kurang 5,000 pelajar-pelajar yang telah mengambil ijazah dalam bidang pendidikan tetapi tidak dapat ditempatkan. Maksudnya mereka tidak dapat kerja sebagai guru malah tidak dapat ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Di sini saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana saya difahamkan bahawa sebahagian besar daripada 5,000 tersebut dapat ditempatkan. Akan tetapi ini menimbulkan satu masalah di peringkat dasar, di peringkat pelaksanaan iaitu unjuran kita tiap-tiap tahun mengenai keperluan guru itu, nampaknya lari daripada apa yang telah dikeluarkan dalam bentuk graduan daripada universiti-universiti tempatan kita sama ada UPSI ataupun universiti lain yang menawarkan kursus dalam bidang pendidikan.

Ini penting Tuan Pengerusi sebab kita sentiasa membangkitkan soal *mismatch* antara kursus universiti dan juga keperluan pasaran. Akan tetapi apa yang kita jarang sekali sentuh adalah *mismatch* yang berlaku berdasarkan kepada unjuran kerajaan itu sendiri.

Kalau *mismatch* itu berlaku oleh kerana kursus-kursus yang ditawarkan di universiti itu tidak menepati permintaan pasaran sektor swasta. Itu salah satu masalah yang perlu ditangani dari segi perbincangan, perancangan, kurikulum, kursus di peringkat universiti. Akan tetapi apabila ia bukan soal perancangan khusus tetapi unjuran daripada kerajaan itu sendiri maka kita perlu timbulkan masalah ini. Mungkin dalam perbincangan Dasar Pendidikan Negara soal keperluan perguruan. Oleh sebab itu kalau kita cakap soal 5,000 yang dapat selesaikan masalah oleh Kementerian Pelajaran itu daripada tahun lepas kalau tidak silap saya.

Ini kerana tahun ini dia sudah mula lagi, *the problem repeat itself* dengan izin, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan betulkah tidak saya minta pengesahan daripada pihak kementerian bahawa sekarang ini oleh kerana *batch* terkini sudah ada 3,000 lebih yang sudah keluar. Ini yang baru bukan 5,000 daripada tahun lepas 3,000 yang baru 2,300 sahaja daripada Universiti Perguruan Sultan Idris. Buat waktu ini semenjak saya difahamkan awal tahun ini apabila mereka keluar daripada universiti tidak dapat ditempatkan dan sebahagian besar daripada mereka tidak pun dipanggil untuk ditemu duga untuk di*interview* oleh SPP. Jadi kita ada satu keadaan yang unik Tuan Pengerusi di mana kita *produce* begitu ramai bakal guru. Mereka ambil kursus ini sebab unjuran diberi kepada IPTA bahawa *we have to create this among of teachers this year* dengan izin.

Akan tetapi akhirnya bila mereka *graduate* hampir satu tahun mereka tunggu tanpa dipanggil bukan sahaja ditempatkan tetapi tanpa ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Mereka ini Tuan Pengerusi mereka ada ketidakpastian dari segi masa depan mereka. Ada di kalangan mereka yang terpaksa ambil kerja sambilan tetapi kerja sambilan itu pun Tuan Pengerusi dia tidak ada kesungguhan. Tidak ada kesungguhan di pihak mereka yang hendak menjadi bakal guru ini sebab mereka sebenarnya pilihan utama mereka adalah untuk menjadi guru. Jadi mereka tidak akan menerokai kerjaya alternatif secara serius. Juga majikan yang memberi kerja kepada mereka akan tidak memberi *career path* ataupun jalan kerjaya yang jelas disebabkan mereka kata*,"Kalau pekerja ini akan dipanggil oleh SPP sudah pasti dia akan pergi sebab dia adalah seorang yang sudah dilatih dan memang hasrat dan matlamat dia adalah untuk menjadi seorang guru."*

Jadi ringkas sahaja Tuan Pengerusi saya bangkitkan soal ini apakah perancangan jangka masa yang panjang, yang *sustainable,* yang mampan untuk kita pastikan. Bahawa lambakan ini dapat kita tangani sama ada dengan perancangan dan unjuran yang lebih baik ataupun saya difahamkan bahawa ada yang kata terlalu ramai guru yang keluar daripada universiti. Akan tetapi ada juga yang berpendapat dan juga kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri yang mengatakan bahawa kita ada kekurangan guru di sesetengah sekolah. Disebabkan kalau kita tengok kepada bukti *anecdotal evidence* bukan setakat *ratio* nisbah 40 pelajar kepada satu guru (40:1). Akan tetapi ada setengah tempat disebabkan penggabungan kelas dan sebagainya yang melebihi.

Jadi kita ada satu keadaan di mana mungkin sedikit kelemahan soal perancangan yang disebabkan bahawa kita ada ramai lambakan graduan yang memang layak dalam bidang pendidikan ini, tetapi tidak dapat ditempatkan di sekolah-sekolah yang memang ada kekurangan. Jadi *it is a problem of planning,* dengan izin, Tuan Pengerusi. Untuk makluman Timbalan Menteri yang pertamanya yang saya sebutkan tadi 3,000 yang keluar pada awal tahun ini bulan Januari yang masih lagi tidak dipanggil untuk temu duga. Seramai 1,000 lagi yang akan keluar dengan ijazah IPG ini akan keluar pada bulan Disember dan 3,000 lagi pada tahun depan. Jadi *problem* ini masalah ini kalau tidak dapat diselesaikan kalau mereka tidak dapat ditempatkan dia akan menjadi macam kesan *snowball effect* Tuan Pengerusi. Di mana lambakan bakal guru-guru ini yang tidak dapat ditempatkan, tidak ditemuduga akan menjadi lebih besar lagi.

■1710

Jadi, saya mohon penjelasan daripada Timbalan Menteri. Apakah langkah untuk memastikan satu, mereka ini yang telah diminta untuk pergi ke universiti, belajar bidang perguruan ini, dapat kerja sebagai seorang guru walaupun saya memahami bahawa hari ini kita tak bagi jaminan. *There's no guarantee*. Mereka mesti menepati dari segi kualiti tetapi

takkanlah sampai 3,000 daripada mereka langsung tidak ada seorang pun yang tak boleh diserapkan.

Kedua, bagaimana kita dapat mengatasi *mismatch* yang wujud antara unjuran kita dan yang ketiga bagaimana perkara ini dapat diselesaikan untuk kita sama-sama menangani masalah kekurangan guru di beberapa sekolah di mana nisbah itu terlalu tinggi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Gopeng, selepas itu Bakri, Serdang. Kalau tak ada lagi yang minat, Menteri sedia menjawab.

5.10 ptg.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan maslah khususnya di bawah kepala B.41 Kementerian Pelajaran khususnya berkenaan dengan RM35 juta untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara. Tidak dapat dinafikan bahawa Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib mempengaruhi Dasar Pelajaran Negara selama 50 tahun. Memang kedua-dua laporan tersebut dan dasar tersebut telah mencapai sebahagian daripada matlamat di mana penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan khususnya, saya rasa sudah mencapai matlamat tersebut dan saya bangga walaupun saya daripada arus sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, saya dapat menguasai bukan setakat bahasa ibunda saya tetapi Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan juga bahasa Inggeris.

Akan tetapi juga saya setuju dengan pandangan Arau tadi berkenaan dengan perpaduan antara kaum yang walaupun 50 tahun kita cuba menggunakan pendidikan sebagai satu cara untuk perpaduan kaum tetapi malangnya jelas menunjukkan setakat ini tidak begitu berjaya. Saya rasa kita harus mengkaji semula sebab itu sudah 50 tahun sebelum ini dan sudah tiba masa sebab kita dalam dunia yang berlainan, abad yang berlainan, zaman *globalization* dengan izin, dan dengan kebangkitan peranan negeri China dan negeri India di arena antarabangsa. Jadi, kita harus ada satu pendekatan yang baru.

Sekiranya, saya rasa kalau kerajaan masih mementingkan apa yang dikatakan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' seharusnya apabila kita merangka keperluan pendidikan, kita seharusnya mengambil kira keperluan dan hasrat rakyat setempat dan bukankah semasa kita merangka dasar pendidikan yang baru, kita mengambil kira kehendak-kehendak rakyat setempat untuk jenis sekolah yang mereka ingini.

Misalannya, kalau satu kawasan penduduk kebanyakan mereka nak sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, kenapa kerajaan tak boleh bina mengikut permintaan ataupun mungkin kalau satu kawasan Cina yang memohon untuk sekolah kebangsaan, binalah sekolah kebangsaan. Apa salahnya? Saya rasa kalau kita nak rangka, nak elak daripada masalah perkauman, kita seharusnya mengambil kira supaya jangan kita *stigmatize,* dengan izin, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina untuk Cina, sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil untuk India dan sekolah kebangsaan untuk Melayu.

Tidak bolehkah kita adakan misalannya sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di mana semua pelajar boleh belajar di situ sama ada dari masyarakat Cina, India, Melayu, Kadazan, Iban dan sebagainya ataupun sekolah Tamil mungkin pelajar Cina nak belajar di sekolah Tamil dan sebagainya. Jadi, saya rasa ini satu pendekatan yang kita harus kaji dan supaya kita boleh mencapai perpaduan yang tulen.

Tuan Pengerusi, juga saya nak gunakan platform ini untuk menanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan apa yang diura-urakan baru-baru ini berkenaan dengan kontrak sosial ataupun *understanding* berkenaan dengan kedudukan sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah *independence school* di mana mengikut mantan Menteri dan juga mantan Timbalan Presiden MCA, Dato' Michael Chen mengatakan persetujuan itu adalah *status quo. Status quo* bermakna tidak dikurangkan – kalau kita faham *status quo* itu bermakna tidak boleh tambah, tidak boleh kurang. Jadi, dalam hal ini saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jawapan yang lebih jelas berkenaan dengan apa yang difahamkan kontrak semasa pindaan Akta Pelajaran 1961 dulu.

Akhir sekali juga berkenaan dengan dasar pendidikan negara. Saya ada dua anak yang belajar di sekolah rendah yang dikirakan antara sekolah yang terbaik dalam senarai Kementerian Pelajaran. Malangnya saya lihat apabila mereka keluar masuk sekolah itu masih bawa beg 10 hingga 20 kilogram setiap hari. Ini kalau kita masih ingat 10 tahun sebelum ini

kita pernah dengar masalah ini katanya akan selesai. Sampai hari ini pun tak selesai dan saya juga dengar ada satu BestariNet yang akan dilaksanakan dan sedang dilaksanakan.

Saya harap kementerian dapat mengkaji sama ada kita boleh kurangkan beban misalannya kalau kita ada *internet*, kenapa kita masih perlu bawa *textbook*. Semua bahan-bahan bacaan memang ada dalam awan, *in the cloud*. Tak perlulah bawa *textbook*. Jadi, ini merupakan perkara-perkara yang saya harap apabila kita kaji Dasar Pendidikan Negara boleh diambil pertimbangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bakri.

5.17 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi, merujuk kepada butiran 010000, saya ingin bertanya bahawa, adakah Majlis Pembakuan Bahasa Cina-Malaysia akan mengadakan penterjemahan semua nama tempat di Malaysia kepada bahasa Cina bukan untuk nama jalan di Kuala Lumpur sahaja seperti yang diumumkan dalam laman web Majlis Pembakuan Bahasa Cina-Malaysia. Kalau hendak buat, bilakah rancangan ini akan diadakan dan berapa peruntukan diperlukan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Serdang.

5.18 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja. Saya nak tanya tentang selepas ini kita membelanjakan RM35 juta untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara. Saya nak tanya di sini sama ada Kerajaan Pusat adalah berhasrat ataupun ada rancangan untuk menghapuskan ataupun menukarkan semua sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan.

Saya rasa sekarang di negara kita untuk sekolah rendah kita ada dua jenis. Satu adalah dipanggil sebagai sekolah kerajaan dan satu jenis lagi dikategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan. Di bawah kategori sekolah bantuan kerajaan ini biasanya adalah SJK(C) dan juga SJK(T). Saya rasa sudah lamalah bahawa sekolah bantuan kerajaan wujud di Malaysia. Jadi, saya harap bahawa sudah sampai masa untuk kita tukarkan semua sekolah bantuan kerajaan ini untuk menjadi sekolah kerajaan.

Isu kedua adalah mengikut pengetahuan saya, ada sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan kerana tapak sekolah mereka adalah dimiliki oleh LPS sekolah bukanlah di bawah kementerian. Akan tetapi saya nak tanya di sini. Ada tiga buah sekolah SJK(C) yang baru iaitu SJK(C) Bukit Serdang, SJK(C) Kajang Dua dan juga SJK(C) Sungai Long. Untuk ketiga-tiga buah SJK(C) yang baru ini, Kerajaan Pusat, Kementerian Pelajaran yang membekalkan tapak untuk pembinaan sekolah-sekolah tersebut tetapi apa yang saya tak faham adalah, kenapa ketiga-tiga buah sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan dan bukan sekolah kerajaan.

■1720

Jadi untuk kedua-dua isu ini saya mintalah penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan isu ketiga yang saya hendak sentuh di sini ialah, saya hendak tahu sama ada dalam Dasar Pendidikan Negara yang baru kita akan mempunyai satu formula untuk membina SMPC yang lebih banyak. Saya rasa sekarang SMPC Kuantan nampaknya akan diluluskan ataupun sudah diluluskan dalam prinsip tapi tunggulah untuk pihak MCA mengatasi isu-isu teknikal dan saya percaya SMPC Kuantan ini memang akan dibina pada masa yang akan datang. Namun saya rasa permintaan untuk SMPC yang baru bukan sahaja wujud di Kuantan tetapi di Segamat, Johor kita juga ada permintaan untuk membina sebuah SMPC yang baru di Segamat. Jadi saya hendak tanya sama ada kita boleh wujudkan satu formula untuk pembinaan SMPC supaya rakyat jelata tidak perlulah menganjurkan perhimpunan untuk mendapat perhatian daripada Kerajaan Pusat. Kita tidak perlulah tunggu sampailah PRU untuk mendapat kelulusan membina SMPC. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Huh, ramai lagi yang mahu berucap ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya celah tidak apa nanti Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Empat lagi kementerian. Okey Yang Berhormat Ranau dua minit. Lepas itu Yang Berhormat Kuala Selangor dua minit, Yang Berhormat Padang Terap dua minit. Lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

5.21 ptg.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya merujuk kepada B.41. Baru juga saya terima pesanan daripada pihak sekolah SK Pekan Ranau. SK Pekan Ranau ini adalah sekolah yang tertua sekali di Daerah Ranau dan bayangkan kalau sekolah ini yang tertua bangunan-bangunannya pun sudah tua dan uzur. Sebenarnya pihak sekolah sudah melaporkan keadaan satu bangunan sekolah di SK Pekan Ranau dan mengikut pemberitahuan kepada saya dua orang pegawai daripada kementerian sudah melawat sekolah itu dan telah memberi jaminan yang peruntukan akan diberi dengan secara *emergency*. Masalahnya sudah dua tahun tapi sampai hari ini belum lagi ada berita baik. Sudah dua tahun menunggu kepastian ataupun janji untuk memberi peruntukan pembaikan bangunan itu. Jadi saya mohon supaya perkara ini diambil tindakan dan supaya pihak sekolah tidak lagi menunggu dua tahun lagi untuk mendapatkan bantuan pembaikan sekolah ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor.

5.23 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya sekadar mahu menyebutkan Tuan Pengerusi dalam Maksud B.41 - Dasar. Diperhatikan RM35 juta itu adalah untuk menampung pelaksanaan kajian semula Dasar Pendidikan Negara, Tuan Pengerusi. Kali terakhir kita ingat dalam sejarahnya kajian seperti Penyata Razak, Penyata Rahman Talib dan Penyata Mahathir 1979 dan selepas daripada itu ada kajian-kajian tetapi tidaklah sebesar ini bunyinya. Kajian semula Dasar Pendidikan Negara.

Tentunya Tuan Pengerusi kalau saya singkatkan ia bermula Oktober tahun lalu dan sehingga kini hampir lapan bulan sudah berlalu tidak ada apa jua komunikasi ataupun pendedahan dibuat atas sama ada *interim report*nya atau apa pun jawatankuasa tersebut di Dewan yang mulia ini. Tentunya ia meninggalkan satu kerunsingan paling tidaknya kerana disebut oleh kawan-kawan yang lain tadi Tuan Pengerusi ini merupakan pendidikan pada persimpangan ini terlalu rencam nampaknya dan semua orang mengkritik dasar pelaksanaan sistem dan sebagainya. Pelbagai *mismatch* telah disebutkan. Kesemua ini meninggalkan kami sebagai Ahli Dewan Rakyat, Tuan Pengerusi sangat mahu dan sangat berhajatkan paling tidaknya bentuk-bentuk kajian interim itu dibuat dan dibentangkan di sini. Mungkin ada perkara lain yang saya akan bangkitkan ketika Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Padang Terap.

5.25 ptg.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud Bekalan 41.

Yang pertama berkaitan dengan RM160 juta yang diperuntukkan untuk menampung bantuan bayaran tambahan persekolahan. Saya ingin menarik perhatian pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan peruntukan kepada sekolah agama rakyat kenapakah tidak diarusperdanakan sekolah agama rakyat ini seiring dengan sekolah-sekolah yang lain kerana kalau kita tengok tuntutan-tuntutan daripada kawan-kawan kita yang sering dibangkitkan dan tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang dan banyak lagi pihak yang menyebut bahawa SRJK(C), SRJK(T) sahaja yang dibangkitkan dalam setiap perbahasan. Bagi ruanglah kepada sekolah agama rakyat yang pelajarnya ratusan ribu itu, puluhan ribu guru itu dimasukkan sekali dalam arus perdana sistem pendidikan.

Yang kedua, berkaitan dengan kajian semula Dasar Pendidikan Negara. Saya harap pihak kementerian janganlah tergesa-gesa untuk melaksanakan ataupun membuat keputusan terhadap kajian semula Dasar Pendidikan Negara ini. Ambil masa yang cukup supaya kita

tidak lihat pendidikan ini sentiasa bertukar-tukar dasarnya. Datang Menteri ini tukar dasar yang baru, datang Menteri ini tukar dasar yang baru ataupun beberapa kurikulum yang sentiasa diubah kerana bagi saya kadang-kadang ia membawa masalah yang besar kepada negara dalam kita melahirkan pelajar-pelajar yang baik dari segi moral dan sebagainya.

Yang kedua saya cadangkan untuk kajian Dasar Pendidikan Negara ini supaya dimasukkan juga guru-guru agama dan juga moral untuk mengekang masalah moral yang cukup serius yang dihadapi oleh anak-anak kita di sekolah rendah baik di sekolah menengah ataupun di IPT. Jadi saya harap pihak kementerian melihat ini secara serius dan jangan tergesa-gesa hanya takut dekat dengan pilihan raya maka diluluskan peruntukan sebanyak RM35 juta ini tanpa melihat kesan jangka panjang yang kadang-kadang menyebabkan juga kita terpaksa menukar dasar setiap kali kerajaan bertukar menterinya. Jadi saya ingat itu sahaja Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada 26 Ahli Yang Berhormat yang telah sempat berucap dan telah memberikan banyak idea untuk menambah baik sistem pendidikan kita. Sebelum saya menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ingin saya memberi satu gambaran jelas perbelanjaan tambahan ini sebenarnya hanya kepada dua perkara. Yang pertama ialah RM160 juta. Bagaimana datangnya RM160 juta untuk makluman Ahli Dewan yang dihormati sekalian sebenarnya kalau sebelum tahun ini wang itu terpaksa dibayar oleh ibu bapa kerana semenjak kita memansuhkan yuran persekolahan dan sejak 2008 dan kita telah memberi satu garis panduan yang jelas untuk sekolah rendah yang hanya boleh dikutip RM24.50 dan untuk sekolah menengah setiap orang RM33.50. Apa yang dirangkumi di bawah yuran atau bayaran tambahan itu termasuk:

(i) bayaran kokurikulum;

(ii) kertas ujian dalaman;

(iii) sukan tahunan sekolah;

(iv) kegiatan pendidikan Islam atau pendidikan moral;

(v) insurans takaful; dan

(vi) MSSM.

Secara khusus MSSM untuk sekolah rendah RM2 sumbangan yang asalnya dibiayai oleh ibu bapa dan untuk sekolah menengah RM4. Kesemua ini dengan adanya pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semua kos ini ditanggung oleh kerajaan dan itulah menjadikan jumlahnya RM160 juta. Jadi saya rasa kita menerima pandangan yang baik, bernas daripada semua Ahli Yang Berhormat tapi percayalah bahawa ini adalah untuk kita meringankan beban ibu bapa dan termasuk juga perlindungan insurans takaful setiap pelajar dibiayai oleh kerajaan bagi kita membantu ibu bapa meringankan beban mereka termasuk juga kita memberi perlindungan kepada pelajar.

Jadi yang keduanya, RM35 juta yang telah dibelanjakan....

■1730

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Baru mukadimah. Okey.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bayaran-bayaran yang dikenakan kepada ibu bapa. Cuma saya hendak mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sumbangan PIBG itu diwajibkan?

Ini kerana saya mendapat satu aduan daripada ibu bapa SMJK Chung Hua, Kuala Pilah, dalam surat ini ditandatangani oleh pengetua sekolah itu dan mengatakan, *"Bahawa sukacita dimaklumkan bahawa PIBG SJMK Chung Hua akan mula mengutip sumbangan PIBG sebanyak RM157 dan majalah RM12 setiap keluarga"*. Saya mendapat aduan ini, rungutan daripada ibu bapa bahawa ini dikenakan kepada setiap keluarga. Adakah perkara seperti ini diwajibkan untuk dibayar oleh ibu bapa atau macam mana? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sebenarnya kalau kita melihat Akta PIBG yang telah diluluskan pada tahun 1998, peranan PIBG adalah membantu pihak sekolah untuk meningkatkan prestasi akademik. Dalam konteks ini, apa jua usaha atau projek yang dilaksanakan oleh PIBG, ia sepatutnya membantu. Dalam konteks pembayaran, kementerian telah menetapkan garis panduan bagi mana-mana yuran ataupun bayaran yang dikenakan oleh PIBG, ianya mestilah dibincangkan dalam Jawatankuasa PIBG dan dibawa ke mesyuarat agung dan disetujui dan selepas itulah barulah dibawa kepada JPN untuk kelulusan. Sekiranya ianya tidak dapat diluluskan dalam Mesyuarat Agung PIBG, maka ia tidak boleh dilaksanakan. Ia tidak ada unsur paksaan.

Ada sesetengah PIBG menggunakan kaedah yang lebih inovatif iaitu kalau pelajar itu memang tidak mampu hendak bayar, mereka ada satu mekanisme di mana satu tabung untuk membantu mereka menyerap kos-kos tersebut. Ini terpulang kepada pihak sekolah, tetapi pendek kata, ianya bukan sesuatu yang wajib, tetapi apa yang hendak dibuat itu mestilah dibuat secara perbincangan dengan ibu bapa dahulu.

Berbalik kepada item kedua iaitu kaji semula sistem pendidikan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya baru hendak masuk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelum pergi ke tajuk lain. Tajuk PIBG, Tuan Pengerusi.

Saya baru-baru ini ada berjumpa dengan guru-guru sekolah-sekolah di seluruh Daerah Perak Tengah dan juga Hilir Perak bersama dengan PIBG. Satu perkara yang diusulkan kepada saya untuk dipanjangkan kepada pihak kerajaan iaitu minta pihak kerajaan untuk memberi peruntukan kepada PIBG untuk melaksanakan program-program PIBG yang kita tahu adalah untuk kecemerlangan pelajar. Kedudukan kewangan PIBG memang tidak begitu baik. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpendapat bahawa permintaan ini dapat dipertimbangkan? Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebagai tanda sokongan kepada PIBG, pada hari itu saya telah bersetuju untuk menyumbang sebanyak RM5,000 bagi tiap-tiap satu PIBG sekolah seluruh Perak. Itu bagi pihak saya, bagi pihak kerajaan bagaimana?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tahniah Yang Berhormat, sebagai seorang wakil rakyat yang berjiwa rakyat. Di sini saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa pada tahun 2009, pernah sekali kementerian memberikan peruntukan berdasarkan setiap kepala iaitu RM10 seorang. Nampaknya sambutan itu begitu menggalakkan. Selepas tahun 2010 itu, nampaknya kita ada sedikit kekangan kewangan di mana kita terpaksa mengawal defisit dan peruntukan yang diturunkan kepada kementerian ini dan dikurangkan. Maka oleh kerana kemampuan kewangan tidak mengizinkan, maka kita tidak dapat melakukan. Sekiranya ini sebagai dasar di peringkat atasan, mereka mempunyai peruntukan yang lebih, saya secara peribadi tidak ada masalah. Sebagai wakil rakyat, kita sama-sama nak membantu. Jadi apa yang saya hendak katakan di sini ialah ia bergantung kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Yang Berhormat, item kedua yang saya hendak masukkan ialah dari segi kajian sistem pendidikan kita. Memang benar ianya telah berlalu beberapa bulan. Ada yang mendakwa bahawa nampaknya kementerian tidak beritahu apa-apa. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya apa yang telah dilakukan ialah laporan penilaian sistem pendidikan kita dan ianya sebagai panduan untuk kita meneruskan perbincangan dan *engagement* dengan *stakeholders* termasuklah orang-orang awam.

Maka nama-nama individu yang disebut itu adalah bekas pegawai kementerian. Mereka ini adalah orang yang ditempatkan di PMO iaitu *Project Management Office,* dengan izin. Maka dengan adanya satu unit memantau, tetapi mereka ini berfungsi sebagai urus setia. Ianya bukanlah kita berpandu kepada semua maklumat ataupun input daripada

mereka. Itu pertama. Kedua, saya ingin membetulkan persepsi. Mungkin tadi saya dengar kata ada latar belakang ahli panel nampaknya dia tidak arif dalam soal pendidikan. Ingin saya menjelaskan di sini, ada berapa lapisan atau *layer* yang harus saya terangkan kepada Dewan yang mulia.

Pertama, memang benar Yang Amat Berhormat Menteri melantik ahli panel bebas seramai 12 orang dan kenapa dilantik 12 orang – dan mereka ini merangkum daripada sektor akademik. Ada Naib Canselor, mantan Naib Canselor, tokoh akademik, tokoh agama pun ada, ada yang latar belakang dahulu SJK(C), ada yang tokoh korporat, memang ada. Ini kerana kita bukan semata-mata melihat dari perspektif bukan sahaja pendidikan, pendidikan mesti ada, tetapi juga keduanya dari segi *marketability, employability,* kebolehpasaran produk yang akan dikeluarkan oleh kementerian. Maka kita kena mengambil kira semua input ini dan menjadikan memperlengkapkan kajian itu. Itu di peringkat panel bebas yang dilantik. Itu secara domestik.

Kita ada juga satu kumpulan empat orang yang kita lantik, ini memang pakar penilaian sistem pendidikan. Saya bagi satu contoh. Seorang itu adalah yang pernah berkhidmat di OECD dan orang inilah yang telah berkhidmat di bahagian analisa dan orang inilah yang diberi tanggungjawab untuk menilai atau melihat mekanisme tentang penilaian PISA dan TIMSS seperti mana yang biasa disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana negara kita, kita hendak lihat status kita, *standing* kita sama ada Sains, Matematik bagaimana kita hendak bersaing, kita kena lihat dari segi *competitiveness,* dari segi daya saing kita macam mana. Maka itu pakar luar akan dipertanggungjawabkan untuk melihat.

Kita ada mantan Menteri Pendidikan Korea yang duduk sebagai perunding sebagai ahli panel bebas antarabangsa yang melihat bagaimana pengalaman yang digunakan di Korea itu boleh digunakan di sini. Kita ada seorang lagi dari negara jiran kita, *Singapore* iaitu dari *National Institute of Education*. Orang ini juga dipelawa untuk membantu kita.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat bersetuju apabila kita melantik ahli panel yang pelbagai disiplin seperti mana yang dicadangkan oleh kerajaan untuk kita pastikan *technology powered knowledge,* dengan izin Tuan Pengerusi, berlaku untuk sistem yang kita gubal pada kali ini. Cuma saya pohon untuk pengetahuan pihak kementerian, boleh kita panjangkan *syllabus* cara begini kepada *syllabus* yang sedia ada di peringkat pengajian tinggi? Bukan, saya tidak mengatakan *syllabus* yang ada ini tidak relevan, tetapi untuk pastikan *marketable* seperti mana yang Yang Berhormat bangkitkan tadi, ini adalah amat bersesuaian sekali. Pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Okey, sekali harunglah.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan pakar perunding 12 daripada Malaysia, empat dari antarabangsa, satu dari Korea, satu dari Indonesia. Saya mendapat maklumat dalaman bahawa ada satu lagi perunding yang telah digunakan oleh kementerian iaitu pakar perunding termasyhur di dunia, McKinsey. Soalan tambahan saya kepada itu, sebab Yang Berhormat tidak sebut tadi, ialah bahawa laporan ini amat sulit. Laporan yang bertajuk *Education System Review Malaysia* ini diterbitkan oleh McKinsey pada Mac 2012 mengikut maklumat saya, dan kementerian hanya mengeluarkan 12 salinan sahaja dan laporan ini cukup kritikal tentang keadaan pendidikan dalam negara kita ini.

■1740

Jadi, saya ingin bertanya seterusnya berapa juta ringgit kah yang kita bayar kepada McKinsey? Kalau bayarannya tinggi dan laporannya baik dan menyeluruh kenapa tidak laporan itu diedarkan seluas mungkin untuk menjadi bahan pengetahuan kita bagi kita menyumbang ke arah pembaikan sistem pendidikan kita yang ada sekarang ini. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja Timbalan Menteri, saya juga mahu membangkitkan perkara Yang Berhormat Tumpat bangkitkan tetapi saya balik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau sebentar tadi. Sementara saya juga memahami keperluan melibatkan pelbagai tokoh daripada segala bidang kerana *education* ini pada akhirnya mestilah ada dimensi *the supply side and the demand side*. Jadi, saya boleh faham *why Tony Fernandez* atau sesiapa yang lain itu kerana ia bersangkutan tentang *the marketability and the demand side.*

Cuma yang saya mahu pastikan juga kerana ia dikatakan sebagai Dasar Pendidikan Negara maka pada akhirnya ia mesti menggarap persoalan dasar itu dan di situlah mungkin tokoh-tokoh korporat ini, dia kurang dari sudut itu. Akan tetapi pada dasar itu yang hendak dipertegaskan, apakah ianya akan kembali menegaskan apa yang sudah baik, yang sudah ada atau adakah ia akan menjadi terlalu *market driven*. Terlalu utilitarian, itu perkara yang kami risaukan. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Okey, baik. Terima kasih Yang Berhormat. Saya baru hendak sampai *chapter* itu, tidak habis lagi. Tadi yang warganegara Indonesia bukan, dia bukan ahli panel bebas dan seorang lagi adalah Penasihat Khas Menteri Pendidikan Ontario iaitu empat orang. Memang benar ini adalah di peringkat atas di mana kita ada panel bebas, kita ada dua lagi *layer* yang ingin saya maklumkan untuk kita mengadakan satu majlis dialog secara besar-besaran setakat ini 10,383 orang telah menghadiri Dialog Nasional setakat ini.

Apa yang kita lakukan sebenarnya, kita ada 17 perbincangan meja bulat secara khusus dengan *stakeholders* dan setakat ini kita telah habiskan 14 negeri. Tinggal lagi dua tempat dan inilah, kita termasuk juga Putrajaya, Labuan dan sebagainya. Jadi, dua lagi tempat hendak kita selesaikan. Saya yakin dalam tempoh yang terdekat ini kita akan dapat mengutip suara seberapa ramai yang boleh dan ianya pasti melebihi 12,000 mengikut jangkaan kita. Apa yang saya hendak maklumkan semasa dialog ini kita ada panel dialog di mana mantan Ketua Pengarah sendiri Tan Sri Wan Zahid, Tan Sri Alimuddin Timbalan Ketua Pengarah, mantan-mantan yang bersara ini. Kita mempelawa mereka balik macam mana mereka boleh membantu kita untuk mencerap perkara-perkara yang disampaikan oleh *stakeholders* kerana jargon itu boleh difahami oleh orang-orang dan tokoh-tokoh dalam sistem pendidikan.

Maka dia bukan semata-mata kita memberikan input, dinilai oleh panel bebas, tidak. Semasa dialog ini, ianya dibuat secara teratur, dicerap satu-persatu walaupun pandangan berlainan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini barangkali ada yang tidak berapa ambil tahu ataupun mungkin ada yang menganggap kenyataan itu secara jemputan terbuka. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika menjawab soalan pertama pada 18 hari bulan itu telah mengajak semua Ahli Dewan, sesiapa yang ingin menyertai Dialog Nasional bolehlah ambil kesempatan sebelum 14 Julai, boleh rujuk *Hansard*. Itu memang dibuat pelawaan secara terbuka.

Saya ingin menyatakan semasa pelancaran oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 29 April di PICC juga, pelawaan yang sama juga ditujukan kepada semua rakyat Malaysia. Jadi, kalau Yang Berhormat mengatakan kita tidak jemput, kita benarkan sesiapa sahaja kalaulah kita hendak bincang secara meja bulat, ianya perlu melalui urus setia dan kita akan aturkan tarikh yang sesuai. Tidak ada sekatan kepada sesiapa untuk menghadiri majlis dialog kerana ianya merupakan konsep *town hall* ataupun satu perbincangan secara terbuka.

Jadi, ini adalah dari segi panel Dialog Nasional dan kita ada satu lagi, di mana satu syarikat yang diberi tanggungjawab untuk – iaitu McKinsey. Syarikat ini adalah satu syarikat perundingan antarabangsa yang mana ia diberi satu tanggungjawab untuk menilai setiap satu sama ada makmal yang kita anjurkan itu mereka kena hantar pakar dengar semua termasuk juga apa yang telah dicerap, kita perlu ada pihak yang *follow through,* dengan izin. Melihat rasionalnya bagaimana perkara itu boleh dipertimbangkan dan sebelum perkara itu diangkat pada panel bebas untuk dibuat perbincangan secara terperinci...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Dalam konteks ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa peranan McKinsey ini bukan semata-mata mereka ini sebagai perunding biasa. *Blueprint* yang akan dikeluarkan sebagai dokumen pertama dan disusuli pula dengan satu *roadmap* dengan izin, ini adalah dua dokumen penting yang bakal dilahirkan. Jadi saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia sebenarnya perkara ini sedang berlangsung di

mana kita kena habiskan dahulu Dialog Nasional dan selepas itu, kalau ikut perancangan kita bulan Ogos atau September, kita akan dapat melihat rumusan awal apa yang telah diikuti, apa yang telah dicerap oleh jawatankuasa ini, apa yang telah dipertimbangkan. Jadi, saya rasa ianya tidak semata-mata berpandukan kepada pandangan beberapa tokoh korporat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Ianya merangkumi semua aspek termasuklah tokoh pendidikan dan daripada semua pihak, daripada pihak antarabangsa juga kita melihat dan kita mengharapkan sistem pendidikan kita dapat dikaji secara betul-betul, secara mendalam dan ianya dapat dilihat dari perspektif yang lebih global. Bukan semata-mata kita membuat pindaan atau perubahan dari segi satu, dua perkara yang perlu ditambah baik. Sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, boleh sedikit? Walaupun *engagement* dengan pelbagai pihak begitu banyak diadakan sebagaimana Yang Berhormat huraikan tadi tetapi *the high profile*nya dengan izin, panel tadi, tokoh korporat semua masuk termasuk Tony Fernandez. Tony Fernandez dahulu kita anggap sebagai tokoh yang berwibawa, bukan sahaja sebagai usahawan tetapi boleh mengajar anak bangsa menjadi anak bangsa Malaysia yang maju dan berjaya serta baik sikapnya dan juga semangat patriotismenya. Akan tetapi kebelakangan ini sebagai mana yang dilaporkan, dengan sikapnya yang begitu angkuh dan rakus dan tidak bertanggungjawab, adakah dia masih relevan, sesuai untuk jadi ahli panel membantu kita dalam membuat perubahan atau transformasi sistem pendidikan ini kerana jangan lupa, yang kita hendak ajar dalam sistem pendidikan ini bukannya setakat ilmu dan kemahiran.

Kita juga hendak mendidik anak bangsa supaya mempunyai jati diri dan juga mempunyai semangat cintakan negara, membantu negara tetapi kalau sudah hendak bawa operasi, mentang-mentang dia sudah kaya, dia hendak bawa operasi ke Jakarta dan mengugut kerajaan, kerajaan sanggup berbelanja berbilion ringgit untuk membina LCCT, dia boleh cabar tidak mahu menggunakan LCCT ini. Ini bukankah satu ugutan? Inikah contoh seorang tokong yang hendak diberi kepada anak-anak bangsa kita dalam proses pendidikan dan pembelajaran ini? Jadi saya minta respons Yang Berhormat Menteri tetapi kalau hendak tanya saya, saya rasa elok kita keluarkan sahaja dia daripada panel itu.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa yang pertama, saya terpaksa pisahkan pengoperasian dan perniagaan seseorang dengan peranan beliau sebagai ahli panel bebas. Itu yang pertama, kita melihat perkara ini lebih rasional. Kedua, saya tidak ingin memberi komen apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat kerana saya lebih fokus kepada peranan saya sebagai Timbalan Menteri untuk jawab soalan secara khusus dalam soal ini. Apa pun, panel bebas ini mempunyai latar belakang yang berlainan dan kita mahu satu adunan idea daripada semua pihak supaya kita dapat mendengar pandangan yang berlainan walaupun mungkin ada personaliti yang berlainan, ada dianggap kontroversial, tidak mengapa, kita dengar pandangan tersebut. Akhirnya perkara ini akan diangkat, akan dibawa kepada Kabinet, dan kita bincang sama-sama, dan kita mencari atau kita akan melakar *roadmap* kita sama-sama. Itu penting.

■1750

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Sekejap.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya hendak *verify,* dengan izin, beberapa maklumat yang ada di tangan saya. Bolehkah beritahu dalam Dewan ini, apakah *terms of reference consultant agency* ini.

Saya tidak menafikan perlunya ada satu konsultan tetapi dalam konteks kita hendak *review* balik Dasar Pendidikan kita, sudah tentu kita mahukan acuan kita. Kemudiannya tentang *public hearing* yang akan diadakan ke seluruh negara ini juga *terms of reference*nya, adakah ia akan diadun dengan semua pandangan atau saya bimbang nanti kementerian

sudah ada *action plan* dah. Jadi, *public hearing* itu hanya untuk syor sahaja. Jadi, itu yang saya rasa kita harus benar-benar *verify* apakah peranan masing-masing supaya *objective* untuk kita *review* itu tidak lari daripada matlamat asalnya.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja. Sik

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya baru hendak...

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Saya hendak minta kepastian. Panel penilai tadi ini, hendak nilai yang sudah ada dah atau yang hendak buat? Kalau yang hendak buat itu belum ada lagikan? Jadi, minta kepastian.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Okey, yang pertama saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa Mackenzie ini adalah perunding yang kita latih dan ianya bukanlah semata-mata satu syarikat sahaja. Kita telah menghuraikan, memperihalkan perkara-perkara yang perlu dilakukan.

Pertama, termasuklah perancangan awal bagaimana kita hendak mulakan *flow* kita untuk kita menghala ke hala tuju kita iaitu menghasilkan *roadmap*. Dalam soal ini, pertama pembayaran dari segi bantuan kepakaran penyediaan *blueprint* dan *roadmap.* Yang ini *Blueprint Development Support* di mana dijangka perlu sekurang-kurangnya 15 minggu untuk pakar-pakar ini, lebih daripada 12 orang, untuk melihat dan semua perkara yang telah dicerap di dalam makmal, dalam dialog dan sebagainya dan pandangan daripada panel bebas ini. Jadi, saya rasa ini satu adunan idea daripada pelbagai pihak. Itu yang pertama.

Bayaran bantuan kepakaran dalam perancangan kajian semula iaitu *delivery planning support* 15 minggu lagi. Ini dua perkara. Saya rasa tebal juga dalam *terms of reference* yang kita kenakan pada setakat ini. Akan tetapi sudah pasti setiap projek atau aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kementerian PMO atau pun pihak panel dialog ini mereka kena hadir dan makmal itu mereka terpaksa duduk mendengar apa pandangan itu. Saya rasa *chapter* ini saya rasa saya sudah beri satu gambaran jelas.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh beri sedikit? Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkenaan dengan panel ini. Cuma saya hendak penjelasan sedikit sebab ada disebut di Sarawak ini. Adakah tidak seorang dari Sarawak diambil sebagai ahli panel bebas. Ini sebab kami memikirkan bahawa pandangan dari pihak Sarawak pun perlu diambil kira. Jadi, mohon penjelasan. Sebab satu ketika baru-baru ini, Presiden *Sarawak Teachers Union*, William Ghani Bina, dia ada membuat satu kenyataan dalam surat khabar, dia kata mengapa tidak ada seorang dari Sarawak pun dimasukkan dalam panel itu.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang pertama saya ucapkan terima kasih kepada pandangan tersebut. Sebenarnya, saya ingin maklumkan bahawa apabila kita mengadakan dialog ini, kita memang pergi sampai ke Sabah dan Sarawak, itu pertama. Saya kena semak sama ada latar belakang ini, sama ada anak Sarawak atau pun mungkin ada yang menerima pendidikan di Sarawak, saya tidak pasti. Saya kena lihat profil, CV setiap panel bebas ini. Jadi, saya akan semak. Akan tetapi yang penting ialah pandangan masyarakat Sarawak ini diambil kira dalam *review* kali ini, kajian semula. Itu yang pasti.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi terus secara ringkas apa yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang pertama, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bharu yang memang arif, yang sentiasa peka terhadap keperluan OKU, khususnya golongan pekak di mana mereka memang berdepan dengan satu situasi, satu dilema di mana mereka kalau belajar bahasa isyarat Malaysia, mereka juga terpaksa berdepan dengan satu situasi di mana Bahasa Malaysia, kod tangan BMKT yang digunakan.

Jadi, sebenarnya kalau tidak silap saya, pada tahun lepas saya pernah mengaturkan satu pertemuan Yang Berhormat Johor Bahru dengan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas. Dalam pertemuan itu juga kita telah membincangkan beberapa perkara termasuk konflik. Saya memang setuju. Apa yang berlaku ialah kalau mengikut nahu bahasa, yang lebih tepat ialah BM kod tangan. Dia ini lebih. Saya makan nasi maksudnya makan nasi. Akan tetapi bahasa isyarat penerimaannya nasi makan. Dia berlainan sedikit. Jadi, saya rasa baru-baru ini kita telah membincangkan secara panjang lebar dari segi keperluan khas.

Dalam majlis dialog ini, kita juga mempelawa golongan ini untuk mereka menyampaikan keperluan mereka. Saya berharap dalam kajian semula ini kita mendengar pandangan ini, saya juga menjemput Yang Berhormat Johor Bahru bersama-sama dengan NGO yang berkaitan untuk kita mengaturkan satu perbincangan khas supaya perkara ini dapat kita sampaikan. Ini kerana mengikut cerapan awal yang saya terima ini sebenarnya tentang keperluan khas murid-murid OKU ini memang ada tujuh hingga lapan pandangan. Ini termasuk kita mengambil kira pakar-pakar daripada Kementerian Kesihatan. Itu diambil kira. Akan tetapi dari segi bahasa, struktur bahasa itu, patut kita lihat dari segi *practicality*. Saya setuju. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bahru.

Kedua, Yang Berhormat Rasah menyampaikan pandangan beliau tentang SMJK Chung Hwa. Sukacita dimaklumkan, apa Yang Berhormat sampaikan itu memang benar. Ketika tahun 1961 sekolah itu bertukar status sebagai sekolah yang hendak menerima bantuan daripada kerajaan. Itulah janji-janji seperti mana yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya dalam proses kita melihat semula dan termasuk juga kita hendak membantu sekolah-sekolah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya dalam peruntukan yang akan kita berikan kepada SMJK, Sekolah Chung Hwa ini baik induk atau pun cawangannya, kedua-dua akan kita berikan peruntukan penyelenggaraan sekolah. Itu akan kita lakukan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan bahawa Presiden MCA telah membuat satu kenyataan pada November tahun lalu di mana Chung Hwa ini sebenarnya sebuah sekolah cawangan dahulu. Asal usul penubuhannya. Selepas itu dibincangkan perkara ini dengan Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran. Pada ketika itu saya juga hadir bersama dengan KSU dan Ketua Pengarah Pelajaran.

Semasa perbincangan itu telah dipersetujui bahawa memang kalau sekolah itu sudah jauh dan memang wajar juga. Ini pandangan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, wajar juga kita mewujudkan satu pasukan pentadbiran yang berasingan. Bermaksud ia boleh berfungsi sebagai sekolah yang tersendiri. Dalam soal ini, pada November yang lalu, kita mulakan dengan *formality* ini.

Sebenarnya, kalau kita hendak jadikan ia sebagai satu pentadbiran yang baru, kita kena memohon. Ketika itu SBPA, satu surat telah diberikan semasa kita mengkaji SBPA ini kita tidak tambah perjawatan. Perjawatan pun tidak dimaklumkan kepada kementerian. Selepas dimuktamadkan isu SBPA ini, maka baru bermula beberapa bulan yang lalu, Lembaga Pengurusan Sekolah telah menulis surat dan kita dalam proses untuk kita dapatkan waran perjawatan sebelum kita boleh mewujudkan jawatan Ketua Penolong Kanan di sekolah tersebut. Jadi, saya harap Yang Berhormat faham prosedurnya dan ianya sedang diusahakan oleh LPS dan kementerian akan memantau statusnya. Apabila dapat diluluskan secara rasminya, maka kita akan maklumkan kepada Lembaga Pengurusan Sekolah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Sana dahulu.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah *confirm* bahawa memang *agreement* itu wujud di antara SMJK(C) Chung Hwa dengan Kementerian Pelajaran. Cuma saya hendak tanya sebab beberapa tahun lepas semasa pembinaan sekolah cawangan ini ia tidak mendapatkan geran penuh daripada kerajaan. Maksudnya bagaimana?

Sekiranya mereka ini telah mendapat derma daripada orang ramai dan sebagainya, adakah Kementerian Pelajaran kalau mengikut perjanjian ini, sepatutnya menanggung keseluruhan kos pembinaan sekolah tersebut. Adakah Kementerian Pelajaran akan memberikan semula geran itu kepada pihak sekolah ini yang telah mereka mendapatkan bantuan daripada pihak orang ramai? Mohon penjelasan. Terima kasih.

■1800

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat kes-kes terdahulu, kalau mereka dah bina biasanya kita tak bagi balik yang dulu hutang lebih kurang RM1 jutakah RM2 jutakah kita tak bayar balik kerana apa yang kita bagi peruntukan itu untuk dia membuat baik pulih atau penyelenggaraan bangunan. Untuk sekolah baru macam di SMJK Jit Sin, kita akan mengumumkan dalam tempoh terdekat, kita akan bagi peruntukan walaupun Ketua Menterinya pernah kata dia tak payah apa-apa cuma perlu satu surat kelulusan kerana dia sudah ada RM100,000 tapi kita akan beri jauh lebih besar daripada Ketua Menteri Pulau Pinang.

Jadi saya rasa ini sebagai komitmen kita, kita boleh beri tapi ekspektasi masyarakat berlainan. Ada sekolah boleh dibina dalam RM1 juta atau RM2 juta atau RM3 juta biasanya kalau untuk 24 bilik darjah. Akan tetapi mungkin perangkaan ataupun daripada segi perancangan yang dibuat, ada yang sehingga RM30 juta atau RM20 juta. Maka kita tak boleh melihat apabila nak dibuat sekolah, mesti ada RM30 juta baru kita buat sekolah. Jadi ada kalanya kita tak beri sepenuhnya tetapi fasa pertama ataupun sebahagiannya akan disumbangkan oleh pihak kementerian. Sama juga di sekolah-sekolah lain. Mungkin bukan kesemua bangunan itu dibina oleh pihak sekolah. Sama juga ada inisiatif daripada PIBG, LPS dan sebagainya. Itu memang kita alu-alukan kerana dalam pembangunan pendidikan ini, kita mengharapkan kerjasama daripada semua pihak. Okey?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Nanti, bila saya sampai ke Yang Berhormat Bukit Mertajam, saya akan bagi peluang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, ini berkenaan dengan SMJK Jit Sin yang baru di SPS. Bolehkah beri sedikit penjelasan? Tadi sudah *mention*ed, apakah caranya?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tak apa, tak apa Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya akan jawab 26 Ahli Parlimen yang bangkit isu apa, saya akan jawab satu persatu. Bila sampai Yang Berhormat, saya akan jawab Yang Berhormat ya. Yang Berhormat tanya juga tentang pengiktirafan antara universiti Malaysia dengan China. Ingin saya maklumkan bahawa kementerian saya hanya menjaga setakat matrikulasi atau Tingkatan 6. Jadi soalan itu bolehlah diajukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana urusan dengan pihak China ini antara mereka, itu yang pertama.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat tanya soalan asalnya kenapa tidak benarkan mereka masuk IPTA sedangkan sudah ada pengiktirafan dengan pihak China. Maka, bidang kuasa Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi berlainan. Itu sahaja Yang Berhormat yang saya hendak terangkan. Tak apa, ada masa lagi boleh tanya.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: *No, no*. Saya cerap satu-satu, saya tahu apa yang ditanya.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tak apa, saya masuk kepada Yang Berhormat Jempol dahulu. Kalau ada masa baru saya bagi. Yang Berhormat Jempol sebut tentang pelajar tingkatan empat yang tak lulus semua subjek. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, transformasi vokasional yang telah dilaksanakan oleh kementerian ini sebagaimana yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, itu merangkumi beberapa perkara penting. Pertama, mulai tahun ini kita ada projek rintis di setiap negeri sebuah sekolah dipilih iaitu kita memilih pendidikan asas vokasional di mana ianya dibuat secara rintis dan ianya berjaya.

Tahun depan kita akan memperluaskan lagi PAV ini, itu pertama. Bagi pelajar-pelajar lepas UPSR yang tak boleh lulus semua subjek, kita akan terima mereka dan kita bagi pendedahan dan Tahun 1 sebagai *tester course* di mana mereka akan cuba semua. Tahun 2 iaitu Tingkatan 2, mereka akan memasuki SKM Tahap 1 untuk kursus tertentu yang telah dipilih dan tingkatan tiga, mereka akan mendapat kursus dalam SKM Tahap 2 dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk peringkat rendah ini kita menetapkan sasaran 5% kepada keseluruhan kohort.

Apabila sampai menengah atas, ianya merupakan sasaran kita. Pada tahun 2015, sasaran kita ialah mencapai lebih daripada 10% dan tahun 2020, 20% daripada pelajar kita, kita nak sasarkan mereka mengikut aliran vokasional. Apa yang kita lakukan ialah selepas Tingkatan 3, kalau mereka yang tak boleh belajar langsung, kita akan berikan mereka beberapa pilihan termasuk mereka boleh memasuki kolej vokasional di dalam sekolah di mana kursusnya empat tahun dan selepas empat tahun, mereka akan dapat SKM Tahap 4 iaitu satu kelayakan *equivalent* dengan diploma dan inilah cara yang dibuat untuk memastikan mereka yang tidak cemerlang daripada segi akademik, mereka boleh cemerlang di dalam bidang vokasional dan inilah satu transformasi yang akan dibawa di bawah Kementerian Pelajaran. Saya jelaskan ini.

Yang Berhormat Jempol pula menyebut tentang ada kelemahan penguasaan Bahasa Malaysia dan saya rasa dalam sistem kita pun ujian lisan itu wujud untuk peperiksaan SPM BM atau bahasa Inggeris dan kini telah diperluaskan ke bahasa lain juga dan Yang Berhormat sebut tentang MSSM, telah saya jawab tadi. Memang benar kita tidak lagi menggunakan kaedah lama di mana sukan hanya pada tiga atau empat bulan awal tahun sahaja dan kita kena merancang sehinggalah hujung tahun termasuklah selepas peperiksaan akhir, kita masih ada program rancak daripada segi kegiatan sukan.

Keempat, Yang Berhormat Kubang Kerian menyebut tentang pendemokrasian pendidikan. Yang Berhormat telah menyebut dan telah membawa isu tentang sekolah agama rakyat. Mengikut dasar yang mana telah ditentukan ialah pertama, apabila sesebuah sekolah agama rakyat, mereka bersetuju untuk serahkan ataupun mereka menjadi sekolah agama bantuan kerajaan dan menerima pakai silibus yang telah diluluskan oleh kementerian, maka bantuan itu dapat diberikan seperti juga kita berikan bantuan kepada SJK(C), SKJ(T) dan sekolah mubaligh yang lain.

Ia tidak menjadi masalah malahan secara *explicit* peruntukan diberikan kepada sekolah agama bantuan kerajaan dan bagi mana-mana SAR yang masuk. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, ada juga pihak berkepentingan pergi ke Dialog Pendidikan Nasional membangkitkan tentang isu ini. Kalau Yang Berhormat merasakan ada keperluan nak bawa perkara ini, saya mempelawa Yang Berhormat bawalah perkara ini dan kita ada beberapa lagi tempat yang kita hendak lawati dan di situlah dapat kita anjurkan program *town hall* dan kita boleh bawa perkara tersebut juga. Kita sedia mendengar pandangan baik daripada pembangkang ataupun BNBBC.

Yang Berhormat Kubang Kerian tadi bawa satu isu iaitu pendidikan guru yang dikatakan *last resort* bagi mereka yang memasuki UPSI ataupun IPGM. Ingin saya maklumkan, ini mungkin satu persepsi yang agak berlainan. Kalau sepuluh tahun lalu, mungkin ianya berlaku begitu tapi pasti pada tahun ini ianya tidak berlaku begitu kerana kita telah mengenal pasti calon yang terbaik untuk menghadiri temu duga untuk kursus PISMP atau KPLSPM. Saya memberi satu contoh, kali ini untuk kategori sekolah kebangsaan, kita ambil 400 orang lebih untuk dilatih. Kita menyasarkan jumlah tidak ramai tetapi jumlah yang memohon puluhan ribu dan kita hanya boleh memanggil mereka yang mendapat 8A ke atas untuk menghadiri temu duga. Itu pun kita terpaksa tolak mereka yang walaupun dipanggil temu duga tetapi disebabkan ada had daripada segi tempatnya, kita kena tolak dan untuk SJK(C) pula, 7A hingga 10A dan yang diambil 490 orang ini kebanyakan handal-handal belaka, 8A, 9A, 10A dan sekolah Tamil pun begitu juga.

Nampaknya sekarang sudah berlainan dengan dulu dan nampaknya stok kita untuk dapatkan calon yang cemerlang memang sedia wujud dan ianya tidak menjadi masalah. Itu yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat. Kalau dahulu, kalau tak ada tempat, keluar universiti baru cari KPLI tapi tumpuan kita lebih kepada mereka yang berkualiti. Nanti saya akan masuk dalam bab ISMP ini, bagaimana kita nak bantu mereka?

Yang Berhormat Tenggara menyebut tentang bantuan RM24.50, RM33.50 dinaikkan kepada masing-masing RM50 dan RM75. Saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya duit ini asalnya dibayar oleh ibu bapa seperti mana yang saya katakan dan *over and above*. Selain daripada itu, memang pihak sekolah diberi macam-macam geran per kapital termasuklah setiap mata pelajaran ada kadarnya kita bayar. Tidak ada diskriminasi.

SJK(C), SJK(T) semua sama dan kita juga membuat pembayaran termasuklah LPBT yang terpaksa mereka bayar setiap sekolah untuk setiap subjek, panitia dan sebagainya, semua dibayar mengikut kadar yang telah ditetapkan. Jadi saya rasa bagi sekolah kurang murid pun mereka dibayar dengan satu kadar yang agak tinggi juga.

■1810

Untuk tabung penyelenggaraan saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ramai yang membangkitkan isu termasuk Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi mengatakan saya tidak mengotai janji. Saya secara terus terang. Saya ini orang yang berani hendak cakap benar. Ketika itu saya berdepan dengan Ketua Menteri dan juga Yang Berhormat Bukit Mertajam pada 28 Februari dan peruntukan yang kita gunakan ialah peruntukan SJK(C) sekolah bantuan kerajaan tahun ini. Benar? Jadi pada masa itu, Yang Berhormat mengatakan RM100,000 belum sampai. Betul. Untuk kesemua 800 buah sekolah termasuk SJK(T), sekolah mubaligh, sekolah agama bantuan kerajaan dan sekolah kerajaan pun RM1 bilion kita masih lagi menunggu isyarat daripada Kementerian Kewangan untuk turunkan wang itu. Walaupun majlis penyerahan secara simbolik telah dibuat pada 18 Mei di mana kita memuktamadkan senarai penerima dan semua akaun telah kita kutip. Bila-bila masa sahaja apabila wang itu diterima daripada Kementerian Kewangan kita akan salurkan. Kalau dalam konteks SJK(C) kita akan terus berikan kepada LPS.

Kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam saya ucapkan terima kasih. Saya tidak pernah lupa yang itu. Yang Berhormat mungkin lupa kerana tahun lalulah saya yang membawa RM3.5 juta kepada sekolah ini dan perkara ini tidak disebut. Tidak mengapa. Itu benar. Kalau benar kita cakap benar. Kita ucapkan terima kasih. Semasa itu saya membuat ucapan, saya meminta Yang Berhormat kerajaan negeri bantu sedikit. Kali ini dia bantu sedikit, okeylah. Jadi bagi kita, kita sudah bantu banyak iaitu RM3.6 juta kepada sekolah ini walaupun ianya terletak di kawasan pembangkang. Ini membuktikan kita tidak menganaktirikan kawasan pembangkang.

Untuk Yang Berhormat Tenggara juga membawa tentang EPPLD yang dikatakan belum dilantik ke DG 41...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Kesesuaian guru. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, ini maklumat terkini. 7,975 orang telah menghadiri temu duga, telah diperakukan oleh SPP dan pihak kementerian pun kita telah memberi kelulusan supaya mereka ini dilantik secara terus kepada DG41. Ini adalah bagi mereka yang mengikuti PJJ yang *graduate* tahun 2010 dan tahun 2011.

Seorang wakil rakyat tadi ada bangkitkan tentang SPP. Surat pekeliling – Yang Berhormat Lembah Pantai bawa. Saya ucapkan terima kasih kerana ramai cikgu telefon saya. Saya terus telefon setiausaha SPP apa sebenarnya berlaku. Apa yang dilakukan untuk kebaikan cikgu? Kenapa begitu? Ini kerana baru-baru ini apabila pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran semasa Hari Guru di mana pelantikan mengikut senioriti tahun berkhidmat ianya juga membantu 67,000 guru kita naik pangkat. Sebagai contoh kalau dulu DGA 32 mungkin perkiraan waktu perkhidmatan sudah menjangkau 16 tahun, maka dia boleh anjak lagi DGA 34.

Jadi sebab itulah garis panduan ataupun surat pekeliling yang digunakan SPP digantung atas dasar dia hendak lihat. Kalau surat pekeliling asal dia kata selepas 1 Oktober dia anggap pelantikan pada tarikh ini, kemudian selepas itu akan dimasukkan pada satu tarikh yang lain. Dia batalkan ataupun dia *suspend* menggunakan surat ikhtisas ini untuk membantu supaya ia tidak mempengaruhi atau mendatangkan kesan yang buruk kepada mereka yang naik pangkat. Ini membantu. Jadi ini salah faham. Saya sudah terangkan kepada NUTP. Mereka pun faham apa yang telah dibawa dan menjadi rungutan guru pada asalnya, sekarang mereka sudah faham keadaan sebenarnya. Itu sebenarnya membantu mereka.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi ada satu persoalan yang tidak dijawab iaitu mengenai senarai nama pelajar-pelajar di mana kerajaan negeri hendak bagi RM100.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya belum sampai Yang Berhormat lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi...

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tidak. Saya jawab itu tiba-tiba soalan Yang Berhormat pun saya bawa. Saya jawab sekalilah. Saya belum lagi ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi ini belum jawab? Nanti akan jawab ya?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya jawab ikut *sequence* ini ya. Yang Berhormat Tenggara, guru j-QAF memang kita kekurangan 11,000. Jadi apabila kita kata kekurangan guru, ia bukan berlaku di SJK(C) sahaja. SK pun 11,000 guru j-QAF dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dalam Mesyuarat *Post-Cab* telah mengarahkan Ketua Pengarah mencari satu kaedah, sediakan satu kertas kerja, hendak selesaikan perkara ini secara jangka panjang. Jadi kami masih menunggu lagi kertas kerja bagaimana ianya dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Yang Berhormat Tenggara bawa tentang isu...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit Yang Berhormat kalau boleh. Celahan. Adakah Yang Berhormat akan teruskan jawab ataupun boleh saya...

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya akan jawab Yang Berhormat punya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *Okay, right*.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Sama juga. Baru hendak sampai Yang Berhormat Lembah Pantai sama-sama dengan Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Tenggara.

Ini tentang isu ISMP. Memang benar pada awal tahun ini kita ada 5,532 orang mengikut senarai SPP yang kita kutip daripada seluruh IPTA di mana mereka adalah siswazah dalam bidang pendidikan, IPTA. Setelah SPP memanggil temu duga hampir 5,000 orang yang menghadiri temu duga. Ada beberapa orang yang tidak hadir dan 62 orang gagal. Yang selebihnya seramai 4,800 orang diterima dan kebanyakannya 4,126 orang dimasukkan ke sekolah menengah, 531 orang ke sekolah rendah.

Ingin saya menyatakan di sini ini bukan satu isu yang mudah diatasi kerana sejak dahulu sepatutnya ada satu koordinasi yang baik. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran terpaksa membuat satu kenyataan di mana kita kena cari penyelesaian jangka panjang. Kalaulah kita membenarkan keadaan begini apabila kita hendak mengehadkan IPTA mengambil mahasiswa dalam bidang pendidikan alasan mereka atau hujah yang digunakan ialah saya melatih guru bukan semata-mata untuk Kementerian Pelajaran. Dia kata sekolah swasta juga perlu. Institusi lain juga perlu. Apabila keluar daripada universiti nampaknya tanggungjawab penuh KPM untuk menyerap mereka. Jadi apabila unjuran Kementerian Pelajaran misalan mungkin 4,000 dalam tahun ini, apabila lepasan daripada universiti melebihi 4,000 ianya menjadi satu masalah kepada kami kerana dalam masa yang sama juga ada mereka yang tahun ketiga atau keempat di universiti dan IPGM sedang menunggu *posting* pada tahun akan datang. Jadi apabila kita mengambil sembarangan, opsyen yang tidak kena, tahun depan pula kita terpaksa berdepan dengan satu situasi di mana lambakan opsyen yang diperlukan itu kita tidak ambil.

Saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah mengarahkan KSU supaya cepat-cepat berbincang dengan Kementerian Pengajian Tinggi mencari penyelesaian. Pertama kita kena buat *tagging* awal-awal. Siapa hendak masuk Kementerian Pelajaran, masuk universiti dan beritahu dia. Kamu ini adalah orang yang akan dilantik untuk menjadi guru di Kementerian Pelajaran. Kalau tidak perkara ini tidak dapat diselesaikan dan unjuran yang dibuat oleh kementerian ini sentiasa akan lari daripada realiti. Itu masalah yang kita hadapi.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memahami dan saya puas hati dengan penjelasan soal penyelarasan ataupun *coordination* antara Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi seperti mana yang telah diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran. Itu untuk akan datang supaya unjuran itu menepati keperluan Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya simpati

dengan KPM sebab mungkin universiti menjawab seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kita *train* guru bukan hanya untuk KPM tetapi hakikatnya seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu, seratus peratusnya jatuh ke atas bahu KPM. Itu satu. Jadi kita terima baik penyelesaian tersebut.

Keduanya adalah untuk mereka yang *existing* iaitu 5,000 sudah selesai. Hari ini ada 3,000 lebih yang sudah keluar sejak awal tahun ini. Apakah penyelesaian yang dicadangkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sebenarnya bukan 3,000. 3,000 sehingga bulan lalu. Hujung bulan ini 3,000 lagi, bermaksud 5,900. Kita berdepan dengan ISMP dari IPTA 5,900 dan perjawatan baru yang diperlukan 5,935 tidak silap saya, kita kena ambil kira juga IPGM di mana lepasannya akan keluar. Mereka akan tamat dalam hujung tahun ini. Jadi kesemuanya jangkaan awal 10,000.

Jadi ini bukan satu perkara yang mudah diatasi oleh kementerian semata-mata. JPA, SPP, MOHE, semua universiti, dekan fakulti pendidikan kena duduk dan kita kena bincang secara teliti dan terperinci apa yang perlu kita lakukan sekarang.

■1820

Kalau kita tidak lakukan sebarang tindakan pada waktu ini, ia akan menjadi satu perkara yang berleluasa dan tidak dapat kita selesaikan selepas itu dan masalah *mismatch* akan menjadi masalah yang paling besar dalam kementerian kita. Jadi saya sudah terangkan.

Seterusnya Yang Berhormat Balik Pulau telah menyebut tentang 12 laporan sahaja tidak diedarkan, kenapa kita rahsiakan pada mulanya? Kita khuatir sesuatu yang telah dilaporkan ataupun satu laporan yang dikemukakan, tiba-tiba disiarkan, okey? Tanpa kita memberi *caution* kepada semua pihak dan perkara itu hendak dirundingkan dengan pihak awam, saya rasa tidak wajar kita buat secara terbuka, kita nyatakan laporan itu apa, kandungan itu apa. Ini kerana kita tidak hendak mempengaruhi idea yang ada pada rakyat dan biar kita mendengar dahulu dan akhirnya kita dapat menjilidkan rumusan berdasarkan kepada input-input yang telah dikeluarkan oleh orang awam ini. Sememangnya ada muafakat, Yang Berhormat Balik Pulau. Saya sudah katakan 10,383 orang hadir.

Untuk cadangan daripada Yang Berhormat kata Kementerian Pelajaran patut tukar kepada Kementerian Pendidikan, saya akan bawa perkara ini untuk dinilai oleh pihak panel ini untuk melihat kewajarannya. Status rundingan, seperti mana yang saya katakan, semua Ahli Parlimen pembangkang diajak bersama. Jangan lambat. Sebelum 14, kita dapat atur. Kata orang Indonesia, *"Bisa diatur ya"*.

Yang Berhormat Hulu Selangor membangkitkan beberapa perkara, antaranya bantuan persekolahan RM100 diberi atau tidak. Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah jawab bulan lalu. Jadi saya rasa ia bergantung kepada kemampuan kewangan negara. Perpaduan antara kaum merupakan satu faktor yang penting, memang benar. Maka dalam kajian ini kita menitikberatkan. Salah satu perkara yang akan dilihat ialah dari segi *proficiency* pelbagai bahasa. Itu juga diberi penekanan.

Memansuhkan Kelas Peralihan. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, ini ada dua pandangan yang ekstrem. Pertama, ada yang mengutarakan supaya Kelas Peralihan ini dapat kita mansuhkan terus. Okey, dengan syarat sekiranya kesemua dapat menguasai 3M selepas enam tahun di sekolah rendah. Akan tetapi hakikatnya, mungkin tidak mudah kita hendak mencapai. Kedua, adakah Kelas Peralihan itu kita perkukuhkan dari segi silibusnya untuk memastikan mereka dapat menguasai, tidak menjadi satu pembelajaran yang agak bosan? Itu perlu kita lihat. Jadi saya rasa mengikut sistem yang ada, kita perlu memperkukuhkan lagi Kelas Peralihan. Kita tidak boleh kata orang yang tidak boleh menguasai bahasa Malaysia terus masuk Tingkatan 1 kerana ini akan meningkatkan lagi kadar keciciran dalam kalangan pelajar. Status kajian, saya sudah terangkan tadi.

Yang Berhormat Bukit Mertajam, okey, saya sudah jawab kebanyakan 12 panel, okey. Yang Berhormat mengatakan supaya baca surat khabar, kita tahu semua. Kalaulah satu kajian berdasarkan kepada keratan akhbar, ia bukan profesional namanya. Kita boleh, mendengar pandangan daripada semua pihak. Di sini saya mengajak kepada semua NGO yang pembangkang kenal, BN pun kenal, ajak sama-sama. Daripada kita berhujah dalam surat khabar, baik kita berhadapan dengan panel dialog, kita sampaikan pandangan kita, ada juga baik.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana ada pihak tertentu yang sentiasa menghantar wakil tetap ke mana-mana dialog kami berada. Dia akan sampai dan sampaikan pandangan dia. Kita menghormati kerana walaupun pandangan itu ada yang rasa tidak senang tetapi kita buat secara terbuka. Sebagai contoh, ada pihak yang hendak mengembalikan PPSMI. Dia memang bertungkus-lumus hendak menyuarakan pandangannya itu di semua tempat. Saya rasa inilah satu *determination* di mana mereka buat.

Kalau berhadapan dengan rakyat biasa, ini satu perkara yang kita terpaksa terima kerana kita buat secara terbuka. Kita tidak boleh menghalang mereka datang. Jadi pandangan pelbagai itu dapat kita dengar. Baik daripada Dong Jong kah atau sesiapa, sesiapa sahaja kalau hendak menghadiri dialog, jumpa dengan kami, kita boleh aturkan dan bawalah pakar-pakar bincang perkara itu kerana inilah peluang keemasan untuk mereka mengutarakan pandangan dan didengar oleh semua wakil kaum. Inilah cara yang terbaik untuk kita memahamkan masyarakat dan masyarakat juga faham cita rasa sesuatu kaum itu.

Jadi satu perkara lagi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendak minta senarai. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekiranya Yang Berhormat hendak beri bantuan kepada sekolah, memang kita tidak menghalang. Akan tetapi Yang Berhormat, saya memang berwaspada. Sesiapa sahaja kalau hendak bagi duit kepada sekolah dan minta supaya diisi borang siapa ibu bapa dan nombor *contact* itu, maka saya akan fikir dua, tiga kali kerana kita kena menjaga kerahsiaan. Itu kita kena pertahankan. Jadi kita sama-sama dalam politik, kita faham. Apabila seseorang itu kata, kalau Ketua Menteri hendak datang ke sekolah ini, Sekolah Chung Ling, Tingkatan 4, dia kalau ada 350 orang, kami tidak akan menghalang kata diberi RM100 setiap orang supaya semua akan merasa gembira.

Akan tetapi apabila ada satu tugasan yang mana kena mengisi maklumat ini maklumat itu, itulah yang mereka perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah. Itu secara umum saya katakan. Kalaulah Yang Berhormat katakan itu adalah semata-mata hendak bagi duit dan kita halang, saya akan pastikan Ketua Pengarah boleh bantu. Kalau disertakan syarat-syarat pembayaran kononnya kena dapat butir-butir lanjut mengenai ibu bapa, maka kita kena mempertahankan kerahsiaan itu. Ini adalah bagi menghormati setiap ibu bapa.

Mungkin Yang Berhormat menganggap ini perkara remeh, tetapi kita telah melalui proses itu di mana ibu bapa kalau bercerai, kadangkala hendak tukar sekolah, kita mesti mendapat kelulusan daripada kedua-dua. Ada yang terpaksa mencari kita kerana mereka menyalahkan pihak sekolah memberi maklumat kepada pihak yang satu lagi. Jadi dalam soal ini, kita ada tatacara kita. Kalau Yang Berhormat menepati apa yang kementerian rasa betul, tidak menjadi masalah, bukan untuk *political mileage*, saya rasa perkara itu boleh dirundingkan. Jadi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan. Jadi minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu bagaimana boleh dilaksanakan sekiranya tidak boleh beri ini senarai atau macam mana, dan bagaimana kita boleh jalankan? Itu yang pertama.

Kedua, tadi ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa semua orang boleh pergi ke sana. Apa yang saya tahu di Terengganu pada 7 Julai, Yang Berhormat menjemput orang pergi ke Terengganu supaya boleh...

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Akan tetapi Yang Berhormat lupa 14 di Johor Bahru.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, di Johor Bahru. Akan tetapi di sini dia tidak ada kata di mana di Johor Bahru?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tidak mengapa, Yang Berhormat boleh *contact* saya, saya akan pastikan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, saya rasa saya tidak ada masalah kerana saya sudah pergi. Akan tetapi orang lain tidak boleh *expect,* mereka cari-cari di mana

di Johor Bahru. Bolehkah ia diumumkan secara umum, secara terbuka umumkan? Sesiapa yang hendak pergi, bila, di tempat mana supaya orang yang hendak pergi tahu. Pada waktu sekarang ialah orang tidak tahu.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tidak mengapa. Yang Berhormat, biar saya menjawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Brosur ini dicetak pada bulan Mac, okey? Ketika itu kita belum kebanyakan tempat itu kita telah tetapkan. Untuk beberapa tempat pada bulan Julai ini, ia masa itu belum lagi kita sahkan di mana tempatnya. Seminggu sebelum pasukan ini turun ke sana, mereka akan maklumkan dalam *website* kita. Kita akan maklumkan kepada semua. Walhal, Jabatan Pelajaran juga diberi tanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua sekolah. Jadi ada PIBG dan *stakeholders* akan dimaklumkan. Kesatuan-kesatuan semua akan tahu. Jadi kalau ada masalah, boleh menghubungi saya. Kalau Yang Berhormat hendak ke Johor Bahru, dipersilakan juga.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pengumuman ini, maklumat ini boleh diberitahu lebih awal. Jangan seperti di Pulau Pinang, tiga hari sebelum perjumpaan itu. Saya rasa ini terlalu pendek masanya.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kebanyakan yang menerima risalah, dia tidak baca habis. Jadual itu dipaparkan. Belakang itu dia kata untuk keterangan lanjut, sila hubungi mana-mana. Ramai yang tidak baca yang itu. Itu saya setuju, kita akan maklumkan kepada semua *stakeholders* dan dalam berita pun saya akan pastikan mereka buat yang terkini. Tidak jadi masalah. Kita sudah buat 14 tempat, tidak menjadi masalah kepada kami.

Yang Berhormat Hulu Terengganu membangkitkan berapa tokoh yang telah dilantik sebagai *panel revised* telah saya jawab.

■1830

Yang Berhormat juga tanya kenapa – dia kata kalau Dong Zhong menolak cadangan daripada panel ini sama ada ianya merupakan satu cacat cela. Bagi saya semua NGO ada hak untuk bersuara. Kalau boleh bersuaralah di depan panel Dialog Nasional ini. Biarlah mereka dengar dan akhirnya apa juga pandangan itu boleh diterima dan dinilai oleh panel bebas ini. Jadi, Yang Berhormat Lembah Pantai tadi menyebut tentang menggantungkan surat Pekeliling SPP telah saya jawab. SKJ(T) Bangsar, padang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Untuk makluman Yang Berhormat 72% daripada sekolah kita tidak ada padang. Walau bagaimanapun mereka boleh berkongsi dengan pihak berkuasa tempatan dan saya tidak menganggap bahawa kita bagi duit kepada mana-mana NGO kerana kementerian tidak ada satu peruntukan yang boleh kita bagi pada NGO. Saya tidak tahu daripada mana sumber itu tetapi yang pasti ialah kalaulah tanah itu adalah tanah kerajaan dan dimiliki oleh Kementerian Pelajaran, kita boleh buat secara berkongsi. Sekiranya ada tanahlah, tanah kerajaan kita minta supaya dapat pihak sekolah kemukakan pada kami. Kalau kerajaan negeri, mungkin boleh minta jasa baik kerajaan negerilah dalam soal ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat berapa lama?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya akan cepat, *very fast.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebab kita ada empat kementerian lagi Yang Berhormat, tiga jam.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Ya, Tuan Pengerusi.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Pencelahan Tuan Pengerusi. Terima kasih Timbalan Menteri, saya hargai jawapan dan komitmen Yang Berhormat. Hanya berkait tentang NGO ini. Kenapa saya sebut? Ini kerana banyak sangat pengumuman yang bersifat *ad hoc* yang saya fikir tidak membantu. Walaupun Yang Berhormat bersedia untuk

menjelaskan misalan dalam kes pergantungan pelaksanaan pekeliling itu Yang Berhormat boleh jelaskan menerusi *Twitter*, penemuan dengan beberapa guru. Akan tetapi bila pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, itu sebagai satu *adjustment* yang *ad hoc* walaupun saya menerima pakai masalahnya besar dan keperluan mengisi kesemua kekosongan ini bukannya boleh diselesaikan dengan cepat.

Hanya saya minta, adakah Yang Berhormat selepas ini boleh memberikan makluman sejelas mungkin. Kalau ramai yang tahu keadaan sebenar, tidaklah mereka menghubungi saya juga untuk mendapatkan kepastian, itu satu. Kedua, kenapa saya sebut NGO yang bernama *Action Plan for Future of Tamil Schools* kerana ia bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini menerusi laporan media. Jadi, tentunya di sini kita ada jawatankuasa, kita akan siasat, kita akan ada *blueprint.* Akan tetapi bila pelaksanaannya bersifat *ad hoc,* ini akan membebankan lagi kementerian. Jadi, saya minta kalau boleh di sini jangan biarkan terlalu banyak tindak tanduk *ad hoc* yang akan menyusahkan semua pihak, terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Kalau maklumat Yang Berhormat itu benar daripada Jabatan Perdana Menteri, saya rasa dia membantu sekolah tersebut. Saya tidak tahu sama ada padang itu digunakan oleh kumpulan ini ataupun dia tidak benarkan sekolah ini gunakan padang. Kalau ia begitu saya akan siasat dan kita akan mencari penyelesaiannya, pertama.

Yang Berhormat Silam membangkitkan pelajar asrama perlu balik setiap dua minggu atas nama kononnya hendak jimatkan kos. Perkara ini adalah lagu dan irama lama. Pernah diutarakan satu ketika dahulu tetapi sekarang memang tidak wujud lagi. Semua mereka boleh berada di asrama pada hujung minggu.

Yang Berhormat Sik membangkitkan tentang beberapa perkara termasuklah prasekolah. Adakah prasekolah akan diseragamkan, yang dikatakan tadi Permata... KEMAS dan sekolah kita disatukan. Sebenarnya, untuk semua sekolah ini kalau tadika ini sebenarnya KEMAS atau Perpaduan, mereka menggunakan satu Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Itu memang kita syaratkan. Tidak lari daripada sama ada Jabatan Perpaduan ataupun KEMAS mereka terpaksa guna pakai kurikulum standard tersebut.

Dalam konteks PERMATA kerana umurnya bukan lima dan enam tahun, bawah daripada itu. Maka dia bukanlah di bawah prasekolah. Definisi prasekolah ini, usia dia lima atau enam tahun sahaja. Jadi untuk kurikulum di mana salah satu bidang yang akan dibincangkan secara terperinci sembilan bidang telah dikenal pasti, salah satunya ialah tentang kurikulum. Itu memang akan dikaji dan diselidik.

IPGM di Enstek sebenarnya masih lagi sebagai kampus utama. Kampus induk. Selain daripada itu 26 lagi IPG di semua, di merata-rata, mereka ini juga diberi tanggungjawab untuk melatih guru. Enstek ini dalam peringkat pembinaan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya di Cyberjaya kita ada IPGM induk yang beroperasi secara sementara sebelum mereka berpindah ke Enstek. Rektor pun memang diberi kuasa secara autonomi. Untuk bayaran tambahan, dikata cikgu tidak dapat *claim* dan sebagainya, saya ingin memaklumkan sebelum Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran membuat keputusan untuk kita tingkatkan peruntukan selaras dengan dasar 1Murid 1Sukan, pada ketika itu sekolah diberi RM1.60. Sekarang setiap pelajar naik sampai RM4, peruntukan pada sekolah.

Sekolah menengah dulu RM2.40, sekarang naik sampai RM6. Jadi, nampaknya ada ruang untuk kita membantu sekolah walaupun dalam keadaan tersepit, tidak boleh kita hendak bagi menaiki kapal terbang untuk semua ahli pasukan tetapi sekurang-kurangnya untuk pengendalian aktiviti sukan itu dapat kita buat. MSSM juga memberi peruntukan kepada pihak sekolah juga dalam soal ini. Jadi, SMA dan SAR telah saya jawab tadi. Saya rasa perkara ini boleh dibincangkan selagi ia sedia menerima sebagai sekolah agama bantuan kerajaan, saya rasa sebarang bantuan yang sedia ada patut kita berikan. Yang Berhormat Lipis membangkitkan beberapa perkara. Saya cuma masuk sedikit sahaja iaitu yuran untuk badan beruniform. Sebenarnya tadi saya sudah kata itu adalah yuran yang patut dibayar oleh ibu bapa. Dalam konteks ini ada beberapa ringgit yang telah diperuntukkan untuk badan beruniform ini.

Jadi, tadi Yang Berhormat Lipis juga sebut tentang guru siswazah tidak boleh jadi guru besar. Sebab begini ialah kerana di sekolah rendah 61% adalah PPPLD iaitu lepasan diploma dan lebih 30% adalah siswazah. Jadi, apabila seseorang itu telah memulakan kerjaya 30 tahun yang lalu, kini berusia 50 tahun lebih dan kalaulah kita hanya benarkan mereka DG41 menjadi guru besar, jadi kekananan ataupun senioriti itu tidak diambil kira, itu juga mendatangkan kesan kepada kami. Jadi, itu secara berperingkat. Nampaknya satu hari nanti bila guru siswazah melebihi guru lepasan diploma, saya yakin perkara ini dapat ditukar wajahnya.

Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan beberapa isu. Pertama, dia kata tidak cukup konsultasi, telah saya jawab dengan jelasnya. Sama ada wajib atau tidak mempelajari bahasa Inggeris, BCSK dan PTSK. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa bahasa Inggeris ini sangat penting sebab itu kalau kita bandingkan sepuluh tahun dahulu bahasa Inggeris kita dulu adalah bukan 119. Dia ini bahasa komunikasi, bahasa Inggeris.

Akan tetapi selepas kita buat penyamatarafan dengan pihak *Cambridge* dan setiap pelajar, setiap calon mengambil subjek *English 119* ada satu gred daripada *GCE O-Level* daripada *Cambridge*. Dengan cara ini kita dapat membuat 'penyamatarafan' sama ada pelajar ini mencapai standard yang dikehendaki oleh antarabangsa. Jadi, itu yang dilakukan dan pembayaran secara percuma. Kita yang terpaksa membayar pada pihak *Cambridge*. Pembayaran dibuat oleh Lembaga Peperiksaan setiap tahun. Jadi, saya rasa untuk BCSK dan BTSK, kita tidak boleh buat secara wajib. Kerana 6,000 sekolah kebangsaan. Setakat ini untuk BCSK dan BTSK mungkin dalam kalangan 10% sahaja yang mampu kita buat tetapi ianya juga satu cabaran besar.

Bukan mudah kalau untuk tempat yang mempunyai satu komposisi kaum yang agak seimbang tidak menjadi masalah. Bagi sesuatu kawasan yang mungkin hampir dominasi satu kaum itu, jadi masalah kepada kami juga. Guru yang kita hendak latih untuk BCSK dan BTSK perlu ramai. Jadi, saya rasa kita ada banyak cabaran tetapi percayalah bahawa lima tahun lalu kita hanya mulakan secara rintis, tahun ini kita sudah hampir mencapai 10%. Kita masih ada ruang untuk pertingkatkan.

Untuk enam buah SJK(T) yang baru seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perkara ini memang satu perkara yang sedang diambil tindakan oleh kementerian. Kementerian ini kita kata, kalau hendak bina, di mana? Macam mana guna tanah itu? Tanah itu milik siapa? Kita kena pastikan ianya benar-benar dimiliki oleh kementerian, barulah kita umumkan dan kita mulakan pembinaan. Kita tidak boleh buat secara sewenang-wenangnya.

Jadi, Yang Berhormat Sri Gading sebut tentang Kolej Tingkatan 6...

■1840

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai dua hal. Satu peperiksaan *English* yang diwajibkan. Sayanglah Yang Berhormat kerana pendirian kementerian nampaknya tidak berbeza dengan apa pendirian yang dibuat beberapa dekad dahulu bahawa kita sudah tahu bahawa kita perlu memberi kepentingan. Jangan kita mengabaikan bahasa Melayu. *That is important.* Akan tetapi sesama kerana *mismatch* dalam industri bila pergi ke pekerjaan, mereka susah untuk mendapatkan kerja. Itu asasnya adalah dari sekolah. Kenapa ia bukan diwajibkan? Saya juga ada tanya mengenai *Moral Studies.* Adakah ia akan dijawab?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut tentang bahasa Inggeris. Pernah Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran cadangkan sebagai idea yang dilontarkan iaitu wajib lulus. Akan tetapi apabila kita gunakan perkataan wajib, seseorang itu tidak lulus, maka tidak akan dapat SPM. Itu implikasinya. Selepas dibuat kenyataan itu untuk dibincangkan secara meluas, nampaknya ada pandangan yang kata kita patut buat secara berperingkat. Mungkin mulakan dengan lulus baru sampai ke kredit. Saya rasa dalam dialog Pendidikan Nasional ini ada banyak idea yang telah dilontarkan. Jadi, kita sama-sama tunggu dan kita sedia mempertimbangkan selaras dengan era globalisasi yang kita sedang berdepan ini.

Yang Berhormat sebut tentang Pendidikan Moral. Sememangnya kalau kita lihat dari segi falsafah pendidikan negara, kita hendak memastikan kemenjadian manusia itu sebagai aspek penting dalam sistem pendidikan kita. Tidak semata-mata menguasai sains, matematik dan ilmu sahaja. Kita ada konsep JERI iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Jadi, kalau

dalam aspek rohani ini, kita mengambil kira pandangan atau nilai-nilai universal. Pengetahuan Moral ini sebenarnya adalah satu subjek di mana kita menonjolkan nilai-nilai, norma-norma secara universal. Jadi, saya rasa Yang Berhormat kata susah hendak dapat A+, baru-baru ini saya tidak tahu mungkin orang yang saya berjumpa ini berlainan sedikit kerana kementerian baru-baru ini ada 1,609 orang mendapat BESERI daripada Kementerian Pelajaran di mana rata-ratanya, hampir separuh daripadanya adalah mendapat A+ dalam Pengetahuan Moral.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Jadi, saya rasa tidak menjadi masalah dan mungkin dari segi teknik menjawab soalan itu ada yang tidak berapa arif. Akan tetapi ada sekolah tertentu di mana satu kelas itu lebih daripada separuh, semua dapat menguasai. Ini bergantung kepada tempat dan mungkin teknik...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, ada *online petition* di mana dikemukakan mengenai hal A+ dan sebagainya. Itu tidak apa. Kalau itu adalah pendirian Yang Berhormat, tidak kisah. Akan tetapi yang lebih mustahak, bila Yang Berhormat menjustifikasikan bahawa moral, kenapa ia diperlukan dan sebagainya. Kenapa sebahagian anak kita tidak baca moral langsung? Mereka *immoral.*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mereka bukan anak Malaysiakah?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *What is the rational?*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Seorang calon yang mendapat A+, kenapa dia tidak bermoral...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan. Yang Berhormat, bukan A+, B+ dan sebagainya. Saya kata *Moral Studies*. Saya kata kenapa ia diwajibkan tetapi separuh sahaja anak kita perlu baca. Separuh lagi tidak perlu baca. Jadi, yang tidak perlu baca, *immoral?*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: *No*, tidak, tidak.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Atau yang baca *immoral*? *Give the rational.*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: *I* bagi rasional. Yang Berhormat duduk. Sabar, Yang Berhormat. Kita masih muda lagi. Yang pertama, Yang Berhormat, untuk pelajar Islam, mereka ada Pendidikan Islam. Untuk pelajar bukan Islam, mereka ada Pengetahuan Moral. Saya rasa dalam soal ini, kita mengimbangi dari segi kerohanian. Jadi, saya rasa Yang Berhormat boleh beri pandangan bagaimana kita hendak memperkukuhkan Pengetahuan Moral. Saya boleh terima dengan rasional tetapi tidak boleh kata mereka yang tidak ambil Pengetahuan Moral tidak ada moral. Itu mungkin berlainan pula maksudnya, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, *religious studies* dan *Moral Studies* sangat berbeza. Tidak ada. Itu saya kata seragamkan. *You must rationalize* kedua-dua itu. Tidak ada rasional.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Okey, saya hendak bertanya Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dan pastikan *Moral Studies given more priorities than English studies* Baliklah!

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, tidak apa. Saya tanya satu soalan, Yang Berhormat. Dalam masyarakat Cina, kita bukan sahaja semua *Buddhist.* Ada *Taoist*. Dalam *Buddhist*, dia ada lain-lain fahaman. Jadi, mana satu yang kita hendak pakai? Sebab itulah nilai-nilai sejagat, *universal values* inilah yang patut kita kukuhkan. Jadi, kementerian kita galakkan penubuhan persatuan beragama. Tidak menjadi masalah. Malahan *Bible*

studies, bible knowledge juga merupakan satu subjek yang boleh diambil oleh calon. Tidak menjadi masalah. Saya tidak tahu kalau Hindu ada *Hindu study* yang hendak diketengahkan. Nampaknya kalau memenuhi kriteria, boleh kita lihat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat, saya juga ada tanya mengenai *Moral Studies*. Kenapa dalam *Islamic Studies* dan lain-lain semua mata pelajaran, soalan yang dikemukakan oleh *past year questions*, semua murid ada tetapi *Moral Studies don't have.* Apa rasionalnya?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tidak apa, *you* boleh jumpa saya di...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak perlu. Sekarang. Jawab sekarang. Tidak perlu jumpa di luar. Di sini. Orang ramai tanya. *If you read the online news, you* tahu. Ada jawapan atau tidak ada jawapan?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tidak apa, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, Yang Berhormat. Ada jawapan atau tidak ada jawapan?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya ada jawapan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tolong beritahu jawapan.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Ada seorang guru yang memang pakar. Saya boleh perkenalkan kepada Yang Berhormat. Buatlah di kawasan Yang Berhormat. Macam mana teknik jawab soalan. Dia memang berpandukan kepada soalan-soalan yang pernah dijawab. Tidak bolehlah saya bagi soalan tahun ini hendak keluar soalan apa. Saya tidak boleh *spot*lah. Jadi, dalam soal ini, tidak ada masalah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, Yang Berhormat lari dari perkara yang saya tanya. Semua mata pelajaran, *past year questions* boleh dapat. Moral *you cannot get.* Apa rasionalnya? Sebab Sejarah, Matematik, *Islamic Studies, Tamil Studies, Chinese Studies* dan apa-apa *studies* semua ada. Akan tetapi Moral sahaja tidak ada. Kenapa tidak dan kenapa perlu menghafal 36 perkara dalam Moral untuk menduduki peperiksaan. Itu sahaja. Dua perkara sahaja. Kenapa unik?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Satu perkara yang saya baru dengar, Yang Berhormat. Akan tetapi untuk pelajar-pelajar Cina, saya tidak dengar ada aduan macam ini. Ini kerana mereka memang melalui satu proses di mana dia menguasai teknik menjawab. Kalau Yang Berhormat hendak tahu petuanya, saya boleh tunjukkan macam mana, Yang Berhormat.

Kolej Tingkatan 6, Yang Berhormat Sri Gading bangkitkan. Dia kata macam terbiar. Memang satu ketika dahulu pernah diutarakan konsep Kolej Tingkatan 6. Akan tetapi kita kena lihat kerana Tingkatan 6 ini diadakan, diwujudkan dalam sekolah. Kalau kita kumpulkan di dalam satu daerah, kita kena lihat untuk kawasan pedalaman. Jadi, masalah kepada kami juga. Yang kedua, kita telah membuat penambahbaikan dari segi STPM baru kita. Daripada sistem terminal, kita ubah jadi sistem modular. Dulu sekali kita mengalami peperiksaan. Sekarang tiga semester dan mereka dari segi beban hendak belajar itu tidak menjadi masalah yang terlalu berat kepada mereka. Itu pembaharuan dan sebab itulah *enrolment* pelajar Tingkatan 6 pada tahun ini nampaknya ada peningkatan kerana sistem baru yang kita wujudkan.

Yang Berhormat Sungai Petani sebut membaca, menulis dan mengira adalah asas untuk kita melahirkan seseorang pelajar. Jadi, di sini kementerian hendak tambah satu lagi. Pendekatan terbaru kementerian bukan sahaja 3M, mena'akul iaitu *reasoning* juga sebahagian daripada komponen penting dalam KSSR. Yang Berhormat sebut tentang di Indonesia, 17 tahun masuk ke universiti dan dari segi *maths* dan sains, *foundation*nya memang sangatlah kukuh. Saya hendak nyatakan di sini bahawa pernah Yang Berhormat suarakan tentang PISA, TIMSS dan kita punya *standing* tidak tinggi. Sebab itulah kita panggil pakar luar ini, yang memang mereka ini diberi tugas untuk melihat bagaimana untuk meningkatkan kedudukan kita dalam TIMSS dan PISA. Jadi, OECD *experts* kita panggil untuk duduk sama-sama dan mereka juga membantu kita untuk mewujudkan satu mekanisme untuk kita memperkukuhkan penguasaan di dalam dua subjek yang dinyatakan itu.

Yang Berhormat Arau menyebut tentang Profesor Diraja Ungku Aziz. Pandangannya supaya pendidikan bukanlah bola untuk permainan politik. Saya bersetuju dan di sini saya memang tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat dan kita setujulah. Apa yang ada

sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, itu memang sedia wujud seperti mana yang terjamin di bawah Akta Pendidikan 1996. Itu tidak menjadi isu. Bagaimana kita hendak menambah pengisiannya dari segi *content knowledge.* Dari segi sistem yang kita hendak lakukan itu. Saya rasa inilah perkara yang dibincangkan secara panjang lebar dalam dialog ini.

Yang Berhormat Kuala Krai membangkitkan tentang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya sekali lagi tanya, Yang Berhormat. Berapa panjang lagi, Yang Berhormat?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Sikit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita sudah empat jam Kementerian Pelajaran, Yang Berhormat. Kita sudah ada empat kementerian.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Bagi saya beberapa minit, saya habiskan, Tuan Pengerusi. *International school,* Yang Berhormat Kuala Krai. Saya jawab satu sahaja.

■1850

Nampaknya mungkin ada salah faham. *International school* ini sebenarnya kita lihat jiran kita Thailand dengan Singapura. Kalau kita hendak jadi pusat kegemilangan akademik dalam bidang pendidikan kita kena buat secara lebih terbuka. Di situ negara jiran kita tidak ada kuota dan sebab itulah selepas kita melihat realitinya ada banyak sekolah ini kerana saudagar-saudagar dari Malaysia kalau anak dia berada di luar negeri balik nanti, dia tidak boleh masuk sekolah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan terpaksa juga masuk ke sekolah antarabangsa sebab itu ada keperluan kerana sekarang kita duduk dalam dunia yang agak berlainan...

Dr. Mohd Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat saya tidak ada masa nanti kita bincang di luar.

Dr. Mohd Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Bukan, jadi penjelasan itu menambahkan masalah lagi maksudnya dibuka ini untuk orang yang belajar di luar negara balik tidak boleh *joint* sistem kita masuk ini. Untuk rakyat Malaysia yang tidak meninggalkan negara tidak boleh adakah itu maksudnya?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya, Yang Berhormat inilah Yang Berhormat hendak buat *spin issue* macam ini. Saya kata dalam TalentsCorp kalau tahun lalau kita dapat terimakah, dapat menarik balik 600 orang pakarnya, anaknya semua belajar di luar negara. Bila masuk ke sekolah kita sudah Tingkatan 1, Tingkatan 2, dia hendak masuk sistem apa? Dia kena masuk ke *international school*. Jadi itu sebagai salah satu sahaja. Kita lihat FDI kita meningkat, saudagar-saudagar daripada luar negeri, pelabur asing masuk ke sini mereka hendak menjamin anak mereka mendapat pendidikan yang terbaik kenapa kita hendak sekat. Kalau dia tidak duduk sini dia akan pergi ke Singapura akan masuk ke Thailand. Jadi saya rasa ianya menguntungkan kita. Lagipun peratusan orang yang memasuki sekolah antarabangsa itu sangat sedikit. Ini tidak menjejaskan matlamat kita untuk menjadikan warganegara kita mempunyai jati diri yang kuat.

Yang Berhormat Beruas membangkitkan tentang *intake*. Yang pertama saya hendak buat secara umum ya, Yang Berhormat memang tidak ada diskriminasi. Kalau Yang Berhormat hendak hadir apa-apa majlis PIBG, LPS tidak ada masalah kecuali semata-mata untuk hendak mendapatkan *political mileage,* itu tidak. Bagi saya pernah bincang dengan pemimpin sebelah sana juga. Ada sekali dia hendak bagi cermin mata pada semua. Dia kumpulkan semua sekolah Tamil kata tidak boleh waktu itu waktu sekolah. Kalau boleh buat hari Sabtu, Sabtu tidak ada masalah kita bagi. Jadi kalau untuk semata-mata suruh ibu bapa datang dengar ucapan, ceramah itu tidak tetapi kalaulah dengan hasrat murni sama-sama bantu, datang sekolah hendak bagi dana tidak ada masalah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi pembukaan bangunan baru bolehkah wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat pergi kerana kita pun ada bagi sumbangan RM150,000.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Pada 28 Februari, Yang Berhormat Bukit Mertajam dengan Yang Berhormat Bagan ikut saya pergi tidak jadi masalah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau begini arahan mesti beri kepada pegawai.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tidak, kementerian tidak ada arahan kata tidak boleh. Setakat itu Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bolehkah pekeliling diberikan kepada ataupun arahan diberikan kepada Pegawai Pendidikan Manjung.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tidak ada satu surat pekeliling kata kita tidak benarkan Pakatan Rakyat punya wakil rakyat masuk, tidak ada tetapi apa juga projek yang dibuat bukan semata-mata ada keuntungan politik, okey itu yang hendak kita terangkan di sini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Sorry.*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: SJK(C) Teik Beng ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah bagi RM2,000,000 diberi terus kepada LPS.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat kita berhentilah tanya.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terpulanglah kepada LPS untuk buat apa yang patut. Unjuran keperluan guru sudah saya jawab Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Gopeng satu sahaja perkara yang hendak dibangkitkan iaitu tentang kontrak sosial dan sebagainya. Yang Berhormat saya ingin nyatakan bahawa apa yang kita bincang di Dewan ini yang penting satu panduan asas ialah undang-undang yang kita luluskan. Berpandukan kepada Akta Pelajaran 1961 dan kemudian pindaan 1992 hakikatnya pemansuhan seksyen 21(2) oleh Perdana Menteri yang menjadi Menteri Pelajaran masa itu dan itulah menjamin kewujudan SJK(C) dan SJK(T). Itu tidak patut dipersoalkan kerana apa juga bentuk perbincangan itu tidak akan mempengaruhi, tidak akan memberi kesan kerana undang-undang ini adalah undang-undang yang paling *supreme* ya dari segi kita hendak buat pengoperasian, institusi pendidikan tidak menjadi masalah.

Okey Yang Berhormat Bakri menyebut tentang Majlis Pembakuan BC. Ini bukan dalam kementerian Yang Berhormat mungkin salah faham. Okey, kalau Yang Berhormat hendak buku itu tentang tempat nama terjemahan saya boleh berikan satu memang sudah buat empat tahun yang lalu.

Yang Berhormat Serdang menyebut tentang beberapa perkara secara ringkas saya hendak maklumkan Yang Berhormat. Sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Dalam Majlis Dialog Pendidikan Nasional telah dibawa perkara ini semalam wakil MCA pun dia telah bawa perkara ini. Kalau ada mana-mana NGO hendak bawa perkara ini saya yakin sebelum itu pun sudah dibawa. Jadi sama-sama kita menunggu rumusan itu dan kita hendak melihat rasional tetapi Yang Berhormat saya hendak betulkan sedikit, bukan SJK(C) dan SJK(T) sahaja sekolah bantuan kerajaan. Ada empat kategori. Pertama SJK(C) - 882; SJK(T) - 374; dan sekolah mubaligh 410 dan 157 sekolah agama bantuan kerajaan merentasi kaum, merentasi agama.

Yang Berhormat saya rasa SMPC Kuantan sudah dijawab saya rasa tunggulah pengumuman dalam sehari dua ini. Yang Berhormat Ranau sebut tentang SK Pekan Ranau. Ini saya akan semak dengan Bahagian Pembangunan, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat dan saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat laporan audit fizikal yang dibuat oleh kementerian itu boleh Yang Berhormat bincang dengan PPD sekiranya ianya tertinggal boleh dimasukkan sebagai satu *inventory cheque* di mana selepas itu kita berpandukan laporan itu untuk kita berikan peruntukan.

Yang Berhormat Kuala Selangor yang terakhir laporan interim. Seperti mana yang telah saya jawab, laporan interim akan dikeluarkan sebaik sahaja dialog ini selesai dan dapat dirumuskan dan dibincangkan oleh panel-panel dalam dan luar negara. Saya mengucapkan

terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM195,000,000.00 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM195,000,000.00 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud B. 42 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Ingat Kementerian Kesihatan ini berhubung dengan Pencegahan Penyakit Talasemia, itu sahaja. Kalau lebih daripada itu saya berhentikan Yang Berhormat cakap. Sila Yang Berhormat Arau.

6.58 ptg.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya dalam Perbahasan Kementerian Kesihatan B.42. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian penyakit yang mengganggu pembentukan sel-sel darah merah bagi yang normal ini dan di mana kita lihat kanak-kanak yang mengalami simptom ini masih memerlukan rawatan yang berterusan.

Jadi saya ingin bertanya pihak kementerian kalau masyarakat di luar bandar terutamanya mereka yang kurang berkeupayaan adakah rawatan untuk penyakit talasemia ini dimasukkan dalam kos atau mereka boleh mendapatkan tabung pesakit kritikal seperti mana yang penyakit-penyakit yang lain. Ini kerana kita rasakan kebanyakan keluarga yang mengidap penyakit ini mereka tidak berkemampuan membuat senarai rawatan berterusan terutamanya kos yang dianggap begitu tinggi.

Kemudian yang kedua bagi menyedarkan masyarakat berhubung penyakit ini adakah ianya turut dimasukkan di dalam slot bagi Kursus Modul Perkahwinan kerana kita melihat walaupun pasangan itu normal tetapi mereka juga boleh dianggap pembawa kepada penyakit ini. Jadi saya pohon pihak kementerian supaya memberi lebih pendidikan termasuk bekerjasama dengan pihak media massa untuk kita *on air* dan memberi pengetahuan yang lebih jelas kepada masyarakat bahawa penyakit ini sebenarnya sangat berbahaya, satu dalam 20 kadar rakyat Malaysia kata sekitar dalam 600,000 rakyat yang boleh dikatakan terlibat mengalami penyakit ini.

Jadi sudah barang tentu ia merupakan satu perkara yang serius dan peruntukan ini saya bersetuju dan menyokong dan melihat supaya ada siri-siri yang menerangkan penyakit ini untuk pengetahuan umum bagi masyarakat terutamanya mereka pasangan muda yang baru berkahwin mengetahui bahawa talasemia minor, *major* ini di antara penyakit yang cukup berbahaya dan kalau kita memiliki anak-anak sebegini bagaimana untuk kita menangani mereka mengikut kaedah rawatan yang dinasihatkan oleh pihak kementerian. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pendang.

7.00 mlm.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang saya rasa tidak menjadi masalah untuk kita meluluskan RM40 juta ini. Akan tetapi apa yang menjadi kemusykilan kepada pengetahuan saya adalah tentang bagaimanakah

yang akan dikendalikan oleh pihak kementerian berhubung dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi *parental counseling* ini sebab talasemia ini kita tahu merupakan penyakit genetik. Seandainya bapa dan juga emak menjadi *carrier* maka anaknya mestilah menghadapi *thalassemia major* tetapi jika sekiranya dalam proses kaunseling itu kita dapati kedua-dua menjadi *carrier* apakah polisi kerajaan ataupun kementerian. Apakah mereka ini dibenarkan untuk meneruskan perkahwinan melalui nasihat daripada pejabat agama ataupun mereka ini dicegah daripada meneruskan perkahwinan kerana risiko yang akan dihadapi oleh anak *thalassemia major* memang *full life* sekiranya mereka menghadapi penyakit tersebut. Yang pertama.

Yang keduanya, adalah tentang rawatan. Memang apabila telah dapati wujud dalam hemoglobin mereka itu ada *thalassemia major* melalui *HB electrophoresis* saya ingin bertanya apakah trend rawatan yang ada sekarang terutamanya untuk mereka yang menghadapi *blood transfusion* (kemasukan darah) setiap bulan sama ada kita menggunakan *Exjade* ataupun *Desferrioxamine* kerana *Exjade* ini diberi melalui *suspension* dan juga *Desferrioxamine* melalui *infusion pump*. Jadi apakah dalam RM40 juta ini dimasukkan kos mesin ataupun alat *infusion pump* tersebut kepada pesakit-pesakit yang menerima *Desferrioxamine* yang diperlukan untuk sebagai bahan *chelating iron* untuk mengeluarkan zat besi dari dalam badan mereka.

Juga dimasukkan dalam bajet tambahan ini adalah patologi. Satu pediatrik, yang keduanya patologi. Saya ingin bertanya, apakah patologi sekarang ini kita menjalankan *HB electrophoresis* ini melalui makmal-makmal luar kerana ada rungutan daripada pesakit-pesakit yang datang ada setengah-setengah pusat kesihatan ataupun hospital yang mengatakan kami menghantar darah ini kepada makmal luar sebab itulah *result* yang kita perolehi ini lewat. Apakah ini merupakan satu trend ataupun ini merupakan kes-kes yang tertentu sahaja. Seterusnya...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan pendek sahaja. Mengenai cara menangani kes-kes talasemia ini tadi disebut kaunseling sebelum perkahwinan tetapi masih ada mereka yang dipastikan membawa *trade* ini akan berkahwin juga. Apakah mengikut pengalaman Yang Berhormat Pendang baik kalau seandainya pasangan ini didapati hamil wajar atau tidak dibuat siasatan *amniotic*kah semasa mengandung untuk memastikan kedudukan talasemia ini pada anak yang dikandung. Apakah Yang Berhormat Pendang tahu tentang polisi kerajaan apabila dipastikan anak ini memang mungkin membawa *thalassemia major* apakah amalan biasa Yang Berhormat Pendang tahu supaya dapat diambil sama ada diteruskan kandungan atau di sebaliknya. Saya ingin tahu kalau Yang Berhormat Pendang ada maklumat. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Dia tanya polisi kerajaan kita. Tidak jadi kerajaan lagi ini. *Insya-Allah* bila duduk belah sana mungkin kita boleh bagi polisi. Itu saya ajukan kepada kementerian jika sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dapati daripada *amniotic analysis* ataupun air ketuban yang kita analisis ini. Memang selalunya kita buat *amniotic fluid* analisis apabila kita dapati ada kemungkinan *thalassemia major* ini adalah kemungkinan dinasihatkan supaya melakukan *abortion* ataupun nasihat-nasihat yang lain. Saya rasa ini boleh kita rundingkan dengan pihak pejabat agama ataupun majlis agama negeri-negeri.

Seterusnya persoalan yang ingin saya kemukakan kepada pihak kementerian adalah apakah bentuk-bentuk insentif ataupun bantuan yang boleh diberikan oleh pihak kementerian kepada Persatuan Talasemia Malaysia kerana mereka ini sering mengunjungi kita untuk minta bantuan itu dan bantuan ini kerana mereka tidak mendapat peruntukan ataupun insentif yang cukup daripada pihak hospital ataupun pihak kementerian.

Seterusnya adalah tentang trend rawatan seperti *bone marrow transplantation* ataupun *cord blood transplantation* dan juga *peripheral blood stem cell plantation*. Apakah ini menjadi kemungkinan pada masa akan datang menjadi polisi pihak kerajaan untuk terus kita menghindari daripada *thalassemia major* ini daripada menjadi bebanan ataupun masalah kepada kanak-kanak di dalam negara kita.

Akhir sekali, mungkin keluar daripada talasemia ini. Saya hendak mengesyorkan kepada pihak kementerian seperti di setiap kes-kes yang nazak ataupun teruk dalam wad itu kita adakan seorang penasihat agama ataupun guru agama untuk memberi nasihat kepada mereka yang nazak sebelum mereka menemui ajal menemui Allah SWT. Sekian Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tawau.

7.06 mlm.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ringkas sahaja merujuk kepada Maksud B.42. Di sini saya ingin tahu berapa banyakkah dari jumlah RM40 juta itu diberikan kepada Jabatan Kesihatan Sabah untuk pencegahan dan rawatan pesakit-pesakit talasemia di Sabah. Saya difahamkan talasemia di Sabah adalah tertinggi dan saya ingin tahu adakah ini benar bahawa Sabah mempunyai bilangan pesakit talasemia yang tertinggi sekali berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Kalau ya, ini sangat merisaukan dan di sini saya ingin tahu berapa kes talasemia di Sabah berbanding dengan jumlah keseluruhannya.

Apakah program-program dan tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa rawatan adalah berterusan dan berkesan demi mutu hidup yang lebih baik bagi pesakit-pesakit berkenaan ini. Ini kerana ramai di antara mereka juga menghadapi kesulitan tidak mampu dari segi pengangkutan dari kampung-kampung luar bandar di Sabah. Saya juga ingin tahu apakah program kesedaran atau kaunseling diberi kepada pesakit talasemia khususnya orang muda supaya penyakit ini tidak diteruskan sebelum mereka berkahwin supaya jumlah pesakit tidak bertambah lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah.

7.08 mlm.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya juga amat bersetuju dengan peruntukan RM40 juta untuk memperkukuhkan program Kawalan dan Pencegahan Penyakit Talasemia kerana saya sendiri amat bersetuju kerana pencegahan itu penting kerana saya sendiri pernah mengendalikan beberapa kes penyakit talasemia ini dan saya tahu betapa sengsaranya kanak-kanak itu dan juga ibu bapa mereka apabila menghadapi penyakit ini. Ini kerana pemindahan sum-sum tulang ataupun *cord blood transplant* ini memerlukan satu perbelanjaan yang cukup besar sekurang-kurangnya RM100,000 ke atas. Saya rasa bahawa kesedaran di kalangan masyarakat Malaysia terhadap penyakit talasemia ini masih amat rendah sekali dan perlunya kita meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap penyakit talasemia ini dan bagaimana mencegahnya.

Soalan yang ingin saya tujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah dari segi jangka masa panjang adakah kementerian bersedia untuk mewajibkan *screening* pra perkahwinan ataupun *pre-marital screening* ini supaya mereka tahu risiko kalau kedua-duanya suami dan isteri itu juga *carrier* maka mereka menghadapi satu risiko besar terhadap anak-anak mereka. Sama ada di mana-mana negara di seluruh dunia adakah apa-apa model di negara lain yang mewajibkan sebelum mereka berkahwin membuat pemeriksaan tersebut supaya merendahkan risiko penyakit talasemia ini.

Begitu juga saya ingin bertanya untuk kepakaran pemindahan sum-sum tulang ataupun *cord blood transplant*. Selain daripada Hospital Universiti yang saya tahu ada kemudahan ini berapakah hospital kerajaan yang ada kemudahan seperti ini dan berapakah doktor-doktor pakar yang kita ada di negara ini yang boleh melakukan pemindahan sum-sum tulang ataupun *cord blood transplant* ini.

■1910

Adakah satu dana khas ditubuhkan untuk membantu pesakit-pesakit ini? Ini kerana saya tahu setakat ini hanya mereka boleh memohon daripada dana penyakit kritikal, tetapi tidak ada satu dana khas untuk penyakit talasemia. Adakah kementerian bersedia untuk menubuhkan satu dana khas untuk membantu pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit talasemia ini? Ini kerana masalah yang sering dihadapi oleh pesakit-pesakit ini ialah mereka terpaksa menunggu lama untuk sum-sum tulang atau *cord blood* yang sesuai untuk mereka. Kadang-kadang ada kanak-kanak yang saya tahu ada beberapa kes, mereka terpaksa

menunggu beberapa tahun. Apabila mereka telah mencapai belasan tahun, maka risiko itu adalah lebih tinggi. Walaupun pada ketika itu mungkin ada sum-sum tulang yang sesuai untuk mereka, tetapi apabila mereka mencapai umur tersebut, maka bahaya itu amat tinggi.

Saya rasa masalah yang sering dihadapi oleh pesakit ini ialah jangka masa yang mereka tunggu itu cukup panjang dan kadang-kadang walaupun ada yang sesuai tetapi mereka tidak ada kemampuan dari segi kewangan dan saya harap perkara ini akan diambil berat oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Sungai Siput, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.11 mlm.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan satu kes di Sungai Siput di mana seorang penuntut Khidmat Negara, Vinoth a/l Raman, telah meninggal dunia pada 12 Mac 2012 dan masih tidak dapat *closure* pada kes ini. Satu antara masalah dia ialah diberitahu oleh pihak hospital, masalah dia ialah leptospirosis. Akan tetapi selepas itu Menteri Pertahanan telah mengatakan bukan leptospirosis tetapi penyakit yang lain. Apabila keluarga minta untuk laporan bedah siasat, mereka diminta bayar RM1,000 untuk mendapatkan laporan tersebut. Mereka sampai sekarang masih belum mendapat laporan itu. *So*, kes-kes macam ini di mana ada satu kes kematian yang tragik macam ini, bolehkah bayaran untuk *post mortem report* itu dimansuhkan atau ditanggung oleh kerajaan sendiri?

Satu lagi berkenaan dengan kes macam ini, adakah program untuk mengadakan latihan untuk doktor-doktor di hospital-hospital yang berdekatan dengan kem-kem Khidmat Negara di seluruh negara? Adakah kementerian membuat satu kajian apakah sebab-sebab kematian di kalangan penuntut-penuntut yang mengambil bahagian dalam kem Khidmat Negara supaya kita boleh *inform* doktor-doktor yang berkhidmat di hospital yang berdekatan, apakah mereka harus *look out for,* apakah penyakit-penyakit bahaya untuk pelajar-pelajar ini. Kursus ini harus diadakan mungkin setahun sekali kerana *turn over* antara doktor-doktor muda di hospital-hospital daerah yang berdekatan dengan kem-kem ini *turn over*nya sangat tinggi. *So*, mereka harus diperingatkan inilah isu-isu yang *you* kena *look out for* apabila pelajar dari kem Khidmat Negara datang. *These are the danger signs*. Jika tidak, doktor muda tersebut mereka tidak *pick-up the case* di peringkat awal. *So* adakah satu pelan di Kementerian Kesihatan untuk menyedarkan doktor-doktor berkenaan isu-isu macam ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.14 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bini Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam sesi perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012 yang menyentuh bidang kuasa serta usaha-usaha Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2012 yang dipohon di bawah Kepala Perbekalan B.42 bagi Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM40 juta bagi pengukuhan program kawalan serta pencegahan talasemia di negara kita. Jumlah ini terdiri daripada RM21.7 juta untuk pembelian ubat *Exjade* Ahli-ahli Yang Berhormat, dan RM18.3 juta untuk pembelian ubat *Desferal.*

Talasemia Tuan Pengerusi, adalah sejenis penyakit genetik. Ini adalah untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Pendang tadi. Talasemia merupakan sejenis penyakit genetik di mana sel darah merah yang dihasilkan senang termusnah secara berterusan mengakibatkan pengumpulan zat besi di dalam badan pesakit talasemia. Ini akan menyebabkan kerosakan pada organ-organ penting khususnya jantung, hati dan ginjal dan pada masa yang sama, kekurangan sel darah merah yang normal akan menyebabkan penyakit tersebut sering kelihatan pucat disebabkan paras hemoglobin yang rendah ataupun anemia dan memerlukan transfusi darah secara berterusan.

Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pendang, penyakit talasemia ini merupakan penyakit

genetik, di mana anak akan mewarisi gen ini daripada ibu dan bapa. Terdapat dua jenis talasemia iaitu talasemia minor ataupun pembawa dan talasemia major. Apabila kedua-dua ibu bapa merupakan pembawa gen talasemia, peluang anak yang dilahirkan dengan talasemia *major* adalah 25%, anak yang dilahirkan dengan talasemia *minor* ataupun pembawa adalah 50%, dan anak yang dilahirkan normal adalah 25%.

Dianggarkan 3% hingga 5% penduduk Malaysia iaitu di antara 780,000 sehingga 1.3 juta merupakan pembawa penyakit genetik ini dan 120 hingga 350 bayi talasemia *major* dilahirkan setiap tahun di negara kita. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah terkini pesakit talasemia mengikut data dari *Registry Talasemia 2012* bagi seluruh Malaysia adalah seramai 5,376 orang.

Seterusnya bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Tawau mengenai dengan peruntukan ataupun usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk memastikan bahawa program serta pencegahan dan rawatan kepada penyakit talasemia ini diperkasakan di negara kita. Untuk menjaga persoalan itu, pada 25 Ogos 2004, Jemaah Menteri telah meluluskan sebanyak RM49.4 juta setahun bagi pelaksanaan program kawalan, pencegahan dan rawatan talasemia di negara kita. Program tersebut mengandungi empat komponen, iaitu yang pertama ialah rawatan komprehensif sebanyak RM13.3 juta untuk pembelian ubat *Desferal* bagi menampung 2,500 pesakit yang terdiri daripada kanak-kanak. Kedua Yang Berhormat adalah untuk menjalankan aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan, yang ketiga ialah menjalankan aktiviti untuk ujian saringan makmal; dan yang keempat, pewujudan Daftar Talasemia Kebangsaan.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Tawau mengenai program-program kita dan hasil daripada kawalan atau program kawalan pencegahan dan rawatan talasemia ini iaitu melalui ujian saringan serta kaunseling untuk para remaja dan mereka yang memasuki alam pra perkahwinan, didapati bilangan pesakit baru telah dapat diturunkan hasil daripada program-program ini. Ianya telah membantu mengurangkan beban kepada kerajaan pada jangka masa yang panjang.

Di samping itu, kejayaan rawatan pesakit talasemia untuk kanak-kanak telah menyebabkan bilangan pesakit talasemia dewasa bertambah. Pada masa ini Yang Berhormat, kita memerlukan jumlah RM40 juta ini khusus untuk perkara yang telah saya sebutkan tadi iaitu yang pertama, RM21.7 juta untuk pembelian *Exjade* yang amat sesuai untuk diberikan kepada kanak-kanak berusia dua hingga lima tahun Yang Berhormat, dan RM18.3 juta adalah untuk pembelian *Desferal* khusus kepada pesakit-pesakit dewasa.

■1920

Jadi, menyentuh mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang mengenai penempatan penasihat agama di hospital. Pada masa ini terdapat 54 jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Yang Berhormat dan...

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Timbalan Menteri ....

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Tadi di awal jawapan, Menteri ada menyebut tentang *Exjade* dan *Desferrioxamine.* Saya hendak tahu apa, *Exjade* ini hari-hari kena ambil, *Desferrioxamine* ini ikut *time* nyalah dan *Desferrioxamine* ini memerlukan *infusion pump.* Jadi, apakah dalam RM40 juta ini termasuk dalam bantuan kepada pesakit yang hendak menggunakan pam tersebut ataupun pam ini dibekalkan terus oleh pihak hospital, digunakan secara berkala oleh pesakit. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi, RM18.3 juta ini adalah untuk pembelian ubat *Desferral* ataupun pam tadi ya

Yang Berhormat. Izinkan saya juga untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai kaedah *Desferral* yang pada masa kini saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat *Desferral* ini menimbulkan kesulitan kepada kanak-kanak kerana ubat *Desferral* ini diberi secara suntikan ataupun *infusion* seperti Yang Berhormat ketahui lapan hingga sepuluh jam sehari. Kekerapan rawatan sehingga lima hingga enam kali seminggu manakala ubat *Exjade* atau *Desferrioxamine* ini diberikan secara bentuk tablet, pengambilan *oral* sekali sehari dan ubat ini telah didaftarkan dengan Biro Kawalan farmasi Kebangsaan kita. Penggunaan *Exjade* ini dicadangkan untuk diberi keutamaan kepada rawatan pesakit talasemia di bawah umur tujuh tahun kerana seperti yang kita ketahui kawalan penumbukan zat besi pada organ yang berkenan pada usia muda akan dapat mengurangkan lagi kesan kerosakan organ yang penting di peringkat minimum.

Ahli Yang Berhormat Tawau telah bertanyakan mengenai perbekalan tambahan ini dan berapakah jumlah yang telah diberikan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk perbekalan tambahan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah akan diberikan peruntukan sebanyak RM12.5 juta iaitu sebanyak RM7.8 juta untuk *Exjade* RM4.7 untuk pengagihan *Desferral*. Pesakit-pesakit di kawasan pedalaman Sabah akan mendapatkan ubat *chelating agents* di hospital-hospital pakar yang berdekatan iaitu Hospital wanita dan Kanak-kanak Likas, Hospital Sandakan, Hospital Tawau, Hospital Keningau dan Hospital Lahad Datu.

Beberapa program pelaksanaan kawalan pencegahan dan rawatan talasemia dilaksanakan dengan memberikan ubat, transfusi darah yang telah ditapis untuk mengekalkan kualiti hayat serta aktiviti pendidikan kesihatan dan kaunseling serta menjalankan saringan talasemia kepada remaja serta belia dan mewujudkan daftar talasemia seperti yang saya sebutkan pada awal tadi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, negeri Sabah mencatatkan rekod yang tertinggi untuk pesakit talasemia iaitu 1,393 orang bersamaan 21.1% daripada jumlah total pesakit talasemia negara kita iaitu 5,376. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga kajian telah diadakan di mana insiden pembawa penyakit talasemia di Semenanjung Malaysia adalah di antara 4% hingga 5% manakala di Sabah mempunyai insiden tertinggi untuk pesakit talasemia iaitu sebanyak 8%.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sementara Sabah telah mencatatkan jumlah yang tertinggi, negeri yang kedua adalah Selangor iaitu 613, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 559 dan diikuti dengan negeri Kedah sebanyak 477 untuk pengetahuan Ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Yang Berhormat Sungai Siput telah membangkitkan isu pengecualian bayaran ke atas laporan *post-mortem* yang dipohon oleh keluarga pesakit yang meninggal dunia. Pada masa ini Yang Berhormat, pengecualian bayaran laporan *post-mortem* hanya diberikan kepada pihak polis dan juga jabatan kerajaan sahaja dan Ahli Yang Berhormat ketika mencelah tadi iaitu Yang Berhormat Kuala Krai telah membangkitkan isu mengenai *prenatal diagnosis*, betul Yang Berhormat?

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Kuala Krai tadi, *prenatal diagnosis* adalah satu teknik untuk mengenal pasti kesihatan dan keadaan fetus sebelum ianya dilahirkan. Perkhidmatan genetik merupakan perkhidmatan yang baru di Malaysia dan perkhidmatan ini merupakan satu kaedah 'pengdiagnosan' dan prognosis perubatan bagi pesakit talasemia yang mempunyai risiko faktor penyakit genetik dan ia dapat membantu kaunseling genetik.

Tujuan *prenatal diagnosis* bukan sekadar untuk menyiasat ketidaknormalan janin dan seterusnya menimbangkan rawatan pengguguran kandungan ataupun *termination of pregnancy* tetapi ianya sebenarnya membawa implikasi yang lebih besar Yang Berhormat iaitu:

(i) memberi peluang kepada keluarga yang berisiko mendapat anak yang cacat untuk membuat pilihan berhubung tindakan rawatan selanjutnya;

(ii) memberi keyakinan ataupun *reassurance* dengan izin dan mengurangkan kemurungan akibat ketidaktentuan iaitu *anxiety* kepada keluarga yang berisiko tinggi; dan

(iii) memberi peluang kepada pasangan yang berisiko mendapat anak dengan kecacatan spesifik untuk membuat pilihan sama ada meneruskan kehamilan atau tidak. Ujian *prenatal diagnosis* ini merupakan satu keperluan bagi tujuan menyiasat masalah talasemia secara lebih berkesan.

Pada masa ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, permintaan bagi tujuan in telah mencecah kepada 3000 kes setahun dari seluruh negara dan ujian *prenatal diagnosis* juga diamalkan di negara-negara lain. Mengikut perangkaan yang telah dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO, banyak negara yang telah menawarkan ujian ini untuk membolehkan pasangan-pasangan dengan kandungan yang mempunyai keabnormalan genetik melakukan pengguguran termasuk Republik Rakyat China, Cuba, Cyprus, India, Sri Lanka dan Afrika Selatan.

Ahli Yang Berhormat Sungai Siput juga membangkitkan mengenai isu sama ada kursus-kursus atau latihan berkaitan penyakit-penyakit yang berlaku di kem PLKN diberikan kepada doktor-doktor muda di hospital. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Sungai Siput, doktor-doktor muda di hospital ataupun pegawai perubatan siswazah di arah menjalani latihan dalam enam disiplin utama dalam tempoh dua tahun latihan. Adalah diharapkan agar doktor-doktor ini didedahkan dengan pelbagai penyakit yang berbahaya yang berlaku bukan sahaja di kem-kem PLKN semasa latihan tetapi juga di tempat-tempat yang menjurus kepada bidang tanggungjawab mereka.

Yang Berhormat Rasah telah membangkitkan apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan dana khas khusus untuk pesakit talasemia. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan dana khas khusus untuk pesakit talasemia. Saya rasa saya telah...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Ada dua, tiga soalan lagi Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tadi belum jawab, yang telah saya bangkitkan tadi. Umpamanya, saya tanya adakah dasar untuk mewajibkan *screening* sebelum perkahwinan, berapakah doktor yang pakar dan sebagainya.

■1930

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat kerana telah mengingatkan saya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan belum atau pun sebenarnya telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk kerajaan menimbangkan supaya dapat diadakan *screening* atau pun *compulsory screening* seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Walaupun pasangan yang mahu berkahwin ataupun remaja yang berusia 16 tahun tidak diwajibkan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mendapat maklum di peringkat kementerian bahawa ramai di kalangan remaja yang berusia 16 tahun ke atas dan pasangan yang mahu berkahwin yang datang secara sukarela ke klinik-klinik kesihatan kita. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saringan peringkat awal boleh dilaksanakan di 475 buah *facilities* klinik kesihatan kita di seluruh negara yang mempunyai pakar perubatan keluarga. Mereka bolehlah melakukan saringan ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, jumlah rakyat Malaysia yang telah menjalani ujian saringan bagi talasemia telah meningkat begitu drastik sekali. Saya bagi contoh, pada tahun 2008 hanya 141,758 orang telah mendapat atau pun menjalani saringan pemeriksaan. Meningkat hingga 209,316 pada tahun 2009 dan meningkat lagi pada tahun 2010 iaitu 262,236 dan pada 2011 Yang Berhormat, 435,016 orang telah datang untuk melakukan saringan.

Di antara 2008 hingga 2011 Yang Berhormat, kita telah mencatatkan seramai 1,048,326 orang di kalangan remaja berusia 16 tahun dan juga orang muda yang datang melakukan aktiviti saringan di klinik-klinik kesihatan kita.

Untuk menjawab persoalan yang juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi. Kita sebenarnya melaksanakan tiga peringkat saringan iaitu yang pertama di mana semua yang berusia 16 tahun menjalani ujian saringan di klinik kesihatan seperti yang saya nyatakan tadi. Peringkat kedua Yang Berhormat, di mana 20% daripada mereka ini pasti memerlukan ujian pengesahan di hospital di mana mereka lakukan di hospital. Peringkat

ketiga pula, sebanyak 20% lagi dari pelajar yang telah menjalani ujian peringkat kedua di hospital akan memerlukan ujian DNA bagi mengesahkan mereka ini sebagai pembawa talasemia.

Yang Berhormat Rasah juga telah membangkitkan mengenai trend rawatan seperti stem sel sama ada ianya akan dipertimbangkan sebagai salah satu alternatif rawatan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Rasah, perkhidmatan rawatan stem sel serta *bone marrow transplant* ini terdapat di Institut Pediatrik di Hospital Universiti seperti di PPUM, HUKM, HUSM dan di hospital-hospital negeri. Sebenarnya memang terdapat pakar-pakar hematologi seperti di Hospital Ampang, Pulau Pinang, Hospital *Queen Elizabeth* dan Hospital Umum Sarawak. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau sudah habis, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ya, saya kira saya telah menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan. Sekiranya ada persoalan yang belum terjawab, saya mohon untuk memberikan jawapan secara bertulis. Akhir kata, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan kita. Sebenarnya pihak Kementerian Kesihatan sentiasa memandang tinggi dan memandang positif serta mengucapkan jutaan terima kasih di atas cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM40,000,000 Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM40,000,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud B.46 [Jadual] -

Tuan Pengerusi Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas.

7.35 mlm.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, membenarkan saya menyertai perbahasan Maksud B.46 atas penambahan RM23 juta yang dikehendaki menampung penyelenggaraan peralatan latihan serta bangunan 28 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Seperti mana yang telah dimaklumkan, saya tiada halangan, malah saya bersetuju kalau peruntukan itu ditambahkan atas demi untuk melahirkan pekerja yang mahir dan bersaing kemahiran serta tidak bergantungan kepada pekerja asing. Malah bermotivasi dan akan memastikan bahawa ianya dapat dicetuskan sebagai negara yang berindustri.

Seperti mana yang diketahui, cuma saya ingin memohon supaya kementerian memaklumkan dalam Dewan ini sejak bila Institut Latihan Tenaga Manusia ini diwujudkan. Berapa banyakkah keseluruhan dalam negara ini supaya dapat menghasilkan rakyat yang berkemahiran serta berkebolehan dalam bersaing dengan negara-negara lain. Keduanya, seperti mana yang saya maklum, kurang ada promosi yang meluas daripada kementerian dalam pembentukan untuk rakyat mengetahui tentang adanya Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia ini dapat dimanfaatkan oleh rakyat. Yang saya nampak ialah kebayakan daripada promosi yang dibuat oleh kementerian ialah 'Jom Kerja'. Akan tetapi yang jelas kebanyakan daripada rakyat yang lepasan sekolah SPM contohnya atau pun SRP, tidak ada terkesan daripada pengetahuan latihan jabatan yang di bawah Jabatan Sumber Manusia ini.

Ketiga, saya agak terkeliru dengan beberapa penerimaan aduan yang dibuat oleh anak-anak muda yang setelah mereka mendapat pengetahuan atau pun belajar daripada Institut Latihan Jabatan Tenaga Nasional ini kebanyakan syarikat-syarikat besar tidak menerima atau tidak mengiktiraf sijil mereka atau pun memandang sepi. Jadi, saya memikirkan bahawa sesuatu tindakan yang drastik yang perlu diambil oleh kementerian supaya syarikat-syarikat besar ini bukan sahaja menghormati tetapi memberi peluang kepada

anak-anak muda ini yang telah lepasan daripada Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia ini dapat diberikan peluang untuk mereka menghasilkan kebolehan mereka.

Seperti mana yang saya lihat, kebanyakan anak muda yang berkebolehan yang tidak ada pendidikan. Sebab dua perkara yang akan berlaku selepas mereka lepasan persekolahan. Satu ialah mereka yang akan menuju kepada kerjaya yang bersikap profesional atau pun melanjutkan pelajaran mereka yang mana yang terkandas di peringkat SPM contohnya, hala tuju mereka yang didapati bahawa selepas itu tidak ada satu promosi atau pun satu maklumat yang membolehkan mereka ini menjurus kepada Pusat Institusi Latihan Jabatan Sumber Manusia itu yang membolehkan mereka berkemahiran dan berfikiran positif bahawa masa depan mereka pun dihargai.

Sebab dalam konteks menilai rakyat yang berkemahiran ini ia ada beberapa perkara. Satunya ialah pendidikan tinggi. Keduanya ialah mereka yang berpengalaman dalam pembentukan kemahiran. Kedua-duanya perlu diganding bahukan supaya dapat menjana kekuatan rakyat yang berkebolehan dalam kedua-duanya sekali dan tidak dipandang hina oleh sesetengah golongan yang menyatakan tahap pendidikan itu yang perlu diutamakan sebelum dia melangkah ke alam yang luas iaitu alam golongan dalam berumah tangga atau pun mereka yang diiktiraf sebagai rakyat yang berkebolehan.

■1940

Keempatnya, saya juga mengambil contoh dalam sejarah dunia yang mana Jepun menjana kekuatan kemahiran mereka melalui latihan dan ini juga menjadi contoh yang terbaik yang harus diikuti dan diberikan penumpuan atas perkara-perkara yang membolehkan pekerja ataupun rakyat itu dihargai dan saya melihat seperti mana Jepun contohnya kalau melihat daripada kemahiran berbahasa mereka dalam bahasa Inggeris, jauh kita lebih baik. Akan tetapi dalam bentuk latihan kemahiran, mereka lebih jauh tinggi daripada negara-negara yang maju dan saya mengambil ruang ini menekankan bahawa kementerian harus berperanan lebih luas iaitu memberikan maklumat serta memaklumkan di seluruh kawasan yang berada di daerah-daerah supaya mereka yang lepasan pelajaran yang terkandas ada ruang mereka yang membolehkan mereka juga akan digelar sebagai orang yang profesional dan diiktiraf serta mereka akan mendapat sedikit maruah dalam pembentukan pendidikan latihan dan dengan demikian, saya menganggap bahawa untuk memastikan peruntukan RM23 *million* ini harus dan wajiblah mencapai sasaran utama iaitu pastikan bahawa setiap mereka itu diberi peluang untuk mendapat latihan dan diiktiraf.

Bukan sahaja dapat peluang, diiktiraf. Seperti mana yang saya tengok ILP contohnya, yang lepasan pendidikan itu tidak nampak terkesan atas mereka dianugerahkan sijil kerana kebanyakan syarikat tidak akan memandang mereka sebagai utama yang diberi peluang. Jadi saya mohon dengan ada kebijaksanaan kementerian dan juga kesungguhan kementerian untuk memastikan penyelenggaraan peralatan latihan moden yang ada ketika ini dan juga pembaikan bangunan 28 ini terhasil dengan wujudnya penambahan bajet ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Melaka.

7.42 mlm.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga nak ambil bahagian dalam Maksud B.46, Kementerian Sumber Manusia tentang peruntukan tambahan RM23 juta untuk menampung penyelenggaraan peralatan latihan dan juga bangunan di 28 buah institut latihan. Pertama, saya ingin tanya di antara 28 buah institut ini, adakah beberapa buah di negeri Melaka? Saya juga ingin tanya kementerian, berapa pelatih dari institut-institut ini dapat masuk ke bidang-bidang kemahiran mereka? Adakah selepas mereka keluar daripada institut ini balik kepada mungkin kerja kerani atau *marketing* yang lain bukan daripada kemahiran mereka yang dapat daripada institut-institut latihan ini.

Saya juga ingin tanya tentang bagaimana dengan kementerian, *finding* tentang kekurangan pekerja mahir terutama di sektor pembuatan kerana selepas sekatan atau *control*

daripada kementerian tentang pekerja asing yang mahir dan memang kekurangan dalam sektor ini amat ketara. Kita semua memberikan harapan bahawa institut-institut latihan kemahiran ini dapat mengambil tempat-tempat kosong yang diwujudkan kerana kekurangan pekerja mahir dari negara asing tetapi setakat ini kita memang amat kesal kita tidak dapat menempatkan mereka kerana ada juga kemahiran mereka ini yang tidak diperlukan oleh industri yang sedia ada. *So they just can't fix in* Yang Berhormat Menteri *because* kemahiran itu *are not ready demand in this special industry.*

Oleh sebab itu daripada kajian kementerian, adakah ada angka-angka tentang kekurangan pekerja mahir ini dan di bidang yang mana? Saya difahamkan di dalam sektor pembuatan terutama dalam *machinery* amat kurang pekerja mahir dan sungguhpun kita cuba nak terima iaitu murid-murid atau pelatih-pelatih dari institut latihan ini tetapi mereka memang tidak dapat. Mereka kena mula daripada mula, *from the sketch. So* yang dia dapat dari institut latihan ini tidak dapat kita muatkan dengan kerja serta-merta. Ini memang saya ingat mungkin *the training,* latihan ini *is not practical.* Adakah kementerian sedang mengadakan rancangan iaitu bekerjasama atau dengan usaha sama dengan pihak swasta terutama persatuan-persatuan *on special trade* ini dapat menyumbang kepada latihan atau memberikan pakar-pakar mereka untuk melatih dalam institut latihan ini.

Saya ingin mungkin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan adakah setakat ini untuk mendapatkan pekerja mahir dari negara asing adakah sudah dilonggarkan untuk sektor pembuatan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Balik Pulau.

7.47 mlm.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, di kesempatan ini membahaskan Maksud B.46, ada tambahan sebanyak RM23 juta terhadap peralatan latihan dan bangunan di 28 buah institut latihan Jabatan Tenaga Manusia. Yang Berhormat Menteri, saya secara khusus merujuk kepada fenomena yang berlaku di Parlimen Balik Pulau kerana saya mendapat jawapan rasmi daripada kementerian mengenai apabila saya bertanya secara khusus, berapakah bilangan pekerja-pekerja produksi kilang secara kontrak di kawasan Zon Bebas Bayan Lepas dan sila nyatakan syarikat-syarikat yang mendapat kebenaran kerajaan untuk menjadi ejen pekerja kontrak dan asing di kawasan tersebut, berserta pecahan dan jumlah pekerja-pekerja asing yang diambil bekerja di situ mengikut negeri asal mereka.

Jawapan yang memeranjatkan saya Yang Berhormat Menteri, jumlah yang diberi kepada saya secara rasmi iaitu 6,478 orang pekerja asing yang bekerja di Zon Bebas yang juga di Bayan Lepas yang bersebelahan dengan Balik Pulau merangkumi Parlimen Bayan Baru. Yang Berhormat Menteri, saya tahu usaha kerajaan sebelum ini menubuhkan Institut Kemahiran MARA, GiatMARA, beberapa lagi kolej aliran teknologi dan vokasional di Parlimen Balik Pulau tetapi Yang Berhormat Menteri, saya nak bertanya secara khusus Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah perkara-perkara ini ditambah pula dengan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia sebenarnya menyumbang ke arah kita panggil keperluan pekerjaan terutama sekali yang saya ingin katakan kepada Yang Berhormat Menteri, saya melihat saya tidak nampak akibat langsung. Maksudnya wujud institut latihan tetapi yang membanjiri di sektor-sektor kilang pekerjaan ialah pekerja asing kerana di sini saya mengatakan Yang Berhormat Menteri seperti yang dijawab dalam soalan saya, 27 syarikat yang mendapat lesenlah daripada KDN untuk melakukan urus niaga tersebut.

Jadi bagi saya, yang untung adalah ejen. Sudahlah mendapatkan pekerja asing itu satu keuntungan selepas itu pula, kita sebagai kerajaan mewujudkan banyak institut latihan dan kemudian di sini ada lagi RM23 juta untuk memantapkan dan memperkasakan 28 institut latihan. Akan tetapi di sini saya melihat Yang Berhormat Menteri, keuntungan kepada penduduk setempat itu. Ini kerana pada andaian saya, apabila kerajaan membentuk zon-zon bebas, pusat-pusat pekerjaan sebegitu, implikasi daripada segi pembangunan ialah bagi saya mesti impak langsung kepada penduduk setempat. Akan tetapi kalau yang membanjiri ialah pekerja asing, adakah andaiannya orang tempatan tak berkelayakan, tak berkemahiran untuk bekerja. Setahu saya, sejarah perkilangan ataupun semi konduktor di Pulau Pinang itu panjang dan saya rasa tibalah masanya daripada aspek latihan, akademi dan sebagainya saya rasa sepatutnya memberi satu impak langsunglah kerana perkara ini telah berlangsung sekian lama.

■1950

Akan tetapi kalau hari ini yang kita lihat angka-angka menunjukkan ialah perkara yang tidak menguntungkan penduduk setempat. Ini persoalan saya. Jadi soalan khusus kepada Yang Berhormat Menteri ialah sejauh mana Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia ini memberi akibat langsung kepada penduduk setempat? Kalau Yang Berhormat Menteri mempunyai angka saya mohon angka tersebut kerana saya yakin mereka-mereka yang dilatih, yang saya tengok tadi saya cari dalam *internet* ada *convocation* dan sebagainya ialah mempunyai rekod kepada jabatan. Maknanya mereka diterima masuk. Kalau yang diterima masuk diberi keutamaan masih lagi pekerja-pekerja asing saya rasa tidak mencapai matlamat.

Yang Berhormat Menteri ingin saya tegaskan di sini dan saya berhujah lagi sekali apabila kita membenarkan *contract for labor*. Saya baru-baru ini kebetulan mengendalikan kes-kes tertentu melibatkan kilang dan sebagainya, mereka lebih ghairah memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja asing terutamanya sektor perkilangan. Walaupun Yang Berhormat Menteri harapkan ialah sektor perladangan seperti mana yang kita bahas suatu ketika dahulu. Jadi Yang Berhormat Menteri saya rasa perkara ini perlu dikekang kerana saya khuatir institut latihan memantapkan anak tempatan tidak memenuhi tuntutan-tuntutan industri. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

7.51 mlm.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua tiga perkara. Satu adalah peranan yang dimainkan oleh jabatan di 28 buah institut adalah sangat mustahak dalam pembangunan negara ini dan terutamanya adalah berkaitan dengan kemahiran pekerja. Saya rasa apa yang dibuat dan tujuan ini adalah patut digalakkan dan dialu-alukan.

Dalam proses ini saya hendak tahu berapakah wang yang diagihkan yang dipohon sebanyak RM28 juta ini adalah untuk penuntut-penuntut di sana. Berapa yang diberikan kepada kegunaan mereka, berapa yang digunakan untuk *capital expenditure* dan berapa yang akan digunakan untuk membaik pulih institut-institut tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Menteri senaraikan institut-institut mana yang akan mendapat dan berapa banyak bagi setiap institut tersebut. Dalam hal ini saya rasa satu perkara yang mustahak Tuan Pengerusi adalah jangan kita anggap bahawa latihan ini menjadi satu *stop gap measure* tetapi satu di mana pekerja-pekerja atau anak-anak kita pergi belajar di sana menjadi orang yang berguna di industri berkaitan. Dalam hal ini Tuan Pengerusi adalah produktiviti yang selalu dikaitkan menjadi satu asas oleh kerajaan, oleh kementerian menyatakan bahawa seseorang pekerja itu boleh mendapat gaji yang lumayan jika produktiviti mereka naik.

Satu di antara cara adalah dengan meningkatkan kemahiran mereka. Dalam proses ini apakah yang dibuat oleh kementerian untuk menarik anak-anak kita atau pekerja-pekerja untuk mendapat *training* dalam perkara ini. Ini kerana saya difahamkan walaupun ada di negara ini beribu-ribu pekerja yang ingin mendapat kemahiran tetapi mereka terpaksa bekerja di kilang-kilang dan tempat-tempat biasa kerana mereka tidak ada laluan, tidak ada cara untuk menghubungi atau mendapat manfaat dari institut ini kerana tidak ada – *there is something lacking* di antara mereka. Apa yang dibuat oleh kementerian supaya kita dapat menarik pihak-pihak ini agar mereka dapat menjadi seorang pekerja yang *best performance in this country*.

Saya baru-baru ini telah menghadiri satu kursus oleh seorang CEO. Beliau mengatakan dari pandangan beliau bahawa di negara boleh dikatakan *across the board*. Semua pekerja adalah yang layak dan baik tetapi kerana mereka tidak ada kelayakan khusus yang diguna pakai oleh kilang-kilang. Jabatan Tenaga Rakyat perlu memberi perhatian *on the ground* untuk menolong mereka kerana mereka tidak tahu ada peluang di sini di mana mereka boleh mendapat kemahiran dan selepas itu pulang mendapat gaji yang lumayan. Itu

satu. Akan tetapi yang lebih lagi adalah meningkatkan kemahiran mereka. Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh institut-institut ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi adalah berkaitan dengan NTS Arumugam Pillai institut tersebut. Saya baru tengok di *website*. Nombor satu nama itu tidak disebut. Ia disebut sebagai satu latihan institut. Saya telah beberapa kali bangkitkan perkara ini. Saya perlu ingatkan kementerian, perlu ingatkan kerajaan bahawa tanah di mana institut latihan itu dibina adalah warisan tanah orang-orang India, di mana pada tahun 1999, saya pada masa itu telah bertentang hebat-hebat dengan kerajaan mengatakan tanah itu tidak boleh diambil alih oleh kerajaan semata-mata kerana kehendak ahli-ahli politik. Selepas ianya dibongkar kerajaan telah mengatakan bahawa sebuah institut akan dibina dan telah memberi dua aku janji di Parlimen.

Satu di antaranya adalah kelebihan murid-murid yang akan belajar dan meneruskan pelajaran mereka di institut tersebut adalah dari masyarakat India. Keduanya, *administrative staff* dan pensyarah-pensyarah itu juga majoritinya adalah dari masyarakat India. Itulah adalah aku janji yang telah diberi. Akan tetapi kalau kita tengok adakah ini sejak ia dimulakan sehingga hari ini *have we ever* dapat lebih daripada 50%? Kalau tidak kenapa tidak? Dahulu pada tahun 2004 mula-mula saya bangkitkan perkara ini masa itu kita tidak ada sampai 5% masyarakat India anak kita yang belajar di sana. Walaupun tanah itu adalah kepunyaan warisan masyarakat India, masa itu janji telah diberi dan kerajaan berkata akan mengotakan semua janji tersebut dan juga berkata semua kemahiran atau apa-apa jurusan yang ada di sana akan diiklankan di semua surat khabar. Bukan sahaja dikhaskan kepada satu atau dua surat khabar dan juga kementerian akan menghantar pegawai-pegawai ke sekolah-sekolah yang tertentu dan pekan-pekan yang tertentu untuk menarik anak-anak kita dari kalangan yang berpendapatan rendah yang tidak tahu ada peluang sedemikian.

Saya hendak tanya berapa yang sedang menjalankan pelajaran mereka di NTS Arumugam Pillai dan setiap institut serta tolong beritahu adakah kita telah mencapainya. Ini bukan saya yang menanya perkara ini. Ini adalah yang kerajaan kata akan mengotakan. Ini dikatakan pada tahun 1999. Jangan kita lari dari tanggungjawab. *A government that promises and doesn't deliver is as good as a government which is not fit to govern*. Ini adalah perkara yang kita perlu tahu. Rakyat perlu tahu adakah ini yang telah dikotakan. Kalau tidak kenapa ia tidak dikotakan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, mengenai institut-institut yang lain macam mana kita boleh menggalakkan supaya kita dapat menarik banyak lagi anak-anak kita untuk belajar di sana dan menjadi seorang pekerja yang mahir, boleh diguna pakai dan adakah Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, pegawai-pegawai telah meneliti subjek-subjek atau mata pelajaran yang diberi di sana ada guna pakai di kilang-kilang atau di mana-mana. Adakah kepentingan atau kekurangan pelajaran mereka di sekolah itu memberi satu *impediment* dalam *progress* mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bakri. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

7.59 mlm.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi, merujuk kepada program perkhidmatan latihan bawah kementerian, saya ingin bertanya bahawa, sudah ada beberapa kemalangan maut industri yang telah berlaku dalam Projek Pembinaan Terminal Petroleum Laut Dalam kawasan Pengerang Johor. Sila senaraikan tarikh kemalangan yang berlaku sejak pemulihan projek sehingga kini dan apakah langkah-langkah atau latihan-latihan kepada pekerja-pekerja yang akan diambil oleh kementerian untuk mengelakkan kemalangan maut industri berlaku? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

8.00 mlm.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa dan telah memberi sokongan kepada permohonan daripada Kementerian Sumber Manusia untuk mendapat peruntukan sejumlah RM23 juta untuk tujuan penyelenggaraan alat-alat di dalam Institusi Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu sebanyak 28 buah. Pada masa sekarang, lebih kurang

18,000 pelatih sedang mengikuti pelbagai jenis kursus di dalam 28 institut di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ini lebih kurang ialah bilangan yang diberi latihan, bilangan yang sama pada tiap-tiap tahun.

Banyak langkah yang telah dibuat oleh kementerian untuk menghebahkan program-program yang dijalankan oleh kementerian termasuk kursus-kursus melalui pelbagai jenis kaedah. Salah satu daripadanya ialah untuk mengadakan promosi di peringkat sekolah kepada murid-murid di peringkat Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dan mengadakan kempen-kempen khusus khasnya kempen-kempen kemahiran di seluruh Malaysia.

Pada tahun ini kerajaan telah memulakan Skil 1Malaysia, satu program untuk menghebahkan kepada rakyat pada keseluruhannya tentang peluang-peluang kemahiran yang tersedia ada, bukan sahaja di dalam bawah Kementerian Sumber Manusia tetapi di dalam kementerian-kementerian yang lain supaya rakyat pada keseluruhannya didedahkan kepada informasi berkenaan dengan pelbagai jenis peluang yang telah disediakan oleh kerajaan untuk meningkatkan tahap kemahiran selaras dengan tujuan dan harapan kerajaan untuk melahirkan satu generasi yang mempunyai kemahiran yang tinggi dan boleh menunaikan keperluan kita di masa kita di dalam perjalanan kita untuk menjadi satu negara yang sudah membangun yang diasaskan kepada industri, yang diasaskan kepada pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.

Banyak langkah yang diambil untuk meningkatkan lagi taraf pencapaian dan beberapa daripada isu ini yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Salah satu daripadanya ialah berkenaan kesesuaian latihan yang diberi dengan keperluan yang tersedia ada di dalam industri. Kita telah mewujudkan apa yang dipanggil *industry lead bodies* di mana satu kerjasama diwujudkan dengan industri-industri tertentu untuk mendapat maklumat tentang keperluan industri dan untuk menggunakan kepakaran di dalam industri untuk membantu kita di dalam menentukan kemahiran-kemahiran yang diperlukan, bantu kita di dalam menetapkan sistem kurikulum yang diperlukan supaya mereka yang keluar daripada institusi-institusi ini mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh industri dan senang diserapkan oleh industri dan akan mendapat peluang untuk meningkat di dalam tahap kerjaya mereka. Ini telah menunjukkan kejayaan.

Baru-baru ini kita telah membuat satu perubahan dasar yang besar di mana sebelum ini ada mereka yang keluar daripada institusi-institusi begini di peringkat SKM 1 sahaja, ada yang keluar di SKM 2 sahaja. Di dalam pengalaman kementerian, apa yang telah diketahui ialah mereka yang keluar daripada institusi ini dengan kelayakan di peringkat rendah menghadapi kesusahan untuk mendapatkan kerja yang baik dan mendapat gaji yang bersesuaian.

Untuk menghadapi ini, baru-baru ini kita sudah membuat keputusan bahawa sesiapa yang masuk ke dalam institusi ini akan terus belajar sampai mendapat sekurang-kurangnya SKM 1 sampai 3 dan mereka akan keluar dengan SKM 3. Ini akan meningkatkan kebolehpasaran mereka dan mereka akan mendapat kerja yang lebih baik, dan ini akan memberi mereka gaji permulaan yang lebih tinggi.

Untuk menambahkan itu, kita menggalakkan mereka yang sudah mencapai SKM 3 untuk meneruskan kepada SKM 4 dan 5 dan sekarang kementerian di dalam perbincangan dengan universiti-universiti teknikal yang ada di dalam negara kita supaya mereka yang selepas SKM 5 ini, mereka boleh diberi peluang untuk terus belajar di dalam universiti teknikal ini dan mendapat ijazah di dalam bidang teknikal.

So, harapan kerajaan ialah untuk mewujudkan satu tenaga kerja di dalam negara kita yang mempunyai kemahiran bukan sahaja di peringkat rendah tetapi sampai ke ijazah iaitu graduan yang mempunyai kemahiran tetapi mendapat ijazah melalui saluran kemahiran. *So* inilah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan pada masa sekarang dengan mengambil kira cabaran-cabaran baru dan untuk memastikan mereka yang keluar akan mencapai satu tahap yang tinggi, dan ini akan membantu mereka mendapat kerja yang baik, mendapat gaji yang tinggi dan pada masa sekarang mengisikan kekosongan kemahiran yang mungkin tersedia ada di dalam negara pada masa sekarang.

Satu perkara yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan pekerja asing...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nanti, saya habis dahulu. Tentang pekerja asing. Kebanyakan daripada pekerja asing di dalam negara kita, mereka mengisi kekosongan di dalam peringkat yang rendah. Seramai 80% daripada graduan iaitu mereka yang keluar daripada ILP atau institusi-institusi kita mendapat kerja di dalam enam bulan. Walaupun pada awalnya mungkin gaji mereka bukan tinggi tetapi di dalam *survey* yang telah dibuat oleh kementerian, selepas satu dua tahun, gaji yang didapati oleh mereka yang keluar daripada institusi latihan ini memang lebih tinggi daripada mereka yang masuk ke dalam tempat kerja itu dengan SPM sahaja. Itu bermaksud bahawa kelulusan ILP memberi mereka satu nilai yang menjadi satu bantuan supaya boleh meningkat di dalam tangga kerjaya mereka secara lebih cepat dan mereka boleh mendapat jawatan-jawatan yang lebih tinggi di dalam majikan mereka kerana kemahiran yang mereka sudah dapat. Oleh itu saya boleh beritahu Dewan ini bahawa kelulusan yang didapati daripada ILP mempunyai satu nilai yang tertentu dan nilai yang tinggi, memberi mereka peluang pekerjaan yang baik dan memberi mereka satu masa hadapan yang lebih baik. Ya Yang Berhormat Kuala Langat, apa soalan?

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, ada dua isu. Tadi satu ialah jurusan daripada pelajar keluaran daripada ILP contohnya. Jurusan itu jurusan yang popular, bukan jurusan yang *general*. Maksudnya kalau dia menjadi elektrik, bermaksud elektrik sampai kepada OD ataupun tahap peringkat *specialist* dalam *electrical* itu. Jadi soalan saya ialah kementerian kena menumpukan di mana kemahiran itu yang amat diperlukan. Itu satu. Ini kerana kadang-kadang kita bawa macam kimpalan, yang tidak popular tetapi *student*nya banyak, kerjanya kurang. Jawatan kosong itu yang dikehendaki sangat oleh keadaan sekarang yang memerlukan pekerja-pekerja yang berkemahiran.

Keduanya, jurusan itu yang berkait bersaing dengan pekerja asing. Contohnya dia buat siling. Mestilah seorang itu kepakaran siling itu melebihi pekerja asing yang sekarang ini dipenuhi oleh pekerja asing di kebanyakan sektor pembangunan yang dimonopoli oleh pekerja asing. Adakah kementerian berkesudian untuk melihat jurusan itu menjadi agenda utama untuk membolehkan pekerja tempatan menjadi pesaing kepada kemahiran yang diperlukan ketika kita ketandusan dan kita terpaksa menggunakan tenaga pekerja asing untuk memenuhi kehendak market sekarang ini?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Sebenarnya saya sudah jawab separuh daripada soalan itu semasa Ahli Yang Berhormat di luar daripada Dewan ini tadi iaitu tentang apa yang telah dibuat untuk memastikan bahawa latihan di dalam institusi dan..., yang dibuat ini adalah selaras dengan keperluan industri dan selaras dengan kehendak industri pada masa yang sama. Ini dibuat, saya ulang balik, ini dibuat dengan kewujudan badan-badan tertentu yang dipanggil *industry lead bodies* di mana kementerian sudah mewujudkan kerjasama dengan pakar-pakar di dalam industri. Satu ialah untuk mendapat tahu keperluan yang ada pada masa sekarang. Apakah bidang-bidang dan untuk menyesuaikan latihan yang ada di dalam institut-institut selaras dengan keperluan industri. Ini adalah langkah yang diambil untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk memastikan bahawa ini adalah satu perkara dinamik, kerana keperluan kemahiran ialah satu perkara yang mungkin apa kemahiran pada hari ini dan kemahiran pada sepuluh tahun yang akan datang ini bukan yang sama.

■2010

Untuk memastikan kita boleh menghadapi situasi ini, kita memerlukan satu sistem yang boleh mengambil kira perubahan-perubahan ini dan membuat keputusan supaya ini boleh menunaikan perkara ini.

Balik kepada isu pekerja asing. Saya ingat kita Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa banyak daripada pekerja asing ini mereka mengisi kekosongan di peringkat yang rendah. Mereka keluar daripada institusi-institusi, mereka mengambil alih kerja-kerja di peringkat pertengahan dan kerja-kerja yang lebih tinggi. Tujuan kerajaan ialah untuk memastikan pada satu hari kita boleh bebas daripada pekerja asing, akan tetapi perkara ini mesti memenuhi sokongan dan kerjasama daripada semua pihak iaitu majikan, industri dan sebagainya supaya melalui ini kita boleh pastikan bahawa – salah satu daripadanya melalui

transformasi ekonomi yang ada pada masa sekarang. Ini kerana sebagai satu negara yang mempunyai bilangan penduduk yang kecil 28 juta, 29 juta, negara kita tidak boleh terus di dalam keadaan iaitu negara yang mempunyai industri yang diasaskan kepada apa yang dipanggil *labor intensive* dan *low skill.*

Kita kena mengadakan perubahan untuk menjadikan satu negara yang akan diasaskan kepada *skill intensive and knowledge intensive and low labor.* Perubahan ini yang akan bantu kita untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang rendah. Ini industri-industri yang boleh gunakan tenaga kerja tempatan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi.

Di dalam sektor pembinaan, banyak yang dibuat oleh CIDB. Kursus-kursus berterusan dibuat oleh CIDB dan kalau ada pekerja-pekerja tempatan yang mempunyai minat untuk mendapat kemahiran di dalam mana-mana bidang dalam sektor pembinaan. Banyak peluang yang telah disediakan oleh CIDB Untuk mengisikan kekosongan ini. Akan tetapi malangnya apa yang berlaku ialah bilangan pekerja tempatan yang menggunakan peluang-peluang ini kurang.

Saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada sini dan daripada sana boleh menggalakkan orang muda di tempat-tempat mereka. Supaya mereka boleh menggunakan peluang-peluang yang telah disediakan oleh semu agensi-agensi termasuk CIDB untuk mengikuti kursus-kursus ini yang diberi secara percuma. Ini supaya mereka boleh mendapat kemahiran di dalam semua bidang yang berkaitan dengan sektor pembinaan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun pekerja asing ini pada mulanya semua sudah di *employ* atau diupah *on the lowest skill*. Akan tetapi dalam masa enam bulan atau sembilan bulan, mereka sudah dapat dilantik sebagai pekerja mahir. Oleh kerana mereka pekerja asing ini kontraknya sekurang-kurangnya tiga tahun atau dapat diikat dengan kilang itu.

Majikan lebih minat tentang pekerja asing jika dibanding dengan – sungguhpun keluar dari institut latihan. Ini kerana mereka, *sometime it won't lasting up,* selepas enam bulan, satu tahun, dia sudah hendak pergi ke kilang yang lain. Oleh sebab itu *the movement* kita punya pekerja mahir tempatan iaitu yang dilatih oleh institut ini amat susah hendak mereka terus bersama dalam satu kilang. Saya katakan sektor pembuatan bukan pembinaan. Pembinaan saya setuju CIDB memang dapat bantu tetapi sektor pembuatan terutama dalam *machinery* yang membuat mesin memproses makanan dan lain-lain, amat kurang pekerja mahir dari tempatan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat telah sentuh tentang isu *attitude* iaitu sikap. Ini saya setuju. Saya ingat kita semua tahu ini satu rintihan yang dikeluarkan oleh majikan tentang pekerja-pekerja yang tidak kerja dengan mereka untuk satu jangka masa yang panjang. Perubahan *attitude* ini, kita pun cuba masuk di dalam kurikulum mereka semasa mereka diberi latihan kemahiran, mereka pun diberi latihan supaya sikap mereka lebih positif tentang kerja. Nilai-nilai dan etika kerja yang mesti mereka miliki supaya mereka boleh kerja untuk satu jangka masa yang panjang. Pada pihak majikan pun mereka mesti wujudkan budaya dan persekitaran di dalam tempat kerja yang boleh simpan pekerja. Tidak ada satu situasi di mana pekerja senang keluar untuk mendapat peluang-peluang yang lebih baik di tempat yang luar.

So, ini adalah satu isu yang dihadapi oleh majikan dan saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa banyak majikan anggap pekerja asing sebagai satu *captive worker* iaitu *captive worker* iaitu dia akan terus kerja sekurang-kurangnya dua tahun. Ini memang mewujudkan satu keadaan yang senang untuk mereka. Ini adalah satu cabaran yang

dihadapi oleh kita di dalam negara supaya macam mana kita boleh mengatasi dan membuat perubahan. Satu kepada sikap majikan, nombor dua untuk *attitude* di dalam sikap pekerja supaya kita boleh menyelesaikan isu yang telah dibangkit. Ini ialah satu isu nasional yang lebih besar, sama seperti yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat daripada Balik Pulau tadi.

Tentang pekerja-pekerja asing dan *outsourcing*. Saya sudah beberapa kali beritahu bahawa harapan kerajaan ialah kita mahu kurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Akan tetapi industri di semua tempat termasuk di Selangor, di Melaka atau di Penang. Bila mereka meluaskan, mengembangkan industri mereka, mereka memerlukan pekerja. Tiap-tiap kali mereka datang ke kementerian, kementerian nasihat dan cuba minta mereka mendapatkan pekerja tempatan. Akhirnya jawapan ialah kita sudah cuba seberapa yang boleh tetapi kita tidak berjaya. Oleh itu kementerian mesti memberi kelulusan. Ini ialah isu yang dihadapi oleh kerajaan.

Saya berharap kita boleh sampai ke satu hari melalui proses mentransformasikan negara kita, ekonomi di negara kita dan industri di negara kita. Dengan kesedaran bahawa Malaysia tidak boleh terus di dalam keadaan sebagai satu negara yang mempunyai industri yang diasaskan kepada *skill* yang rendah dan bilangan pekerja *low skill* yang banyak.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai pekerja asing, *its a very* – saya rasa satu *precedent* yang sangat *dangerous.* Di mana kita membenarkan orang asing untuk melanjutkan kemahiran mereka di institusi-institusi kita. Saya harap satu kajian dibuat dan mengelak perkara ini berlaku dan memberi keutamaan kepada mereka. Walaupun itu bukan keutamaan kementerian tetapi saya rasa semua majikan akan menggalakkan ini terjadi. Ini kerana pada asasnya, kita perlu memberi galakan kepada pekerja asing hanya datang untuk 3D bukan untuk perkara yang lain. Itu nombor satu.

Kedua, kita sendiri perlu tanya kenapa di Jepun, di Australia dan New Zealand perkara ini tidak jadi? *How can it happen here, out of the blue?* Kalau ini tidak ada satu tindakan yang serius diambil, ia akan menjadi seolah-olah ia menjadi satu *dumping ground of foreigners is been train here.* Apakah rasional, apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bersekali Menteri, bersekali dengan jawab soalan yang sama tetapi lain sedikit *tune* dia Tuan Pengerusi. Menteri, seperti mana yang saya dimaklumkan beberapa syarikat dia *public* kan untuk mencari pekerja. Akan tetapi bila kita masuk untuk *apply* kerja, memohon pekerjaan itu sebenarnya dia tidak ambil dia menipu. Jadi, dia pergi ke kementerian, dia kata dia sudah usaha tetapi tidak dapat.

Jadi, saya hendak tanya adakah kementerian telah menyiasat sebetul-betulnya seperti mana berlaku di Nilai. Kerja kosong, pekerjaan jawatan kosong tetapi apabila dimohon oleh pekerja tempatan tidak ada kosong tetapi dalam masa yang sama dia pergi kementerian dia mohon untuk pekerja asing. Jadi, apakah tindakan kementerian apabila mengetahui syarikat-syarikat ini berbohong ataupun bermain retorik kemudian mengambil peluang ketidakadaannya pekerja tempatan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Tentang isu yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh Barat. Saya setuju dengan pandangan yang dibuat dan saya sudah jelaskan beberapa daripada tindakan yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan. Kita semua berharap bahawa ekonomi kita akan beralih kepada satu situasi kita boleh bebas daripada pekerja asing. Tentang isu yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Langat, saya minta kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Langat. Untuk memberi kita maklumat bila-bila masa tentang mana-mana majikan yang telah menafikan peluang pekerjaan untuk pekerja tempatan manakala ini diberi kepada pekerja asing.

■2020

Kementerian mengambil pandangan yang serius kepada perkara ini. Kalau saya boleh mendapat bukti bahawa perkara ini telah berlaku, saya boleh memberi janji kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Langat, kita tidak akan luluskan permohonan mereka untuk mendapatkan pekerja-pekerja asing. Lagi satu isu yang telah dibangkitkan ialah tentang NTSR Arumugam Pillai. Saya menerima pandangan ini dan banyak usaha yang dibuat untuk meningkatkan lagi bilangan pekerja India di dalam institut ini dan saya mengesyorkan Ahli Yang Berhormat bahawa nama institut ini masih NTSR Arumugam Pillai. Kalau tidak ada di

dalam *web space,* saya akan mengemaskinikan perkara ini untuk memastikan apa yang telah disetujukan pada 1997 bahawa institut ini dibina di atas tanah yang telah dikurniakan oleh mendiang NTSR Arumugam Pillai pada masa itu untuk *Southern Indian Lever Board* dan selepas itu telah diambil alih untuk membina institut ini.

Akan tetapi itulah institut yang mempunyai peratusan pelatih-pelatih India yang paling banyak sekali daripada institut-institut yang lain. Walau bagaimanapun, peratusan dan bilangan itu saya boleh beri secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Pada tahun yang lalu, selain daripada itu, kita telah mengambil langkah-langkah yang banyak untuk meningkatkan lagi bilangan pelatih-pelatih masyarakat India untuk dimasukkan dalam institusi-institusi latihan. Bukan sahaja di ILP Nibong Tebal tetapi di institusi yang lain dan lebih daripada 1,500 yang telah diberi peluang-peluang latihan di merata-rata institut di seluruh negara. *So,* saya sedar dan kementerian sedar bahawa langkah-langkah diambil untuk memberi peluang kepada semua masyarakat di dalam menyediakan peluang-peluang latihan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berterima kasih kepada Menteri dan kerana ingat lagi bahawa janji yang dibuat oleh kerajaan tetapi ia belum dikotakan lagi walaupun dalam proses. *It has already taken* lebih kurang 15 tahun. Saya difahamkan setakat ini belum lagi sampai 50%. Yang lebih teruk adalah pensyarah-pensyarah dan *administrative staff*. Itu yang sangat mengkhuatirkan saya. Ini kerana aku janji ini tidak akan *take 15 years to honor.* Ini satu yang perlu. Dulu kita tidak ada Menteri India. Sekarang kita ada. *We must be proud. The Indian community will be very proud of you, but* sekarang ini tanah warisan masyarakat India. Luar biasa, Yang Berhormat Menteri. Bukan macam lain-lain institut. *This is special.*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey. Terima kasih. Saya sudah jawab itu dan ambil maklum apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya harap tindakan akan diambil dan boleh memberi jawapan mengenai. Saya hendak khusus dengan perkara ini kerana saya ada statistik-statistik juga. Saya hendak statistik berkaitan dengan anak-anak kita yang belajar di sana dan tindakan inisiatif yang akan diambil.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Akhir sekali...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *On the same subject*. Sama. Pusat latihan India ini. Saya difahamkan bahawa dia diambil *enrolment.* Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini kapasitinya ada berapa dan muridnya ada berapa selain daripada pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih kaum India.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Bukan sahaja institut itu. Ada institusi kita yang lain juga. Ada bukan mencapai kapasiti yang penuh kerana bilangan murid yang boleh dilatih bergantung kepada bajet yang telah diberi kepada kementerian. Bila saya cakap pada masa sekarang ada 18,000 orang, ini adalah asas kepada bajet yang telah disediakan kepada kementerian untuk mengadakan kursus-kursus di dalam institut-institut ini. Kalau kita mendapat bajet yang lebih tinggi, memang kita boleh memberi peluang-peluang latihan kepada bilangan yang lebih. Bukan sahaja di Institut ILP Nibong Tebal tetapi di institut-institut yang lain di mana ada peluang-peluang untuk menambah tetapi kerana bajet ini ialah bajet yang seperti bukan semua yang dimohon mendapat kelulusan.

So, oleh itu asas kepada bajet yang diberi kepada kementerian, bilangan murid diagihkan kepada semua institut-institut yang tersedia.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Sebagai penghabisan. Cukup. Sebagai penghabisan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa kaum India ini ada kadar kemiskinan adalah lebih tinggi. *Higher.* Saya lihat bahawa ada banyak kemiskinan. Keluarga-keluarga yang miskin di dalam kawasan saya dan di sekitar.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tidak, Ahli Yang Berhormat. Saya tahu. Saya lebih sedar dan lebih tahu tentang isu masyarakat India daripada Ahli Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Betul, betul. Akan tetapi...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Banyak langkah yang telah diambil dan tadi saya sudah jawab bahawa kita mengadakan satu kempen khusus iaitu MySkill yang bukan sahaja daripada Kementerian Sumber Manusia telah mengambil semua agensi-agensi yang lain iaitu IKBN, kolej komuniti dan institut latihan yang semua telah digabung, peluang-peluang yang sedia ada untuk menyediakan peluang-peluang untuk masyarakat India dan banyak kempen yang dibuat di seluruh negara.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi tidak mengatasi masalah tersebut, Yang Berhormat Menteri. *It doesn't improve.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kami ingin, kami ingin sokong sahaja. Kami ingin sokong.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kenapa? Itulah masalahnya.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ini langkah-langkah untuk menghadapi apa yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat untuk menambahkan lagi peluang-peluang latihan di dalam institusi-institusi kerajaan untuk masyarakat India. Itu yang saya beritahu. Usaha macam ini akan diteruskan kerana kita pun seperti Ahli Yang Berhormat sedar bahawa ini adalah isu dan ini adalah langkah-langkah secara positif yang diambil untuk menyelesaikan isu. Yang Berhormat Kota Melaka.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, kami di sini hanya harap wang peruntukan ini tidak menjadikan satu masalah untuk Yang Berhormat, supaya kita boleh melatih ramai lagi.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Baik, baik. Terima kasih. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, tadi saya ada bangkitkan tentang kerjasama atau usaha sama institut latihan atau kementerian ini dengan pihak swasta terutama persatuan seperti *in-house training.* Hantar pelatih ini ke kilang. Bagaimana dengan rancangan atau tugasnya?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ini selaras dengan latihan yang dibuat oleh–semua institut mempunyai *internship program* dan *apprenticeship program* di dalam kursus-kursus mereka supaya selain daripada *theoretical training* yang mereka mendapat di dalam institut, mereka teruskan latihan di dalam tempat kerja itu supaya mereka didedahkan kepada *the realities of the working place.* Melalui itu mereka mendapat *practical experience* dan ini akan meningkatkan pengalaman mereka.

Akhirnya, soalan tentang pengarang iaitu isu-isu kemalangan yang berlaku. Ini keluar daripada Butiran ini. Jawapan akan diberi secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM23,000,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Wang sejumlah RM23,000,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud B.60 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Jasin.

8.28 mlm.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang. Saya pergi kepada B.60 – Pertahanan Maritim. Kita ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang telah melengkapkan aset ketenteraan kita dengan adanya dua buah kapal selam iaitu KD Abdul Razak dan KD Abdul Rahman. Kerajaan telah memeterai dua kontrak selenggaraan.

Saya pergi terus kepada perkara RM195.6 juta yang diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk penyelenggaraan peralatan. Baru-baru ini kerajaan telah memeterai dua perjanjian iaitu kontrak selenggaraan kapal selam yang meliputi kontrak alat ganti dan juga untuk ujian pangkalan iaitu, dengan izin, *support* dan *test equipment.* Sementara kita juga telah mengadakan satu kontrak penyelenggaraan kapal selam, *in service support* dimeterai pada Ogos 2010. Jadi, kedua-dua kerja ini berjumlah sebanyak RM1.5 bilion dan syarikat yang telah dianugerahkan kerja selenggaraan ini adalah Konsortium BHIC iaitu Boustead sebanyak 60% dan DCNS iaitu syarikat pembekal OEM sebanyak 40%. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada bayaran yang kita buat ini untuk kekurangan peruntukan adakah termasuk tentang pembayaran pertama ataupun pembayaran ansuran yang pertama.

■2030

Kalau tidak kenapakah peruntukan ini tidak dimasukkan dalam bajet asal? Keduanya kontrak ini adalah untuk tempoh enam tahun jadi apakah akan berlaku selepas enam tahun nanti? Adakah tenaga-tenaga daripada rakyat tempatan berkeupayaan untuk membuat penyelenggaraan dua kapal selam kita?

Keduanya soalan saya adakah anggota-anggota TLDM kita diberikan latihan dan pendedahan dan berkeupayaan untuk membuat menyelenggarakan kapal selam ini supaya kita dapat menjimatkan kos? Ketiganya apakah manfaat yang diperolehi oleh syarikat tempatan dalam konsortium kedua-dua syarikat ini? Adakah Konsortium Boustead ini hanya sebagai pemegang ekuiti ini tidak mengambil bahagian secara terus dalam penyelenggaraan ini? Kita mahu melihat kalau boleh kedua-dua syarikat mestilah terlibat secara terus supaya ada perpindahan teknologi dijalankan.

Seterusnya saya hendak tahu apakah skop penyelenggaraan ini kerana kita mahu melihat supaya tujuan kita mengadakan penyelenggaraan ini supaya kapal selam kita dapat beroperasi selama 135 hari setahun. Kalau sekiranya kapal selama ini tidak berkeupayaan beroperasi kurang daripada 135 hari setahun adakah penalti dikenakan kepada syarikat Konsortium ini?

Seterusnya soalan saya kerana penglibatan kedua-dua syarikat adalah orang-orang awam, apakah langkah-langkah keselamatan yang dijalankan oleh pihak tentera supaya kita dapat memastikan tidak ada kebocoran rahsia tentang peralatan persenjataan kita. Saya sebut begini kerana kita mahu tahu apakah *indemnity* yang dibuat oleh kedua-dua konsortium ini.

Keduanya adakah kita pantau tentang pergerakan mereka supaya kita dapat memastikan tidak ada kebocoran dan ketirisan. Saya menyebut begini Yang Berhormat Menteri, kerana baru-baru ini sebelum ini ada seorang pemimpin daripada Pembangkang yang telah membocorkan rahsia ketenteraan kita di luar negara dan kerajaan telah pun membayangkan untuk mengambil tindakan. Setakat manakah tindakan yang telah kita ambil kepada penama ini yang sebenarnya telah mengkhianati kepada pertahanan negara. Kita mempunyai dua kapal selam yang satu ketika dahulu telah banyak dihujahkan dan banyak daripada kawan-kawan kita daripada pihak Pembangkang yang telah mengkritik bahkan ini sebenarnya semata-mata untuk melengkapkan pertahanan negara.

Jadi saya hendak tahu mengikut piawaian antarabangsa selain daripada kita mempunyai kapal selam, kita mestilah mempunyai kapal *support ship* ataupun kapal penyelamat ataupun dipanggil sebagai dengan izin, *Submarine Escaped and Rescue* (SMER). Ini penting kerana kapal penyelamat ini boleh memberikan jaminan dan harapan kepada semua krew kita sekiranya kapal selam ini menghadapi apa-apa kerosakan di dasar laut ataupun terkandas. Jadi soalan saya sebelum kita mendapatkan SMER ini untuk beroperasi apakah bentuk perjanjian di antara tentera-tentera laut negara sahabat supaya mereka dapat membantu dalam keadaan yang memerlukan?

Keduanya kita mengambil maklum tentang cadangan kerajaan untuk menandatangani satu perjanjian untuk menyewa kapal SMER ini daripada sebuah syarikat. Jumlahnya sangat besar sebanyak RM730,000,000 untuk tempoh 12 tahun. Jadi saya rasa adalah lebih molek kalau kita pergi ke arah membeli kapal SMER ini kalau kita boleh membeli kapal selam, jadi kapal SMER ini satu daripada keperluan seharusnya kita pergi ke arah itu. Saya faham tentang masalah yang dihadapi oleh kementerian kerana untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Perbendaharaan adalah satu perkara yang cukup rumit. Apa yang saya cadangkan kalau boleh kita bawa mereka naik kapal selama. Kalau Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sanggup naik kapal selam kita mencuba dan telah mengesahkan bahawa kapal selam kita dapat beroperasi dengan begitu baik sekali. Baru-baru ini Yang Berhormat Bagan pun telah naik kapal selam kita dan memberikan jaminan bahawa kapal selam kita tidak ada masalah.

Jadi hendaknya daripada sekarang janganlah kita timbulkan tentang peralatan ketenteraan kita yang sentiasa dioperasi oleh anak negara kita sendiri. Jadi soalan saya yang lain, apakah syarikat yang telah kita berikan kontrak ini untuk membekalkan kita kapal SMER ini? Keduanya kalaulah kita tidak ada kepakaran untuk menyelenggarakan kapal SMER ini, adakah usaha-usaha lain untuk kita melatih tentera-tentera kita mengoperasi kapal SMER ini? Saya yakin kapal SMER ini tidaklah begitu susah sangat untuk dioperasi kalau berbanding dengan kapal selam.

Keduanya saya pergi kepada Butiran Pentadbiran Pertahanan iaitu sebanyak RM4.4 juta diperlukan untuk membiayai pembayaran ex gratia kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia yang tercedera semasa bertugas sebelum tahun 1964. Saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan sekurang-kurangnya kita dapat mengenang jasa kepada pahlawan-pahlawan kita yang telah banyak berjasa dan sekarang banyak daripada mereka bukan sahaja tercedera bahkan mereka sebenarnya hilang keupayaan seumur hidup.

Ada tiga kategori pembayaran kita. Kategori yang pertama yang mendapat kecederaan kerana perkhidmatan daripada 1 Januari 2001 sehingga semasa yang menerima bayaran pukal dan juga secara bulanan. Sebelum itu kita juga telah memberikan bayaran kepada mereka yang mendapat kecederaan sebelum 1 Januari hingga 20 Oktober 1994. Mereka hanya menerima bayaran pukal sahaja dan ketiga kategori pembayaran yang baru sahaja dibuat iaitu mereka yang tercedera dalam masa perkhidmatan yang sebelum tahun Oktober 1994 pukal sahaja.

Jadi saya hendak tanya mengapa kita mengadakan tiga kategori kalau kita memberikan satu apresiasi kepada mereka yang tercedera. Jangan kira tarikh kerana mereka telah berkhidmat dan berjasa kepada tanah air terutamanya kepada mereka yang 1994 ke bawah ini. Mereka ini tercedera terutamanya dalam mempertahankan negara daripada serangan komunis. Banyak daripada kalangan mereka yang cedera kekal dan hilang upaya seumur hidup. Jadi seharusnya kita berikan mereka pencen bulanan atas kecederaan mereka seperti yang kita buat untuk mereka yang tercedera selepas 1 Januari 2001. Saya yakin pihak kementerian boleh membuat perkara tersebut sebagai satu penghargaan kepada mereka yang mendapat kecederaan dalam perkhidmatan.

Keduanya saya hendak tanya kerajaan, adakah kerajaan akan bercadang untuk membayar faedah bukan sahaja kepada mereka berdasarkan pengorbanan mereka bagi mempertahankan negara tetapi adakah kerajaan bercadang sebagai menghargai, saya ulang soalan saya pagi tadi kepada mereka yang tidak mendapat pencen, sekurang-kurangnya sebanyak 200,000 orang ini. Kalau meredakan daripada perasaan mereka yang gundah-gulana ini kalau boleh kita berikan satu bayaran *one-off* bagi mengenang jasa mereka kerana mereka telah berkhidmat dengan begitu gigih sekali bagi mempertahankan kedaulatan negara kita.

Tuan Pengerusi saya terus selepas itu saya pergi kepada…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Jasin. Tuan Pengerusi sebagai orang yang berpengalaman dalam angkatan tentera, saya menyokong penuh apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Jasin. Bekas tentera inilah warganegara yang berjasa tidak dapat dinafikan. Mereka berkorban nyawa, darah yang telah terbukti kerana perkhidmatan merekalah kita dapat menikmati keamanan dan keselamatan.

■2040

Mereka yang berjuang yang tidak dapat pencen seperti mana yang dikatakan tadi terutama mereka yang berdepan dengan komunis bolehlah agaknya dipertimbangkan supaya mereka ini diberikan bulanan macam Yang Berhormat Jasin cadangkan tadi. Kalau susah masukkan mereka dalam senarai kebajikan masyarakat dan dia dapat bulanan dan diberikan keistimewaan-keistimewaan yang lain selain daripada tambang bas separuh harga, kereta api separuh harga, kapal terbang separuh harga, rawatan perubatan. Biarlah mereka dikenang dan mereka yang telah pun berjasa ini benar-benarlah kita hargai. Jadi itulah saya menyokong sangat saranan, cadangan, pandangan, pendapat yang diutarakan oleh Yang Berhormat Jasin. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading. Sekurang-kurangnya ada juga mereka yang sentiasa bersimpati terhadap pengorbanan mereka tapi saya memang mengambil maklum kerana kita mengikut peraturan. Jadi peraturan tetap angkatan tentera yang hanya membolehkan mereka yang berkhidmat lebih daripada 21 tahun sahaja mendapat pencen. Akan tetapi walau bagaimanapun apa yang saya sebut tadi kalau boleh mereka ini difikirkan untuk diberikan satu ganjaran sebagai *one-off* mengenang jasa mereka dan kita mahu kalau boleh profesion ketenteraan ini kita martabatkan kerana dia yang tertinggi dalam jabatan-jabatan kerajaan supaya kita dapat menarik minat orang-orang muda untuk berkhidmat dalam angkatan tentera.

Yang terakhir Tuan Pengerusi saya pergi kepada butiran, RM10 juta diperlukan untuk membiayai dana geran pelancaran pasukan pertunjukan keris udara. Jadi saya hendak sentuh sedikit sahaja iaitu kita mahu melihat supaya program ini akan terus dapat dipertingkatkan kerana kita mahu melihat supaya kecekapan anggota-anggota tentera udara dalam mempertahankan kedaulatan negara kita akan terus dapat kita perhebatkan. Pertanyaan saya syarikat manakah yang telah kita berikan kerana jumlah kontraknya adalah sebanyak RM15 juta. RM5 juta telah kita bayar. Hanya RM10 juta sahaja kita belum bayar. Kenapa tidak dimasukkan dalam bajet asal dan kita mahu melihat supaya pasukan ini ataupun program ini dapat sama-sama menandingi seperti Red Arrow, Tentera Udara British. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

8.43 mlm.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya laluan untuk turut serta dalam perbahasan. Saya merujuk terus kepada Butiran 010000 di bawah Pentadbiran Pertahanan dan juga seperti Yang Berhormat Jasin 040000 Pertahanan Maritim dalam Maksud Bekalan 60 Kementerian Pertahanan.

Pertama sekali saya ingin menyatakan di sini Tuan Pengerusi kita belanja dengan begitu tinggi khusus untuk penyelenggaraan bahan-bahan ketenteraan dan sememangnya aspek yang terpenting yang sebelumnya saya pernah bawa di sini sebelum kita pergi kepada perolehan ini adalah satu *blueprint*. *Blueprint* yang telah digarap sendiri oleh kementerian di bawah *Program Network Centric Operations*. Saya rujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan NCO ini diusulkan kepada Jawatankuasa Panglima-panglima tahun 2006 untuk memastikan kita memahami aliran operasi dan keperluan masa hadapan terhadap kemampuan serta dengan izin *gap analysis* keupayaan sistem kawal perintah, *chain of command* semasa Angkatan Tentera Malaysia. Maksudnya dalam mana-mana pembelian apa yang diperlukan *Network Centric Operations* inilah dalam bab *software*

dan *hardware* akan membantu kerja-kerja dan aktiviti ketenteraan Angkatan Tentera Malaysia, pertahanan kita.

Jadi dalam program NCO kementerian menganugerahkan secara tender terus dan kerana program NCO ini begitu bernilai hendak bercakap tentang pertahanan, memastikan kita dilengkapi dengan peralatan yang terbaik berbanding dengan negara-negara luar, maka saya persoalkan kenapa syarikat Sapura telah dipilih Tuan Pengerusi. Jawabnya syarikat Sapura dipilih diberi tanggungjawab secara khusus Sapura Secured Technology Sdn. Bhd. untuk pembangunan NCO ATM Fasa 1A yang melibatkan sebanyak kos RM140 juta bagi tempoh dua tahun. Pembangunan NCO ATM dan pemilihan Sapura berdasarkan kepada beberapa faktor seperti kepakaran, pengalaman yang luas dalam bidang pertahanan dan teknologi maklumat.

Di sini juga disebut - ini penting Tuan Pengerusi untuk meyakinkan kita semua dalam Dewan yang mulia ini program pembangunan NCO ATM merupakan satu program pembangunan keupayaan di mana ia sentiasa berubah mengikut keperluan. Jikalau didapati bahawa Sapura tidak mampu untuk meneruskan maka pihak kementerian akan mengkaji semula keputusan ini. Saya hendak maklumkan ini merupakan maklumat daripada markas Angkatan Tentera Malaysia sendiri bertajuk Tuan Pengerusi, "Permohonan Pihak Sapura Untuk Melanjutkan *Timeline Detail User Requirements* (DUR)", program *Network Centric Operations* ATM Fasa 1A", yang telah dianugerahkan bernilai RM140 juta yang saya sebut tadi.

Apa yang disebut di sini nombor dua, kepada pihak Yang Berbahagia Datuk iaitu Datuk Mohd Khalif bin Haji Sharif, Timbalan KSU Pembangunan Kementerian Pertahanan Malaysia. *"Seperti pihak Datuk yang sedia maklum, DUR sepatutnya bermula pada 22 Oktober sehingga 21 Mac 2012. Walau bagaimanapun pihak Sapura menyatakan proses DUR dan technical site service hanya boleh dilaksanakan selepas mereka mendapat bayaran advance payment. Dalam tempoh yang sama pihak Sapura lebih banyak meluang masa dalam persiapan LIMA 2011 mulai 5 hingga 10 Disember 2011 sehingga menyebabkan aktiviti DUR dan TSS kurang diberi perhatian".* Ini sudah bermasalah Tuan Pengerusi.

"Seterusnya pihak team NCO ATM merasakan bahawa pihak Sapura sepatutnya meletakkan sebab keperluan penundaan ini ke atas team Nukleus NCO ATM tetapi perlulah bersama-sama bertanggungjawab. Pihak team Nukleus NCO ATM merasakan bahawa tujuan Sapura adalah untuk mencari lebih masa bagi proses DUR atas dan sebab-sebabnya seperti yang berikut". Saya tidak baca semua. Ini yang penting.

(a) perlu lebih masa untuk menyiapkan contoh aplikasi sistem NCO ATM yang lebih mantap untuk ditunjukkan kepada *user* semasa bengkel DUR; dan

(b) ejen aplikasi dan *'libraries'* di tahap 50% yang didakwa telah dipunyai oleh Sapura sebenarnya tiada dalam pegangan mereka. Sapura memerlukan masa untuk mencari enjin yang sesuai.

Di akhir kalam disebutkan oleh surat ini daripada Kolonel Mohd. Rashid bin Abdul Razak bagi pihak Panglima Angkatan Tentera. *"Pihak Sapura perlu memberikan maklum balas positif khusus dalam perkara yang dibangkitkan di para 10 disebabkan keadaan berikut iaitu menimbulkan banyak elemen ketidaktentuan boleh mengundang risiko kegagalan yang tinggi disebabkan kegagalan penggunaan peralatan utama, proses pengintegrasian dan kegagalan aplikasi yang menjurus kepada sistem NCO ATM keseluruhannya."*

Jadi saya hendak tanya di sini bila sudah wujud maklum balas yang jelas menunjukkan bahawa - oh, Menteri sudah keluar sudah. Tunggu dulu, saya belum habis. Pihak Sapura tidak dapat melaksanakan. Jadi kenapakah diteruskan projek tender terus. Mereka langsung tidak punya kepakaran. Masalah yang disebut oleh pihak kami, pihak ATM. Saya mahu jawapan yang jelas dalam hal ini. Adakah kementerian bersedia untuk membatalkan projek dan memberikan kepada mereka yang memang benar-benar layak.

■2050

Kita bercakap tentang *Network Centric Operations*. Makanya tambahan wang dan perbelanjaan untuk menyelenggarakan peralatan-peralatan ini tidak bermakna jikalau *blueprint*nya pincang.

Saya pergi pula dokumen kedua yang terakhir yang amat penting Tuan Pengerusi, laporan pelaksanaan projek. Program Pembangunan Network Centric Operations Angkatan Tentera Malaysia Fasa 1A yang disebut dalam Parlimen. Disebut di sini dengan begitu jelas dan saya tidak akan cakap segala-galanya. Ini carta batuan, *milestones deliverable*, maksudnya kemampuan mereka, adakah mereka mampu untuk menyiapkan dalam tarikh yang dijanjikan di sini. *Item* 5, lawatan tapak dan reka bentuk aktivitinya. Tarikh mula 5 Januari 2011; tarikh siap, *work in progress*; catatan, seperti yang disebut tadi, kelewatan disebabkan Sapura menunggu pembayaran pendahuluan dan LIMA 2011.

Semua ini menunjukkan satu kebimbangan yang begitu serius oleh pihak ATM sendiri. Untuk pembangunan program NCO ATM Fasa 1A di bawah aktiviti bengkel pembangunan aplikasi Unified C2 NCO ATM, sasaran dia Jun 2012. Catatan, perancangan asal pada 27 Februari hingga 9 Mac ditangguhkan. Kenapa? Sapura gagal menunjukkan contoh aplikasi yang disimulasi menggunakan enjin dan '*libraries'* yang dikenal pasti.

Item D, peletakan jawatan oleh tiga bekas ketua jurutera perisian Sapura dalam tempoh setahun, daripada Mei 2011 hingga Februari 2012. Bab C, kelewatan dan perancangan dari Sapura menyebabkan tempoh masa singkat dan tidak mencukupi bagi koordinasi penglibatan dan perkhidmatan dan keperluan bagi persetujuan daripada JKP NCO ATM.

Saya di sini minta satu penegasan jawapan daripada kementerian. Kalau di sini saya tanyakan dan saya rujuk sendiri kesediaan kementerian, untuk apa? Mereka kata kalau tidak ada kebolehan pihak Sapura, makanya program *Network Centric Operations* ini akan diberikan kepada pihak yang benar-benar bersedia. Kalau di Australia Tuan Pengerusi, mereka sudah ada *network centric, warfare* yang boleh diakses oleh umum setebal 68 muka surat menunjukkan persediaan mereka dengan cara yang terbuka. Yang saya pinta di sini, bukan kata tidak boleh bagi *local companies*, tetapi jangan bagi *crony companies* yang akhirnya akan menggagalkan dan meletakkan pertahanan kita dalam keadaan yang serius. Saya mohon jawapan yang segera daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

8.53 mlm.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Maksud B.60, Kementerian Pertahanan ini.

Setelah mendengar hujah daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, saya kira Yang Berhormat menggunakan perkataan penegasan, penjelasan dan bermacam-macam lagi dari pihak kerajaan dan di hujung itu sudah tentu akan menggunakan perkataan kroni. Persoalan yang sepatutnya diminta secara baik dan diminta penjelasan daripada kerajaan akhirnya di hujungnya itu juga baunya memang politik. Itu yang menjadi masalah kepada kita. Pada saya, soalan boleh ditanya. Tuan Pengerusi, saya boleh bagi contoh. Masalah kita Tuan Pengerusi ialah apabila kerajaan memberi penjelasan dan penjelasan itu tepat dan berpatutan, mereka tidak terima. Mereka menggunakan isu ini di dalam ceramah mereka.

Contoh yang paling baik ialah dalam *littoral combat ship.* Sebelum saya masuk, mukadimah sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. LCS yang dikatakan kerajaan bagi kepada kroni, daripada RM6 bilion kepada RM9 bilion, heboh satu Malaysia. Yang Berhormat PJ Utara, kawan-kawan yang lain termasuk Yang Berhormat Lembah Pantai. Akan tetapi apabila penjelasan dibuat, saya ada di dalam penjelasan tersebut oleh Menteri Pertahanan bersama dengan barisan panglima-panglima angkatan tentera, kepada Yang Berhormat PJ Utara, kepada Yang Berhormat Machang. Ada minta maaf atau minta penjelasan dan bagi tahu kepada rakyat cakap, *"Minta maaf, saya silap"*? Terang dan jelas. RM6 bilion untuk RMKe-10, RM3 bilion lagi untuk RMKe-11. Akan tetapi dipusing seluruh alam bahawa kononnya kerajaan berbelanja RM9 bilion, dalam masa setahun kos LCS itu membengkak daripada RM6 bilion kepada RM9 bilion, RM3 bilion itu apa? Masuk poket kroni.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kota Belud...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya kira... Sekejap Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kota Belud, saya pun ada di situ.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya kira Tuan Pengerusi, apa yang patut dibuat ialah soal, tidak ada masalah. Saya kira Timbalan Menteri ada di sini, kerajaan telus, kalau ada persoalan, tanya. Jangan bawa sampai ke Indonesia, jangan bawa sampai ke luar negara.

Tuan Pengerusi, saya kira Tuan Pengerusi sudah lama menjadi seorang Ahli Parlimen. Kalau pemimpin-pemimpin lain datang ke luar negara... *[Disampuk]* Ini mukadimah sahaja. Baru seminit mukadimah Tuan Pengerusi, saya ada *point-point* yang lain. Kalau negara-negara lain, Perdana Menteri, Presiden, kerajaan lain, kalau datang ke negara luar, tidak pernah cakap buruk pasal negara merekalah. Akan tetapi kalau pemimpin kita keluar, tidak kena. Saya kadang-kadang buat kenyataan di Indonesia contohnya, saya pun tidak tahu apa sebab dibuat di Indonesia. Apa kebaikannya? Sedangkan semua fitnah dan tuduhan itu juga boleh dibuat di Malaysia. Panggillah CNN, bercelotehlah di sini, cakaplah apa yang hendak cakap di Parlimen. Apa guna kita buat di Indonesia dan tempat-tempat yang lain?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Minta celahan, Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sebab itu saya katakan orang mesti bertanggungjawab. Buat di sini.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Minta celahan. Boleh?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud, terima kasih Tuan Pengerusi. Lain kali sebut sajalah yang mana yang membuat kenyataan. Saya rasa di sini yang penting yang Yang Berhormat kena tahu, satu, maklumat yang keluar dari Dewan ini semuanya direkodkan dalam *Hansard*. Sesiapa yang pergi melayari www.parlimen.gov.my dapatlah baca kenyataan Menteri Pertahanan kita yang menyatakan untuk sementara waktu kapal selam di Malaysia yang kita beli yang kita megah sangat tidak boleh menyelam. Itu keluar kenyataan di dalam Dewan yang mulia. Itu satu. Keduanya Yang Berhormat...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Lembah Pantai itu tipulah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya akan minta...

Seorang Ahli: Bodoh, bodoh...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Hoi! Janganlah panggil bodoh. Tidak fahamkah? Ada panggil bodoh. Janganlah panggil bodoh.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sudah tua-tua lagilah bodoh. Ada panggil orang bodoh. *[Disampuk]* Jangan panggil bodohlah!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya hendak minta Yang Berhormat, Yang Berhormat faham tidak di luar sana...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Bodoh, tetapi tipu.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Berita di luar sana, di Indonesia kah, di Filipina, mereka membaca dan mereka akan bertanyakan kepada sesiapa pun pemimpin. Yang penting di sini, apabila kita buat pembelian, apabila kita buat mana-mana keputusan, perlulah berteraskan fakta dan kebaikan untuk Malaysia.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey Yang Berhormat, *I got the point.*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya minta di sini kalau Yang Berhormat betul-setul bersetuju, mari kita tubuhkan Jawatankuasa Parlimen Tetap untuk *defense procurement*, untuk pembelian pertahanan. Saya minta itu dengan niat baik. *We request select committee on that matter.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I got your point*. Tuan Pengerusi, tidak ada satu isu di Malaysia ini pun yang mana pembangkang tidak boleh bawa dalam Dewan

yang mulia ini, tidak ada. Kadang-kadang saya tengok hanya kerana usul tidak dibenarkan untuk dibincangkan, sudah menjadi satu isu di luar. Ini Yang Berhormat Lembah Pantai pun begitu. Akan tetapi isu itu juga boleh dibawa dalam mana-mana perdebatan dan kerajaan akan menjawab. Cuma, usul dijelaskan tidak boleh dibawa kerana tidak ada kepentingan, alasan-alasan yang diberi oleh Speaker. Saya katakan kalau ada masalah, bawa di sini. Walaupun ada persoalan di luar, pandailah menjaga nama negara. Ini soal tentang maruah negara. Tidak semestinya saya minta *gag order*. Saya bukan cakap begitu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kota Belud ini dia jawab bagi pihak Menteri. Seolah-olah dia tidak yakin dengan keupayaan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, tolong duduk. *I don't give you the floor*. Duduklah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Because you are not reaching the point*. Sepatutnya bahas.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa? Speaker sudah cakap duduk, duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *You are answering on behalf of the Minister*. Kalau hendak jadi Menteri, tunggulah penggal yang akan datang. Belum sampai lagi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Duduk, duduk. Duduklah Yang Berhormat Batu. *You are wasting my time*. *You are not the Speaker, you know*.

Yang Berhormat, saya hendak katakan, soal hendak bertanya kepada kerajaan, kita rela, buatlah dalam Dewan ini walaupun saya tahu kadang-kadang ada perkara-perkara yang tidak masuk akal ditanya, tidak apa. Akan tetapi di luar negara, sebagai bakal pemimpin, saya kira kita kena ada *discretion* sedikitlah.

■2100

Discretion! Itu sebabnya Indonesia sekarang ini rakyatnya tidak hormat negara kita kerana kalau pemimpinnya datang ke Indonesia tidak ada yang baik tentang kerajaan ini sebab itu mereka berani buang telur ke dalam kedutaan kerana mereka kata – saya tidak bagi ruang Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh saya mencelah?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Duduk dahulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagilah celah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagilah saya ruang ini.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kita juga dengar tohmahan. Itu sebabnya rakyat di Indonesia berani baling telur ke kedutaan kita kerana mereka kata *"Eh! Memang teruk negara Malaysia ini. Asal pembangkang datang, ada sahaja yang tidak kena."* Saya katakan, saya kira ada kita semua pun *diplomat in a away*. Ada cara kita boleh menepis soalan yang sepatutnya tidak payah kita buat di persada antarabangsa, ada. *We are in here together* tetapi tidak semestinya Yang Berhormat tidak boleh bawa isu ini di dalam ini, cuma saya katakan tadi kalau sudah bagi penjelasan dan penjelasan itu diterima, minta maaf, jelaskan kepada rakyat, *"Saya tersilap. Bukannya RM6 bilion, RM3 bilion itu memang betul."*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kota Belud, sedikit. Banyak kali saya sebut LTS.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, saya katakan Tuan Pengerusi ini yang kita minta...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kota Belud, *you has mentioned about* RM6 bilion itu banyak kali. Boleh beri kita seminit?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, it's okay. You have your floor* nanti.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *No, I just want to make clarification*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *On what*?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Littoral Combat Ship* atau LCS. *[Dewan riuh]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa dia?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: LCS.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Billion RM6 to RM9 billion?*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh, *I will give you 30 second*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Kalau kita betul-betul mahu ia kembali kepada *honesty and intellectual honesty, we were both there*. *[Disampuk]* Bangunlah, kalau hendak cakap. *I got the floor from* Yang Berhormat Kota Belud. Kalau Yang Berhormat Kota Belud ingat, silapnya itu adalah laporan daripada Menteri sendiri dan kalaulah Menteri tidak menyebutkannya lebih awal tentang RM9 bilion, *that was the end of it.* Jadi, maksudnya Menteri kena mengaku silap dahulu sebab kami menggunakan maklumat daripada Menteri. *You must understand that!*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, duduk dahulu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya hendak beritahu, sekali lagi saya beritahu Yang Berhormat cuba mengelirukan Dewan ini. Dengar, *I will give you the explanation*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *I can show you the report*. Menteri yang menyebutkannya dahulu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat duduk dahulu. Pada awal tahun memang betul Menteri mengatakan RM6 bilion tetapi Yang Berhormat... *I am explaining* Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Menteri *never retracted that if you remember*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, let me explain to you* Yang Berhormat, seorang pakar… apa benda semua. Saya beritahu Yang Berhormat, RM6 bilion itu Menteri pun kata, dia betul cakap RM6 bilion tetapi *you don't know at that time,* pada waktu itu RM6 bilion dikatakan untuk RMKe-10, *that is right. So,* kalau waktu...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat Kota Belud.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Habiskan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You are wasting my floor. No*, duduk dahulu, dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekejap Tuan Pengerusi, ini penting Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya hendak katakan Tuan Pengerusi untuk menjelaskan ini sebab ini masih lagi diputar belitkan. Menteri mengatakan RM6 bilion itu untuk RMKe-10, RM3 bilion untuk RMKe-11 tetapi pada waktu kita membincangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh sebab pada waktu itu disentuh tetapi Boustead terpaksa mengumumkan kepada Bursa kerana mereka adalah *public listed, contract* itu memang bernilai RM9 bilion.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akan tetapi tidak diterangkan ketika itu Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Akan tetapi RM6 bilion untuk RMKe-10, RMKe-11 RM3 bilion. *You don't understand, once you understand, you don't spin*. Itu sahaja saya minta.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *No, we understood only after clarification...*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Now that you know it, you owe the people of Malaysia apology, you owe the people of Malaysia apology my dear doctor.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *No*, kalau Menteri... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, *no! It is not a semantic*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *No, no*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud, sudah habis masa Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya sekejap, satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Cuma yang saya hendak tanya sedikit kepada Menteri ialah tentang Butiran 010100, sedikit sahaja hendak tanya Yang Berhormat. Saya hendak tanya oleh kerana kapal selam ini pangkalannya di Kota Kinabalu di Sabah, saya cuma hendak tanya sama ada, ada atau tidak syarikat-syarikat negeri Sabah yang mendapat manfaat, kalau pun tidak teknikal kontrak-kontrak yang tidak seperti pembersihan tangki, cat mengecat, *supply* dan sebagainya itu. Saya minta sangatlah supaya pihak kerajaan, pihak kementerian memberi peluang kepada syarikat-syarikat *local,* tempatan di Kota Belud di seluruh Sabah, GLC dan sebagainya untuk mendapatkan peranan di dalam penyelenggaraan ini. Kalau yang teknikal itu, mungkin terlalu *complicated,* saya faham tetapi banyak yang tidak teknikal kontrak boleh diberi dan saya mahu memberitahu kepada Menteri bahawa sebenarnya Tan Sri Ahmad Ramli sebagai ketua kepada *Boustead shipping and heaving industry* ini. Dia memang prihatin cuma kalau boleh dipertingkatkan lagi usaha itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu dan selepas itu Yang Berhormat Hulu Selangor

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kuala Selangor sedikit Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah banyak sedikit tadi. Ya, Yang Berhormat Batu.

9.05 mlm.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya bawa ke dalam tajuk pertahanan maritim ini, saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kota Belud sebab dia seolah-olah menghina Duta Malaysia di Indonesia ini sehingga surat kenyataan dari Yang Berhormat Lembah Pantai dapat mengelirukan 200 juta rakyat Indonesia dan Kedutaan Malaysia tidak boleh membetulkan persepsi yang menyeleweng ini, kalau betullah. *[Dewan riuh]*

Saya ingin bawa dalam isu ini, pertama sekali saya ingin dapat penjelasan dari Menteri sama ada kelengkapan untuk kapal selam kita iaitu senjata seperti *Black Shark* torpedo dan juga *Exocet Missile* misalnya yang ditujukan untuk memperlengkapkan kapal selam ini sudah diterima atau sudah sampai *deliver* ke Malaysia atau tidak secara sepenuhnya? Apakah kos penyelenggaraan dan juga simpanan untuk misil dan torpedo ini, sama ada Menteri Pertahanan harus minta peruntukan baru untuk *maintenance* bagi senjata yang ditujukan untuk dua kapal selam ini?

Dalam perkara ini saya juga ingin tegaskan sekali lagi kita nampak atas nama *Malaysian Industrial Participation* – saya setuju dengan Yang Berhormat Jasin sepenuhnya, yang sepatutnya digunakan untuk menggalakkan penyertaan industri Malaysia tetapi dari dokumen-dokumen yang diperolehi terutamanya dari Mahkamah Perancis didapati bahawa sebenarnya MIP ini digunakan untuk memberi kontrak kepada syarikat-syarikat tertentu yang tidak ada fungsi. Saya dapat jawapan dari Menteri bahawa Kerajaan Malaysia tidak ada hubung kait dengan Terasasi yang juga merupakan dan telah menjadi sebahagian daripada konsultan dalam kes pembelian kapal selam ini. Akan tetapi jelas terasasi ada satu perjanjian dengan pembekal kapal selam ini di antara tahun 2000 hingga 2001. Mereka telah membuat laporan setiap empat kali setahun kepada syarikat tales yang membekalkan sub marin dan EURO22 juta telah dibayar untuk tujuan ini.

Dalam kos laporan kepada pembekal sub marin, kita dapati sesetengah dokumen yang dianggap sebagai sulit telah jatuh di tangan pihak Perancis dan itu saya difahamkan Menteri Pertahanan akan jawab. Akan tetapi *point* saya ialah apakah *safeguard* bagi kita apabila kita bagi kepada syarikat-syarikat ini, keselamatan negara kita dijaga. Dengan perkara yang sama, yang apabila kita menandatangani perjanjian untuk *maintenance* dengan DCNS dan Boustead, adakah kita tetap boleh menjaga dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat sulit yang diperolehi oleh pihak tentera.

■2110

Dalam perkara ini juga kita dapati bahawa peranan orang tengah seperti Razak Baginda, sehingga hari ini belum kita jelas kerana sungguhpun kerajaan menafikan ada hubungan dengan 'Terasasi' tetapi jelas dari bekalan maklumat daripada Hong Kong Company Registrar menunjukkan 'Terasasi' ini dimiliki sepenuhnya oleh Razak Baginda dan bapanya Abdullah Baginda.

Seterusnya juga, kita ingin dapati dari dokumen mahkamah Perancis juga menunjukkan sebelum Razak Baginda mengambil alih, pihak tentera dan pihak Perancis telah berhubung perkara ini dengan seorang yang bernama Jasbir Singh. Kita juga ingin tahu dari pertahanan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat tegur Yang Berhormat Kota Belud tidak masuk dalam Butiran.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, untuk apakah peranan orang seperti ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You are going to the detail*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Batu, tadi cakap saya tidak boleh menyimpang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebab saya bawa kes ini adalah kerana perkara-perkara ini menurut...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tadi cakap saya tidak boleh menyimpang, bising.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dokumen dalam mahkamah, inilah yang menjadikan kos...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Butiran mana? Butiran mana Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini yang menjadikan kos. Nanti saya bagi *floor*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Butiran mana? Tadi kata saya tidak boleh bercakap.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, okey saya bagi *floor*. Saya akan bagi *floor*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, tidak saya cuma hendak tegur, *you* baca Butiran mana?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *No, no.* Butiran ini ialah, maksud saya ialah kerajaan harus memberi penjelasan bahawa kos untuk Kementerian Pertahanan meningkat dan juga penyenaraian dan peralatan ini makin tinggi. Salah satu sebab kenapa ini tinggi ialah syarikat-syarikat orang tengah ini, ejen-ejen yang terbukti dalam dokumen mahkamah bahawa Malaysia menggunakan ejen-ejen ini atas nama *Malaysian Industrial Participation.*

Akan tetapi orang-orang seperti Jasbir Singh, Razak Baginda, mereka bukan *part of the Defence Ministry. The defence industry. So,* apa peranan mereka yang kita ingin tahu dan dapat penjelasan? *So*, itu sahaja yang saya harap dapat sedikit penjelasan dari kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya rasa cukuplah Yang Berhormat. Selepas ini satu kementerian. Usul kita sehingga jam 9.30. Ada satu kementerian lagi. Sekarang 9.12 malam.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh celah sedikit. Nanti Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya mintalah selepas Yang Berhormat Hulu Selangor, Menteri menjawab.

9.12 mlm.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana sudi memberi saya ruang. Satu isu sahaja saya ingin bangkitkan iaitu Butiran 010100 – RM4.4 juta diperlukan bagi membiayai pembayaran *ex-gratia* kepada veteran angkatan tentera Malaysia yang tercedera semasa bertugas sebelum tahun 1994.

Tuan Pengerusi, saya sedar ini merupakan satu bantuan yang memang diperlukan dan pembayaran ini memang akan dihargai oleh veteran angkatan tentera ini. Pada masa yang sama kita juga tidak boleh terlepas pandang kepada mereka yang tidak mendapat pencen, pegawai tentera yang tidak berpencen dan juga kepada mereka peringkat lain-lain pangkat. Mereka adalah tentera yang telah berkhidmat dalam era yang panas semasa pengganas komunis sedang aktif. Rata-rata mereka adalah orang yang lama dan orang yang tidak banyak ragam.

Pemberian pencen yang adil merupakan satu inisiatif kerajaan untuk cara terima kasih kepada khidmat bakti mereka yang tulus dan ikhlas. Pemberian pencen yang ada ini merupakan pengubat hati anak-anak mereka juga. Saya berharap supaya satu anugerah istimewa kepada veteran-veteran yang bersara tidak mendapat keistimewaan ini dipertimbangkan dan tidak kira sama ada berkhidmat 21 tahun atau tambahan berkhidmat untuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda setahun. Dikira semua mereka ini berkhidmat sebagai 25 tahun.

Saya juga ingin bertanya sama ada seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa belanjawan...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Hulu Selangor, sedikit.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Okey.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tuan Pengerusi, jadi saya sendiri pun sebenarnya selaku Yang di-Pertua Naib Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia, kita pun mengalu-alukanlah pemberian veteran kepada veteran ini. Di sini saya hanya berharap dahulu ada yang bekerja 21 tahun, berkhidmat selama 21 tahun. Kemudian pada masa itu mereka sebenarnya kalau diberi peluang, mereka ini hendak sambung buat setahun

lagi. Agong panggil tetapi mereka tidak diberi peluang. Mereka diminta menamatkan perkhidmatan pada jangka masa 21 tahun. Mereka ini dibayar pencen separuh 50% daripada gaji.

Ada pula selepas itu yang dapat berkhidmat tambah setahun lagi. Mereka ini apabila dibuat pengiraan pencen, bila ada pertukaran dasar mengenai pencen dan sebagainya, mereka ini dapat pencen lebih pula pada yang berkhidmat 21 tahun. Patutnya syarat perkhidmatan hanya 21 tahun, tidak dikira yang lebih itu. Jadi, menimbulkan ada sedikit tidak seronoklah di kalangan yang dapat 21 tahun. Jadi, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Mungkin Menteri dan Timbalan Menteri...

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: *Point* yang sama.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Tentang apa?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: *Point* yang sama.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: *Point* yang sama? Cepat ya.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat, mengikut bayaran RM 4,400,000 ini ialah *ex-gratia* untuk veteran angkatan tentera Malaysia yang tercedera semasa bertugas sebelum tahun 1994. Saya mengetahui bahawa ada tiga formula iaitu mereka yang tercedera sebelum 1994, formula yang kedua ialah untuk membayar mereka selepas tercedera 1994 dan selepas 2001. Kepada saya, tidak ada sebab untuk membeza-bezakan mereka yang tercedera kerana mereka harus diberikan pampasan yang sama kerana mereka bertugas demi mencapai matlamat yang sama iaitu mempertahankan negara kita. Setujukah bahawa tidak ada apa-apa perbezaan antara ketiga-tiga dan untuk membayar mereka yang tercedera sebelum tahun 1994?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis, terima kasih Yang Berhormat Selayang. Saya harap kementerian Menteri atau Timbalan Menteri dapat memberi satu pendapat dan juga jawapan terhadap apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen tersebut juga.

Yang terakhir sekali ialah seperti mana yang kita sedar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan satu *one-off payment* kepada bekas kakitangan Kemas seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Parlimen Jasin sebentar tadi. Saya juga berharap bahawa satu *one-off payment* dapat juga dipertimbangkan kepada mereka yang pencen tentera peringkat lain-lain pangkat dan juga mereka yang tidak mendapat pencen kerana tidak melepasi 21 tahun perkhidmatan. Ini saya pasti akan dapat membantu meringankan beban mereka juga. Saya ingin menyokong permintaan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya mencelah dia, Tuan Pengerusi.

9.18 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada rakan-rakan yang terlibat dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Kota Belud yang banyak bantu saya. Jadi, saya tidak payah jawab banyak. Terima kasih. Malah semua jawab, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan Pengerusi, ingin saya nyatakan bahawa kontrak senggaraan kapal selam ini adalah sangat unik kerana kita mempunyai dua kontrak mengenai kapal selam. Yang pertama, saya telah terangkan secara agak *detail* dalam persidangan yang lalu. Cuma, ia ada dua bentuk pembayaran. Satu dalam *Euro* dan satu lagi dalam ringgit. Ringgitnya RM532 juta yang melibatkan selama enam tahun. *Euro*nya RM193 juta melibatkan enam tahun juga. Akan tetapi oleh sebab *Euro* turun naik, sebab itu Yang Berhormat Jasin kata RM1.5 bilion tetapi kementerian kata RM1.3 bilion.

■2120

Ini bergantung kepada nilai *Euro*. Yang Berhormat Jasin ingin mengetahui secara *detail* ada peningkatan dalam kos penyelenggaraan, tak ada peningkatan, ia tetap sama cuma kadar dia yang telah kita materaikan adalah dia *firm* dan *fix price* dan hanya dipengaruhi oleh kadar tukaran wang asing sahaja. Kontrak ini merangkumi tiga bahagian iaitu perkhidmatan selenggaraan preventif dan juga *corrective* bagi kedua-dua kapal selam Scorpene TLDM termasuk pembekalan semua standard *spares* dengan izin, dan juga tenaga mahir dan juga *support* dan *test equipment* SDE yang diperlukan pada tahap *intermediate* ataupun depot.

Pembelian alat ganti *insurance items* dengan izin, dan penggantian ataupun *replenish* alat ganti tersebut sehingga tarikh akhir kontrak ISS selama enam tahun. Penyediaan semua peralatan *out fitting* yang diperlu untuk menyokong kerja selenggaraan kapal selam ini termasuk peralatan, sistem bengkel, peralatan bergerak yang tetap dan selenggaraan ke atas semua *out fitting,* itu satu.

Yang Berhormat Jasin juga ingin tahu apa manfaat termasuk Yang Berhormat Kota Belud sama ada mana-mana syarikat Sabah diberi peluang. Elok saya tekankan bahawa Scorpene yang kita beli daripada OEM DCNS, kita satu-satunya negara dalam dunia yang membeli Scorpene ini daripada OEM melibatkan tiga komponen iaitu pembelian atau *procurement,* kedua ialah latihan krew dan ketiga ialah penyelenggaraan. Berbeza dengan Scorpene yang dibeli oleh Chile di mana dia order daripada syarikat yang sama.

Akan tetapi oleh kerana Chile dah ada kapal selam, maka *training* atau krew yang menyelenggarakan kapal selam itu tidak perlu dilatih kerana dah ada pasukan kapal selam. Pada waktu yang sama, industri sokongan kapal selam sudah wujud di Chile. Sama juga dengan India kerana India dah ada kapal selam daripada Jerman dan Rusia, maka latihan krew bersama dengan penyelenggaraan kapal selam sudah wujud maka sistem dia agak tersusun walhal kita kena latih krew dan kena wujud dan bangunkan pembangunan kemahiran dalam industri pengurusan kapal selam. Ini mengambil masa.

Oleh sebab itu, kerajaan buat keputusan menyelenggarakan kapal selam dengan OEM di mana 60% dipunyai oleh BHIC, 40% oleh DCNS dan syarikat tersebut adalah dikenali sebagai 'BTNC'. Dia ambil masa sedikit, ambil masa. Baru KD Abdul Rahman 2009 sampai ke tanah air, KD Tun Razak 2010. Jadi dia ambil masa dan saya pasti pembangunan ini akan dapat kita bina secara komprehensif sejajar dan sesuai dengan kemampuan. Jadi kita kena gigit, dengan izin Tuan Pengerusi, *we have to chew according to our ability to chew.* Jangan kita makan nanti tersedak... *[Ketawa].*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tak boleh nak telan. Nak telanlah bukan macam Yang Berhormat Batu itu dia gigit, ini kita kena *chew.* Dia gigit. Nak tanya?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey. Terima kasih. Pertama sekali sebelum ini Menteri Pertahanan telah umum kepada media bahawa malam ini dia akan jawab tapi rupa-rupanya Menteri Pertahanan nampak timbalannya lebih layak dan timbalannya nampak agak Yang Berhormat Kota Belud sudah jawab.

So saya ingin kembali kepada isu ini. Apa alasannya kita pecahkan kontrak ini daripada segi satu dalam *Euro*, satu dalam Ringgit Malaysia? Kalau bayaran ini ikut persetujuan, DCNS dan Boustead dia bentuk satu syarikat. Syarikat dia 60% Boustead 40% DCNS. Kalau dia satu syarikat, kenapa bayaran dia berbeza-beza? Biarlah kita bayar di *Euro*, biarlah yang *Euro* itu *convert* untuk bayar kepada *local partner* dia atau kita bayar dalam Ringgit Malaysia dan biarlah mereka menanggung *risk* pertukaran *currency* ini.

Saya tidak nampak logik kenapa kita pecahkan. Manakala yang pecahkan kalau ikut pengalaman sebelum ini, dia yang di atas nama MIP ini yang terima *local partner* ini bukan orang yang mempunyai kemahiran. Sebagai contoh yang tadi menteri kata, kita ada tiga komponen. Satu pembelian, satu *maintenance*, satu latihan. Akan tetapi pembelian kita beli

daripada DCN, pembekal dan mereka ada teknologinya. Latihan kita bagi kepada Perimekar. Apakah Perimekar *got to do with* latihan? Kalau latihan dibayar kepada DCNS, apa peranan RM100,000 yang dibayar kepada Perimekar atas nama *support coordination and training?* Itu komponen yang sampai hari ini tidak dijelaskan. Akhir sekali *maintenance*. Sekali lagi kita nampak kita bagi kepada kumpulan yang nampaknya tidak mempunyai keupayaan dan dengan *local participation,* dia pun tidak bagi kepada komponen kita seperti Sabahkah kawan-kawan kita di Malaysia ini. Dia kembali hampir 100% diurus oleh DCN.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, sebentar Yang Berhormat. Kita ada usul Peraturan Mesyuarat 12(1). Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk bacakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

9.28 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan (2012) 2012; dan sehingga selesai Ucapan-ucapan Penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 27 Jun 2012."

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalah ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

9.29 mlm.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hilang idea tapi Yang Berhormat Batu, itulah saya kata ada satu perkataan babil. Babil ini sama dengan beballah, babil dengan bebal.

Beberapa Ahli Pembangkang: Jawablah.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Yalah, nak jawablah ini. Oleh sebab itu dia bebal dengan babillah. Perimekar ini bukan dia yang latih kita punya krew. Dia ada enam perkara yang perlu dibuat oleh Perimekar. Perimekar EUR114 *million* yang kita bayar kepada Perimekar bukan untuk latih.

■2130

Berbuih sudah mulut bercakap. Dia tidak faham-faham. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, kalau kita mengaji Al-Quran dia tidak boleh tangkap, *"alif min mati di atas am*." Tidak boleh. Cakap *"im"* juga. Itu beballah tu. Dia tidak faham-faham. Perimekar ini bukan untuk melatih krew kita. Kalau Perimekar melatih krew kita lainlah. Yang melatih kita adalah DCNS. Perimekar hanya terlibat dalam bila pegawai-pegawai TLDM dan lain-lain pangkat berada di dua tempat untuk berkursus enam tahun, dia kenakan sediakan perumahan, sewaan rumah, sewaan *transport*, tiket kapal terbang, insurans apa yang berlaku pada krew dua-dua ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Saya tidak payah hendak jawab panjang-panjanglah. *You* pun duduk. Saya tidak bagi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *You are saying that we cannot manage that?* Kita tidak mampu buat benda itu? Kena Perimekar juga buat?

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Apa masalahnya?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Value added is there*.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Apa masalahnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Dia bukan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *RM460 million.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan layan. Yang patut jawab, jawablah. Yang tidak patut jawab tidak payah jawablah. Ini cerita yang berulang-ulang. Apa hendak buang masa kita. Patut jawab, jawablah. Yang tidak patut jawab, tidak payah jawablah. Cadangan yang dulu. Balik-balik cerita lama juga. Tidak ada modal lainkah dia orang ini?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You* bagi pada siapa pun, akan dipertikai juga.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Kerja-kerja penyelenggaraan kapal selam ini akan diberi kepada anak-anak syarikat tempatan untuk mereka terlibat dalam industri pertahanan teknologi tinggi, untuk membangunkan kemahiran, kepakaran kapal selam seperti sistem persenjataan, kimpalan, *galvanizing* - kerja penyaduran bagi mengelakkan karat, hidraulik dan sebagainya.

Yang Berhormat Jasin juga bertanya sama ada ada ataupun tidak *transfer of technology* (TOT). Kerjasama TOT bermula melalui inisiatif BDNC terhadap penyelenggaraan kapal selam. Langkah awal yang diambil adalah mengenal pasti dan menghantar 11 tenaga kerja yang mempunyai kepakaran pelbagai bidang dalam mengikuti latihan penyelenggaraan kapal selam bersama-sama syarikat DCNS di Perancis dengan pembiayaan sendiri pada tahun 2008 dan tahun 2009.

Selain itu seramai 22 tenaga pakar turut diberikan latihan secara khusus dalam bidang penyeliaan kapal selam dan bidang khusus yang memerlukan *transfer of technology* ini adalah seperti kimpalan, *galvanizing* seperti yang saya nyatakan. Selain itu perpindahan teknologi juga menyumbang kepada peningkatan ilmu dan kemahiran dalam pengurusan kapal selam dan ilmu akustik iaitu kajian saintifik tentang bunyi, bagi aspek Navigasi dan peperangan bawah permukaan tahap yang tinggi. Oleh yang demikian dengan pemberian kontrak selenggaraan kapal selam kepada BDNC adalah antara usaha kerajaan memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk terlibat dalam industri pertahanan berteknologi tinggi serta secara tidak langsung berupaya meningkatkan kemampuan syarikat industri pertahanan negara.

Yang Berhormat Jasin juga bertanya selepas enam tahun apakah orang tempatan akan berkemampuan untuk mengambil alih tugas penyelenggaraan kapal selam dan jawapannya adalah dengan pelaksanaan TOT yang efektif daripada OEM kepada BDNC kemampuan tenaga mahir tempatan yang berpengalaman untuk melaksanakan penyelenggaraan kapal selam pasti akan tercapai.

Yang Berhormat Jasin bertanya soalan mengenai kontrak SMEA I dalam TLDM. Tidak ada dalam butiran. Saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Lembah Pantai bertanya mengenai NCO ATM. Perkara tersebut juga tidak ada dalam butiran. Jadi saya tidak perlu jawab.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat. Kalau boleh...

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Saya jawab secara bertulis sebab tidak ada butiran.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Takkan tidak boleh bagi perkembangan secepat mungkin Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Secara bertulis ya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Takkanlah satu ucap satu ayat.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Sebab tidak ada dalam butiran ya. Tidak ada dalam butiran.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Akan tetapi ia berkait dengan penyelenggaraan. Kalau NCO tidak siap, kita akan membelanjakan..

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tidak ada dalam butiran. Tahu atau tidak peraturan?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya tahu peraturan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Duduklah!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya minta Yang Berhormat tahu juga tanggungjawab Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Bukan masalah tanggungjawab. Peraturan 24(3) jika saya hendak jawab atau tidak jawab itu saya punya hallah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tolong tarik balik "bebal" ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri tengah jawab tidak perlulah menjerit-jerit, memekik-mekik macam itu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tarik baliklah. Apa bodoh, bodoh ini? Berulang-ulang kali.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi, saya minta. Saya dengar perkataan "liwat" disebut, perkataan "bodoh" disebut, dengar perkataan "bebal" disebut. Adakah ini cara-cara yang dibenarkan? Bila kita tanya persoalan. Hendak ulang lagi, ulang?...

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Saya punya *floor.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masalahnya Yang Berhormat...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang kata perkataan itu sila berdirilah. Jangan duduk dan berkata.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu masalahnya Yang Berhormat dia tidak menggunakan mikrofon. Macam mana saya hendak tegur yang mana satu. Kita kena tegur sorang-sorang. Siapa yang sebut itu dia yang terpaksa menarik balik perkataan itu.

Walau bagaimanapun, saya setuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai, perkataan-perkataan itu yang jelas kedengaran janganlah digunakan. Walaupun tengah malam begini bersidang, *we can control ourselves*. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Akhir sekali ada dua ini. Satu pasal Krisakti. Krisakti ini perkongsian bijak di antara Syarikat Aerotree Defence & Services Sdn. Bhd. yang diketuai oleh Major (R) Dato' Halim Othman, bekas juruterbang TUDM di mana ia melibatkan empat buah pesawat berkipas ekstra 300L buatan Jerman. Ia dipilih kerana kosnya rendah, *maintenance*nya mudah, pergerakan aerobatik yang bagus dan telah pun terbukti dalam LIMA tahun lepas.

Peruntukan yang diminta adalah sebenarnya RM15 juta. Cuma RM5 juta yang diluluskan dalam Bajet 2011. Tambahan RM10 juta untuk tahun ini. Mengikut perjanjian mereka mesti mengikuti sekurang-kurangnya empat pertunjukan aerobatik udara setiap

tahun, tiga acara rasmi kerajaan dan satu acara rasmi Asean setiap tahun. Sebagai contoh Hari Merdeka, LIMA dan sebagainya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri. Isu torpedo dengan misil.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Torpedo pun tidak masuk dalam butiran. Saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Hulu Selangor bertanya kenapa ada tiga kategori. Sebenarnya tiga kategori penerima *ex-gratia*. Sebenarnya tugas kerajaan adalah meletakkan sesuatu yang sesuai iaitu adil. Bukan maknanya sama itu adil. Saya ingat Yang Berhormat Sri Gading tahu maknanya. Adil itu meletakkan sesuatu di tempat yang sesuai, yang hak. Bukan kita hendak saja-saja atau suka-suka hendak beza-bezakan mereka. Perbezaan ini berlaku kerana pekeliling mengenai *ex-gratia* ini ada tiga peringkat iaitu Bilangan 7, Tahun 2001, Pekeliling Perbendaharaan yang melibatkan mereka-mereka yang menerima kecederaan selepas 2001. Kemudian Pekeliling Perbendaharaan Bil.13, Tahun 1994, mulai 20 Oktober 1994 hingga 31 Disember 2000. Ini juga berbeza pekelilingnya dan akhirnya adalah bayaran insentif khas kecederaan, kematian, *insurgency* ATM sebelum 20 Oktober 1994.

■2140

Ekoran daripada itu, maka terdapatlah tiga bentuk ex-gratia. RM4 juta yang kita minta itu adalah kerana seramai 377 mereka yang terlibat dianggarkan patut menerima pada tahun 2012. Peruntukan yang sudah disediakan adalah RM5 juta dan kita tidak cukup RM4.4 juta. Dengan adanya RM4.4 juta ini, kita boleh bagi 377 ex-gratia ini...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Kepada veteran yang pasti akan menyokong Barisan Nasional.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sedikit sahaja, sedikit sahaja. Saya kata kategori tiga tadi, mereka yang berkhidmat sebelum Oktober 1994. Mereka hanya baru dibayar sebagai *one-off*, pukal sahaja. Akan tetapi merekalah sebenarnya yang terlibat dalam *insurgency* dahulu, dalam peperangan kepada komunis. Banyak daripada mereka yang hilang upaya secara kekal. Yang selepas itu mungkin kemalangan yang lain-lain. Bukan saya menidakkan mereka-mereka yang mendapat pukal dan juga elaun bulanan, tetapi kenapa kita pisahkan atau seolah-olah kita tidak berlaku adil? Mereka ini telah berkhidmat dengan begitu gigih sekali. Kebanyakan daripada mereka telah meninggal, sudah tidak ramai lagi yang tinggal. Akan tetapi yang tinggal yang cedera ini, mereka hilang upaya seumur hidup, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan bawa nanti dalam Majlis Angkatan Tentera yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Bagan Datok ada, dia pun dengar. Pada 28 hari bulan kita mesyuarat. Terima kasih banyak-banyak. Itu sahaja jawapan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM210,000,000 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM210,000,000 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud B.62 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sri Gading.

9.42 mlm.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa sudah jadi Tuan Pengerusi? Apa sudah jadi kepada negara kita Tuan Pengerusi? Apa sudah jadi? *[Disampuk]* Kebanjiran rakyat asing saya difahamkan lebih kurang 4 juta.

Seorang Ahli: Butiran mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Butiran B.62, KDN, Butiran 010000 – Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri. Apa hendak lagi? Apakah kita tidak ada perasaan Tuan Pengerusi? Setiap tujuh orang rakyat kita, ada seorang rakyat asing mencelah. Apakah kita tidak ada rasa cemburu, khuatir, bimbang, ragu, syak dan takut? Gejala ini sudah menjadi penyakit. Gejala ini dipanggil gejala pendatang asing. Orang asing datang setengah-setengahnya dengan strategi. Apakah kita tidak sedar?

Sebagai contoh, ada sebuah kolej swasta jual pas belajar. Seorang Bangladesh sudah bekerja lapan tahun di sini, sebagai contoh. Macam mana strategi mereka? Dia bawa bini dia datang ke negara ini konon hendak belajar di kolej swasta. Dia hendak empat tahun sahaja kerana dia hendak anak dia dua orang lahir dalam negara ini. Dia beli pas RM10,000. Dia hendak tinggal dalam negara ini, anak dia. Akhirnya anak dia sebagai penduduk tetap akan menjadi warganegara. Ini strategi mereka. Mereka akan merampas hak kita, keistimewaan kita.

Saya harap pihak yang berkuasa, imigresen umpamanya, rekodkan mereka ini. Pendatang asing ini direkodkan. Kalau ada pendatang asing yang membuat kesalahan yang kita halau dia keluar daripada negara ini, rekodkan betul-betul supaya dia jangan kembali semula. Kita tidak perlu mereka. Negara terdedah dengan ancaman. Setengah orang kita yang menjadi petualang, penderhaka, buka pintu negara ini seluas-luasnya kepada orang-orang luar, boleh buat sesuka hati, bermaharajalela.

Contohnya ada tiga diplomat Singapura turut serta dalam rusuhan haram. Ada warga Ahli Parlimen Australia datang cabul. Apakah ini tidak jelas menunjukkan bahawa ada kuasa luar yang dipanggil oleh orang-orang tertentu dalam negara ini untuk merosakkan negara kita? Apa tindakan kita? Singapura sebagai jiran kita tidak hormat kita. Apakah kita mendiamkan diri? Apakah kita tidak ada maruah dan harga diri? Ini diplomat kurang ajar datang ke negara kita.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Sri Gading, setujukah kita...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah. *You* pun bersubahat dengan dia orang. *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita halau diplomat ini dari negara kita. Tunjuklah keberanian kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah. Saya pun tidak hendak dengar awak punya alasan kerana pembangkang memang berniat jahat kepada negara ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Setujukah Yang Berhormat Sri Gading, kita halau diplomat, kita halau mereka?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita boleh pertikaikan kesetiaan mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Betullah kalau betul...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, dia tak bagi jalan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Setujukah Yang Berhormat Sri Gading, kita halau mereka?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Adakah mereka yang datang daripada luar bersama-sama dengan rusuhan 28 April yang lalu, dia membiayai segala rusuhan ini?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading tak bagi jalan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Putus-putus...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apakah Ambiga dapat wang daripada luar untuk menjayakan rusuhan haram ini?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri Luar Negeri putus perhubungan diplomat... *[Dewan riuh]* Esok putus.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tak bagi *you* laluan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yalah, kalau bercakap...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Batu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Duduklah.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Duduklah, dia punya *floor* sekarang ini.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini jelaslah cakap-cakap bahawa orang luar hendak campur dalam politik negara kita.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Setuju atau tidak kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Mengusir diplomat yang tidak mematuhi dan tidak menghormati negara kita?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bawa wang atau membiayai segala apa yang berlaku dalam negara ini. Apakah kita tidak boleh mengambil tindakan?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, inilah tindakannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payahlah Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tindakan.

Beberapa Ahli: Duduklah Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tindakan, usir merekalah. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Batu, duduklah Yang Berhormat Batu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *The purpose is just to disturb. Please*lah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Sri Gading, saya percaya ini Yang Berhormat Batu ini pengintiplah sebenarnya.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada orang lain membiayai. Ini tindakan pengkhianatan kepada negara.

Tuan Pengerusi, kita masih ingat apabila al-Maunnah menderhaka kepada Yang di-Pertuan Agong, kita hukum gantung dia. Ingat cerita itu beberapa tahun yang lalu? *[Disampuk]* Apakah Ambiga tidak boleh kita anggap penderhaka kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan hukum gantung kepada dia? *[Tepuk]*

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Setuju, setuju, amat setuju Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ajar, puak ini kena ajar. Keselamatan 28 juta rakyat Malaysia kena utamakan. Ini saya ucap terima kasih kepada pihak polis yang berkorban, berkorban. Orang maki dia, orang macam-macam caci dia tapi sabar. Kalau saya jadi polis, entah-entah saya pelangkung kepala mereka. Jangan panggil saya Mohamad Aziz lah.

Jadi soal keselamatan, soal keselamatan! Ini pendatang asing, 'awang hitam' buat macam-macam, apakah kita hendak mendiamkan diri? Kurang ajar punya rakyat asing datang bermaharajalela, langgar adat budaya bangsa Malaysia.

■2150

Saya menyuarakan sebagai rakyat yang cinta kepada negara saya. Darah saya pun boleh saya tumpahkan untuk negara saya. *[Tepuk]* Ini negara saya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini butiran berapa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang macam saya ramai di Malaysia kerana hendak mempertahankan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Butiran berapa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Butiran apa yang engkau tanya? Aku sudah cakap tadi, Butiran 010000. *[Disampuk]* Apa benda ini? Tuan Pengerusi, tahniah kepada pihak polis, tahniah kepada orang yang bertanggungjawab atas keamanan, keselamatan negara. Berbahagia kita Tuan Pengerusi, atas tanggungjawab yang mereka hulurkan. Jika orang yang mempertahankan negara ini kita sanjung orang yang derhaka sepatutnya dihukum dengan hukuman yang sekeras-kerasnya. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

9.51 mlm.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan juga perkara sama Butiran 010000 – Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri. Saya menyokong segala usaha yang diambil oleh pihak kementerian untuk membanteras jenayah dan juga menyokong segala peruntukan yang diberi kepada Polis Diraja Malaysia agar untuk memperbaiki tempat penginapan mereka, kuarters mereka dan peralatan kepada Polis Diraja Malaysia. Agar mereka boleh menjalankan tugas mereka dengan selesa dan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi tetapi satu perkara yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan isu keselamatan dari perspektif yang berlainan daripada Yang Berhormat Sri Gading. Tuan Pengerusi, saya bangkit untuk menyuarakan kebimbangan, kerisauan, ketakutan wanita terhadap isu keselamatan dalam negara ini. Baru-baru ini terlalu banyak kejadian kes jenayah yang mangsanya adalah wanita. Akan tetapi apa yang paling mengecewakan adalah kenyataan Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bahawa laporan-laporan atau kes-kes kejadian jenayah ini adalah satu persepsi sahaja, satu *isolated cases* sahaja Tuan Pengerusi.

Nasib baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan sedikit keprihatinannya dan menyatakan bahawa usaha menangani jenayah akan berterusan dan

tidak ada ruangan untuk keselesaan. Akan tetapi Yang Berhormat Senator Ketua Eksekutif yang mengetuai PEMANDU pula mempersalahkan media, pada awalnya mempersalahkan media. Menyatakan media tidak harus mensensasikan kes-kes jenayah dan cuba untuk memperjelaskan kenyataan awalnya dan meminta media untuk melaporkan kes-kes yang telah diselesaikan oleh polis. Tuan Pengerusi orang ramai telah cuba yakinkan oleh kerajaan, oleh kementerian ini bahawa statistik-statistik jenayah menunjukkan satu penurunan.

Statistik jenayah jalanan ada penurunan 39.7% berbanding tahun lalu berbanding tahun 2009. Indeks jenayah kadar jenayah menurun sebanyak 11.1% berbanding tahun lalu berbanding tahun 2010. Kita dimaklumkan bahawa *Global Peace Index,* Malaysia adalah negara yang paling selamat, *most peaceful country in South East Asia* Tuan Pengerusi. Akan tetapi hakikatnya, realitinya, wanita merasa tidak selamat. *[Dewan riuh]* Wanita merasa tidak selamat di tempat awam...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan boleh? Minta penjelasan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan juga di rumah mereka Tuan Pengerusi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu hakikatnya. Tuan Pengerusi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, boleh minta penjelasan? Fasal hakikat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Nanti Yang Berhormat boleh bangkit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, hakikat, daripada mana itu? *Source* nya dari mana, yang *"keseluruhan wanita di rumah tidak merasa selamat."*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bagi contoh.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Source* nya di mana?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau memang isu-isu jenayah ini tidak begitu serius, kerajaan tidak akan mengadakan NKRA mengurangkan jenayah. *[Dewan riuh]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Oh! *My Goodness, my Goodness*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi Tuan Pengerusi, selepas mengadakan NKRA mengurangkan jenayah dengan statistik-statistiknya, ia tidak berjaya meyakinkan wanita bahawa mereka boleh merasa selamat di tempat awam. Tuan Pengerusi, saya bagi contoh. Sejak kebelakangan ini, saya bagi situasi sebelum NKRA. Wanita dipanggil jangan bawa beg tangan kerana akan diragut beg tangan. Wanita diminta jangan memakai pakaian menjolok sebab akan jadi mangsa rogol.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Wanita dinasihati jangan seorang diri...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Penjelasan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berjalan di tempat yang gelap sebab boleh jadi mangsa jenayah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, boleh minta penjelasan?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, selepas NKRA walaupun dengan statistik penurunannya, wanita masih tidak merasa selamat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Eh! Mana itu...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, kita tengok apa yang berlaku...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Hendak bagi jalan?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya tidak bagi laluan Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tidak tahu, kalau kita nasihatkan supaya berjaga-jaga...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, dia tidak bersetuju bahawa wanita...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidakkan semestinya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak merasa selamat. Itu hakikatnya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, apa yang hakikat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pergi tanya pengundi-pengundi Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kita ada statistik.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Khasnya wanita.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kita ada statistik, laporan polis dan segala-galanya Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tidakkanlah segelintir yang rasa tidak selamat, semua wanita hendak kata tidak selamat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi saya katakan statistik tidak mencerminkan kedudukan sebenar.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Apalah ini Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hakikat sebenar.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You cannot generalized* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bahawa wanita tidak merasa selamat. Tuan Pengerusi kita...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh tetapi jangan *generalized.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Seorang guru Teoh Soo Kim 51 tahun. Beliau diculik, beliau dirompak dan masih terlantar di hospital. Kejadian berlaku lebih kurang 7.00 pagi. Wanita tidak berjalan di tempat yang gelap seorang diri waktu pagi. Kita ada kes Tuan Pengerusi, wanita di *car park* di Mutiara Damansara satu *shopping mall*. Kejadian berlaku pukul berapa? Pukul 5 lebih petang Tuan Pengerusi. Minggu lalu juga ada satu kes juga di tempat awam dan seorang wanita pada hari minggu yang lalu diserang dirompak di Taman Tun, juga pada waktu pagi. Kita ada kes lelaki Chin Huat Wong, dia pergi *jogging* bersenam waktu pagi juga menjadi mangsa. Tuan Pengerusi, itu bukan persepsi, itu bukan statistik, ini kes yang berlaku.

Jadi, tadi saya telah menyatakan kerajaan lebih perlu berusaha dan tidak boleh memandang ringan. Tuan Pengerusi, bulan Mei yang lalu rumah jiran saya, sebelah saya di pecah masuk waktu pagi. Apa balasan dia kata? Dia kata nasib baik saya tidak berada di rumah. Ini apa? Apa sudah jadi kepada negara ini Tuan Pengerusi? Di mana pemilik rumah...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Merasa takut kepada pencuri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini adalah cabaran.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, cabaran boleh tetapi jangan *generalized,* jangan drama.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Cabaran kepada Polis Diraja Malaysia, kepada kementerian.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kota Belud, kalau ini akan melibatkan ahli keluarga Yang Berhormat, kemungkinan tidakkan tanya kajian ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak ada satu negara yang tidak ada jenayah Yang Berhormat Kota Melaka. Satu Malaysia itu, dunia ini memang ada jenayah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita ada mesin ATM dicabut...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Akan tetapi tidak payah *generalized.*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, jangan buat – *down,* boleh jadi isu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Melaka duduklah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak setuju pun Yang Berhormat boleh bangkitkan nanti.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak setuju *generalized.*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *You try to down... the issue. I think that you shouldn't meddle way.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hendak kata satu insiden, dua insiden kata kerajaan gagal, tidak betul.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *When the society so fed up...*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kota Belud duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu hakikat wanita tidak merasa selamat di tempat awam dan juga di rumah.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Yang Berhormat Kota Belud, Jangan cuba hendak katakan perkara ini tidak penting.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, insiden satu dua boleh...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ini kalau melibatkan ahli keluarga kita sendiri, kita hendak tanya lagi... *[Dewan riuh]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Jangan *generalized...*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Melaka, duduk Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You* bawa insiden ini boleh tetapi jangan kata *generalized.*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangunlah kalau hendak cakap.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, it's not fair, it's not fair but if you want to bring the incident, fine* tetapi jangan *generalized unless you have sources,* kata seluruh wanita tidak setuju.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You, be fair* lah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi sebelum ada NKRA kita ada kes Canny Ong tahun 2003. Apabila dibangkitkan, kementerian juga menyatakan ini persepsi, *isolated,* tidak serius dan kerajaan mengadakan NKRA. Ini bermaksud bahawa memandangnya serius tetapi dengan memberi statistik tersebut tidak mencerminkan kedudukan sebenar.

■2200

Saya tadi katakan penurunan statistik salah satu sebab Tuan Pengerusi, ada ramai yang menjadi mangsa jenayah tidak pergi membuat laporan polis. Apa sebab? Mereka kata sebab polis tidak dapat tangkap mereka sebab mereka tidak ada kehilangan barangan yang begitu serius, begitu banyak. Mereka kata tidak payahlah. Buat laporan polis ambil masa dan polis juga tidak dapat tangkap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu ada satu krisis keyakinan. Yang Berhormat Kota Belud boleh tidak bersetuju tetapi Yang Berhormat berhati-hati. Ini isu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memasukkannya dalam NKRA tetapi situasinya nampaknya tidak memberi keyakinan kepada orang ramai, khasnya wanita bahawa keadaan keselamatan, khasnya untuk wanita di tempat awam telah ada *improvement,* dengan izin, Tuan Pengerusi.

Oleh itu, saya rasa adalah baik kementerian memaklumkan memandangkan begitu banyak insiden yang berlaku sejak kebelakangan ini. Saya hendak ulangi ini bukan persepsi. Saya wanita. Saya risaukan ibu saya yang berada di rumah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya risaukan adik yang berada di Kuala Lumpur, Tuan Pengerusi. Saya risau mereka menjadi mangsa. Saya takut terima panggilan mereka menjadi mangsa jenayah. Saya hendak tahu daripada pihak kementerian. Daripada kes yang dilaporkan, tahun lalu sebanyak 157,000 kes. Tidak tahu kes di mana. Penjenayah telah ditangkap, telah dituduh dan disabitkan, dijatuhkan hukum.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan, ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akhirnya, Yang Berhormat Senator kata laporkan kes yang selesai. Akan tetapi bagilah angka statistik. Berapa yang telah ditangkap, dituduh dan disabit. Ada kes di mana kalau penjenayah berjaya dijatuhkan hukuman, saya percaya media sedia untuk mempamerkan, menyiarkan. Tuan Pengerusi, kami wanita, bersedia bekerjasama mencegah jenayah. Beritahu apa lagi wanita perlu buat? Hak untuk kami merasa selamat di tempat awam tidak ada. Kembalikan hak itu kepada kita.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, *are saying,* apakah seluruh wanita di Malaysia ini tidak selamat, Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Belud, sudah habis masa, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini hakikatnya. Tanya wanita. Pergi tanya wanita!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Seluruh wanita, Yang Berhormat kalau balik malam ini selamat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pergi tanya! Pergi tanya wanita!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Seluruh wanita? Seluruh Malaysia?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pergi tanya wanita, adakah mereka merasa selamat atau tidak sekarang?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Seluruh Malaysia? Seluruh wanita?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kecuali isteri-isterilah. Menteri-menteri ada VIP-VIP bersama mereka.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Please*lah. *Please*lah ini bukan ceramah dekat Batu Gajah, ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita orang biasa.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *[Menyampuk]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, saya haraplah...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Isu jenayah ini harus diberi fokus, dijadikan satu *top priority* kerajaan. Jangan memandang ringan. Itu sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu.

10.23 mlm.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mendengar dengan penuh kesabaran. *All the points taken.* Nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri bersungguh-sungguh mendengar dan mengambil nota apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Pengerusi, saya membawa tiga perkara. Yang pertama, sebahagian besar daripada perbelanjaan ini di bawah Butiran 01033 ini menyebut tentang Ikatan Relawan Rakyat yang peranan dan tanggungjawabnya hari ini nampaknya kalau dilihat daripada penambahan belanjawan ini lebih kurang sama dengan polis. RELA tambah RM120 juta, polis tambah RM150 juta untuk pilihan raya. Tuan Pengerusi, apa peranan dan skop tugas serta tanggungjawab RELA dan polis bila tiba masa pilihan raya? Sekarang ini kita lihat bukan sahaja kerajaan ada RELA, ada juga parti politik lain yang ada badan amal mereka yang serupa peranan mereka dengan RELA yang seolah-olah ada kuasa yang sama seperti RELA. Tahan kereta, tahan trafik dan sebagainya yang boleh mencetus kecelaruan. Jadi, minta pihak kementerian bagaimana boleh menjelaskan situasi ini.

RELA saya percaya hari ini telah bertambah. Daripada dahulu seramai 800,000 orang ahlinya dan hari ini telah bertambah kepada lebih dua juta orang lebih mungkin. Yang saya lihat, pengehakupayaan kepada kumpulan ini telah menampakkan bahawa sekurang-kurangnya apa yang dirunsingkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi bolehlah kita tarik nafas lega kerana penguatkuasaan ini akan ada di mana-mana bila penambahan bilangan menjadi berganda di sana.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh beri penjelasan secara khusus. Jika anggota polis tadi kita boleh beri satu kepercayaan dan keyakinan, bagaimana RELA ini? Kita khuatir perkara-perkara yang berlaku satu ketika dahulu, anggota RELA kita menyalahgunakan kuasa. Sekeping kad yang diberikan kepada mereka digunakan sebagai kaedah bagi kepentingan diri mereka.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pembayaran gaji dan elaun. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh berikan satu penjelasan kepada pegawai-pegawai polis yang telah bersara daripada perkhidmatan kepolisannya. Kemudian apabila mereka memperoleh kerja secara tetap di unit-unit lain. Daripada polis berjawatan inspektor umpamanya, kemudian Yang Berhormat Menteri, pindah ke universiti

atau pusat pengajian tinggi yang ada jawatan pegawai keselamatan. Bekerja sebagai Ketua Pengarah dan Keselamatan dengan sebagainya. Kemudian, apabila mereka bersara, perkhidmatan mereka sebagai polis tadi itu tidak diiktiraf oleh kerajaan sedangkan mereka telah berkhidmat dan mencurah tenaga bakti mereka bagi membantu untuk keamanan negara. Mereka tidak diiktiraf kerana mereka dianggap telah bekerja dengan pusat-pusat pengajian tinggi tadi sebagai Pengarah Keselamatan.

Jadi, bagaimana pihak kerajaan boleh mengambil kira kumpulan ini, tidak kurang daripada lima ribu orang seluruh negara, yang hari ini menyuarakan rasa terkilan mereka apabila jasa dan tenaga bakti mereka seolah-olah tidak dilihat oleh kerajaan sebagai pernah menyumbang untuk keamanan negara.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, untuk perkara yang ketiga berkaitan dengan aset dan peralatan. Membandingkan negara kita dengan negara jiran dari segi logistik dengan sebagainya. Polis-polis kita ini Tuan Pengerusi, nampak dari segi uniformnya agak sedikit *inferior* berbanding dengan negara yang Yang Berhormat Sri Gading sebut sebentar tadi di selatan kita dan *to certain extent,* dengan izin, Tuan Pengerusi, berbanding dengan polis-polis di negara Indonesia pun, polis kita seolah-olah nampak macam longgar sedikit. Longgar mengapa? Mungkin dari segi keketatan uniform itu tidak menampakkan polis kita ini seorang yang gagah. Ada pula yang pakai *side arm revolver* lama lagi yang menampakkan senjata kita pun ketinggalan berbanding dengan polis-polis di negara lain.

Jadi, apakah tindakan kementerian untuk mengangkat keupayaan polis ini supaya bukan sahaja mereka dilihat gerun tetapi mereka berupaya. Kehadiran mereka, *the omnipresence* itu sahaja sudah cukup untuk membanteras kemungkinan jenayah. *Potential crime* yang akan berlaku di negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak cakap panjang. Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

10.28 mlm.

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 010300 dan 020100. Saya ringkas sahaja. Dalam bajet tambahan ini, kementerian telah memasukkan sebanyak RM270 juta untuk tujuan keperluan tugasan Pilihan Raya Umum Ke-13. Bolehkah kementerian memberi maklumat mengenai penempatan pegawai dan dana di kawasan-kawasan Parlimen yang berbeza. Bolehkah juga kementerian menjelaskan perbezaan dalam perbelanjaan dalam pilihan raya kecil berbanding dengan pilihan raya umum yang akan datang. Sebagai contoh, pada masa ini kementerian membajet purata sedikit lebih daripada RM1 juta bagi setiap kawasan Parlimen untuk tujuan pilihan raya umum yang akan datang. Manakala bagi pilihan raya kecil Hulu Selangor dan Sibu, RM15 juta telah digunakan untuk kedua-dua kawasan yang bermaksud RM7.5 juta bagi setiap kawasan.

Bolehkah juga kementerian memberi maklumat berapa orang RELA yang akan dikerahkan dan untuk berapa lama? Sekian, terima kasih.

■2210

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Lipis.

10.10 mlm.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.62 Kementerian Dalam Negeri ini saya hendak bercakap Butiran yang kedua itu sebanyak RM62,000,000 untuk menampung kenaikan kadar elaun sukarelawan RELA sebanyak RM2 daripada kadar asal RM4.80 kepada kadar baru RM6.80.

Tuan Pengerusi, hari ini kita tengok satu dramalah cerita tadi hebat sungguh mengatakan negara kita tidak selamat. Itu sebab saya tanya berapa peratus yang tidak selamat? Sebab saya sejak kecil, sejak kecil saya duduk negara ini seingat saya bila saya sudah ingat kecil sangat itu yang sehari dua hari tidak ingatlah. Bila sudah dua, tiga tahun tidak ingat saya rasa saya tidak pernah rasa tidak selamat duduk dalam negara ini. Saya tanya orang-orang di tempat saya, saya tanya macam mana rasa selamat tidak datang kita

buat perjumpaan dan sebagainya, mereka kata tidak pernah rasa tidak selamat. Ada rasa takutkah, tidak ada. Jadi kalau...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kalau perkara-perkara terpencil begitu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri jalan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat tidak sokonglah NKRA Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengurangkan jenayah. Ini tidak sokonglah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kalau perkara-perkara terpencil begitu tidak usahlah kita besar-besarkan, buat drama. Itu yang tidak betul Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: *Under the rock is it?*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Itu satu lagi. Benda yang kecil-kecil hendak buat drama di sini cuba seolah-olah negara ini tidak selamat dan sebagainya apa ini? Inilah pengkhianat-pengkhianat sebenarnya yang sengaja hendak memporak-perandakan negara dan sengaja hendak orang ramai, orang luar...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lipis...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ini sikap macam pengkhianat. Cara hendak berucap pun macam pengkhianat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Termasuk Yang Berhormat Kota Melaka ini pengintip besar ini tali barut orang luar ini, Yang Berhormat Batu itu nombor satu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi pagi Yang Berhormat Sri Gading kata negara kita tidak selamat sebab diancam oleh negara jiran. Baru sahaja, baru sahaja Yang Berhormat Sri Gading kata negara jiran.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kita bernasib baik, kita bernasib baik, ini tali barut yang paling besar ini.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Inikah cara Ahli Parlimen berucap?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ini pengintip, bagi saya ini pengintip pada negara luar ini Yang Berhormat Batu ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Negara jiran kita menyokong perusuh.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Tidak mahu jadi warganegara Malaysia pergi *Singapore*lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat kalau rasa duduk sini tidak selamat pergilah berhijrah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Negara kita tidak selamat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Batu saya cabar kamu Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat saya cabar kamu.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Pergi pindah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ideologi yang telah dianjur oleh negeri jiran. Selamat negara kita, selamat negara kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tawanan warga asing itu yang tidak selamat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kalau rasa tidak selamat boleh pindah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Adakah negara kita selamat?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Negara ini tempat yang aman damai.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang kata tidak selamat Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Maksudnya negara ini tidak selamat tetapi wanita selamat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa ancaman daripada warga asing, tadi Yang Berhormat Sri Gading sebab kata pendatang asing mengancam keselamatan negara. Yang Berhormat Sri Gading kata negara jiran mengancam keselamatan negara kita bukan menganjur perusuh.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ini *floor* siapa, ini *floor* saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Faham atau tidak kalau warga asing campur urusan kita tidak selamatlah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi kata negara kita tidak selamat diancam oleh pendatang asing.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Awak tidak faham apa maksud saya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kita pun tidak hendak orang macam Yang Berhormat Batu ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Diancam oleh pendatang asing, diancam oleh negara jiran. Diplomat memainkan peranan. Itu okey. Tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Sri Gading cakap benda yang salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Apa masalah Yang Berhormat Batu ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, masalahnya saya hendak tanya yang tidak selamat itu bukan dari Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Sri Gading cuba kata negara kita tidak selamat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang tidak selamat polis kena gigit telinga.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Batu ini *floor* saya, saya tidak beri peluang.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *No, I'm asking why double standard?*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu minta izin, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isunya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *No,* minta izin. Mencelah dalam mencelah ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan, berani bagi laluan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi saya bangkitkan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey Yang Berhormat Batu kalau rasa tidak selamat duduk dalam negara ini sila pindah ke negara lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan, bagi laluan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Boleh, saya cabar Yang Berhormat Batu supaya berpindah ke negara lain kalau negara itu rasa selamat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, bagi laluan, bagi laluan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi saya bangkitkan peraturan mesyuarat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kalau negara ini negara...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Gajah ada *point of order* Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Lipis duduk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey laluan. Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat *please.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(4). Saya pohon Yang Berhormat Lipis agar tarik balik dan mohon maaf terhadap saya. Bagaimana boleh apabila membangkitkan suara wanita ya, mereka merasakan tidak selamat dan saya boleh dituduh sebagai pengkhianat. Saya boleh dituduh sebagai tali barut. Tuan Pengerusi ini tidak wajar. Saya pohon dia tarik balik dan pohon maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar ya, okey saya faham. Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi ini tanggungjawab bangkitkan isu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order, point of order*lah. Yang Berhormat Lipis saya minta penjelasan terhadap perkara itu.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tuan Pengerusi, bagi saya negara ini negara yang selamat. Sebanyak 2%, 3% sahaja kalau berlaku jenayah kenapa kita hendak membesar-besarkan selain daripada kita memang hendak mengkhianati negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Perkataan tali barut dan pengkhianat adakah Yang Berhormat menujukan kepada siapa-siapa Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Sesiapa yang bercakap mereka itu pengkhianat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi dia mengulanginya semula Tuan Pengerusi. Saya pohon dia menarik balik dan mohon maaf ya. Dia tidak boleh mempersoalkan taat setia saya kepada negara ini. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Lipis tidak tujukan kepada siapa-siapa Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi dia rujuk kepada saya Tuan Pengerusi. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis sebab itu saya minta Yang Berhormat Lipis perjelaskan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Siapa yang makan cili dia rasa pedaslah, itu biasalah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa biasa, Tuan Pengerusi saya cintakan negara sebab itu saya bangkitkan perkara ini agar ia boleh diperbaiki.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Itu terpulanglah. Kalau cinta negara ini kita bagi sokonganlah kepada kerajaan supaya melaksanakan perkara yang betul.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya minta dalam Peraturan mesyuarat, Pengerusi *check back Hansard* sama ada Yang Berhormat Lipis *mention* Yang Berhormat Batu Gajah atau tidak. Saya dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada *mention.*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Batu mengapa Yang Berhormat Batu?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya dengar kita masih ada dalam peraturan mesyuarat. Kita masih dalam peraturan mesyuarat.

Seorang Ahli: *You* hendak ajar Pengerusi pula, Yang Berhormat Batu gigit telinga orang sahaja tahu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya minta Tuan Pengerusi untuk merujuk balik *Hansard* sama ada Yang Berhormat Lipis telah menyebut Yang Berhormat Batu Gajah atau tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Lipis tidak menyebut kepada siapa-siapa. Dia katakan bahawa dia cuma menyebut perkataan tali barut dan pengkhianat tetapi tidak merujuk kepada siapa-siapa. Itu sebab saya tanya balik kepada Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Lipis mengesahkan bahawa tidak merujuk itu. Tidak apalah Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat tida apa Yang Berhormat. Yang Berhormat Lipis kita ambil maklum tentang teguran ini dan saya minta agar ianya tidak disebut semula.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya berterima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Lipis bagi laluan sedikit. Bagi laluan satu minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kepada kerajaan kerana memberi bayaran tambahan kepada RELA. Jadi dengan cara itu kita telah memberi semangat kepada RELA.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Yang Berhormat Lipis saya mencelah sedikit.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Saya terbaca tadi di dalam surat khabar, saya terbaca dalam surat khabar tadi ada mengatakan bahawa Kabinet menolak tentang struktur organisasi RELA yang baru dinyatakan oleh Menteri Pertahanan rasanya. Kita pohon penjelasanlah daripada Menteri Keselamatan Dalam Negeri tentang perkara tersebut. Okey sila Yang Berhormat Bukit Katil.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Saya hendak merujuk kepada keselamatan tadilah sebelum RELA ini. Pertama saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat Lipis dan juga Yang Berhormat Menteri mengenai pengiktirafan *World Justice Project* iaitu satu badan antarabangsa yang mengatakan bahawa negara Malaysia merupakan negara paling selamat di kalangan 19 negara yang berpendapatan sederhana tinggi di dunia. *[Tepuk]* Begitu juga Malaysia diiktiraf sebagai negara ke-12 paling selamat secara keseluruhannya mengatasi

Amerika Syarikat dan Britain dan *Global Peace Index* juga menempatkan Malaysia di tempat yang pertama selamat. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Terima kasih Malaysia, terima kasih Malaysia, terima kasih polis, terima kasih RELA, terima kasih kepada semua anggota keselamatan yang telah memastikan negara ini selamat. Jadi *alhamdulillah* kita sayang negara ini, kita cinta negara ini, kita tidak ada tempat lain lagi hendak duduk selain daripada negara ini. Mungkin orang lain boleh lari tempat lain dan sebagainya. Akan tetapi kita sinilah tanah tumpah negara kita, tanah air kita dan saya pasti negara ini sentiasa selamat. Dengan itu saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

10.19 mlm.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada kementerian di bawah Butiran B.62. yang pertama iaitu apabila disebut kita memerlukan belanjawan tambahan untuk polis dan juga RELA.

■2220

RM270 juta diperlukan untuk kawalan tugasan spesifik iaitu kawalan keselamatan untuk pilihan raya. Ini juga bermakna pada sesi ataupun dalam *supplementary budget* ini juga kita memperuntukkan RM360 juta untuk SPR dan dikatakan dalam Suruhanjaya Pilihan Raya itu ada kedudukan untuk aspek keselamatan juga. Jadi saya hendak tanya ada *overlapping* atau tidak ataupun mengambil kira kedua-dua jumlah ini atas tujuan peruntukan pilihan raya untuk aspek keselamatan.

Seterusnya berkenaan perkara yang sama saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat mana kedudukan RELA ini boleh diiktiraf, boleh memastikan keselamatan untuk tujuan pilihan raya dari segi keabsahannya. Pilihan raya adalah satu perkara yang perlukan keabsahan dari segi undang-undang dan RELA yang ditugaskan untuk kawalan keselamatan pada hari tersebut untuk tujuan pilihan raya seharusnya diberi keabsahan atau *authority* yang jelas.

Saya hendak bertanya pada Januari 2012 Rancangan 999 di TV3 memaparkan 40 minit siaran laporan khas berkenaan dengan Anggota RELA di negeri Sabah yang disemak atau diperiksa oleh Jabatan Imigresen. Mereka mendapati daripada siasatan satu malam operasi, 12% daripada tangkapan dibuat adalah Anggota RELA sendiri yang berpakaian RELA bertopi kuning tetapi mereka adalah pendatang asing dan mereka dalam Rancangan 999 TV3 itu dengan jelas hosnya memberitahu yang Anggota RELA itu mengaku apabila di*interview* beliau ataupun mereka 12% ini membeli pakaian RELA daripada pihak RELA dengan harga yang cukup murah.

Bukan itu sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi mereka menjawab *interview* di dalam siaran rancangan itu mereka membeli IC dengan harga RM100, RM90, yang termahal dan yang termahal RM180. Kalau hendak kepastian ulang dan minta siaran itu diulang daripada TV3. Saya percaya dokumentari atau arkib daripada TV3 masih menyimpan perkara ini. Ini dibangkitkan sudah lapan kali saya semak. Tidak ada jawapan daripada pihak kementerian dan malam ini kita hendak beri peruntukan kepada RELA RM120 juta.

Saya khuatirlah bukan sahaja dari setakat kita hendak memandang rendah kepada institusi RELA, tetapi pengurusan dalam aktiviti RELA itu amat meragukan dan rancangan itu

berani disiarkan oleh stesen televisyen kerajaan yang dikatakan paling *credible* sekarang ini. Kenapa pihak kementerian tidak ambil sumber laporan itu dan siasat. Kalau 12% daripada Anggota RELA yang disiasat di Sabah terbukti pendatang asing yang membeli kad pengenalan dan juga uniform RELA dengan topinya sekali, macam mana kita hendak kata RELA adalah kedudukan yang kondusif untuk membantu kerajaan menguruskan perjalanan dan memastikan kawalan keselamatan dalam pilihan raya. Saya pasti rakan-rakan di Sabah sangat ingat tentang insiden ini...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak tengok!

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya? Mungkin tengok *channel* antarabangsa yang lain. Ada parabola saya mana tahu. Ini yang saya sendiri tengok dan saya nampak dan saya rasa untuk dapatkan *archive* TV3 ini bukan perkara yang sukar.

Itu sahaja saya minta penjelasan sebab RELA dikatakan menyasarkan 2 juta keahlian. Jadi RM120 juta diperlukan untuk tujuan itu. Saya rasa perlu jawapan daripada pihak kementerian...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat? Dalam insiden TV3 itu 12% itu dikatakan keseluruhan ataupun apa maksud 12% itu ataupun ada 20 orang RELA, dua orang ditangkap atau macam mana itu 12% secara keseluruhan?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih, terima kasih. Inilah baru berminat hendak tahu pasal isi kandungan. Kata tadi tidak berminat untuk tengok rancangan itu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, saya tanya 12% Yang Berhormat kata itu di negeri Sabah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, kita tanya TV3. Saya sudah beritahu tadi kita boleh semak melalui *archive* dalam dokumentari TV3. Nanti Yang Berhormat dapat jawapannya. Terima kasih.

Berkenaan dengan perkara yang kedua iaitu sebanyak RM16,639,000 diperlukan bagi bayaran projek pembinaan rumah SMS. SMS ini sistem pesanan ringkas? Bukanlah. SMS Subang. Perumahan SMS. Adakah perumahan secara SMS? Saya minta maaf. Apa maksudnya SMS? Pembinaan perumahan SMS Subang Selangor, pembinaan kompleks logistik dan sebagainya bernilai RM16 juta. Saya hendak tanya kepada kementerian bukankah ini adalah satu projek pembinaan perumahan yang jelas sepatutnya duduk di bawah perbelanjaan pembangunan. Saya tidak tahu macam mana perbelanjaan pembangunan boleh dimasukkan dalam perbekalan yang dianggap sebagai servis ataupun khidmat. Sepatutnya jelas semakan saya sebelum pada hari ini setiap bentuk perbelanjaan yang bersifat pembinaan mesti di bawah kepala pembangunan.

Jadi saya harap kementerian dapat beri penjelasan kenapa pembayaran kepada pembinaan ini dimasukkan bawah bekalan yang sepatutnya duduk dalam pembangunan kerana butiran pembangunan tidak ada satu pun pada kali ini untuk kita buat pembentangan dan memberi kelulusan. Sekiranya tidak ada saya rasa kita tidak harus meluluskan belanjawan RM16,639,000 kerana dia tersilap dalam bentuk aturan perbelanjaannya. Kalau ini untuk pembangunan duduk bawah pembangunan. Kenapa dimasukkan dalam bekalan?

Begitu juga untuk perkara yang ketiga untuk perkara yang keempat ini, ketiga yang saya bawa tapi yang keempat dalam aturan ini sebanyak RM4,883,000 untuk membiayai kelengkapan lampu mata arah, *vest* keselamatan, pelaksanaan penugasan *security forces patrolling at hotspot with more feasibility,* dengan izin. Di sini tidak ada. Ini juga terbukti jelas adalah bentuk pembelian berbentuk aset ataupun berbentuk pembelian *tangible asset* yang juga pada muka surat awal, muka surat 17 Tuan Pengerusi, diletakkan dalam ruangan aset dikatakan ada dua jenis pembelian.

Saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri atau kita semua merujuk kepada Lampiran 'C', kita ada Lampiran 'B' dan Lampiran 'C'. Di Lampiran 'C' di bawah B.62 Kementerian Dalam Negeri di bawah perkhidmatan dan bekalan RM331,495,000. Kemudian di Kepala 3000 di bawah aset ada di sini RM5,388,000 diletakkan di bawah aset. Kalau mengikut keterangan ataupun penjelasan di bawah para empat, perkara 18 di muka surat sembilan bentuk lampu mata arah

dan *vest* keselamatan kalau mengikut di sini jumlahnya RM4,883,000 sahaja tapi di ruangan aset pembelian ini dikatakan RM5,388,000.

Tuan Pengerusi, di muka sembilan sebanyak RM4,883,000 itu untuk beli lampu mata arah, *vest* keselamatan. Di muka sebelahnya Lampiran 'C' di bawah sekali ada di situ perkara 30000, aset jumlahnya RM5,388,000. Jadi saya cuba untuk bertanya jumlahnya lebih kurang dalam RM600,000 lagi barangkali kita ambil daripada perkara satu tugasan keselamatan ataupun daripada kadar elaun tidak mungkin kita akan tarik daripada kadar elaun. Tidak mungkin ataupun daripada projek pembinaan perumahan juga tidak mungkin.

■2230

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Jadi perkara yang keempat itu kerana untuk membeli kelengkapan lampu mata arah, *vest* keselamatan dan sebagainya, jumlahnya memang RM4,883,000 sahaja. Akan tetapi di muka sebelah, saya ulang sekali lagi, di ruangan aset dicatitkan di situ ialah RM5,388,000 di bawah. Jadi adakah aset lain yang tertinggal yang sebenarnya selain daripada pembelian kelengkapan lampu mata arah dan *vest* keselamatan ini? Mungkin ada perkara lain. Akan tetapi tidak pula diberi dalam penjelasan sebagaimana yang diamalkan di bawah Akta Perbekalan di ruangan Belanjawan Tambahan kalau ikut aturan mesyuarat ataupun *standing order* kita. Jadi ada perbezaan di situ iaitu perkara 4 berkenaan dengan *vest* dan juga lampu mata arah yang tercatat di ruangan aset di lampiran C.

Sekali lagi saya berpandangan, jumlah pembelian aset dan juga pembinaan bangunan dan rumah atau sebagainya seharusnya diletakkan dalam perbelanjaan pembangunan, bukan perbelanjaan bekalan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan.

10.32 mlm.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berdiri untuk menyokong Perbekalan Tambahan bagi Maksud B.62, Kementerian Dalam Negeri.

Sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat saya dari Bukit Katil, memanglah rakyat Malaysia ini sungguh berterima kasih kepada pihak Kementerian Dalam Negeri kerana dapat mengurus soal keselamatan negara kita yang terbaik sekali. Saya berdiri menyokong bagi pihak masyarakat dari kawasan saya dan seterusnya rakyat negeri Sabah.

Saya juga ingin berdiri untuk menyokong penglibatan RELA yang kerajaan sungguh peka permasalahan RELA di pelosok negara kita. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota itu mungkin ia perkara yang terpencil dan jangan terlepas pandang masalah yang penglibatan orang yang tidak sepatutnya menjadi ahli RELA. Akan tetapi mungkin itu bukanlah dalam kawalan pihak kementerian tetapi ini mungkin di peringkat kampung yang mungkin kita tidak begitu prihatin dengan pengawasan siapa sepatutnya menjadi anggota RELA. Yang penting sekali bagi saya adalah keselamatan tempat itu harus dijaga dengan kesukarelaan daripada orang-orang yang ingin membantu pihak polis PDRM untuk menjaga keselamatan di setiap kawasan perkampungan atau daerah masing-masing.

Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian di mana perkara seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota iaitu pembelian lampu mata arah dan *vest* keselamatan untuk pelaksanaan penugasan *security forces patrolling at hot spot*. Saya tertarik dengan *hot spot* ini. Saya tidak tahu kalau anggaran dalam bajet RMKe-10 ada di dalam soal pengujudan CCTV yang mana terdapat yang dianggap sebagai *hot spot* ini. Negara kita negara maju, Yang Berhormat Menteri. *So*, saya rasa sampailah masanya untuk meletakkan kamera CCTV pada setiap kawasan yang di anggap sebagai *hot spot*. Ini

membantu untuk mengawal sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak diingini berlaku terutama sekali tempat-tempat yang luar daripada jagaan pihak PDRM termasuk juga kawasan-kawasan di belakang-belakang perumahan dan sebagainya.

Ini saya rasa perbelanjaan ini tidak mungkin menelan perbelanjaan yang begitu besar. Tempat-tempat letak kereta misalnya diwajibkan pemilik-pemilik bangunan itu meletakkan apa yang harusnya yang dapat membantu pihak PDRM untuk mengawas, bukan sahaja bantuan daripada SRS, RELA dan sebagainya. Kalau kita terlalu bergantung dengan perkhidmatan RELA ini Yang Berhormat Menteri, RELA ini berganti, ada yang aktif hari ini, besoknya dia tidak aktif. Jadi mungkin juga dia dengan sukarela meletak jawatan sebagai RELA. Ini proses berganti-ganti, ini bukan *permanent*, bukan tetap keahlian RELA ini. Mungkin kalau kita beri elaun, mungkin ramai penduduk ingin menyertai RELA ini, SRS dan sebagainya.

Jadi itulah saya rasa pihak kementerian harus melihat pemantapan keselamatan di kawasan mana pun diperlukan supaya dapat lagi ke tahap yang lebih tinggi. Saya rasa ini NKRA yang paling baguslah kepada pihak kementerian. Saya rasa ini sudah pun difahamkan oleh pihak PDRM terutama sekali di kawasan Parlimen saya, memang antara yang terbaiklah.

Dahulu kalau orang kampung kata mata-mata itu, kita punya mata-mata rajin turun naik, turun naik jalan. Di tengah malam pun. Akan tetapi sekarang ini tidak tahulah cara moden ini ada mungkin yang tidak begitu aktif, dia hanya meronda menggunakan kenderaan, Tuan Pengerusi. Dahulu mata-mata kita berjalan kaki. Dia pegang baton sahaja. Akan tetapi sekarang ini empat polis *round-round* sahaja. Jadi di sini saya rasa kita punya teknologi ini sudah sampai untuk meletakkan CCTV di merata tempat. Itu saya rasa tidak memerlukan perbelanjaan yang begitu banyak Tuan Pengerusi. Itu sahaja, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Melaka.

10.38 mlm.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Maksud B.62 Kementerian Dalam Negeri. Memang saya setuju dengan peruntukan tambahan yang perlu untuk PDRM dan juga untuk RELA. Saya ingin bahas dalam perkara 4 iaitu tentang sebanyak RM4,883,000 untuk membiayai kelengkapan lampu mata arah dan *vest* keselamatan untuk pelaksanaan penugasan *security force patrolling at hot spot with more visibility.*

Tuan Pengerusi, memang kita senang katakan negara kita selamat hanya berkemungkinan beberapa kes yang tertentu mengakibatkan satu persepsi bahawa kita tidak selamat. Saya ingat amat senang kalau kita tidak kena, tidak rasa, Tuan Pengerusi. Ahli keluarga atau mangsa yang kena ini kalau hari ini dia dapat dengar daripada Ahli-ahli Parlimen yang mengatakan kita hanya hendak heboh-hebohkan, kita sensasikan isu ini, memang – bagaimana mereka akan rasa?

■ 2240

Saya ingin bangkit tentang *hot spot* Tuan Pengerusi. Rumah saya di Taman Semambu Perdana di Melaka, rumah saya dipecah tiga kali masuk. Bulan ini, dua rumah dirompak. Memang pihak polis tahu itu satu taman kediaman yang boleh dikatakan *hot spot*, banyak kes berlaku tetapi ada juga banyak kes yang tidak ingin dilaporkan kepada pihak polis. Kita sungguhpun bukan satu geng, kita komuniti tetapi kita juga ada *security*, kita bayar setiap bulan RM30 tetapi masih tidak dapat kawal.

Saya pun pernah tengok kereta polis patrol buat *round* dan juga kita tidak dapatkan membaikkan keadaan itu. *So* sebab itu saya ingin tanya tentang *hot spot* ini. saya percaya *hot spot* ini mungkin di *bus station* atau di tempat-tempat *supermarket* atau tempat yang dikatakan mungkin boleh berlaku kes-kes jenayah. Saya ingin tanya dahulu kita memang ada pondok polis di taman-taman tertentu yang dalam rekod pihak polis memang banyak kes pecah rumah atau dirompak. Oleh sebab itu polis galakkan penduduk di sana bina satu pondok polis supaya kita dapat bekerjasama dengan pihak polis. Polis akan hantarkan orang tertentu untuk satu masa tertentu bertugas di sana.

Pondok polis ini juga boleh digunakan oleh Rukun Tetangga yang banyak taman kediaman mereka sudah terpaksa menjaga kepentingan sendiri, sudah mula ada Rukun Tetangga. Boleh juga pondok polis itu diguna. Oleh sebab itu, dalam rancangan atau program-program PDRM ini, adakah juga akan menggalakkan taman kediaman benarkan pondok polis supaya boleh membantu mungkin untuk kita mengelakkan kegiatan penjenayah termasuk mat rempit di taman. Kalau ada satu pondok polis ini saya ingat *police station* yang bertugas di sana, mungkin dapat kita mencegah kegiatan ini.

Oleh sebab itu, saya tidak nampak kebelakangan ini PDRM tiada lagi kerana mungkin kekurangan kakitangan atau anggota polis itu memang kemungkinan salah satu sebablah tetapi saya ingat kalau kita boleh wujudkan balik. Ini sebagai satu galakan, mengarahkan pemaju atau persatuan penduduk supaya mereka dapat sediakan tempat atau polis dapat bukan hanya rondaan di taman seperti Yang Berhormat Putatan kata hanya buat *round* tetapi akan *station* mungkin untuk masa seperti beberapa jam waktu malam di taman-taman yang dikatakan *hot spot*. Memang rekod ada.

Saya setuju dengan beberapa pegawai polis dan dengan amat ikhlas mereka beritahu saya, saya amat hairan kadar turun tetapi pandangan dari masyarakat memang dalam keadaan yang menakutkan, dikatakan dia orang tidak pasti apa akan berlaku. Saya pun sama juga, kerana saya isteri seorang di rumah saya pun berasa takut, apa akan terjadi? Rumah saya pernah dipecahkan tiga kali.

Oleh sebab itu, tadi saya pun rasa amat kesal sebab senang kita hendak katakan *to spread out of the issue, the right issue* tetapi jika mangsa atau ahli keluarga yang terlibat masa itu, apa perasaan mereka? Sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri, saya dari Melaka juga, memang tahu keadaan di Melaka dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini boleh berikan satu penjelasan atau satu jawapan yang meyakinkan kita bahawa dengan kerjasama semua pihak kita dapat mengurangkan keadaan yang tidak menentu atau yang menakutkan ini. Kita dapat membuktikan bahawa kadar jenayah itu memang *the true figure*, bukan hanya satu *figure* untuk kita menunjukkan kedudukan untuk diberitahu kepada orang. Sebenarnya masyarakat kita memang tidak setuju bahawa kadar jenayah telah diturunkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Padang Besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

10.45 mlm.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong cadangan bajet ini. Pertamanya dalam butiran 010300. Kemungkinan ada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang lama masih ingat sebenarnya RELA ini umurnya telah lama. Sebelum kita merdeka lagi mereka sudah wujud tetapi namanya telah bertukar. Asalnya Home Guard semasa *emergency*. Kemudian datangnya konfrontasi dengan Indonesia, kita panggilkan mereka 'Vigilante Corp' Kemudiannya selepas 13 Mei dalam tahun 1972, kita wujudkan satu pasukan sukarelawan kita namakan RELAWAN.

Maka hari ini saya ucapkan tahniah kepada KDN kerana berani memperkukuhkan, memperkasakan RELA memandangkan khidmat mereka amat kita memerlukan di lapangan sana dan di kawasan-kawasan yang kita semua tahu di mana RELA itu wujud. Dengan kenaikan elaun kepada RM6.80 ini akan lagi menambahkan minat mereka, kesukarelawan mereka untuk terus memberi kerjasama dan membantu dalam menangani masalah dalaman negara. Kemungkinan juga ada Ahli Yang Berhormat sedar atau tidak sedar antara pemerhatian saya sendiri pasukan RELAWAN ini adalah *multiracial*, ada di banyak tempat di Melaka, Negeri Sembilan, Johor yang bergelar Dato', berbangsa Cina. Orang Cina pun masuk RELA. Di Kuala Lumpur banyak orang Cina menjadi anggota RELA. Di Kuala Lumpur,

satu ketika dahulu tahun 2007, pasukan RELA dipukul oleh pekerja asing haram yang bekerja di pasar borong.

Beribu orang pekerja asing tanpa izin bekerja di situ dan pasukan RELA dihantar untuk memantau. Semasa memantau mereka dipukul. Kemudian baru dikerahkan satu pasukan yang lebih besar, maka berapa banyak orang telah ditangkap. Maka RELA bukan sahaja bertugas, tetapi ancaman kepada keselamatan mereka juga harus diberi satu perhatian.

Cuma di sini saya ingin mengutarakan tambahan sedikit iaitu dalam kita membahaskan soal alam sekitar, *pollution* dalam negara, kita dapati banyak kilang-kilang, banyak tempat-tempat yang melepaskan asap, melepaskan bahan-bahan kimia, bahan berbahaya, bahan yang berjadual, bahan-bahan yang memang mencemarkan alam tetapi oleh kerana sukar membuat pemantauan, sukar untuk hanya kita mendapat bantuan, sukar untuk pihak penguatkuasaan, Jabatan Alam Sekitar untuk menangkap atau untuk mengesan, oleh kerana tidak cukup kakitangan.

Saya beri contoh waktu malam, ada kilang-kilang di Shah Alam melepaskan asap kerana waktu malam itu sukar untuk dikesan kerana mengeluarkan asap adalah salah dari segi undang-undang alam sekitar disebabkan *pollution* yang tertentu. Begitu juga ada kilang-kilang yang melepaskan bahan kecemaran dalam air macam-macam jenis kimia yang sukar hendak dikesan kalau hanya diharapkan pasukan penguat kuasa dari Jabatan Alam Sekitar untuk mengadakan pemantauan yang efektif.

Maka RELA, saya mencadangkan agar KDN membantu menjadikan RELA satu pasukan yang membantu mengatasi masalah pencemaran alam sekitar, sebagai satu daripada tugasan mereka. Kalau tidak pun memang mereka ada di situ tetapi mereka tidak tahu dan tidak langsung ambil perhatian dalam perkara ini kerana itu bukan tugas mereka.

■2250

Akhir sekali ialah dicadangkan di sini supaya, oleh kerana RELA telah pun diberi satu kedudukan yang pada saya cukup hebat berbanding dengan dahulu. Sekarang ini ada banyak tugasan yang mereka lakukan, adalah tugasan penting dalam negara, maka haruslah diteruskan usaha kita membersihkan senarai RELA, membersihkan mereka-mereka yang pernah dan ada rekod jenayah sebelum mereka dibenarkan menjadi ahli, mereka ini harus ditapis dahulu memandangkan tugasan mereka hari ini dianggap penting oleh masyarakat.

Bukan dahulunya tidak penting tetapi hari ini lebih sensitif daripada dahulu dan ada unsur-unsur yang boleh juga membawa ke arah rasuah khusus dalam menangani masalah pendatang asing tanpa izin dan sebagainya. Jadi, dengan cara ini kita memantapkan lagi RELA dan kita mengurangkan lagi kos untuk mengawal alam sekitar dan sebagainya. Sekian, terima kasih. Saya terus menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Bakri.

10.51 mlm.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 010300, saya ingin bertanya bahawa kenapa kementerian perlu meminta RELA menjalankan tugas kawalan keselamatan dalam Pilihan Raya Umum ke-13? Apakah motif kementerian. Saya juga cabar Kerajaan Barisan Nasional supaya putus hubungan dengan negara Singapura sedangkan Yang Berhormat Sri Gading tadi ada menyentuh bahawa warga Singapura telah terlibat dalam kekecohan putus hubungan dengan negara Kanada sekali kerana negara Kanada telah mengkategorikan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai demokrat palsu dengan meletakkannya sebaris dengan autokrat lain dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

10.53 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada rakan-rakan yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan berkaitan dengan isu-isu yang ada hubung kait berkenaan Kementerian Dalam Negeri.

Bagi tujuan ini, saya hanya akan menumpukan kepada perkara-perkara yang berkenaan dengan peruntukan tambahan ini sahaja sebagaimana yang tertera dalam Kertas Perintah 4, 2012 dan Kertas Perintah 14A, 2012. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Dewan yang mulia ini, bahawa KDN di bawah peruntukan perbelanjaan mengurus B.62 dalam anggaran asal bagi Bajet 2012 telah diperuntukkan sebanyak RM9.916 bilion.

Bagi tujuan Bajet Tambahan ini pula berjumlah RM353,522,000 adalah dikehendaki bagi menampung perbelanjaan seperti berikut:

(i) RM270 juta untuk menampung keperluan tugasan kawalan keselamatan Pilihan Raya Umum Ke-13 bagi PDRM iaitu sebanyak RM150 juta dan bakinya sebanyak RM120 juta adalah untuk RELA;

(ii) sebanyak RM62 juta untuk menampung kenaikan kadar *allowance* sukarelawan RELA sebanyak RM2 daripada asal RM4.80 kepada kadar baru menjadi RM6.80;

(iii) sebanyak RM16,639,000 diperlukan bagi bayaran projek pembinaan Perumahan SMS Subang, Selangor dan juga pembinaan Kompleks Logistik Ibu Pejabat Kontinjen dan juga pembinaan Kuarters Polis Diraja Malaysia di Ipoh. Pembayaran ini adalah merupakan pampasan berkaitan dengan pembinaan ini yang mana akan saya jelaskan dengan secara terperinci sedikit;

(iv) sebanyak RM4,883,000 adalah untuk membiayai kelengkapan lampu mata arah dan juga *vest* keselamatan untuk pelaksanaan penugasan *security forces patrol at hot spots with more visibility.*

Tuan Pengerusi, maka pada petang ini penggulungan saya hanya akan memberi fokus kepada perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi. Perkara-perkara yang lain yang mana saya boleh jawab, saya akan jawab. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mungkin saya akan jawab secara bertulis, yang terkeluar daripada tajuk.

Sehubungan dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Sri Gading, berkaitan dengan kebanjiran warga asing yang mana mengikut beliau menjejaskan keselamatan negara. Macam mana yang saya nyatakan tadi bahawa berkaitan kebanjiran warga asing ini tidak ada kaitan dengan Butiran berkaitan penugasan keselamatan yang ada hubung kait dengan PRU-13. Jadi, walau bagaimanapun apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sri Gading itu adalah merupakan satu isu yang saya rasa perlu diberi perhatian yang mana saya akan menjawab secara bertulis daripada isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sri Gading.

Begitu juga isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu Gajah yang mana merupakan berkaitan keselamatan secara umum, bukan ada hubung kait dengan Butiran berkaitan dengan peruntukan ini. Bagaimanapun saya ingin jugalah memberi pandangan walaupun terkeluar daripada tajuk tetapi apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah yang menimbulkan berkaitan dengan ada dua, tiga kes yang kebelakangan ini yang terdapat ada kejadian rompakan atau cubaan rompakan dilakukan oleh pihak penjenayah.

Sehubungan dengan kes ini, bagi mangsa, pihak kementerian bersimpati dengan apa yang berlaku ini. Akan tetapi apa yang kita lihat seolah-olah Yang Berhormat Batu Gajah ini menimbulkan kes ini kononnya apa yang harus pihak berkuasa melaksanakan untuk memastikan negara kita ini *zero crime based.* Jadi, maknanya standard yang diharapkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah ini maknanya tidak ada berlaku jenayah sekali pun di dalam negara kita ini. Akan tetapi apa yang kita lihat daripada kajian-kajian yang telah dibuat oleh pihak Global Index dan lain-lain badan lagi yang *international* yang mana begitu jelas menunjukkan ada penurunan daripada kadar jenayah-jenayah yang berlaku di dalam negara kita.

■2300

Kalau kita lihat daripada segi kedudukan negara kita dalam jenayah ini, kedudukannya meningkat kalau dibandingkan daripada sesetengah negara sama ada di rantau ini atau negara-negara di dunia ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *Let me finish first.* Jadi kita tidak boleh menafikan bahawa ini kejayaan kita. Seharusnya kita tidak boleh menidakkan kononnya pihak berkuasa polis tidak mengambil endah, tidak mengambil berat, tidak memberi keprihatinan terhadap apa yang berlaku di negara kita, itu sebab bahawa apa yang kita lihat, anggota-anggota polis yang menjaga keselamatan dan ketenteraman negara mengambil tindakan dan berusaha begitu gigih dalam memastikan negara kita ini berada dalam keadaan yang selamat dan apa yang kita lihat bahawa selain daripada tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh anggota-anggota polis bahkan kita juga cuba mempertingkatkan lagi daripada kemudahan-kemudahan yang perlu digunakan oleh pihak anggota polis dalam menjalankan tugasan-tugasan ini. Jadi itu sebab ada peruntukan sebanyak ....

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: RM4.8 bilion.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Sekejap. RM4.883 bilion - itu antara keperluan dalam kita mempertingkatkan, dalam memberi kemudahan aset yang boleh membantu anggota polis dalam menjalankan tugas.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Dengan adanya alat-alat ini, ia juga memberi satu imej yang baik kepada anggota polis terutamanya dalam *vest* keselamatan yang kita hendak beli ini yang mana ini merupakan alat ataupun aset yang boleh memberi keselamatan kepada anggota polis terutamanya yang membuat rondaan di tempat-tempat *hot spot. Hot spot* ini sebagaimana yang telah kita sedia maklumlah, yang berlaku banyak kes. Di sini dengan adanya *vest* ini, maka kita dapat memastikan anggota-anggota kita yang menjalankan tugas itu daripada segi keselamatannya terjamin.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *Let me finish.* Dan begitu juga daripada segi lampu mata arah. Ini merupakan untuk membolehkan supaya kenderaan MPV yang menggunakan alat ini boleh dilihat oleh pihak-pihak ketiga dengan begitu nyata sekalilah. Jadi ini merupakan alat keselamatan yang digunakan oleh anggota pasukan keselamatan kita. Sila, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila saya bahas tadi, saya menyatakan bahawa amat membimbangkan apabila kita ada menteri menyatakan kes-kes kejadian jenayah di mana mangsanya adalah wanita baru-baru ini begitu kerap berlaku, Yang Berhormat Menteri menyatakan ia satu persepsi dan *isolated case* dan dalam Dewan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata simpati dengan mangsa-mangsa tersebut dan juga menyatakan kejayaan dengan memaklumkan Dewan berkenaan NKRA *Global Peace Index* tadi saya telah membangkitkan tapi dengan kekerapan kes culik, rompak dengan menggunakan keganasan yang kebanyakannya adalah wanita.

Apakah usaha atau tindakan spesifik yang akan diambil oleh pihak kementerian? Kekerapannya begitu tidak - saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri tidak sesuai memimpin kementerian ini kerana beliau memandang kes keselamatan awam ini begitu ringan... *[Dewan riuh]* Beliau kata persepsi sahaja padahal di bawah NKRA ada sasarannya....

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Duduk, duduk. Okey, cukup.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Di mana untuk mencapai KPInya, untuk mengurangkan orang ramai merasa takut terhadap jenayah.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Okey, duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi saya percaya *you can do better than* menyatakan bersimpati dengan mangsa. Isunya ialah wanita merasa tidak selamat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Duduk, duduk. Duduklah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa tindakan spesifik yang begitu kerap berlaku sejak kebelakangan ini terhadap wanita. Kes rompak, kes culik ini.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Duduk, duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang ada mangsa masih terlantar di hospital.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Okey, *sit down. I'm going to answer this.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya sokong semua usaha, semua peruntukan tapi Yang Berhormat mesti memandang serius. Jangan kata persepsi sahaja, simpati sahaja.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *Sit down, enough.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh? Tuan Pengerusi, boleh Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Sekejap ya, sekejap. Okey, okey.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Belum jadi menterilah, duduk.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tak apalah, *you* pun belum jadi menteri juga. Tuan Pengerusi, saya kira yang menjadi permasalahan di kalangan rakan-rakan BN *backbenchers* ini ialah bukan soal tentang jenayah spesifik itu dibawa dalam perhatian majlis. Itu tidak ada masalah. Kita pertikaikan ialah apabila ianya dikatakan *generalization*. Apabila satu, dua insiden yang kita kesali ini berlaku seolah-olah wanita di seluruh Malaysia ini sudah tidak selamat.

Saya kira dan saya boleh bagi jaminan, malam ini dah pukul 11, Yang Berhormat Batu Gajah balik ke rumah dengan selamat malam ini, selamat. *So it' never been a generalization*. Kalau isu yang dibawa itu spesifik, boleh, tak ada masalah tapi kalau Yang Berhormat dengar balik ucapan Yang Berhormat, dengar balik satu persatu ayat itu, seolah-olah polis ini sudah tidak boleh buat kerja, sudah tidak boleh dipakai, segala statistik yang diberi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan putar belit kenyataan saya, jangan putar belit kenyataan saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya dengar Yang Berhormat, saya dengar. Yang Berhormat mengatakan rakyat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya kata segala usaha peruntukan saya sokong tapi statistik tidak mencerminkan keadaan yang sebenar. Wanita merasa tidak selamat. Yang Berhormat jangan putar belit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Where is the place* yang wanita merasa tidak selamat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat jangan putar belit, jangan putar belit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, *you are generalizing it again.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya kata semua peruntukan dan usaha saya sokong tapi tidak cerminkan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Masalahnya, bawa spesifik.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *That is a fact. Women do not feel safe.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *What is the fact? My mother, my sister* semua okey.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu hakikatnya Tuan Pengerusi. Saya bagi amaran, Yang Berhormat Kota Belud jangan putar belitkan kenyataan saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya boleh bawa Hansard nanti. *By Monday* kita tengok, *Monday*.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, saya ingat Yang Berhormat walaupun dah lewat malam, tak payahlah kita hendak macam ini. Ini ada *mic*lah, kalau tak ada *mic* itu bolehlah *scream against one another from that corner to this corner.* Ini tak perlulah *scream*. Nampak kita bukan macam *gentleman behavior*lah. Ini Dewan Parlimen, kita kena tunjuk peradaban. Saya *concern* dengan peradaban ini. Saya faham dengan soalan persepsi Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya minta maaf Tuan Pengerusi, saya minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat. Jadi peradaban berbincang, peradaban berdebat pun kita kena ikut samalah. Seorang bercakap seorang duduk, seorang bercakap seorang duduk jadi kita boleh dengar. Tak payah *scream into the mic* kerana *mic* itu boleh *amplify* kan kata-kata kita itu. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, menteri.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya setuju dengan apa yang dia cakaplah tapi apa yang saya lihat, Yang Berhormat Batu Gajah ini begitu emosi sangat kerana apa yang saya lihat daripada dakwaan dia, saya ini tidak wajar duduk di sini. *Who are you to say that?*

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, Simpang Renggam ini.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *Who are you to say that I'm not qualified?*

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menteri, Simpang Renggam.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *You* tak ada pengalaman dalam polis, *you* tak boleh mandai-mandai begini. Jangan cakap *I'm not qualified. Is not for you to say I'm not qualified, is not for you to say I'm not qualified. You are not qualified to say that I'm not qualified!... [Pembangkang ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Apa *qualification* kamu *to say that I'm not qualified.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini kerana kenyataan Menteri menyatakan bahawa ia persepsi, ia tidak memandang serius.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Bila saya cakap persepsi?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya kata Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa ia persepsi dan tidak memandang berat.

■2310

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya cakap dua, tiga insiden yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat cubalah dengar orang bercakap dahulu. Duduklah dahulu.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *You* membuat kononnya pihak polis tidak mengambil berat tentang perkara ini. *You don't* putar belit apa yang *you* cakap.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, Simpang Renggam.

Saya cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat pembangkang ini dia gunakan pendekatan ataupun *approach* yang sama seperti mana dalam kes Lynas juga. Bila kerajaan kita bagi fakta, kita bagi *figure* yang betul tetapi mereka cuba

hendak menafikan. Seperti mana yang macam kita juga bagi penurunan kadar jenayah tetapi mungkin dari segi *confident index* mungkin tidak seperti mana yang dicerminkan dengan penurunan kadar jenayah.

Saya lihat memang pembangkang ini memainkan permainan persepsi dan menimbulkan kebencian masyarakat awam terhadap pihak polis. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya setuju 100 peratus apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dia bercakap pasal persepsi. Sebenarnya dialah yang memainkan persepsi. Dialah yang mempolitikkan perkara-perkara ini yang mana kita lihat kebelakangan ini kes yang berlaku dalam dua tiga kes akibat daripada yang disiarkan dalam akhbar. Jadi apabila sekarang ini mereka menguar-uarkan untuk mewujudkan satu persepsi kepada masyarakat. Jadi inilah merupakan permainan politik oleh pihak Batu Gajah. Jadi saya rasa jangan begitu Yang Berhormat Batu Gajah ya. Kita kenalah rasional dalam perkara ini ya Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Cukuplah, cukup. *Enough*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hanya boleh geleng kepala sahaja sekarang.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Okey, okey. Cukup geleng, cukup.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat masih mengatakan ianya satu atau dua kes. Masih mengulangi ia persepsi.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Cukup, cukup. *Because your perception you expect this nation* tidak ada kes berlaku langsung.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tanya apa tindakan spesifik?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *That's why*...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Konkrit. Begitu kerap sekali kes.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *You* tunggu. Saya hendak jawab. Dalam konteks kes ini walaupun apa yang berlaku dilihat dua tiga kes sahaja bahawa hari ini polis yang bertanggungjawab telah mewujudkan *task force* untuk memastikan kes-kes ini dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat ini. Ini usaha yang telah dibuat oleh pasukan Polis Diraja Malaysia. Jadi tidak wajar apabila Yang Berhormat Batu Gajah mengatakan bahawa seolah-olah Polis Diraja Malaysia tidak mengambil berat tentang apa yang berlaku terhadap kes yang kita lihat satu atau dua yang berlaku pada hari ini.

Begitu juga kepada Yang Berhormat Kota Melaka. Saya pun bersimpati dengan apa yang berlaku di rumah Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat tanya tadi pasal sama ada pondok polis boleh diwujudkan di sesuatu kawasan. Ianya ada syarat-syarat dan kriteria yang tertentu Yang Berhormat. Mungkin kalau Yang Berhormat bagi maklum-maklumat di kawasan Yang Berhormat di mana boleh mengemukakan kepada Ibu Pejabat Daerah Polis dan Ibu Pejabat Daerah Polis boleh menilai sama ada ada kewajaran untuk mewujudkan pondok polis ataupun tidak.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah ini bermakna bahawa pondok-pondok polis di taman-taman yang juga dikatakan *hotspot* ini masih wujud atau masih kita boleh buat permohonan? Ini kerana kebelakangan ini saya tidak nampak pondok-pondok baru. Hanya di tempat-tempat seperti terminal bas, tapak pelancongan baru kita nampak ada balai polis bergerak atau pondok polis bergerak atau pondok polis yang kekal. Dalam taman kediaman memang saya tidak nampak lagi sebab itu saya bangkitkan untuk bertanya Yang Berhormat Menteri adakah kita masih boleh membuat

permohonan untuk pondok polis. Tadi dikatakan ada syarat-syarat dan prosedur. Kalau boleh jelaskan saya akan jadikan panduan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Dalam kita mewujudkan sama ada balai polis ataupun pondok polis, ada syarat-syarat yang tertentu yang mana kalau perlu mungkin Yang Berhormat boleh berjumpa dengan IPD untuk mendapatkan maklumat selanjutnya. Kalau Yang Berhormat memberi maklumat di IPD, mereka boleh mengambil perhatian dan boleh memberi nasihat kepada Yang Berhormat. Okey?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Memang tadi saya katakan rumah saya telah tiga kali di pecah masuk. Tidak mengapa sebab memang itu saya telah pasang *alarm,* CCTV, semua sudah buat. Bukan hanya rumah saya yang dipecah masuk. Oleh sebab itu saya katakan bulan ini sudah dua – bukan pecah rumah, rompak masuk. Kereta pun telah diambil sebab itu saya hendak tanya tentang pondok polis.

Lagi satu saya diberitahu oleh Ketua Polis Negeri iaitu untuk Ahli Parlimen boleh membuat permohonan untuk polis ronda dan mungkin ada buku untuk catatan masanya. Itu masih adakah keistimewaan untuk Ahli Parlimen?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Buku ronda itu masih... Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Apa salah ini? Kalau hendak minta jalan atau hendak bertanya sila bangunlah. Jangan jerit-jerit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini Yang Berhormat Kota Melaka sebut Yang Berhormat *bid point*. *Bid point* kita simpankan *box* atau kotak itu, dalam itu ada buku. Kalau disimpan di rumah, jadi polis berhenti di sana, sain tiap-tiap kali supaya pegawai yang *check* itu nanti ada lawatan-lawatan tertentu dibuat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Untuk pastikan ada *patrol* di taman itu. Bukan hanya untuk rumah saya. Saya tidak berapa peduli dengan rumah saya tetapi apa yang hendak saya katakan selalu penduduk atau jiran-jiran kata polis langsung tidak *patrol*. Oleh sebab itu kita hendak buktikan polis memang ada buat *patrol* di kawasan itu. Mungkin penjenayah itu lebih tahu bila polis datang meronda. Sekarang susah kita hendak buktikan bahawa kita ada jalankan tugas – PDRM. Oleh sebab itu saya bertanya masih adakah untuk Ahli Parlimen?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Berkaitan dengan buku lawatan yang dilaksanakan oleh PDRM. Ianya masih ada lagi cara ini di mana saya mencadangkan Yang Berhormat membuat permohonan kepada IPD. Kalau itu boleh beri surat saya beri sokongan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, kalau boleh saya beri pandangan. Masa sudah terlalu suntuk. Jawab secara bertulis sahajalah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau ada benda yang penting-penting itu Yang Berhormat sebab perkara Yang Berhormat macam Yang Berhormat Kota Melaka itu boleh diurus dengan OCPD tempatan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Sehubungan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu berkaitan dengan peranan RELA semasa PRU-13. Hari ini RELA...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, *point of order*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Siapa yang bercakap Yang Berhormat? *Point of order* ini biasanya kita *direct* kepada percakapan yang kurang tepat ataupun salah. Jadi, apa *point of order* ini? Ataupun ada orang melakukan kesalahan, *breach of discipline?*

■2320

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, tadi ada cadangan untuk jawapan secara bertulis. Saya juga rasa masa agak lewat. Sebab itu saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini bukan dibangkitkan di bawah *point of order*, Yang Berhormat. Kita kena gunakan *point of order* ini secara betul.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, saya hendak bangkitkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau ada perkara yang hendak dibangkitkan, boleh berdiri macam itu saja, jangan gunakan *point of order* sebab dia kurang tepat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk, saya ambil kesempatan tarik perhatian Tuan Pengerusi untuk bangkitkan *Point of Order* 67(1)(a), (b), (c) tidak ada, dan (d). Kemudian *Point of Order* 10. Ini berkaitan dengan penerangan tentang jumlah wang tambahan yang hendak kita luluskan pada malam ini. Kalau Tuan Pengerusi benarkan, saya baca.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payah baca, saya tahu Yang Berhormat. Saya dengar ucapan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Menteri hendak jawabkah? Penjelasan, dia kata sebahagian daripada peruntukan itu sepatutnya tidak di bawah pengurusan tetapi di bawah pembangunan. Akan tetapi apa yang saya lihat, dia untuk membayar hutang pembinaan rumah dan hutang itu hendak dibayar. Maknanya dia jadi pengurusan hutang, bukan hendak bina lantik kontrak dan sebagainya. Itu interpretasi saya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Minta maaf Tuan Pengerusi. P.M. 67(1) sebenarnya merujuk kepada Rang Undang-undang Perbekalan dibawa ke dalam mesyuarat kerana menepati perbelanjaan-perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih daripada yang dibenarkan sebagaimana tersebut dalam perkara 101 dalam perlembagaan. Ini hendaklah disertakan suatu anggaran belanjawan tambahan bagi tiap-tiap kepala yang hendak diminta kebenaran mengeluarkan belanja dengan diterangkan. Semua minta diterangkan, saya tidak mahu baca (c) sebab (c) panjang. Berapa jumlah belanja yang dibenar di bawah kepala itu.

Oleh sebab itu saya bangkitkan tadi saya tanya, untuk perkara 4 yang diminta untuk kelulusan diangkat, dikatakan pembelian aset RM5,388,000. Akan tetapi di bawah keterangan sebagaimana Peraturan Mesyuarat 67(1)(a) meminta supaya perbelanjaan itu diberi penerangan. Kalau mengambil kira dalam perkara 4, sebanyak RM4,883,000 sahaja yang diperlukan untuk membeli *vest*. Bagaimana di muka sebelah ini lampiran C ini jumlah dia RM5 juta lebih? Maknanya ada *shortage* ataupun lebihan dalam belanja yang diluluskan RM505,000. Ini tidak ada tujuan apa-apa. Pembelian apa? Itu yang saya hendak tanya atas maksud Peraturan Mesyuarat 67(1)(a).

P.M.67(1)(b) juga menerangkan perkara yang sama dan (d) juga menerangkan perkara yang sama. Berapa jumlah peruntukan tambahan yang diminta bagi kepala itu. Kita tidak boleh hendak luluskan jumlah yang tidak diterangkan untuk perbelanjaan kepala itu. Ini peraturan mesyuarat 67(1).

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Pengerusi...

Tuan Penegrsui [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Jumlah peruntukan tambahan yang dipohon iaitu adalah sebanyak RM353,522,000 yang mana pecahan seperti mana yang saya telah baca tadi yang meliputi sebanyak RM270 juta untuk menampung keperluan tugasan kawalan keselamatan pilihan raya, sebanyak RM150 juta untuk...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bertanya tentang jumlah aset yang kata diminta untuk diluluskan untuk beli aset *vest* apa

semua ini, kalau ikut pada lampiran C, dia kata RM5,388,000 tetapi keterangan yang sebagaimana maksud ini, keterangan di muka surat 9, bahagian 4, sebanyak RM4,883,000 untuk beli kelengkapan lampu mata arah dan *vest* keselamatan. Jadi ada terkurang RM505,000 yang tidak dimasukkan dalam perkara ini yang tidak ada dalam butiran lain.

Jadi saya cadang Tuan Yang di-Pertua, P.M.67(10) ada sebut, *"Apabila semua masalah atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan telah diputuskan dan Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi, dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemukakan bagi diputuskan, kepada Jawatankuasa masalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan Tambahan atau jika apa-apa pengurangan telah dibuat dalam perbelanjaan yang dicadangkan, hendaklah mengemukakan masalah itu kepada Jawatankuasa tertakluk kepada pengurangan itu. Apabila usul itu telah disetujukan, ia hendaklah dimaklumkan kepada Majlis berikutan dengan laporan kepada Majlis atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan bacaan kali yang ketiganya."* Terima kasih. Kalau ada pengurangan, kita bagi tahu ada pengurangan RM505,000. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Pengerusi, sehubungan dengan perbezaan data jumlah dalam lampiran C, RM4.8 juta merupakan peruntukan yang diperlukan bagi pelaksanaan *security force patrol at hot spot visibility* untuk tugas-tugas operasi, rondaan dan *omnipresent*. Manakala RM5.3 juta adalah jumlah bagi keperluan pembelian harta modal, aset untuk PRU ke-13.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Saya tidak berhajat sengaja membangkitkan perkara ini untuk... *[Dewan riuh]* Tidak, tidak, bukan. Tuan Pengerusi tahu. Tuan Pengerusi seorang pakar dalam peraturan mesyuarat. Saya pasti Tuan Pengerusi pakar dan tahu berkenaan dengan peraturan mesyuarat. Ini Peraturan Mesyuarat 67(10), memang jelas perkara ini. Kalau ada yang terkurang, kita boleh buat pengisytiharan, tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tidak mahu perkara ini dibangkit sebagai satu peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *No, no, no, no,* ini peraturan mesyuarat 67.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tidak mahu terlibat dengan fakta ini. Sebab saya sebagai Speaker tidak hendak terlibat dengan fakta yang ditunjuk dalam itu. Pada saya, saya cukup pasti jumlah dan *figure* disebabkan itu terbahagi bermacam-macam dan jumlahnya masih tepat. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya tidak melihat ada perkara-perkara yang kurang tepat. Jadi, saya tidak juga mahu terlibat dengan soalan *figure* sebab saya mengetahui kedudukan saya di sini bukanlah untuk memberi penjelasan dalam soalan *figures*.

Saya hanya menjaga peraturan Parlimen. Jadi yang P.M.67(10) dibangkitkan itu, saya tidak bersetuju. Parlimen maknanya Yang Berhormat, konsep Parlimen ini, Perlembagaan kita dibina sebab kenapa? Apa sebab dia? Daripada mana undang-undang ini turun? Saya mengetahui sejarahnya Yang Berhormat. Jadi itulah saya tidak hendak terlibat dengan perbalahan. Jadi kalau tidak setuju, ada cara lain Yang Berhormat boleh mengatasi masalah dengan kementerian. Bukan kepada saya. Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Izinkan saya bagi penjelasan sedikit. Sebab Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota ini dia suka sangat menggunakan pelbagai cara. Sebenarnya banyak kali dah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Geleng kepala]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: *No, no,* tak payah geleng kepala. Banyak kali dalam rekod, kita boleh *check* dalam *Hansard*, lima enam kali Yang Berhormat bawa kes ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tunggu, tunggu. Jadi saya dapat *floor*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau bangkitkan kata saya sengaja...

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya, sekejap. Tunggu, tunggu, ini saya dapat *floor* daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, tetapi Yang Berhormat bermula hendak mengata saya sengaja hendak membangkitkan perkara ini, saya tidak setuju.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Sila duduk dahulu, duduk, duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya minta untuk bagi penjelasan. Jadi saya diberi ruang, bagilah saya bagi penjelasan. *[Disampuk]* Yang Berhormat Menteri tidak. Saya cuma hendak menyebut *track record*. Tidak boleh saya sebut *track record*?

■2330

Track record nya sudah beberapa kali Yang Berhormat membawa isu-isu teknikal seperti ini, setiap kali Yang Berhormat dibuktikan tidak betul. Itu satu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Keduanya, saya hendak bagi penjelasan, hendak bagi penjelasan. Penjelasan jumlah di Lampiran C adalah termasuk peruntukan aset sebanyak RM503 juta yang diperuntukkan bagi peruntukan PRU13 untuk Polis Diraja Malaysia. *So,* sudah termasuk, dia masuk dalam itu sahaja. Jadi, tidak ada masalah. Semua peruntukan ini dijelaskan cuma dalam penjelasan kita setengah-setengah itu dia dimasukkan di dalam kod-kod yang berbeza. Sama, kita jelaskan semua, tidak ada masalah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak mahu mempersoalkan kenyataan ini, tidak. Saya pun hendak minta panduan daripada Timbalan Menteri, Timbalan Menteri layak beri penjelasan dalam Dewan dan tugas saya meminta penjelasan. Saya bertanya sebab di perkara 4 ini, yang penjelasan ini, muka surat sembilan dengan terang kata, yang beli *vest,* beli lampu mata arah ini cuma RM4,883,000. Itu sahaja yang dikata pembelian berkenaan aset, jadi RM505 ribu itu pembelian apa? RM505 ribu lagi untuk mencukupkan RM5.388 juta itu kita beli apa?

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Dimasukkan untuk peruntukan PRU Polis Diraja Malaysia. Ini RM500 juta sudah ada, dalam RM503 juta sudah ada dalam, semua sudah ada tidak ada masalah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Pembelian aset.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Pengerusi RM5.4 juta adalah pembelian harta modal iaitu 255 unit alat perakam video, 12 unit JPS, 500 unit kamera, 600 unit kamera video digital, 4 unit kamera video, 30 unit *search and spotlight*, 216 unit *tactical torchlight*, 7 unit Canon Digital kamera, 7 unit - Canon Pull HD kamera dan 4 unit *scanner.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya ingat kita boleh *settle* benda ini dekat luarlah. Kita pasti, saya pasti *figure* ini *correct,* jadi tidak berbangkit soalan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Setuju, setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Soalan peraturan dan perlembagaan ini. Konsep kuasa Parlimen untuk mentadbir dalaman sendiri ini Yang Berhormat, amat kuat sekali digunakan. Saya tidak lari daripada itu. Ini tertera dalam semangat perlembagaan itu sendiri. Artikel 62, Artikel 63 yang diturun kepada undang-undang, *The Bill of Rights 1688* Yang Berhormat, saya mengetahui itu. Jadi, Yang Berhormat sila.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Lagi pun Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau daripada segi jumlah perkhidmatan dan bekalan dalam Lampiran C, aset dan juga pemberian dan kenaan bayaran tetap. Jumlah ketiga-tiga itu, total RM553,522,000 Lampiran C.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat? Sebab masa kita tidak ada.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Masjid Tanah]: Ini yang *substantial,* yang lain itu boleh dijawab secara bertulis Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM353,522,000 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM353,522,000 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

***[Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang."

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Kesengsaraan Pekerja Kontrak

11.37 mlm.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang kita menganiaya pekerja migran. Ai Choo dan Qua Qua Yu dua orang pekerja migran Myanmar telah bekerja selama lima tahun di Kilang New Zionix Enterprise di Ipoh telah dibuang kerja oleh majikan mereka pada 17 Februari 2012. Ini kerana meminta majikan hentikan pemotongan levi sebanyak RM100 sebulan. Kerajaan sudah membatalkan pembayaran levi sejak tahun 2009 dan membayar gaji *overtime* selepas kerja lapan jam dan bukan selepas sebelas jam seperti diamalkan oleh majikan itu. Majikan New Zionix menghentikan kedua-dua pekerja ini tanpa notis, tanpa *enquiry* dan tanpa membayar ganti rugi. Mereka dihalau keluar dari tempat tinggal mereka. Majikan tidak kembalikan *passport* mereka tetapi telah membatalkan permit kerja mereka.

Pada 19 Mac 2012, PSM membantu pekerja ini mendaftarkan aduan terhadap New Zionix di Pejabat Perhubungan Perusahaan Ipoh. Akan tetapi dalam perundingan yang dianjurkan oleh pejabat ini majikan hanya sedia membayar mereka RM2,000 seorang. Manakala pemotongan daripada gaji setiap mereka melebihi RM18,000. Kes mereka telah dirujuk ke Kementerian Sumber Manusia untuk keizinan dibawa Mahkamah Perusahaan. Oleh kerana permit kerja mereka telah dibatalkan, pekerja Myanmar ini telah mohon pada Jabatan Imigresen Perak untuk permit khas membenarkan mereka berada di Malaysia sehingga kes mereka di Mahkamah Perusahaan diselesaikan. Akan tetapi Jabatan Imigresen tidak mahu keluarkan permit ini.

Kami telah membawa pekerja terlibat kepada Pejabat Imigresen Putrajaya pada 7 Mei 2012 tetapi diberitahu bahawa permit khas hanya boleh diberi jika ada tarikh perbicaraan di mahkamah. Walaupun kami menerangkan kepada pegawai imigresen bahawa pekerja terlibat sedang menunggu keputusan Menteri Sumber Manusia, pihak imigresen tidak meluluskan permit khas. Nasihat pihak imigresen ialah untuk balik ke Myanmar dan datang balik untuk kes. Kami juga difahamkan bahawa permit khas ini jika diberi pun tidak memberi hak kepada pekerja untuk cari kerja sementara. Kami diberitahu bahawa pekerja seperti ini tidak di izin kerja sementara menunggu kes mereka di Mahkamah Perusahaan ataupun di Mahkamah Buruh. Jadi, bagaimanakah mereka akan menanggung kos hidup harian?

Peraturan dan amalan seperti tadi, yang menghalangi dan melemahkan usaha pekerja migran menghadapkan majikan yang menipu ke mahkamah bukan sahaja melanggar prinsip-prinsip kemanusiaan tetapi juga memudaratkan hak dan kepentingan pekerja tempatan.

■2340

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, mana satu teks Yang Berhormat baca itu? Lampiran B ini dia punya dekat *paragraph* mana itu?

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Lampiran B? Saya tidak cakap lampiran B.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dalam peraturan penangguhan ini, *approved text* sahaja yang boleh dibaca, Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Saya tidak diberi apa-apa. Ini sahaja yang saya beri dan saya mendapat ini balik. Saya tidak diberi apa-apa teks lain. Ini kes pekerja migran, bukan? *This is my text? Do you have anything else? [Setiausaha Dewan Rakyat menerangkan kepada Yang Berhormat Sungai Siput] There are the wrong* penangguhan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Jawab berlandaskan teks yang ada di depan Yang Berhormat itu ya.

11.42 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, yang dikemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia ialah kes berkaitan dengan Puan Rajeswary a/p Perumal dan begini jawapannya. Hasil siasatan awal Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia mendapati bahawa Faber Mediserve Sdn. Bhd. adalah *principle* kepada sebuah syarikat lain yang menggajikan Puan Rajeswary a/p Perumal. Pekerja tersebut bekerja dengan subkontraktor iaitu IPGS Landskap Sdn. Bhd. yang beralamat di nombor 108A, Jalan Canning Estate, Taman Ipoh, Ipoh Perak. Syarikat ini menguruskan kerja-kerja menjaga halaman di Hospital Sungai Siput, Perak. Hasil siasatan mendapati subkontraktor ini tidak lagi berminat untuk meneruskan tugas sebagai vendor kepada *principle* dan telah memberi notis pada 27 Mac 2012.

Pihak *principle* telah menerima notis penamatan dan penamatan subkontraktor sebagai vendor berkuat kuasa pada 30 April 2012. Berhubung isu Puan Rajeswary a/p Perumal yang digajikan oleh subkontraktor iaitu IPGS Landskap Sdn. Bhd. Jabatan Tenaga Kerja tiada menerima sebarang aduan secara rasmi daripada pekerja berkenaan berhubung dengan penamatan sehingga siasatan dibuat oleh PERKESO pada 14 Jun 2012 sehingga 18 Jun 2012. Setelah dibuka fail, Puan Rajeswary telah dibantu untuk mendapatkan haknya sebagai pekerja berdasarkan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Mengenai kes ini, PERKESO telah menjalankan pemeriksaan ke atas majikan yang dikenal pasti iaitu IPGS Landskap Sdn. Bhd. selaku majikan utama. Hasil siasatan yang dijalankan mendapati majikan tersebut bertanggungjawab di bawah seksyen 7, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1999, membayar caruman bagi tempoh Februari 2008 hingga April 2012 berjumlah RM515.10. PERKESO akan terus memastikan bahawa majikan mematuhi arahan pematuhan yang dikeluarkan dan sekiranya gagal, tindakan pendakwaan akan diambil seperti mana di bawah seksyen 94(a) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Walau apa pun, Puan Rajeswary a/p Perumal tetap diberi perlindungan di bawah skim-skim PERKESO selagi beliau adalah pekerja yang berkelayakan dari segi undang-undang walaupun majikan utama atau majikan langsung masih belum membayar caruman pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan Yang Berhormat mengenai dengan pendekatan *outsourcing.* Untuk makluman Dewan yang mulia, perkara ini di bawah bidang tugas Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

Dakwaan Penjualan Dokumen Sulit Pertahanan Negara

11.45 mlm.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam sejahtera. Tajuk bagi ucapan penangguhan saya ialah Pengkhianatan Dakwaan Penjualan Dokumen Sulit Pertahan Negara. Betul, Tuan Yang di-Pertua?

Pendedahan isu komisen dan penjualan dokumen rasmi sulit Kementerian Pertahanan Malaysia mengenai Kapal Selam Scorpene kepada syarikat pertahanan Perancis, Thint Asia seperti yang didakwa oleh SUARAM di Bangkok pada 30 Mei 2012 adalah satu pengkhianatan yang teramat besar yang memerlukan penjelasan segera kerajaan untuk mengesahkan atau menafikan pendedahan ini agar dapat mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini termasuk kehilangan nyawa anggota keselamatan negara.

Dakwaan SUARAM yang merujuk kepada bahan bukti rampasan oleh pihak polis Perancis dan hakim siasatan, Roger Le Loire dan Serge Tournaire yang dilantik oleh *Tribunal de Grande Instance,* Perancis dan secara khusus melibatkan beberapa persoalan yang perlu di rungkai dan dijelaskan.

Pertama, Syarikat Thint Asia, Thales International yang telah membayar Euro36 juta bersamaan dengan RM142 juta kepada Terasasi Hong Kong Limited untuk dokumen rahsia oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Dakwaan bahawa Terasasi menerima bayaran secara berkala daripada Thint Asia termasuk sebanyak EURO360 ribu bersamaan RM1.44 juta yang disertakan dengan nota bertulis, 'Razak mahu dibayar dengan cepat'. Rakyat Malaysia memerlukan penjelasan sama ada Razak yang disebut merujuk kepada Abdul Razak Baginda atau Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak memandangkan dua kapal selam Scorpene yang dibeli daripada Syarikat Thales International oleh Kerajaan Malaysia berada di bawah seliaan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak selaku Menteri Pertahanan pada tahun 2002.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Menteri Pertahanan pada 8 Jun 2012 bahawa siasatan hanya dibuat jika terbukti aktiviti menjual rahsia itu berlaku. Akan tetapi dalam nada yang sama pula mengatakan bahawa sudah pun dikesan maklumat itu telah dikeluarkan dari negara dan sedang dipantau, amat mengelirukan. Demi mempertahankan nama baik Malaysia dan kerahsiaan pertahanan negara, Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pertahanan perlu mengambil beberapa langkah.

Antaranya menjelaskan apakah benar maklumat yang dikesan keluar daripada Malaysia. Sama ada Kerajaan Malaysia akan memohon untuk menjadi wakil pemerhati di Mahkamah *Tribunal de Grande Instance,* Perancis untuk mendapatkan akses kepada kertas pembuktian yang dirujuk oleh SUARAM. Menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja bebas untuk menyiasat proses pembelian Scorpene jika terdapat unsur rasuah dan penjualan rahsia sulit negara. Kerajaan Malaysia juga perlu menyokong usul reformasi Parlimen agar sebuah sistem jawatankuasa tetap termasuk untuk pertahanan, pembelian (*procurement*) diwujudkan demi menjamin segala urusan penting kerajaan bebas dari rasuah dan pengkhianatan.

Akhir sekali, saya memohon agar pihak Kementerian Pertahanan dan Kerajaan Malaysia menjelaskan secara terperinci kebimbangan-kebimbangan dan persoalan-persoalan yang diutarakan ini. Kita tidak mahu dokumen rahsia negara dijual beli sebegitu sahaja, mendatangkan kebimbangan dan kekhuatiran rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila, Yang Berhormat.

11.49 mlm.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kontrak perolehan dua kapal selam baru Scorpene telah ditandatangani pada 5 Jun 2002 oleh Kerajaan Malaysia dan Syarikat DCNS, Perancis dan Navantia, Sepanyol selaku pembekal kapal selam dan Perimekar Sdn. Bhd. sebagai *project services provider.* Jika nilai kontrak ini ialah EURO1.084 bilion, skop kontrak ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertamanya, antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat DCNS, Perancis dan Navantia, Sepanyol merangkumi perolehan dua kapal selam jenis Scorpene.

■2350

Pakej Integrated Logistic Support (ILS) dan latihan untuk warga kapal selam Scorpene nilai bahagian ini ialah EUR969.15 juta. Bahagian kedua antara Kerajaan Malaysia dengan Perimekar Sdn. Bhd. merangkumi perkhidmatan koordinasi dan sokongan kepada pasukan projek dan pelatih-pelatih kapal selam di Perancis dan Sepanyol. Nilai bahagian ini ialah EUR114.96 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dinyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pertahanan tidak pernah membayar sebarang bayaran komisen sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana syarikat dalam perolehan kapal selam *Scorpene*. Perolehan kapal selam tersebut telah dibuat secara runding terus selaras dengan tatacara perolehan kerajaan dengan syarikat pembuat iaitu Perancis dan Sepanyol yang telah mendapat persetujuan kerajaan masing-masing.

Kenyataan Ahli Parlimen Lembah Pantai bahawa dua buah kapal selam *Scorpene* dibeli oleh Thales International adalah tidak benar. Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai dakwaan penjualan dokumen yang dikatakan rahsia oleh syarikat Terasasi Hong Kong kepada syarikat Thint Asia atau Thales International yang didakwa bernilai EUR36 juta. Kementerian juga tidak mempunyai maklumat dakwaan bayaran secara berkala kepada Thint Asia kepada Syarikat Terasasi Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Lembah Pantai telah menyarankan supaya kerajaan dan Kementerian Pertahanan perlu mengambil beberapa langkah antaranya menjelaskan apakah benar maklumat dikesan keluar daripada Malaysia? Sepanjang pengetahuan Kementerian Pertahanan sehingga kini tiada maklumat yang dikesan keluar daripada Malaysia. Yang Berhormat Lembah Pantai juga ingin mengetahui sama ada Kerajaan Malaysia akan memohon untuk menjadi wakil pemerhati di Mahkamah Tribunal de Grande Istance Perancis untuk mendapat akses kepada kertas pembuktian yang dirujuk oleh SUARAM. Jawapan kami ialah Kerajaan Malaysia difahamkan tiada perbicaraan berlangsung di Perancis berhubung isu kapal selam *Scorpene*.

Justeru tidak timbul soal kerajaan akan memohon menjadi pemerhati. Yang Berhormat Lembah Pantai turut mencadangkan supaya ditubuhkan Suruhanjaya Bebas Diraja untuk menyiasat proses pembelian *Scorpene* jika terdapat unsur rasuah dan penjualan serta rahsia sulit negara. Sebagai jawapan kerajaan berpendapat tidak perlu menubuhkan Suruhanjaya Bebas untuk menyiasat pembelian kapal selam memandangkan pembelian kelengkapan Angkatan Tentera Malaysia dibuat mengikut tatacara pelaksanaan kontrak-kontrak perolehan peralatan pertahanan negara.

Ia melibatkan pelbagai peringkat kelulusan termasuk Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Rundingan Harga setelah penilaian yang teliti dibuat demi memastikan perolehan tersebut menepati keperluan Angkatan Tentera Malaysia. Selain daripada itu, rujukan juga dibuat kepada Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan kelulusan ke atas klausa-klausa kontrak tersebut. Semua terma dan kelulusan untuk rundingan terus dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

Yang Berhormat Lembah Pantai turut menyokong usaha Kerajaan Malaysia untuk mengadakan transformasi Parlimen agar Sistem Jawatankuasa Tetap Parlimen termasuk untuk pertahanan diwujudkan demi menjamin segala urusan penting kerajaan bebas dari rasuah dan pengkhianatan. Kerajaan berpendapat tidak perlu untuk menubuhkan Jawatankuasa Tetap Parlimen untuk pertahanan. Ini adalah kerana sebarang rancangan pembelian kelengkapan tentera adalah dinyatakan dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan yang mana dibahas dan diluluskan oleh Parlimen.

Proses perolehan aset juga adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti Arahan Perbendaharaan dan Tatacara Prosedur Kewangan. Manakala setiap perbelanjaan adalah tertakluk kepada pemeriksaan ataupun teguran Jabatan Audit Negara. Kerajaan juga berpandangan proses perolehan yang melibatkan kelengkapan pertahanan yang strategik tidak wajar dibincangkan secara terbuka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu 27 Jun 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.55 malam]